05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM PENJENAMAAN SEMULA PENDIDIKAN TINGKATAN ENAM DI MALAYSIA DARIPADA SISTEM TERMINAL KEPADA SISTEM MODULAR : SATU KAJIAN KES DI PERAK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MOHAMAD HASMUNI BIN MOHAMAD NOOR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM PENJENAMAAN SEMULA PENDIDIKAN TINGKATAN ENAM DI MALAYSIA DARIPADA SISTEM TERMINAL KEPADA SISTEM MODULAR: SATU KAJIAN KES DI PERAK

MOHAMAD HASMUNI BIN MOHAMAD NOOR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila Tanda (√)

Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus	√
Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **12 FEBRUARI 2019**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MOHAMAD HASMUNI BIN MOHAMAD NOOR, NO. MATRIK: M20121000293, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM PENJENAMAAN SEMULA PENDIDIKAN TINGKATAN ENAM DI MALAYSIA DARIPADA SISTEM TERMINAL KEPADA SISTEM MODULAR : SATU KAJIAN KES DI PERAK** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

_____

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. MOHD ASRI BIN MOHD NOOR** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM PENJENAMAAN SEMULA PENDIDIKAN TINGKATAN ENAM DI MALAYSIA DARIPADA SISTEM TERMINAL KEPADA SISTEM MODULAR : SATU KAJIAN KES DI PERAK** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian Mod B syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PERNIAGAAN)**.

_____ _____

Tarikh Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM PENJENAMAAN SEMULA PENDIDIKAN TINGKATAN ENAM DI MALAYSIA DARIPADA SISTEM TERMINAL KEPADA SISTEM MODULAR: SATU KAJIAN KES DI PERAK

No. Matrik /*Matric's No.*: M20121000293
Saya / *I* : MOHAMAD HASMUNI BIN MOHAMAD NOOR

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL*** Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/*RESTRICTED*** Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD/*OPEN ACCESS***

_____
(Tandatangan Pelajar/ Signature)
Tarikh: _____

_____
(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT atas keizinan-Nya jua disertasi ini berjaya disiapkan. Besar hasrat saya untuk menghasilkan satu dokumentasi ilmiah yang dapat memberi manfaat kepada dunia pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia. Demi minat yang mendalam berkhidmat dalam dunia pendidikan Tingkatan Enam, akhirnya disertasi ini berjaya dihasilkan walaupun terpaksa melalui pelbagai cabaran dan kekangan yang tidak diduga.

Terima kasih dan penghargaan kepada penyelia saya, Dr. Mohd Asri Bin Mohd Noor atas kesudian beliau menerima saya di saat akhir, memberi bantuan dan bimbingan serta banyak mempermudahkan urusan saya. Semoga Allah SWT mempermudahkan urusan harian beliau kelak. Saya juga memohon jutaan kemaafan atas segala kesilapan dan kesalahan yang saya pernah lakukan sepanjang tempoh penyeliaan di bawah beliau. Tidak lupa juga kepada Dr. Abdul Raheem Bin Mohamed Yusof selaku mantan penyelia yang memberikan bimbingan pada peringkat awal pengajian walaupun bersama beliau hanya di separuh perjuangan ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada kedua ibu bapa saya yang disayangi iaitu “ayah”, Encik Mohamad Noor Bin Pandak Harun dan “mak”, Puan Rukiah Binti Ibrahim. Mereka adalah inspirasi buat saya untuk meneruskan pengajian sehingga peringkat tertinggi selagi terdaya. Terima kasih atas berkat doa, dorongan, semangat dan segala pengorbanan.

Buat isteri yang tercinta, Wan Intan Norasyikin Binti Wan Mohamed Esa Azwin, insan yang sangat memahami dan sanggup bersama dalam mengharungi susah dan senang sehingga saya menamatkan pengajian ini. Terima kasih untuk segalanya. Semoga Allah SWT memberi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Seterusnya kepada seluruh ahli keluarga, ibu bapa mertua, pensyarah-pensyarah, guru-guru, sahabat-sahabat, rakan-rakan sekerja, anak-anak murid dan seluruh warga Pusat Tingkatan Enam SMK Raja Muda Musa yang banyak membantu dan memberikan kerjasama yang baik. Semoga Allah SWT mempermudahkan urusan hamba-hamba-Nya ini yang telah banyak mempermudahkan urusan saya sepanjang pengajian.

Insha Allah, segala ilmu dan pengalaman berharga yang diperoleh sepanjang pengajian peringkat sarjana ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan dijadikan pedoman dan pengajaran untuk saya meneruskan cita-cita ke peringkat Doktor Falsafah (PHD) pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Latar kajian ini merujuk kepada perubahan besar yang berlaku dalam pendidikan Tingkatan Enam apabila Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penjenamaan semula Tingkatan Enam pada tahun 2012. Tujuan kajian ini untuk mengenalpasti amalan pengurusan perubahan dalam pelaksanaan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam daripada sistem terminal kepada sistem modular. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Berdasarkan teori Kurt Lewin, beberapa elemen kajian seperti pelaksanaan, penerimaan dan kesediaan, rintangan perubahan, strategi menangani perubahan, faktor kejayaan perubahan serta keberkesanan perubahan digunapakai. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara teknik persampelan bertujuan melibatkan sembilan orang guru Tingkatan Enam di sebuah sekolah Pusat Tingkatan Enam di daerah Kuala Kangsar, Perak. Tiga instrumen kajian telah digunakan bagi pengumpulan data iaitu protokol temu bual, borang semak pemerhatian dan analisis dokumen. Data kualitatif dianalisis mengunakan analisis tematik yang diadaptasi daripada Braun & Clarke, analisis kandungan dan perbandingan konstan. Dapatan kajian menunjukkan proses elemen-elemen perubahan yang dirancang oleh pihak KPM telah dilaksanakan secara berperingkat dan berterusan. Masalah atau cabaran yang dikenal pasti sepanjang fasa peralihan berdasarkan temubual ialah bebanan bidang tugas, perubahan kandungan pengajian, kesediaan dan sikap murid, konflik guru arus perdana, isu pelantikan dan perjawatan, kewangan dan prasarana serta konflik pihak pentadbir. Masalah telah diatasi melalui beberapa strategi menangani perubahan yang dimainkan oleh pihak berkepentingan iaitu KPM, MPM, JPN, PPD, pihak pentadbir, guru Tingkatan Enam serta pihak luar seperti PIBG dan badan korporat. Berdasarkan dapatan kajian, faktor kejayaan perubahan dan penentu kepada keberkesanan perubahan adalah peranan guru Tingkatan Enam serta kewangan dan prasarana. Kesimpulannya, penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam ini didapati berjaya dilaksanakan dengan sokongan pihak berkepentingan secara berterusan dan telah memberi kesan yang positif kepada guru dan pelajar serta meningkatkan imej pendidikan Tingkatan Enam walaupun pihak KPM mengalami masalah kewangan yang kritikal untuk menyediakan keperluan bagi memenuhi dasar baharu ini. Implikasi kajian ini menyumbang kepada idea sokongan pengawalan dan pemantauan, pengupayaan JPN dan PPD, pembangunan guru, peningkatan prasarana dan pendokumentasian yang perlu diurus dengan terancang dan sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

CHANGE MANAGEMENT IN THE REBRANDING OF FORM SIX EDUCATION IN MALAYSIA FROM TERMINAL SYSTEM TO MODULAR SYSTEM : ONE CASE STUDY IN PERAK

ABSTRACT

The background of this study refers to the major changes taking place in Form Six education when the Ministry of Education Malaysia (MOE) has re-branding the Form Six in 2012. The purpose of this study is to identify the management practices of the change in the re-branding of Form Six education from the terminal system to the modular system. This study uses a qualitative approach with case study design. Based on Kurt Lewin's theory, several elements of the study such as implementation, acceptance and readiness, change in resistance, change management strategy, change success factor and the effectiveness of change have been applied. The selection of the subjects was done through purposive samplings technique involving nine form six teachers at a Form Six School Centre in the district of Kuala Kangsar. Three research instruments were used for data collection, interview protocols, observation checklists and document analysis. Qualitative data were analyzed using a thematic analysis adapted from Braun & Clarke, content analysis and constant comparison. The findings show that the elements of change planned by MOE have been implemented in stages and persistently. Identified problems or challenges indentified throughout the transitional phase based on interviews are the burden of job assignments, changes in content of study, readiness and attitudes of students, conflicts of mainstream teachers, issues of appointments and posts, finance and infrastructure and conflicts of administrators. Problems have been addressed through several change management strategies addressing changes being played by stakeholders namely KPM, MPM, JPN, PPD, administrators, Form Six teachers and outsiders such as PIBG and corporate organizations. Based on the findings of the study, the success factor of the change and the determinant of the effectiveness of change is the role of Form Six teachers and financial and infrastructure. In conclusion, the re-branding of Form Six education was successfully implemented with continuous stakeholder support and had a positive impact on teachers and students as well as improving the image of Form Six even though KPM experienced a critical financial constraint to provide the need to meet this new policy. Implications of this study contribute to the idea of regulatory and monitoring support, JPN and PPD capabilities, teacher development, infrastructure improvements and documentation that need to be managed in a planned and systematic way.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN		ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xiii
SENARAI SINGKATAN		xiv
SENARAI LAMPIRAN		xv
BAB 1	**PENDAHULUAN**	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Soalan Kajian	12
1.7	Kerangka Konseptual	13

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kepentingan Kajian 18

1.9 Batasan Kajian 21

1.10 Definisi Operasional 23

1.11 Rumusan 27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 28

2.1 Pengenalan 28

2.2 Pengurusan Perubahan dan Perubahan Pendidikan di Malaysia 29

2.3 Pengurusan Perubahan 31

2.3.1 Konsep, Teori dan Model Dalam Pengurusan Perubahan 34

2.4 Sistem Pendidikan Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia 45

2.4.1 Sejarah Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia 45

2.4.2 Penjenamaan Semula Pendidikan Malaysia Tingkatan Enam Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 47

2.4.3 Proses Perubahan Dalam Penjenamaan Semula Tingkatan Enam 49

2.4.4 Elemen Perubahan Dalam Penjenamaan Semula Tingkatan Enam 56

2.5 Kerangka Konsep Pendidikan Tingkatan Enam 61

2.6 Rumusan 63

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 64

3.1 Pengenalan 64

3.2 Reka Bentuk Kajian 65

3.3 Persampelan 66

3.4 Populasi dan Sampel Kajian 66

3.5 Lokasi Kajian 67

3.6 Instrumen Kajian 68

3.6.1 Instrumen Temu Bual 69

3.6.2 Instrumen Analisis Dokumen 74

3.6.3 Instrumen Pemerhatian 77

3.6.4 Penyelidik Sebagai Instrumen 80

3.7 Kaedah Pengumpulan Data 81

3.7.1 Kaedah Temu Bual 82

3.7.2 Kaedah Pemerhatian 85

3.7.3 Kaedah Analisis Dokumen 86

3.8 Kaedah Menganalisis Data 87

3.9 Prosedur Kajian 89

3.10 Kesahan Dan Kebolehpercayaan 91

3.10.1 Kesahan 91

3.10.2 Kebolehpercayaan 93

3.11 Etika Dan Kredibiliti Dalam Kajian 93

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.12 Kajian Rintis 95

3.13 Rumusan 99

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 100

4.1 Pengenalan 100

4.2 Profil Peserta Kajian 101

4.3 Bahagian B : Status Pelaksanaan, Penerimaan Dan Kesediaan 103

4.4 Bahagian C: Rintangan Perubahan 111

4.5 Bahagian D: Strategi Menangani Perubahan 126

4.6 Bahagian E: Faktor Kejayaan Perubahan 139

4.7 Bahagian F: Keberkesanan Perubahan 145

4.8 Bahagian G: Cadangan Penambahbaikan 154

4.9 Rumusan 161

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN 162

5.1 Pengenalan 162

5.2 Perbincangan 163

5.3 Implikasi Kajian dan Cadangan 197

5.4 Kesimpulan 201

RUJUKAN 203

LAMPIRAN 208

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Dasar-Dasar Yang Diperkenalkan Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia Menjelang Abad Ke-21	30
3.1	Instrumen Kajian	68
3.2	Instrumen Temu Bual Bahagian A: Profil Peserta Kajian	70
3.3	Instrumen Temu Bual Bahagian B: Status Pelaksanaan, Penerimaan dan Kesediaan	71
3.4	Instrumen Temu Bual Bahagian C: Rintangan Perubahan	72
3.5	Instrumen Temu Bual Bahagian D: Strategi Perubahan	72
3.6	Instrumen Temu Bual Bahagian E: Faktor Kejayaan Perubahan	73
3.7	Instrumen Temu Bual Bahagian F: Keberkesanan Perubahan	73
3.7	Instrumen Temu Bual Bahagian F: Keberkesanan Perubahan (Sambungan)	73
3.8	Instrumen Temubual Bahagian G: Cadangan Penambahbaikan	74
3.9	Sumber Dokumen Utama	75
3.9	Sumber Dokumen Utama (Sambungan)	76
3.10	Instrumen Pemerhatian Bahagian B: Status Pelaksanaan, Penerimaan dan Kesediaan	77
3.11	Instrumen Pemerhatian Bahagian C: Rintangan Perubahan	78
3.12	Instrumen Pemerhatian Bahagian D: Strategi Menangani Perubahan	78

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.13	Instrumen Pemerhatian Bahagian E: Faktor Kejayaan	79
3.14	Instrumen Pemerhatian Bahagian F: Keberkesanan Perubahan	79
3.14	Instrumen Pemerhatian Bahagian F: Keberkesanan Perubahan (Sambungan)	80
3.15	Dapatan Kajian Rintis	96
3.15	Dapatan Kajian Rintis (Sambungan)	97
3.16	Rumusan Kelemahan Yang Dikenalpasti dan Penambahbaikan	98
4.1	Rumusan Profil Peserta Kajian	101
4.1	Rumusan Profil Peserta Kajian (*Sambungan*)	102
4.2	Perancangan Sistem Pentaksiran Baharu STPM (Sistem Modular) Sesi 2012/2013	127
4.3	Inisiatif-Inisiatif Yang Dilakukan Oleh Guru Akademik Tingkatan Enam dan Sumbangan Pihak Luar	138

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Pengurusan Perubahan Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia	13
2.1	Analisis Tekanan Lapangan Kurt Lewin (Force Field Analysis)	36
2.2	Model Perubahan Lewin (Three Step Model of Change)	37
2.3	Kronologi Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia	53
2.4	Kerangka Konsep Pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia	62

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
GATE	Guru Akademik Tingkatan Enam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KTE	Kolej Tingkatan Enam
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
PKT6	Penolong Kanan Tingkatan Enam
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PTE	Pusat Tingkatan Enam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Protokol Temubual
B	Surat Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah Daripada Pihak Sekolah
C	Persetujuan Menjadi Peserta Kajian
D	Contoh Transkrip Temubual
E	Contoh Output Analisis Data Menggunakan Perisian Nvivo
F	Surat Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah Daripada BPPDP, KPM
G	Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah Oleh Jabatan Pendidikan Negeri
H	Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah Oleh Pejabat Pendidikan Daerah
I	Jadual Sesi Temujanji Dan Pemerhatian
J	Pola Jawapan Peserta Kajian Soalan Kajian
K	Surat Panggilan Ke Mesyuarat Pembentangan Proposal
L	Laporan Pemerhatian / Nota Lapangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang berkaitan dengan pengurusan perubahan dalam penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penyelidik cuba memperihalkan tentang permasalahan utama kajian yang telah dikenal pasti sepanjang proses perubahan dilaksanakan. Ini telah membawa kepada munculnya beberapa soalan kajian yang perlu dijawab hasil daripada tujuan dan objektif kajian yang dibentuk. Penyelidik membentuk kerangka konseptual berasaskan kepada model dan teori yang mendasari kajian ini. Bab ini juga akan menerangkan tentang batasan kajian, kepentingan kajian serta memberi pencerahan tentang beberapa istilah penting dalam definisi operasional kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Setiap organisasi di dunia ini sama ada organisasi perniagaan mahu pun bukan perniagaan tidak terlepas daripada dinamika persekitaran yang mendesak ke arah suatu perubahan. Begitulah yang perlu dilalui oleh pihak KPM, menjadikan polisi penjenamaan semula Tingkatan Enam sebagai salah satu agenda besar dalam transformasi pendidikan negara. Idea penjenamaan semula Tingkatan Enam di Malaysia bukanlah sesuatu yang baharu dilakukan oleh pihak KPM kerana episod proses perubahannya berlaku sejak tahun 2006 lagi (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012). Pelaksanaannya sehingga kini telah pun menjangkau lebih satu dekad dan ia adalah antara salah satu agenda besar KPM yang masih diteruskan sehingga kini. Pelan transformasi Tingkatan Enam ini dikatakan berjaya menampakkan hasil yang membanggakan (Utusan Malaysia, 28 Julai 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebelakangan ini masyarakat mula memperkatakan tentang pendidikan Tingkatan Enam yang semakin mendapat perhatian umum terutamanya liputan di media massa (Portal Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, 2010). Malah, ia hangat dibicarakan dalam kalangan warga pendidik di seluruh Malaysia (Blog Perkhidmatan Pelajaran, 2012). Pelan transformasi Tingkatan Enam dilancarkan bagi meningkatkan daya tarikan program berkenaan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi mengikuti pengajian di sekolah-sekolah yang ditawarkan. Penjenamaan semula ini dilakukan bagi mengubah persepsi umum yang melihat Tingkatan Enam sebagai pilihan kurang menarik bagi menyambung pengajian sebelum ke program ijazah pertama di institusi pengajian tinggi (Laporan Tahunan 2014 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, KPM, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya, beberapa desakan dan cadangan untuk mengadakan pembaharuan kepada sistem pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia sudah didengari seawal sekitar tahun 1990-an lagi. Buktinya apabila presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat ketika itu telah menyuarakan pandangan bahawa pendekatan baru Tingkatan Enam wajar dilaksanakan (Utusan Melayu, 16 April 1999). Usaha ke arah itu kian rancak bermula pada tahun-tahun 2000-an. Ia adalah implikasi daripada Akta Pendidikan 1996 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan 1999 yang membawa kepada kemunculan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) pada masa itu. Pada era ini, misi KPM adalah untuk membangunkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya selari dengan aspirasi negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Pihak KPM mula menyedari bahawa jumlah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menyambung pengajian di Tingkatan Enam semakin berkurangan berbanding dengan jumlah mereka yang memilih ke intitusi pendidikan tinggi yang lain. Berdasarkan data lepasan SPM 2009, hanya seramai 55845 (27.7%) murid yang mendaftar masuk ke Tingkatan Enam pada tahun 2010 berbanding seramai 201299 orang lepasan SPM yang layak dan murid yang tamat Tingkatan Enam pada tahun 2011 ialah seramai 48245 (24.0%) orang sahaja (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Wujudnya banyak institusi pendidikan prauniversiti di Malaysia menyebabkan pendidikan Tingkatan Enam menghadapi persaingan sengit, dengan itu memberi kesan terhadap bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran Tingkatan Enam semakin berkurangan (Mokhtar Pet, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikutan itu, KPM telah berjaya mengumpul dapatan bagi mengenal pasti beberapa isu yang melibatkan pendidikan Tingkatan Enam. Antara isu utama ialah murid lepasan SPM kurang minat ke Tingkatan Enam, murid lepasan SPM beranggapan pendidikan Tingkatan Enam sukar, pendidikan Tingkatan Enam bukan pilihan ibu bapa dan murid, dan kebanyakan guru Tingkatan Enam dikehendaki mengajar arus perdana di samping mengajar Tingkatan Enam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Manakala dapatan daripada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) pula mendapati faktor-faktor Tingkatan Enam tidak menjadi pilihan kebanyakan murid lepasan SPM disebabkan kerana beberapa persepsi negatif berikut iaitu Tingkatan Enam dijadikan pilihan terakhir dan tidak glamor; STPM bertaraf rendah, buang masa dan tidak ada masa depan; Tingkatan Enam merupakan tempat pelajar yang tercicir ke IPTA; STPM tiada kualiti; peluang masuk ke universiti tipis; sijil STPM tidak boleh diguna untuk mohon kerja; dan STPM tidak diiktiraf oleh universiti luar negara (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2017).

Rentetan itu, pihak KPM perlu mengubah persepsi masyarakat dengan cara memperkenalkan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam. Agenda KPM memberi nafas baru kepada sistem pendidikan Tingkatan Enam ini dapat dilihat dalam beberapa perancangan induk Kementerian Pendidikan Malaysia sebelum ini. Antaranya yang terawal, terdapat dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 di bawah RMK-9 yang terkandung dalam Teras 2: Membangun Modal Insan dan Teras 6: Melonjak Kecemerlangan Institusi Pendidikan. Ini disokong dengan satu kenyataan Datuk Alimuddin Mohd Dom, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia ketika itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Tingkatan Enam perlu dibezakan dengan menengah biasa kerana ia adalah peringkat yang lebih tinggi dalam sistem persekolahan. Pendidikan Pra-U di Tingkatan Enam seharusnya sama dengan persekitaran di Kolej Matrikulasi, IPG dan IAB yang sistem pembelajarannya sama seperti universiti.
>
> (Utusan Malaysia, 14 Jun 2008)

Usaha ke arah ini diteruskan lagi apabila ia dimasukkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA); telah dijadikan sebagai salah satu teras dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilancarkan pada tahun 2009 – kerajaan akan memberi tumpuan untuk meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan (Unit Komunikasi Korporat, KPM, 2009).

Hasrat ini menjadi semakin serius dilaksanakan apabila KPM melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memberi penekanan terhadap pemerkasaan Tingkatan Enam secara keseluruhan bagi merealisasikan Transformasi Pendidikan Negara. Ia melibatkan (i) penjenamaan semula STPM dan STAM, (ii) penambambahbaikan sistem, (iii) pengupayaan Murid sebagai persediaan ke universiti, (iv) kelonggaran pakaian seragam murid, dan (v) penubuhan Majlis Perwakilan Pelajar.

> Menjelang penghujung tahun 2013, Kementerian akan menjenamakan semula Tingkatan Enam dan STPM/STAM bagi menggalakkan lebih ramai murid mengikuti pilihan kelayakan tersebut. Usaha ini akan menjadikan kelayakan Tingkatan Enam setanding dengan program prauniversiti yang ditawarkan oleh institusi pendidikan swasta. Sekolah yang menawarkan Tingkatan Enam akan diberi kuasa membuat keputusan bagi memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengupayakan murid menjadi lebih bersedia bagi kemasukan ke universiti. Langkah yang akan diambil termasuk melonggarkan syarat bagi murid Tingkatan Enam dalam pemakaian pakaian seragam sekolah, membenarkan mereka menubuhkan Majlis Murid Tingkatan Enam yang mempunyai hak untuk menyuarakan pandangan mengenai aspek persekolahan mereka (kebajikan murid dan pelbagai aktiviti kokurikulum), dan memperkenalkan modul yang memerlukan murid menjalankan penyelidikan kendiri dan/atau bekerja dalam kumpulan untuk menjalankan kerja projek tertentu secara individu ataupun berpasukan.
>
> (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan yang direalisasikan ini sudah tentu memberikan hala tuju yang jelas kepada pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia iaitu persediaan murid ke institusi pengajian tinggi (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2014) dan memberi nafas baru kepada kelestarian dan keberterusan Tingkatan Enam agar terus relevan dengan arus perdana pendidikan negara kita (Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, 2009). Namun, transisi yang berlaku daripada fasa ke fasa ini sudah tentu menuntut kebijaksanaan pihak berkepentingan untuk mengurus cabaran yang dihadapi di setiap peringkat perubahan.

Usaha murni KPM ini dilihat telah menerima reaksi positif daripada masyarakat pada peringkat awal pelaksanaannya. Malah, pihak Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berpendapat bahawa sekarang merupakan masa yang tepat bagi kerajaan melakukan penstrukturan semula terhadap tingkatan enam supaya setaraf dengan pendidikan prauniversiti. Setiausaha Agungnya ketika itu mengatakan, usaha tersebut patut diberi perhatian kerana berdasarkan keperluan sekarang ia sangat relevan bagi mempertingkatkan sistem pendidikan Tingkatan Enam (Portal Kesatuan Perkhidmatan Perguruan, 2012).

Usaha merealisasikan polisi ini pernah ditangguhkan seketika pada tahun 2011. Akhirnya pada tahun 4 Januari 2012, menjadi satu catatan sejarah apabila sietem pendidikan Tingkatan Enam secara rasminya diberi penjenamaan semua berikutan daripada Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan pelaksanaan Sistem Pentaksiran Baharu STPM mulai sesi pengambilan 2012/2013. Sehingga kini, proses penjenamaan semula Tingkatan Enam menampakkan hasil positif. Namun, disebalik kejayaannya terselit pelbagai cerita yang perlu dibongkar agar boleh dijadikan sebagai panduan dan iktibar dalam melaksanakan sesuatu perubahan pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Penjenamaan semula Tingkatan Enam boleh dikatakan satu pelan tranformasi Tingkatan Enam yang berjaya dilaksanakan oleh KPM (Utusan Malaysia, 28 Julai 2015) berbanding dengan polisi lain seperti projek Sekolah Bestari pada tahun 1999 yang banyak berlaku kepincangan (Utusan Malaysia, 22 Disember 2000); Program Pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang dimansuhkan pada 2009 – merupakan satu kesilapan (Utusan Malaysia Julai 2009), dan tidak dapat dilaksanakan seperti yang dihasratkan (Utusan Malaysia, 19 Ogos 2009); dan program Sekolah Wawasan yang konsepnya menjadi mangsa polemik politik – ditolak keras oleh dua gabungan persatuan Cina, Dong Jiao Zhong dan Hua Zong (Utusan Malaysia, 19 Disember 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, disebalik pencapaian yang membanggakan ini, agenda penjenaman semula Tingkatan Enam ini tidak mungkin melalui perjalanan yang begitu mudah. Ada rahsia disebalik kelangsungan ini yang boleh dibongkar oleh penyelidik terutamanya tentang persoalan bagaimana pihak-pihak yang terlibat mengurus dan menangani perubahan melalui amalan pengurusan perubahan sehingga rintangan perubahan dapat diatasi. Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan bagi meneliti setiap proses perubahan yang berlaku sepanjang penjenamaan semula Tingkatan Enam dilaksanakan.

Isu yang menjadi permasalahan yang pertama ialah adakah pihak pelaksana di peringkat sekolah berjaya melaksanakan sepenuhnya elemen-elemen perubahan yang didirancang dalam penjenamaan semula ini. Ini kerana terdapat beberapa aduan dan rungutan daripada pihak guru yang disuarakan secara terang-terangan dalam media

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

massa (Blog Perkhidmatan Pelajaran, 2012) menunjukkan ada berlakunya permasalahan. Malah, masalah yang sering diperkatakan hampir sama berlaku di setiap sekolah Pusat Tingkatan Enam di seluruh negara sejak penstrukturan semula pengurusan Tingkatan Enam ini mula dikuatkuasakan pada 2008 (Kementerian Malaysia, 2012).

Seterusnya, perubahan sistem yang berlaku ini telah memberi impak kepada aspek perjawatan, peruntukan jadual waktu dan masa bekerja, keperluan dan kemudahan, pengurusan kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum, struktur organisasi, bidang tugas dan pengurusan penilaian dan pentaksiran (Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam, KPM, 2009). Timbul persoalan, bagaimana pihak guru sebagai pelaksana menghadapi dan mengurus semua elemen perubahan yang dijalankan dalam sistem modular.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, timbul juga isu bagaimana dengan penerimaan dan kesediaan pihak pelaksana di peringkat sekolah terhadap penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Perkara yang paling ketara berlaku apabila sistem pendidikan Tingkatan Enam berubah daripada sistem terminal kepada sistem modular telah menimbulkan reaksi yang berbeza dalam kalangan warga pendidik di sekolah. Ada yang menyambut baik terhadap pelaksanaan perubahan ini (Utusan Malaysia, 25 Disember 2014) malah ada juga yang memberi reaksi yang sebaliknya (Utusan Malaysia, 17 Januari 2013). Misalnya, Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam yang dikeluarkan pada 2009 telah menjadi satu isu kepada pihak sekolah pada masa itu. Garis panduan pengurusan ini menuntut pengasingan dari segi pengurusan dan ia telah mencetuskan kontroversi kepada fungsi pengurusan sekolah sedia ada. Timbul persoalan, bagaimana cara untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengubah minda guru-guru Tingkatan Enam dan juga warga sekolah dalam menerima dan bersedia dengan sebarang perubahan yang berlaku kesan daripada polisi ini.

Permasalahan yang seterusnya, timbul persoalan bagaimana pihak pelaksana di peringkat sekolah mengatasi setiap masalah dan cabaran yang muncul akibat perubahan sistem ini. Tidak semua sekolah mempunyai kemudahan yang baik untuk melaksanakan apa yang dituntut dalam garis panduan pengurusan. Dalam masa yang sama, KPM berdepan dengan tekanan untuk menarik minat murid lepasan SPM untuk kekal belajar di Tingkatan Enam berikutan kemunculan kolej swasta dan institusi kemahiran menyebabkan Tingkatan Enam menghadapi persaingan dalam memberi pendidikan yang menepati pasaran.

Berdasarkan kepada beberapa isu berikut, penyelidik tertarik untuk melakukan satu kajian tentang bagaimana pihak berkepentingan dalam penjenamaan semula Tingkatan Enam ini mengurus perubahan yang berlaku. Tambahan pula, ia berlaku di kebanyakan sekolah-sekolah Tingkatan Enam. Perkara ini menarik minat penyelidik untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan dan seterusnya mencari beberapa cadangan penyelesaian yang diharapkan dapat membantu pihak-pihak berkepentingan melakukan penambahbaikan secara berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Tujuan Kajian

Secara umumnya, tujuan kajian kes ini adalah untuk menilai dan memahami amalan pengurusan perubahan yang dilakukan oleh pihak KPM dalam melaksanakan polisi penjenamaan semula pendidikan tingkatan enam. Kajian ini cuba mendalami amalan pengurusan perubahan oleh pengurus/pelaksana perubahan mengikut setiap fungsi pengurusan (proses pengurusan) di sekolah-sekolah Tingkatan Enam di Malaysia. Penyelidik menumpukan kajian terhadap elemen-elemen dan proses perubahan, rintangan perubahan, strategi perubahan faktor-faktor kejayaan, keberkesanannya serta meninjau cadangan penambahbaikan dalam kalangan pihak pelaksana di peringkat sekolah.

Penyelidik menyandarkan kajian ini sebagai salah satu cara membantu pihak KPM menjayakan polisi "Penjenamaan Semula Tingkatan Enam" dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Sehubungan itu, penyelidik berusaha mewujudkan satu pendokumentasian dalam aspek pengurusan perubahan dan diharapkan ia boleh dijadikan salah satu sumber rujukan yang bermanfaat kepada pihak-pihak berkepentingan. Kajian ini berhasrat untuk mendedahkan kepada masyarakat secara telus tentang di cerita sebalik kejayaan pihak KPM melakukan penjenamaan semula dalam pendidikan Tingkatan Enam yang mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dibuat adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Meninjau status pelaksanaan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam sepanjang fasa peralihan sistem terminal kepada sistem modular.

2. Mengenal pasti rintangan-rintangan perubahan yang dihadapi sepanjang fasa peralihan sistem terminal kepada sistem modular dalam penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam.

3. Mengenal pasti strategi perubahan yang dilakukan oleh pihak pelaksana mengikut fungsi pengurusan bagi mengatasi rintangan perubahan yang berlaku sepanjang fasa peralihan sistem terminal kepada sistem modular dalam penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam.

4. Mendedahkan faktor-faktor kejayaan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam dalam mengurus proses perubahan sepanjang fasa peralihan sistem terminal kepada sistem modular

5. Meneliti keberkesanan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam sepanjang fasa peralihan sistem terminal kepada sistem modular berdasarkan pandangan, penerimaan dan kesediaan pihak pelaksana.

6. Meninjau cadangan penambahbaikan daripada pandangan pihak pelaksana untuk membantu kepada kejayaan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini dibuat untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

1. Sejauhmanakah elemen-elemen dan proses perubahan yang dirancang dalam penjenamaan semula Tingkatan Enam dapat dilaksanakan berdasarkan kepada tahap penerimaan dan kesediaan pihak sekolah?

2. Apakah rintangan-rintangan yang dihadapi sepanjang penjenamaan semula Tingkatan Enam dilaksanakan di peringkat sekolah?

3. Bagaimanakah pihak berkepentingan memainkan peranan dalam fungsi pengurusan masing-masing untuk memastikan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam terus berjaya dilaksanakan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Apakah faktor-faktor kejayaan.yang menyebabkan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam berjaya diteruskan walaupun mengahadapi rintangan perubahan?

5. Bagaimanakah pandangan pihak pelaksana terhadap keberkesanan usaha penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam oleh KPM?


6. Bagaimana dengan pandangan pihak pelaksana tentang cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pihak KPM yang untuk memastikan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam ini lebih berjaya?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual yang dibina adalah satu gagasan idea yang menunjukkan seluruh proses yang berlaku. Ia mampu menterjemahkan perkaitan antara soalan-soalan kajian dengan pencapaian objektif kajian. Penyelidik menjadikannya sebagai panduan yakni bukan hanya untuk memahami "apa" yang sebenarnya berlaku, malah untuk meneroka persoalan "mengapa" dan "bagaimana" fenomena penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia ini menjadi satu kes yang perlu dikaji.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Pengurusan Perubahan Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia. Diadaptasi daripada Lewin, 1951 dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori yang mendasari keseluruhan kajian ini diadaptasi daripada Teori Perubahan iaitu daripada Model Tiga Tahap Perubahan Lewin yang diasaskan oleh Kurt Lewin (1951). Berdasarkan kerangka konseptual ini, jelas menunjukkan tiga tahap perubahan seperti mana dalam Model Tiga Tahap Perubahan Lewin. Tiga tahap perubahan tersebut ialah (i) Pencairan (Unfreezing), (ii) Perubahan (Changing) dan (iii) Pembekuan (Refreezing). Komponen "Sistem Terminal (STPM Lama)" sebenarnya mewakili Tahap Pencairan (Unfreezing). Manakala, komponen "Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam" pula mewakili Tahap Perubahan (Changing), dan komponen "Sistem Modular (STPM Baharu)" pula mewakili Tahap Pembekuan (Unfreezing).

Merujuk model Lewin, pada Tahap Pencairan (Unfreezing) ini wujudnya kesedaran organisasi itu terhadap tindak balas persekitaran semasa yang dijangka memberi kesan kepada kelangsungan organisasi. Kesedaran yang timbul ini berpunca daripada adanya rangsangan-ransangan yang berfungsi sebagai faktor desakan atau tekanan untuk melakukan perubahan. Dalam konteks penjenamaan semula Tingkatan Enam ini, penyelidik meletakkan komponen "Sistem Terminal (STPM Lama)" mewakili peringkat Pencairan kerana pada tahap ini sistem pendidikan Tingkatan Enam masih mengamalkan sistem terminal yang telah berlangsung lebih 30 tahun. Namun, ia telah mendapat suatu ransangan ke arah perubahan. "Rangsangan Perubahan / Isu" yang dinyatakan dalam kerangka konseptual ini merupakan faktor desakan atau tekanan yang menyebabkan pihak KPM mengadakan penjenamaan semula Tingkatan Enam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikutan itu, penyelidik telah mengenal pasti terdapat persamaan daripada dapatan yang diperoleh oleh pihak KPM dan MPM tentang faktor desakan atau tekanan yang menjadi rangsangan perubahan / isu ke arah perubahan ini. Antara faktornya disebabkan oleh perkembangan sistem pendidikan global yang semakin dinamik. Ini membawa kepada inisiatif pihak kerajaan memperkenalkan Program Tranformasi Pendidikan Negara dengan tercetusnya pengenalan kepada satu polisi Penjenamaan Semula Tingkatan Enam yang dirancang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Faktor seterusnya ialah hasrat pihak KPM untuk melakukan penyesuaian ke atas sistem Tingkatan Enam dengan sistem di IPTA, dan juga selari dengan pendidikan prauniversiti yang lain seperti program Asasi dan Matrikulasi. Ini adalah untuk memastikan sistem pengajaran dan pembelajaran tingkatan enam selari dengan sistem di universiti agar pelajar tingkatan enam dibiasakan dengan persekitaran ala universiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Malah, dapatan MPM juga menunjukkan bahawa penjenamaan semula Tingkatan Enam ini dilaksanakan kerana faktor permintaan dan jangkaan daripada pelajar prauniversiti itu sendiri (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2011). Pengajian Tingkatan Enam kurang mendapat sambutan daripada lepasan SPM kerana mereka tidak berminat dengan iklim pengajaran dan pembelajaran masih lagi dalam persekitaran sekolah. Mereka juga menganggap pendidikan Tingkatan Enam ini agak sukar. Seterusnya, rangsangan perubahan juga berpunca daripada faktor persepsi masyarakat yang mana pendidikan Tingkatan Enam ini bukanlah pilihan ibu bapa untuk anak-anak mereka meneruskan pengajian pasca menengah (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012) Pihak MPM juga melaporkan bahawa terdapatnya desakan daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat supaya pendidikan Tingkatan Enam ini diberikan perubahan agar selari dengan perubahan zaman. Ini kerana sistem pendidikan Tingkatan Enam masih terikat dengan sistem di sekolah.

Pada peringkat Perubahan (Changing) pula, menyaksikan pihak organisasi bertindak melakukan program perubahan ke arah yang lebih baik. Model Lewin menerangkan bahawa sepanjang tempoh ini akan berlaku tindak balas atas perubahan yang berlaku dan ia akan menjadi masalah dan cabaran kepada organisasi. Dalam konteks penjenamaan semula Tingkatan Enam, pihak KPM telah memperkenalkan beberapa elemen perubahan dalam Sistem Modular yang dilaksanakan secara berperingkat sepanjang Fasa Peralihan (2012-2013). Dalam kerangka konseptual ini, penyelidik meletakkan komponen "Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam" mewakili Tahap Perubahan kerana terdapatnya elemen-elemen perubahan ketara diperkenalkan dalam Sistem Modular iaitu terdiri daripada (i) Kandungan Pengajian, (ii) Peperiksaan, (iii) Kaedah Pentaksiran, (iv) Aspek Kemahiran Insaniah, (v) Peluang Memperbaiki Keputusan, (vi) Standard Pengiktirafan dan (vii) Kadar Yuran. Elemen-elemen inilah yang mengalami "Proses Perubahan" menggantikan elemen-elemen yang terdapat dalam sistem STPM lama iaitu sistem terminal (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012)

Pada peringkat perubahan ini juga, penyelidik akan mendapatkan maklumat dari segi status pelaksanaan, penerimaan dan kesediaan yang berlaku secara realiti di peringkat pelaksana untuk dibandingan dengan apa yang telah dirancang oleh pihak KPM seperti dalam elemen-elemen perubahan sepanjang sistem modular. Ini akan menjawab kepada soalan kajian yang pertama. Sepanjang peringkat Perubahan juga akan berlaku suatu tindak balas dalam kalangan pihak pelaksana. Melalui tindak balas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

inilah pengkaji dapat mendedahkan tentang masalah atau cabaran yang mewakili komponen "Rintangan Perubahan" di mana akan menjawab soalan kajian yang kedua. Seterusnya, penyelidik akan menyiasat tentang bagaimana pihak pelaksana mencari resolusi bagi menangani rintangan tersebut. Tindakan ini mewakili komponen "Strategi Perubahan" yang dimainkan oleh pihak pelaksana dalam mengatasi masalah atau cabaran yang dihadapi.

Manakala, model Lewin ini menjelaskan pada Tahap Pembekuan (Refreezing), tingkah laku baru organisasi akan dibangunkan. Pihak organisasi akan mangamalkan elemen-elemen baharu yang diperkenalkan dalam proses perubahan. Pada peringkat ini, penambahbaikan akan dilakukan oleh organisasi bagi mencadangkan perubahan yang sepatutnya dilasanakan. Dalam konteks penjenamaan semula Tingkatan Enam, pihak KPM akan membuat penambaikan terhadap sistem modular yang diperkenalkan melalui daripada kelebihan dan kelemahan yang dikenalpasti sepanjang proses perubahan dilakukan. Pada peringkat ini, pihak KPM dapat mengetahui punca-punca kelangsungan polisi penjenamaan semula Tingkatan Enam ini yang diwakili oleh komponen "Faktor Kejayaan Perubahan" di mana ia dapat menentukan hasil akhir pelaksanaan iaitu mewakili komponen "Keberkesanan Perubahan".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi kebaikan kepada pihak-pihak berkepentingan seperti berikut:

1.8.1 Pihak KPM dan Pihak Yang Terlibat Dalam Pembentukan Polisi

Kajian ini diharapkan dapat membantu bahagian/agensi yang terlibat secara langsung dalam pembinaan konsep dan pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam. Pada pihak KPM, dapatan kajian ini dapat membantu menyalurkan data dan maklumat tentang maklum balas daripada pihak pelaksana di peringkat sekolah. Ini dapat membantu Unit Pengurusan Tingkatan Enam, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM mendapatkan maklum balas secara telus dan mengetahui situasi sebenar yang berlaku dalam pengurusan tingkatan enam di peringkat sekolah. Ia membantu pihak KPM dalam membuat penilaian hasil, cadangan penambahbaikan, pemantapan ataupun penyelarasan terhadap apa-apa sahaja yang berkaitan dengan polisi dan sistem yang telah dan bakal dijalankan.

Dengan adanya dapatan kajian ini, ia juga boleh dijadikan salah satu sumber rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam penjenamaan semula Tingkatan Enam seperti Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bagi membantu pihak ini memperhalusi semula setiap perancangan dan cadangan yang telah dilaksanakan dalam penjenamaan semula Tingkatan Enam sebelum ini. Ia dapat mempengaruhi kepada pembentukan perancangan akan datang serta usaha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidikan dan pembangunan secara berterusan apabila ingin membuat perubahan dan memperkenalkan dasar atau sistem baru dalam pendidikan terutamanya di peringkat sekolah.

1.8.2 Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Dan Pejabat Pendidikan Daerah

Kajian ini dapat membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mahupun Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) mengetahui situasi sebenar yang berlaku di sekolah-sekolah di bawah penyeliaannya. Melalui dapatan yang diterima, ia dapat membantu dalam pembuatan perancangan dan tindakan susulan di peringkat masing-masing. Maklum balas yang diterima daripada para guru dalam kajian ini secara tak langsung dapat menggerakkan usaha pihak JPN/PPD memberikan perhatian khusus dan membuat pemantauan terhadap perjalanan sistem modular dalam pengurusan Tingkatan Enam di setiap sekolah.

1.8.3 Pihak Guru, Pelajar Dan Masyarakat

Kajian ini juga mengumbang kepada pihak guru yang berperanan sebagai salah satu pihak pelaksana dalam polisi ini. Kajian ini memberi ruang kepada mereka menyuarakan pandangan secara telus terhadap apa yang berlaku sepanjang proses perubahan yang berlaku di sekolah. Pihak guru lebih dekat dengan pelajar yang menjadi sasaran kepada objektif polisi ini dan sememangnya mereka lebih mengetahu situasi sebenar sama ada kelebihan atau kelemahan yang dialami. Oleh itu, mereka juga berpeluang untuk mencurahkan idea-idea bernas untuk membantu dalam usaha penambahbaikan sistem sedia ada yang disalurkan dalam kajian ini. Selain itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendedahan dapatan kajian ini diharapkan boleh mengubah dimensi motivasi dan budaya bekerja yang lebih produktif dalam kalangan guru yang terlibat setelah sistem pendidikan Tingkatan Enam ini diberikan nafas baru.

Kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada usaha mengubah persepsi dalam kalangan pelajar dan juga masyarakat terhadap sistem pendidikan Tingkatan Enam sebelum ini. Mereka menganggap sistem pendidikan tingkatan enam terlalu klasik atau tidak mengikut keperluan semasa. Malah, pelajar dan masyarakat disogokkan dengan stigma yang mengatakan STPM terlalu sukar. Oleh itu, kajian ini membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang benar dan tepat tentang sistem pendidikan Tingkatan Enam yang telah diberikan penjenamaan semula ini. Maklumat yang terkini dan tepat perlu disalurkan kepada pelajar dan masyarakat supaya mereka mengetahui perkara yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan Kajian

Walaupun tajuk kajian ini mengkaji perubahan yang berlaku kepada sistem pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia, penyelidik akan lebih sedar tentang realiti kajian serta kesan dan sumbangannya dengan mengetahui batasan kajian (Othman Lebar, 2014). Oleh itu, kajian ini terbatas kepada populasi guru-guru Tingkatan Enam di daerah Kuala Kangsar di negeri Perak sahaja. Peserta kajian dipilih dalam kalangan guru Tingkatan Enam di sebuah Pusat Tingkatan Enam Mod 2 yang satu-satunya terdapat di daerah tersebut selepas pihak KPM telah melakukan pemusatan sekolah-sekolah Tingkatan Enam bermula pada tahun 2014. Oleh itu, bilangan sampel kajian yang terhad ini tidak mewakili guru-guru Tingkatan Enam di seluruh Malaysia.

Kajian ini juga terbatas berikutan tumpuan penyelidik hanya menterjemahkan hasil dapatan melalui sudut pandang bidang pengurusan perubahan iaitu dalam konteks ilmu pengurusan perniagaan sahaja. Pandangan juga dikumpul daripada satu pihak berkepentingan sahaja iaitu dalam kalangan guru tingkatan enam sebagai pihak pelaksana di peringkat sekolah. Ia tidak mengambil kira aspek demografi lain guru-guru Tingkatan Enam. Penyelidik menghasilkan dapatan kajian dengan bergantung sepenuhnya kepada kerjasama peserta kajian dalam memberikan maklum balas yang jujur tanpa dipengaruhi oleh orang lain.

Selain itu, kajian ini terbatas dengan jangka masa. Penyelidik hanya menumpukan kajian dalam tempoh masa tertentu sepanjang proses penjenamaan semula tigkatan enam. Skop kajian hanya tertumpu kepada fasa peralihan sistem terminal kepada sistem modular iaitu Fasa 2 sahaja walaupun secara umumnya proses penjenamaan semula ini boleh dikaji dalam tiga fasa. Tiga fasa tersebut ialah (i) Fasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1: 2008-2011 (Penstrukturan Pengurusan Tingkatan Enam), (ii) Fasa 2: 2012-2013: (Sistem Modular), dan (iii) Fasa 3: 2014-2016: (Pemerkasaan Pengurusan Tingkatan Enam). Malah, ini tidak termasuk fasa yang boleh dibentuk seterusnya iaitu Fasa 4: 2017- terkini). Pengecilan atau penumpuan kepada satu fasa sahaja bertujuan supaya penyelidik dapat menjelaskan sesuatu cerita perubahan itu dengan lebih mendalam.

Kajian ini juga difokuskan kepada enam aspek sahaja selari dengan objektif dan soalan kajian. Aspek yang hanya dikaji tersebut ialah (i) elemen-elemen perubahan dan proses perubahan, (ii) rintngan perubahan (iii) strategi menangani perubahan, (iv) faktor kejayaan perubahan, (v) keberkesanan perubahan, dan (vi) cadangan penambahbaikan yang mana ia hanya membataskan kepada beberapa perubahan dalam fungsi pengurusan sahaja. Aspek-aspek lain yang membawa kepada kemungkinan perubahan terhadap perkara-perkara lain seperti perubahan terhadap gaya pengajaran dan pembelajaran, gaya kepimpinan mahu pun motivasi pelajar dan guru tidak dibincangkan secara khusus dalam kajian ini. Dapatan dan perbincangan dalam kajian ini bukanlah sesuatu muktamad tetapi ianya boleh diperbanyakkan dari semasa ke semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Operasional

Pengurusan Perubahan

Pengurusan merupakan satu set aktiviti (termasuk perancangan dan pembuatan keputusan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan) yang diarahkan oleh sumber organisasi (manusia, kewangan, fizikal dan maklumat), dengan tujuan mencapai matlamat organisasi melalui kecekapan dan keberkesanan (Daft, 2015; Griffin, 2014; Jones George, 2013). Manakala, istilah perubahan secara dasarnya bermaksud melakukan perbezaan terhadap sesuatu perkara seperti memberi perbezaan kedudukan, bidang atau arah tuju. Perubahan merupakan proses menyebabkan fungsi, amalan, atau benda menjadi berbeza berbanding dengan apa yang ada pada masa ini atau apa yang ia adalah pada masa lalu (BusinessDictionary.com, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, pengurusan perubahan merujuk kepada satu proses langkah demi langkah di mana pelaksanaan perubahan dirancang dengan teliti dan diuruskan melalui langkah-langkah tertentu pada garis masa yang ditetapkan. Ia juga disifatkan sebagai proses, alat dan teknik untuk menguruskan sisi perubahan manusia untuk mencapai hasil perniagaan yang diperlukan. Pengurusan perubahan adalah disiplin yang memberi panduan bagaimana kita menyediakan, melengkapkan dan menyokong individu-individu untuk berjaya menerima perubahan dalam usaha untuk memacu kejayaan organisasi dan hasil (Prosci, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapat dirumuskan bahawa pengurusan perubahan merupakan satu cara bagaimana sesebuah organisasi bertindak balas terhadap perubahan yang dibuat ke atas manusia, sistem, struktur atau teknologi dalam organisasi sedia ada kepada cara yang baharu bagi memenuhi keperluan perubahan semasa untuk mencapai objektif organisasi. Dalam konteks kajian ini, pengurusan perubahan merujuk kepada cara pihak berkepentingan termasuklah pihak KPM dan pihak pelaksana di sekolah mengurus perubahan yang dirancang dan menangani cabaran disebabkan oleh perubahan yang berlaku terhadap sistem pendidikan tingkatan enam daripada sistem terminal kepada sistem modular.

Penjenamaan Semula

Istilah penjenamaan berasal daripada kata dasar “jenama”. Manakala, penjenamaan ditakrifkan sebagai pemberian jenama (nama tertentu) kepada sesuatu barang yang dihasilkan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dalam erti lain, penjenamaan ialah proses menggunakan nama, istilah, simbol, tanda, atau reka bentuk untuk memberi identiti kepada sesuatu produk. (Amstrong & Kotler, 2011).

Penjenamaan semula pula boleh dirumuskan sebagai satu tindakan sesebuah organisasi memberikan nama baru kepada produk/perkhidmatan yang sedia ada atau nama baru kepada produk atau pun status quo pada strukturnya, ataupun melalui rombakan yang telah mengalami penambahbaikan (proses tambah nilai). Penjenamaan semula juga adalah satu proses mencipta semula nama, simbol, logo, tema atau kombinasi tersebut agar dapat memperkukuhkan lagi jenama tersebut dalam pasaran iaitu ia akan dilihat lebih berbeza dari produk sedia ada dan juga produk pesaing lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, dalam konteks kajian ini, penjenamaan semula yang dimaksudkan adalah suatu usaha pihak KPM membawa perubahan kepada sistem pendidikan Tingkatan Enam yang bersifat konvensional sebelum ini iaitu memperkenalkan sistem modular bagi menggantikan sistem terminal. Penjenamaan semula ini dibuat untuk memperkasa pendidikan tingkatan enam dengan harapan dapat meningkatkan imej, sistem, dan kualiti pendidikan setaraf dengan pendidikan lepasan menengah yang lain selepas SPM, mengubah persepsi masyarakat terhadap pendidikan Tingkatan Enam, serta membangun dan memupuk nilai kebolehpasaran yang tinggi dalam kalangan murid tingkatan enam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Pendidikan Tingkatan Enam

Tingkatan Enam boleh dikenali sebagai pendidikan pasca menengah atau pengajian prauniveristi yang mana pelajarnya perlu mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Ia merupakan suatu peringkat peralihan pelajar daripada tahap pendidikan menengah (pendidikan sekunder) kepada tahap pengajian tinggi (pendidikan tertier) iaitu setelah tamat menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Tingkatan 5. Dalam laluan pendidilan di Malaysia, Tingkatan Eanam dikategorikan dalam lepas menengah / tertiari iaitu salah satu daripada laluan akademik selain daripada program Matrikulasi, STAM, IPG, Kolej Komuniti dan Politeknik yang berada di bawah KPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem Terminal

Sistem terminal dalam STPM lama merupakan satu sistem pendidikan Tingkatan Enam yang dikendalikan berdasarkan kepada tempoh pengajian selama stu setengah tahun. Tempoh pengajian ini terdiri daripada Tingkatan Enam Bawah yang meliputi penggal kedua tempoh persekolahan, dan tingkatan enam atas yang meliputi penggal pertama dan penggal kedua tempoh persekolahan. Peperiksaan bagi pengajian Tingkatan Enam adalah untuk mengukur dan menilai pencapaian pelajar yang dilaksanakan keseluruhannya melalui peperiksaan STPM pada penghujung pengajian, iaitu pada bulan November hingga Disember. Pengukuran dan penilaian pencapaian pelajar dijalankan sepenuhnya melalui peperiksaan STPM pada bulan November hingga Disember (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem Modular

Sistem modular dalam STPM Baharu merupakan satu sistem pengajian Tingkatan Enam yang mana pengajiannya berasaskan konsep semester (tiga semester dalam tempoh satu setengah tahun). Setiap semester mempunyai peperiksaan, tanpa mengambil kira semester sebelum.

Pengurusan Tingkatan Enam

Pengurusan Tingkatan Enam melibatkan pihak pentadbir di sekolah Pusat Tingkatan Enam yang terdiri daripada pengetua, Penolong Kanan Tingkatan Enam (PKT6), Ketua Unit Kurikulum, Ketua Unit hal Ehwal Murid, Ketua Unit Kokurikulum dan Guru Kokurikulum Tingkatan Enam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru Akademik Tingkatan Enam

Guru Akademik Tingkatan Enam (GATE) merupakan jawatan naik pangkat bagi guru-guru yang mendapat pelantikan jawatan hakiki (DG44 ke atas) mengajar Tingkatan Enam.

Arus/Aliran Perdana

Arus/Aliran Perdana ialah istilah yang merujuk kepada sistem persekolahan menengah yang terdiri daripada murid tingkatan satu hingga tingkatan lima.

1.11 Rumusan

Pernyataan masalah yang muncul daripada apa yang berlaku dalam sistem pendidikan Tingkatan Enam membolehkan penyelidik mencetuskan sesuatu isu atau kes baharu untuk dikaji. Berikutan itu, penyelidik didorong untuk merangka tujuan, objektif dan soalan kajian dengan lebih spesifik. Melalui garapan tersebut, penyelidik dapat menstruktur satu kerangka teori kajian seterusnya berjaya membentuk satu kerangka konseptual bagi menggambarkan secara menyeluruh. Ia adalah berkaitan dengan teori-teori dan konsep yang mendasari kajian melalui sumber daripada bidang pendidikan (transformasi pendidikan/penjenamaan semula Tingkatan Enam), dan juga bidang pengurusan perniagaan (pengurusan perubahan dan penjenamaan semula). Pengkaji akan mengolah sumber-sumber daripada bidang yang tersebut pada peringkat yang seterusnya iaitu dalam bab sorotan literatur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bab ini merangkumi beberapa sorotan ilmiah yang berkaitan dengan pengurusan perubahan dalam penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia. Dalam bahagian pertama, penyelidik membincangkan tentang pengurusan perubahan dan hubungannya dengan perubahan pendidikan di Malaysia. Bahagian kedua pula, perbincangan diberikan kepada konsep, teori dan model yang disokong oleh kajian-kajian lepas daripada luar dan dalam negara, Manakala bahagian ketiga, difokuskan kepada perbincangan tentang sistem pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia dan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan mendedahkan tentang sejarah, perkembangan, elemen-elemen perubahan dan kerangka konsepnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Pengurusan Perubahan dan Perubahan Pendidikan di Malaysia

Malaysia yang kini telah memasuki fasa terakhir (fasa ketiga: 2011-2020) Wawasan 2020 terpaksa berdepan dengan cabaran dan tekanan yang lebih besar dalam menangani persaingan di luar jangkaan pada abad ke-21. Impak globalisasi yang berlaku terhadap daya saing ekonomi negara telah menyaksikan kerajaan komited menjadikan pendidikan sebagai salah satu wadah yang dilihat berkesan untuk menghasilkan sumber tenaga kerja berpotensi tinggi yang mampu memacu pembangunan secara berterusan. Ini kerana Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri, iaitu mencapai kemajuan seimbang daripada segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan.

Berikutan daripada itu, negara memerlukan sistem pendidikan yang mampu berfungsi secara berkesan yang dapat menjayakan empat tunggak transformasi negara di bawah Model Baru Ekonomi yang dilancarkan pada tahun 2010 iaitu Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar (Unit Perancang Ekonomi, 2013). Perdana Menteri Malaysia ke-5 pada masa itu, memperakui bahawa pendidikan merupakan penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara (Laporan Awal Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2012).

Sejajar dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan satu kerangka pembangunan yang menyeluruh melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2025 bagi melaksanakan transformasi sistem pendidikan untuk menjamin kualiti serta keberhasilan modal insan yang berpengetahuan dan berdaya saing agar setanding pada peringkat global. Pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penghujung abad ke-20 dan bermula abad ke-21, menyaksikan KPM begitu proaktif melancarkan beberapa siri perubahan berimpak tinggi terhadap sistem pendidikan negara seperti dalam **Jadual 2.1** dalam usaha menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia kepada masyarakat Malaysia.

Jadual 2.1

Dasar-Dasar Yang Diperkenalkan Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia Menjelang Abad Ke-21

Bil	Dasar Yang Diperkenalkan	Tahun
1	Sekolah Bestari	1999
2	Sijil Terbuka Peperiksaan SPM	2000
3	Kolej Komuniti	2001
4	Sekolah Wawasan	2002
5	Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik dan Sains Dalam Bahasa Inggeris (PPMSI)	2003
6	Pendidikan J-QAF	2005
7	Sekolah Kluster Kecemerlangan	2007
8	Program Literasi dan Numerasi (LINUS)	2009
9	Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)	2010
10	Sekolah Amanah	2010
11	Penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	2011
12	Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah, (PBS/SPBS) bagi Tahun 1	2011
13	Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah, (PBS/SPBS) bagi Tingkatan 1	2012
14	Penjenamaan Semula Tingkatan Enam	2012
15	Transformasi Pendidikan Kolej Vokasional	2013
16	Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)	2014

(Sumber daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malah, pendidikan pasca menengah juga tidak ketinggalan dalam agenda transformasi pendidikan negara. KPM mengorak langkah membawa perubahan secara holistik dan terancang dengan memperkenalkan polisi Penjenamaan Semula Tingkatan Enam sebagai satu usaha memperkasakan sistem pendidikan prauniversiti di Malaysia. Ia terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 – penjenamaan semula Kolej Matrikulasi dan Tingkatan Enam; merupakan salah satu daripada 25 inisiatif (membantu 11 anjakan mentransformasikan sistem pendidikan) yang menjadi keutamaan dalam fasa 2013-2015. Sehubungan itu, perubahan yang dilakukan dalam pendidikan seperti ini sudah tentu mempunyai implikasinya yang tersendiri. Ia tidak dapat lari daripada berhadapan dengan pelbagai cabaran yang perlu diurus dengan bijaksana oleh semua pihak berkepentingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Pengurusan Perubahan

Pengurusan dan perubahan adalah sinonim (Robert A. Paton & James McCalman, 2000) kerana perubahan memberi kesan kepada setiap aspek kehidupan. Perubahan berlaku di setiap peringkat organisasi, termasuklah dalam sektor perniagaan, bukan perniagaan, dan sektor awam, malah perubahan dengan organisasi sering berlaku serentak (Burnes, 2009). Oleh itu, pendekatan proaktif terhadap perubahan perlu diambil sebagai satu-satunya cara untuk menjaga masa depan, sama ada bagi individu atau organisasi (Robbert Heller, 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Istilah pengurusan itu sendiri merujuk kepada proses atau aktiviti melibatkan manusia dan sumber-sumber untuk mencapai matlamat organisasi (Bateman & Snell, 2013; Pride, 2013; Boone & Kurtz, 2011) dengan mengintegrasikan kerja-kerja manusia melalui perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, dan pengawalan (Angelo Kinicki & Brian K.Williams, 2013; Daft, 2013; Don Hellriegel (2008) serta melibatkan pembuatan keputusan menggunakan sumber-sumber organisasi seperti manusia, kewangan, fizikal dan maklumat (Griffin, R.W, 2014) agar organisasi lebih cekap dan berkesan (Jones & George, 2013; Kinicki & Williams, 2013).

Manakala takrifan perubahan secara dasarnya bermaksud suatu keadaan membuatkan sesuatu atau seseorang menjadi berbeza atau lain, iaitu sebagai pergerakan, perpindahan atau peralihan daripada satu keadaan kepada keadaan yang berbeza. Istilah ini disokong oleh Sufean Hussin (2004) yang mengatakan perubahan mempunyai erti atau konotasi peralihan, anjakan, transformasi, inovasi, adaptasi, atau reformasi; dan kesemua istilah ini merujuk kepada keadaan yang terubah daripada keadaan yang sedia ada kepada suatu keadaan yang lebih baik dan maju.

Umumnya, pengurusan perubahan seperti yang dicadangkan oleh ramai sarjana memfokuskan kepada penambahbaikan amalan dan iklim sesebuah organisasi. Oleh itu, Connor (2013) mendefinisikan pengurusan perubahan itu sebagai satu set prinsip, teknik dan preskripsi yang digunakan manusia dalam aspek melaksanakan inisiatif perubahan dalam sesebuah organisasi – fokusnya bukan kepada apa yang berubah, tetapi bagaimana penyelesaian yang akan dilaksanakan daripada implikasi yang mempengaruhi mereka (p.13).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, Harrington, Conner dan Horney (2000) mentakrifkannya sebagai aplikasi sains tingkah laku kepada membuat keputusan, perancangan, pelaksanaan dan fasa penilaian proses perubahan, semua memberi tumpuan kepada pengurusan gangguan-gangguan yang terdapat semasa melaksanakan perubahan. Ini kerana ia adalah mengenai menilai, merancang dan melaksanakan operasi, taktikal dan strategik "perjalanan" dan mengenai sentiasa memastikan perjalanan adalah berbaloi dan destinasi adalah berkaitan (Robert A. Paton & James McCalman, 2000). Tujuannya adalah untuk meningkatkan lagi kejayaan pelaksanaan sesuatu projek dengan menangani aspek perubahan manusia. (Izani Ibrahim, 2013).

Berikutan itu, tindakan mengurus perubahan itu boleh dianggap sebagai merancang pelaksanaan inovatif untuk menangani keperluan organisasi dan keperluan dan kelestarian organisasi. Akan tetapi menguruskan proses perubahan pula merupakan satu tugas yang penting bagi meningkatkan kualiti dan penyampaian yang sistematik dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam organisasi pendidikan (Simin Ghavifekr, 2013).

Oleh itu, penyelidik merumuskan bahawa pengurusan perubahan adalah suatu cara organisasi bertindak balas dengan sesuatu perubahan supaya terus kekal berdaya saing dan berkembang serta mendapat hasil yang terbaik berbanding keadaan yang sebelumnya. Dalam konteks mengurus dan menangani perubahan di sekolah pula, ia merujuk kepada bagaimana pihak pelaksana di sekolah mengendalikan dengan teratur dan sempurna serta menjadikan perbezaan yang diingini menjadi realiti demi mempertingkatkan kualiti dan keberkesanannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1 Konsep, Teori dan Model Dalam Pengurusan Perubahan

Rangsangan Perubahan

Kepekaan terhadap trend semasa dan pendesak-pendesak perubahan dapat membantu untuk menjangka apa perubahan organisasi akan diperlukan (Phillips & Gully, 2014). Sesuatu perubahan itu sudah tentu berpunca daripada suatu rangsangan yang menjadi faktor pendesak untuk melakukan perubahan yang diingini. Kebanyakan para sarjana menemui dua faktor umum yang menjadi rangsangan kepada berlakunya perubahan, iaitu tekanan dalaman dan tekanan luaran.

Tekanan dalaman yang menjadi rangsangan perubahan melibatkan persekitaran tugas (Griffin, 2014) iaitu berlaku dalam organisasi itu sendiri (Partridge (2007). Antaranya ialah kreativiti pekerja dalam menjana idea yang berguna untuk organisasi, merosotnya keberkesanan, berlakunya krisis pengurusan dan perubahan jangkaan pekerja (Nelson & Quick, 2013), strategi organisasi, perubahan organisasi (Griffin, 2014), tindakan pengurusan atasan, kapasiti berlebihan, perubahan belanjawan, masalah kekurangan bakat, dan pertumbuhan (Phillips & Gully, 2014).

Manakala, rangsangan perubahan datang daripada tekanan luaran melibatkan persekitaran umum (Griffin, 2014) seperti perkembangan teknologi (Ab. Azizi, 2008; Richard Newton, 2007), politik dan perundangan (Plillips & Gully, 2014; Griffin, 2014; Richard Newton, 2007), persaingan (Plillips & Gully, Griffin, 2014), ekonomi (Griffin, 2014; Robbert Heller, 1998), sosial (Griffin, 2014; Robbert Heller, 1998; Richard Newton, 2007), permintaan pengguna (Plillips & Gully, 2014; Richard Newton, 2007), globalisasi (Plillips & Gully, 2014; Nelson dan Quick, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori dan Model Perubahan Kurt Lewin

Secara teoritikalnya, kajian penyelidik merujuk kepada teori dan model yang diasaskan oleh Kurt Lewin. Teori dan model klasik Lewin ini sebenarnya telah menjadi rujukan utama oleh ramai sarjana dalam bidang pengurusan perubahan seperti mana dalam penulisan Cummings, Bridgman, dan Brown (2015).


> Kurt Lewin is widely considered the founding father of change management, with his unfreeze–change–refreeze or 'changing as three steps' (CATS) regarded as the 'fundamental' or 'classic' approach to, or classic 'paradigm' for, managing change (Robbins and Judge, 2009: 625; Sonenshein, 2010: 478; Waddell, 2007: 22). The study of change management has subsequently 'followed Lewin' (Jeffcutt, 1996: 173), 'the intellectual father of contemporary theories' (Schein, 1988: 239). CATS has subsequently 'dominated almost all western theories of change over the past fifty years' (Michaels, 2001:116). Academics claim that all theories of change are 'reducible to this one idea of Kurt Lewin's' (Hendry, 1996: 624), and practitioners boast that 'the most powerful tool in my toolbox is Kurt Lewin's simple three-step change model' (Levasseur, 2001: 71).
>
> (Cummings, Bridgman, dan Brown, 2015, p.2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika dikaitkan dengan teori Analisis Tekanan Lapangan Kurt Lewin 1974 (Force Field Analysis), Lewin mengatakan semua gelagat yang terdapat dalam organisasi adalah datang daripada dua bentuk tekanan, iaitu (i) tekanan menahan (restraining forces) – akan menarik daripada arah perubahan tersebut, cuba untuk mengelak perubahan itu berlaku dan mempertahankan status quo dan (ii) tekanan memacu (driving forces) – tekanan menganjak ke arah perubahan dan membantu usaha perubahan. Ia seakan-akan mencapai keseimbhangan (quasi-equilibrium) walaupun menghadapi tekanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Analisis Tekanan Lapangan Kurt Lewin (Force Field Analysis).
Sumber: Kurt Lewin, 1974

Model ini bertujuan untuk mengenalpasti semua tekanan dalam persekitaran bagi membolehkan agen perubahan mengambil tindakan untuk meningkatkan tekanan memacu supaya perubahan dapat dicapai. Individu atau organisasi dapat meramal tekanan persekitaran dengan menentukan kekuatan tekanan yang bertindak ke atas organisasi dan keperluan untuk berubah. Tekanan ini lebih kepada persepsi individu atau organisasi terhadap tekanan. Maka, sekiranya organisasi itu melakukan perubahan bermakna organisasi itu ingin mengurangkan tekanan untuk mempertahankan status quo atau membangunkan usaha untuk melakukan perubahan (Ab. Aziz, 2008).


Oleh itu, dalam membawa perubahan, model Lewin ini juga berguna bagi individu atau organisasi mengenalpasti pelbagai tekanan yang dapat membantu kita mencapai satu keadaan yang baru. Di samping itu kita dapat mengenalpasti juga tekanan-tekanan yang menghalang. Dengan mengurangkan tekanan yang menahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau meningkatkan tekanan memacu kita dapat menganjakkan garisan seakan-akan seimbang ke arah garisan yang di ingini.

Menurut Kurt Lewin, seseorang yang ingin mengadakan perubahan harus memiliki konsep tentang perubahan yang tercantum dalam tahap proses perubahan agar proses perubahan tersebut menjadi terarah dan mencapai tujuan yang ada. Berdasarkan Model Perubahan Lewin (Three Step Model of Change), proses perubahan terbahagi kepada tiga tahap iaitu tahap pencairan (unfreezing), tahap perubahan (changing), dan tahap pembekuan (refreezing).



Rajah 2.2. Model Perubahan Lewin (Three Step Model of Change). Sumber daripada Kurt Lewin, 1951

Tahap Pencairan (unfreezing) – pada peringkat ini wujudnya kesedaran dalaman oleh organisasi terhadap kepentingan melakukan perubahan. Organisasi sedar keadaan sedia ada tidak akan berkekalan dan perlu "mencairkan kebekuan" seperti keselesaan, pengulangan kerja, tradisi dan status quo melalui tekanan, desakan atau ancaman yang menjadi sebagai satu rangsangan ke arah perubahan. Tindakan ini perlu dilakukan untuk menyelamat organisasi yang sedang berhadapan dengan perubahan baharu yang kompleks lagi mencabar (Ab. Aziz, 2008). Maka, organisasi akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berusaha membangkitkan kesedaran dalam kalangan subordinat dan tindakan ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana ada yang menerima dan bersedia malah ada yang menolak perubahan kerana kebimbangan terhadap kedudukan akan datang. Pada tahap ini, organisasi harus memiliki motivasi yang kuat untuk berubah dari keadaan keseimbangan sedia ada dengan persediaan yang teliti.

Tahap Perubahan (changing) – pada tahap ini sudah berlakunya perubahan atau mula ada perkembangan ke arah sesuatu yang baharu. Proses perubahan tahap ini dapat terjadi apabila seluruh subordinat memiliki informasi yang cukup, sikap dan kemampuan untuk berubah, memahami masalah serta mengetahui langkah-langkah dalam menyesuaikan masalah. Organisasi perlu memberi tumpuan kepada keperluan, pembelajaran dan pembinaan budaya dan gelagat baharu dalam kalangan subordinat yang telah mula bersedia dan menerima perubahan (Ab. Aziz, 2008). Perubahan ini dimulakan dengan mengenal pasti matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi.

Tahap Pembekuan (refreezing) – tahap ini merupakan tahap pembekuan di mana organisasi telah mencapai peringkat yang baharu dengan keseimbangan yang baharu. Pada peringkat ini semua pihak yang terlibat telah bersetuju dan yakin dengan tindakan-tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah yang timbul secara bersama. Organisasi perlu memberi tumpuan kepada pengukuhan budaya dan gelagat baharu yang telah dibina supaya ia bertahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rintangan Perubahan

Cabaran pengurusan perubahan dalam organisasi adalah amat besar apabila perlu berdepan dengan rintangan perubahan daripada pelbagai aspek. Rintangan perubahan merupakan perkara-perkara yang menghalang daripada berlakunya sesuatu perubahan. Kadar kerumitan, dan skop perubahan dalam persekitaran yang menuntut perubahan pendekatan organisasi yang meluas, kompleks, tangkas, dan bersepadu. Sehubungan itu, antara elemen pengurusan perubahan yang efektif adalah perlu memahami rintangan yang selalu seiring dengan perubahan (Griffin, 2014).

Faktor pertama adalah disebabkan oleh kebimbangan yang mana timbulnya perasaan takut (Don Hellriegel, 2008) iaitu takut hasil yang tidak menguntungkan atau kegagalan (Nelson & Quick, 2013). Selain itu, kebimbangan juga terjadi apabila mereka dalam ketidaktahuan, ketidakpastian (Daft, 2013; Griffin, 2014), dan mereka tidak suka dengan sesuatu yang samar (Daft, 2013) terhadap perubahan yang diperkenalkan. Mereka juga merasakan tidak mempunyai kemahiran untuk menangani perubahan secara berkesan (Dubrin, 2012).

Selain itu, bimbang tentang keupayaan untuk berhadapan dengan tuntutan pekerjaan baru yang mana merasakan keselamatan pekerjaan mereka terancam (Daft, 2013). Mereka juga bimbang sekiranya kehilangan (Griffin, 2014; Nelson & Quick, 2013) iaitu perubahan menyebabkan gangguan kepada hubungan interpersonal (Nelson & Quick, 2013) yang mana dirasakan perubahan baharu boleh mengganggu rangkaian sosial sedia ada (Griffin, 2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jennifer Clement (2013) mengatakan kebimbangan guru sebagai pelaksana di sekolah termasuklah rasa paksaan yang mana wujudnya emosi negatif seperti kekecewaan, ketakutan, kemarahan dan sinis; kekurangan masa dan peluang untuk memahami perubahan sebelum mempunyai untuk melaksanakannya; kekurangan sokongan bersama semasa fasa pelaksanaan; dan perasaan bahawa perubahan adalah sementara dan bahawa kerja yang dilakukan untuk dilaksanakan akan datang telah pudar.

Faktor yang kedua ialah disebabkan oleh kepentingan peribadi (Daft, 2013; Don Hellriegel, 2008). Seseorang yang rigid mungkin lebih semula jadi selesa untuk mengekalkan status quo dan daripada mahu meninggalkan tabiat yang sudah lama menjadi kebiasaan (Dubrin,2012). Mereka merasakan kepentingan diri terancam yang mana perubahan mungkin menghapuskan kuasa atau pengaruh mereka dalam organisasi (Griffin, 2014)

Faktor ketiga ialah berpunca daripada faktor perbezaan penilaian (Daft, 2013; Don Hellriegel, 2008) dan faktor perbezaan persepsi. Ini kerana orang lain dalam organisasi menetang perubahan kerana mereka tidak setuju dengan penilaian atau melihat situasi yang berbeza (Griffin, 2014) oleh kerana berlakunya perbezaan andaian dan nilai-nilai budaya (Nelson & Quick, 2013). Selain itu, punca-punca lain berlakunya rintangan perubahan ialah disebabkan oleh faktor perjanjian antara organisasi (Don Hellriegel, 2008), faktor personaliti dan faktor politik (Nelson & Quick, 2013), salah faham atau kurang kefahaman dan kepercayaan (Daft, 2013; Don Hellriegel, 2008)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Strategi Menangani Perubahan

Setiap organisasi yang berusaha melakukan sesuatu perubahan tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai rintangan kerana perubahan adalah sukar untuk ditangani, tetapi tidak dapat dielakkan (Partridge, 2007). Ini kerana perubahan dalam organisasi adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan, tetapi perubahan adalah sesuatu proses yang boleh diurus (Nelson & Quick, 2013). Strategi yang diusahakan dapat membantu organisasi meletakkan kedudukan mereka sendiri seperti yang disasarkan – pertama, mengukur kedudukan mereka sekarang, dan kedua, dengan menyampaikan pendekatan yang mungkin boleh mengubah kedudukan mereka (Paul Herr, 1996).

Don Hellriegel (2008) mengemukakan empat kaedah yang biasa digunakan untuk mengurangkan halangan untuk perubahan iaitu (i) pendidikan dan komunikasi, (ii) penyertaan dan penglibatan, (iii) perundingan dan (iv) manipulasi dan pilih-lantik. Manakala, Dubrin (2012) mengatakan terdapat lapan cara mengatasi rintangan terhadap perubahan iaitu (i) membenarkan untuk perbincangan dan rundingan, (ii) membenarkan penglibatan, (iii) menunjukkan sebab yang menarik untuk perubahan, (iv) bertindak segera, (v) menggunakan medium yang boleh mengaitkan sesuatu bagu mengelakkan perubahan yang berlebihan; (vii) membenarkan untuk pemerhatian peribadi terhadap kejayaan perubahan; dan (viii) mendapatkan orang yang terbaik di sebalik program tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor Kejayaan Perubahan

Cummings dan Worley (2015) menjelaskan bahawa aktiviti yang menyumbang kepada pengurusan perubahan yang berkesan ialah usaha memotivasikan perubahan – mewujudkan kesediaan untuk perubahan dan cuba mengatasi rintngan perubahan. Organisasi juga perlu mencipta visi – menjelaskan teras ideologi dan membina masa depan yang dihasratkan. Selain itu, organisasi juga perlu membina sokongan politik – menilai kuasa ejen perubahan, mengenalpasti dan mempengaruhi pihak berkepentingan. Organisasi haruslah mengurus perubahan melalui perancangan aktiviti, perancangan komitmen dan struktur pengurusan. Seterusnya, mengekalkan momentum menyediakan sumber untuk perubahan, membina satu sistem sokongan untuk ejen perubahan, membangunkan kebolehan dan kemahiran baru, memperkukuhkan gelagat baru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor yang dimainkan oleh pihak pengurusan atasan/pihak berkuasa (KPM/MPM/JPN/PPD) dalam menyumbang kepada keberkesanan perubahan antaranya ialah inovasi yang dibuat oleh pihak atasan seperti perubahan dasar, pengenalan badan pentadbiran Gordon Mitchell (1999). Selain itu, organisasi juga perlu mempunyai mencipta visi yang mampu menjelaskan teras ideologi organisasi untuk masa akan datang (Cummings & Warley, 2015).

Seterusnya, faktor yang dimainkan oleh pemimpin organisasi (pihak pentadbir/pengetua). Izani Ibrahim (2013) mengatakan antara penyumbang kepada meningkatnya keberkesanan pengurusan perubahan di sekolah adalah disebabkan oleh kecerdasan emosi pemimpin (kesedaran sosial, pengurusan diri, pengurusan perhubungan dan kesedaran diri). Pemimpin sekolah mempunyai kekuatan emosi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk mempermudah setiap aktiviti yang dijalankan, mengamalkan kepimpinan yang asertif, komitmen kepada setiap tindakan dan penggunaan sumber yang cekap.

Manakala, Mohd Izham Mohd Hamzah dan Norzaini Azman (2009) mengatakan pemimpin mesti berfikiran positif dan proaktif terhadap perubahan yang berlaku yang mana mereka harus mengambil tahu dan memberi maklum balas terhadap perubahan yang diperkenalkan. Mohd Izham Mohd Hamzah dan Sufean Hussin (2009) bersetuju bahawa pengetua dan pentadbir lain yang lebih memainkan peranan dalam aspek memimpin. Gordon Mitchell (1999) pula mengatakan pemimpin perlu ada sikap kepimpinan yang membina (merupakan ciri sekolah menguruskan perubahan dengan baik). Pengetua juga perlu lebih positif tentang masa depan walaupun pendidik yang merasa pesimis mengenai kebanyakan perubahan yang kini berlaku. Pengurus perlu cekap; peranan sebagai pendorong integriti moral, pengurus krisis, pengurus pelbagai budaya, fasilitator struktur penyertaan, perintis sistem organisasi alternatif, perunding dan pengurus pelbagai peranan.

Romana Martinčič (2010) mengatakan seorang pengurus atau pengetua perlu mempunyai pengaruh yang besar dalam pelaksanaan berubah yang mana ciri-ciri peribadi seperti sifat, tindakan dan cara memimpin kakitangan mampu mempercepat atau menurun kadar pelaksanaan perubahan, Pengetua atau pengurus perlu membiasakan diri dengan proses perubahan dan dengan peringkatnya, perlu mengambil kira faktor-faktor penting kejayaan memimpin perubahan. Selain itu, pengetua atau pengurus perlu mempunyai bakat pengurusan dan sifat kemajuan dalam kepimpinan di saat-saat kritikal menggerakkan perkara daripada terhenti; Perubahan utama yang berkaitan dengan memimpin kakitangan, di mana pengetua atau pengurus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memainkan peranan yang penting. Kebijaksanaan pengurus atau pengetua mangadaptasikan gaya kepimpinan seperti kepimpinan demokratik, partisipatif and autoritatif dalam pelbagai situasi dapat membantu kepada pengurusan perubahan yang dilaksanakan.

Selain itu, peranan pihak pelaksana/guru juga boleh menjadi faktor yang boleh menentukan sikap guru terhadap perubahan ialah pengalaman kejayaan guru yang lalu dan penambahan beban kerja, manakala pengiktirafan yang diberikan kepada guru akan meninggikan 'self esteem' seseorang guru (Azman Abbas, 1998). Guru memainkan peranan utama melaksanakan perubahan (Mohd Izham Mohd Hamzah dan Sufean Hussin, 2009).

Sebaliknya, Zakiah Mor (1999) pula mengatakan sikap, penerimaan dan prestasi guru-guru mampu menyumbang kepada kejayaan. Guru perlu mempunyai persepsi positif, guru mempunyai corak minda "professor serba tahu" iaitu kumpulan yang sukar untuk berubah disebabkan mereka telah selesa dengan keadaan semasa serta berasa sangat mahir dan serba tahu. Golongan yang mempunyai corak minda sebegini paling sukar diubah kerana mereka berpegang kuat dengan pengalaman masa lalu (Siti Junaidah M. Mujir, 1999)

Terdapat juga faktor lain yang menyumbang kepada kejayaan sesuatu perubahan. Gordon Mitchell (1999) semua pihak berkepentingan; pengetua, pendidik, ibu bapa dan pelajar yakin bahawa integriti moral pengurus merupakan sumbangan paling penting. Gokçe dan Feyyat (2009) pula mengatakan penghapusan diskriminasi; pemilihan dan pelantikan pentadbir sekolah mengikut perbezaan gender diganti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan cara pemilihan berdasarkan kecenderungan mampu menyumbang kepada pengurusan sekolah lebih berkesan.

Selian itu, kemahiran interpersonal; sentiasa dikatakan sebagai satu keperluan. Komunikasi adalah sangat penting dan pertimbangan menyeluruh mengenai keperluan untuk perubahan perlu ditentukan pada peringkat permulaan lagi bagi mengelakkan ketegangan di kalangan pekerja, dan kewajaran penglibatan serentak dalam pelbagai projek yang mendesak dari segi pembiayaan, kakitangan dan peralatan (Romana Martinčič, 2010).

2.4 Sistem Pendidikan Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Sejarah Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia

Sejarah pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia melalui tempoh masa yang sangat panjang yang mana kelas-kelas Tingkatan Enam di sekolah telah beroperasi menjangkau lebih 50 tahun lamanya. Sukar untuk mendapatkan fakta sebenar berkaitan tarikh sebenar kewujudan pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia.

Namun, berdasarkan analisis dokumen ke atas eviden sejarah Sekolah Penang Free (sekolah pertama ditubuhkan di Tanah Melayu dan sekolah tertua di Asia Tenggara), mendapati bahawa kelas-kelas Tingkatan Enam sudah beroperasi seawal tahun 1950-an lagi iaitu sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini dapat dibuktikan melalui soroton daripada fakta sejarah Sekolah Penang Free pernah menjadi pusat bagi pendidikan Tingkatan Enam di utara tanah air.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Mr. J.E.Todd (1951-1957) was largely responsible for Sixth Form education as it exists today and he also worked along the principles of Mr. Pinhorn in extra-mural activities. Between 1957 and 1965 there was an even greater expansion of clubs and societies.. Mr. Todd was championed by J.M.B Hughes in 1957. The late YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj officially declared open the Sixth Form block and Hostel on 21st October 1958. Free School then became the centre of Sixth Form education in Northern Malaya.
>
> (Historical Society Penang Free School, 2007)

Pada zaman penjajahan British, peperiksaan bagi Tingkatan Enam dikenali sebagai "High School Certificate" (HSC) dan Sijil Tinggi Persekolahan (STP) yang dikendalikan oleh University of Cambridge Local Examination Syndicate (UCLES) – sistem pendidikan di Malaysia mengambil model sistem pendidikan di England. HSC adalah setaraf dengan "Cambridge GCE A-Level" di United Kingdom; nama yang sama bagi peperiksaan prauniversiti di beberapa negeri di Australia. Setiap subjek lulus pada tahap prinsipal bertaraf "Advanced Level" (setaraf A-Level) yang mana kelayakan peperiksaan tersebut diiktiraf diiktiraf kebanyakan universiti di peringkat antarabangsa, khususnya di negara-negara Komanwel, Amerika Syarikat dan Republik Ireland.

Pada tahun 1982, peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) diwartakan mengganti peperiksaan HSC dan STP. Peperiksaan STPM dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bagi merealisasikan pengendalian peperiksaan tersebut dalam Bahasa Melayu. Bermula tahun 1999, Malaysian University English Test (MUET) pula telah diperkenalkan yang menjadi prasyarat untuk kelayakan melanjutkan pelajaran ke universiti awam. Walau bagaimanapun, UCLES masih bekerjasama dengan menghantar wakilnya dalam mesyuarat jawatankuasa untuk menentapkan standard peperiksaan STPM. Ini kerana urusetianya juga menganggotai International Association of Educational Assessment (IAEA) bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membolehkan MPM mengikuti perkembangan terkini dalam aspek pembangunan sukatan pelajaran dan pentaksiran pendidikan (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2013).

Setelah sekian lamanya sistem pendidikan Tingkatan Enam dengan sistem konvensionalnya, maka bermula pada tahun 2008 tercetusnya satu idea untuk memberi nafas baru kepada pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia melalui perubahan secara besar-besaran iaitu memperkenalkan polisi penjenamaan semula Tingkatan Enam. Sistem pentaksiran baharu STPM ini adalah cetusan idea yang sangat bermakna oleh mantan Ketua Eksekutif MPM, Tuan Haji Omar bin Abu Bakar (2005-2011). Selain peperiksaan STPM, pendidikan Tingkatan Enam juga melibatkan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Islam Malaysia (STAM) bagi pelajar aliran agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Penjenamaan Semula Pendidikan Malaysia Tingkatan Enam Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025

Hasrat untuk memperkasakan sistem pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia sebelum ini telah diperkukuhkan dengan adanya pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (PPPM) oleh Perdana Menteri Malaysia pada 11 September 2012. Ia seolah memberi satu menjamin bagi meneruskan perancangan sebelum ini iaitu memastikan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini tetap dilaksanakan. Usaha penjenamaan semula ini adalah selari dengan matlamat PPPM 2013-2025 iaitu untuk melonjakkan sistem pendidikan negara untuk berada dalam kalangan negara sepertiga teratas sistem pendidikan terbaik di dunia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ia merupakan salah satu daripada 25 inisiatif yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 dan ia disenaraikan dalam 17 inisiatif utama iaitu Penjenamaan semula Matrikulasi dan Tingkatan Enam. Inisiatif ini dilaksanakan dalam Gelombang 1: Perubahan Sistem dalam levers Struktur Sistem berkaitan Hala Tuju Penjenamaan Semula Tingkatan Enam.

> Menjelang penghujung tahun 2013, kementerian akan menjenamakan semula Tingkatan Enam dan STPM/STAM bagi menggalakkan lebih ramai murid mengikuti pilihan kelayakan tersebut. Usaha ini akan menjadikan kelayakan Tingkatan Enam setanding dengan program prauniversiti yang ditawarkan oleh institusi pendidikan swasta. Sekolah yang menawarkan Tingkatan Enam akan diberi kuasa membuat keputusan bagi memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengupayakan murid menjadi lebih bersedia bagi kemasukan ke universiti. Langkah yang akan diambil termasuk melonggarkan syarat bagi murid Tingkatan Enam dalam pemakaian pakaian seragam sekolah, membenarkan mereka menubuhkan majlis murid Tingkatan Enam yang mempunyai hak untuk menyuarakan pandangan mengenai aspek persekolahan mereka (kebajikan murid dan pelbagai aktiviti kokurikulum), dan memperkenalkan modul yang memerlukan murid menjalankan penyelidikan kendiri atau bekerja dalam kumpulan untuk menjalankan kerja projek tertentu secara individu atau pun berpasukan.
>
> (Sumber: Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025)

Penjenamaan semula penting dalam usaha memulihkan syarikat tenat (Nurul Haziqah Abdul Halim, 2014). Dalam konteks bidang pendidikan, penjenamaan semula adalah penting untuk memberi nafas baharu kepada kelestarian (sustainable) dan keberterusan Tingkatan Enam agar terus relevan dengan arus perdana pendidikan negara kita (Supian Abdul Kadir, 2009). Begitu juga apa yang dilakukan oleh pihak KPM yang mana matlamat akhir inisiatif penjenamaan semula Tingkatan Enam yang dilaksanakan oleh KPM adalah untuk (i) memperkasa pendidikan Tingkatan Enam melalui peningkatan imej, sistem, dan kualiti pendidikan setaraf dengan pendidikan lepasan menengah yang lain selepas SPM seperti matrikulasi atau pusat asasi sains, kerana ianya dilihat sebagai salah satu laluan utama murid-murid untuk melanjutkan pelajaran ke universiti, (ii) mengubah persepsi masyarakat terhadap pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tingkatan Enam, dan (iii) membangun dan memupuk nilai kepimpinan yang tinggi dalam kalangan murid Tingkatan Enam (Portal Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015).

2.4.3 Proses Perubahan Dalam Penjenamaan Semula Tingkatan Enam

Berpandukan kepada penelitian melalui analisis dokumen, penyelidik telah membahagikan proses pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam yang dikaji ini kepada tiga fasa perubahan bagi melihat proses perubahan secara lebih jelas. Dalam konteks kajian ini, dapat dirumuskan bahawa Fasa 1 berlaku pada tahun 2008 hingga 2011, manakala Fasa 2 berlaku pada tahun 2012 dan Fasa 3 pula berlaku pada tahun 2013 hingga 2015.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa 1 (2008-2011) merupakan fasa penjenamaan semula Tingkatan Enam mula diperkenalkan. Pada 1 Januari 2008, secara rasminya keseluruhan pengurusan Tingkatan Enam distruktur semula. Ini berikutan daripada usaha yang telah dibuat sebelumnya iaitu bermula sejak 7 Mac 2006 lagi yang mana Mesyuarat Majlis MPM kali ke-105 telah meluluskan cadangan untuk melaksanakan Sistem Pentaksiran Baharu (Sistem Modular). Pada 7 Mac 2007, Mesyuarat MPM ke-108 menyaksikan Menteri Pelajaran ketika itu telah bersetuju pelaksanaanya tanpa ujian rintis.

Rentetan daripada itulah proses pelaksanaan polisi ini dilakukan secara berperingkat yang bermula pada tahun 2008 – berlakunya pelantikan pertama kali jawatan Guru Akademik Tingkatan Enam yang telah ditawarkan sejak Mac 2007 melalui pengisian borang tawaran Guru Akademik Tingkatan Enam. Seterusnya, pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

11 Mei 2009, pihak KPM mengeluarkan dan menguatkuasakan Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam (no.rujukan KP(BS-MEN)303/01/03(2)) bertarikh 10 April 2009 yang menjelaskan tentang punca kuasa penjenamaan semula Tingkatan Enam dalam aspek pengurusan. Surat ini menetapkan pelaksanaannya perlu dipatuhi oleh semua guru Tingkatan Enam yang telah dilantik.

Berdasarkan garis panduan yang diberi, pengurusan Tingkatan Enam di sekolah dikenali sebagai prauniversiti manakala kelas-kelas Tingkatan Enam dikenali sebagai "Pra U". Pihak KPM menggalakkan Guru Akademik Tingkatan Enam digelar dengan panggilan pensyarah dan pakaian kerja yang kemas iaitu blazer/kot serta bertali leher. Perubahannya meliputi (i) struktur organisasi sekolah, (ii) pengurusan pengajaran dan pembelajaran, (iii) bidang dan senarai tugas, dan (iv) kokurikulum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi struktur organisasi sekolah, perubahan berlaku dalam carta organisasi sekolah yang mana pentadbiran Tingkatan Enam diasingkan daripada kelas-kelas aliran perdana (tingkatan satu hingga lima). Jawatan Penolong Kanan Tingkatan Enam (PKT6) diwujudkan bagi memegang tanggungjawab dalam soal pentadbiran, kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum. Sebelum ini, bidang pengurusan, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan perjawatan Tingkatan Enam di sekolah adalah diuruskan secara bersekali.

Dari segi perjawatan Tingkatan Enam, KPM telah membuat penambahbaikan dengan mewujudkan perjawatan naik pangkat DG44, DG48 dan DG52 bagi guru-guru akademik. Ini bermakna Tingkatan Enam di sekolah mempunyai entiti pengurusannya yang tersendiri yang mana wujudnya perjawatan Penolong Kanan Tingkatan Enam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DG44 dan DG48 bergantung kepada bilangan kelas. Selain itu, diwujudkan juga perjawatan Guru Kokurikulum DG44. Malah, semua pengetua sekolah yang ada Tingkatan Enam ketika itu dinaikkan ke gred DG 52 bagi memantapkan pengurusan prauniversiti di sekolah.

Dari segi pengurusan pengajaran dan pembelajaran pula, terdapat dua tugasan untuk guru akademik Tingkatan Enam iaitu ineteraksi dalam bilik darjah dan tugas luar bilik darjah. Interaksi dalam bilik darjah meliputi perkara akademik, kokurikulum, penyelidikan/konsultasi dan kolokium yang diperuntukkan sebanyak 22 hingga 30 waktu. Manakala, tugas di luar bilik darjah melibatkan persediaan, penyelidikan, penilaian dan pentaksiran dan penggubalan item yang diperuntukkan sebanyak 15 waktu. Guru Tingkatan Enam perlu menyediakan empat folio iaitu folio pengajaran dan pemudahcaraan, folio penyelidikan, folio penilaian dan pentaksiran dan folio kokuruikulum. Guru dan murid Tingkatan Enam perlu membuat penyelidikan dan dibentangkan dalam kolokium.

Manakala dari segi bidang dan senarai tugas, terdapatnya jawatan seperti Penolong Tingkatan Enam, Guru Akademik Tingkatan Enam, Guru Kokurikulum dan Guru Amali Tingkatan Enam. Penolong Kanan Tingkatan Enam bertanggungjawab terhadap semua urusan berkaitan dengan Tingkatan Enam iaitu pengurusan dan pentadbiran, kurikulum, pengurusan hal ehwal murid, pengurusan kokurikulum, pembangunan kendiri/professional dan pembangunan organisasi. Manakala Guru Akademik Tingkatan Enam perlu mengajar sekurang-kurangnya 16 hingga 24 waktu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Guru Akademik Tingkatan Enam yang menjawat gred jawatan GD52 atau DG48 perlu memegang jawatan sama ada Setiausaha Peperiksaan Sekolah, Ketua Penyelidikan, Ketua Unit Mata Pelajaran Tingkatan Enam ataupun AJK Majlis Kurikulum Sekolah. Guru Kokurikulum mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sama seperti Guru Akademik Tingkatan Enam. Guru Kokurikulum memainkan peranan sebagai penyelaras kokurikulum bagi murid Tingkatan Enam. Guru Amali Tingkatan Enam (Sains/Pendidikan Seni Visual/Komputer) pula dilantik sebagai penyelaras dan bertanggungjawab terhadap pengurusan makmal-makmal sains atau bilik mata pelajaran Tingkatan Enam.

Dari segi kokurikulum, aktiviti yang dijalankan untuk murid Tingkatan Enam adalah aktiviti yang boleh membentuk ciri kepimpinan dan ketrampilan pelajar. Tiga komponen diambil kira dalam pemarkahan pelajar ketika itu merangkumi unsur perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan melalui pelaksanaan khidmat masyarakat dan projek kumpulan.

Seterusnya, Fasa 2 (2012-2013) menyaksikan perubahan yang lebih besar iaitu pelaksanaan Sistem Pentaksiran Baharu (STPM baharu) atau dikenali sebagai Sistem Modular yang bermula pada 2012. Ia bagi menggantikan Sistem Terminal (STPM lama) dalam peperiksaan STPM mulai sesi pengambilan 2012/2013. Tempoh pengajian Tingkatan Enam, peruntukan waktu pengajaran, penawaran bilangan mata pelajaran, sistem penggredan dan kadar yuran (kecuali peperiksaan ulangan) adalah masih sama dengan yang sebelum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.3. Kronologi Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia. Diadaptasi daripada Majlis Peperiksaan Malaysia (2012-2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 2012, sistem peperiksaan STPM akan dijalankan dalam dua mod. Mod pertama ialah bagi pelajar yang sedang mengikuti Tingkatan Enam Atas pada tahun 2012. Pelajar ini merupakan kohort terakhir sistem peperiksaan STPM sedia ada yang akan menduduki peperiksaan pada bulan November hingga Disember pada tahun 2012. Mod kedua pula ialah bagi pelajar Tingkatan Enam Bawah pada tahun 2012. Pelajar ini merupakan kohort pertama sistem pentaksiran baharu STPM yang akan menduduki peperiksaan penggal 1 bagi persekolahan Tingkatan Enam pada November 2012 (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Perubahan yang ketara adalah dalam aspek kandungan pengajian, peperiksaan, kaedah pentaksiran, aspek kemahiran insaniah, peluang memperbaiki keputusan, standard pengiktirafan dan kadar yuran (peperiksaan ulangan sahaja). Secara umumnya, sukatan pelajaran STPM baharu mempunyai kandungan pengajian yang dibahagikan kepada tiga bahagian kurikulum yang mana sistem penggal diperkenalkan sama seperti sistem semester di institusi pengajian tinggi merangkumi Penggal 1, Penggal 2, dan Penggal 3 dalam sepanjang tempoh pengajian selama satu setengah tahun. Terdapat juga Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) STPM bagi 19 mata pelajaran.

Fasa 2 ini juga melibatkan fasa perancangan (tahun 2012) – usaha pihak KPM merancang "base line study", penandaarasan antarabangsa, kertas konsep Transformasi Tingkatan Enam, "engagement" dalam dan luar KPM, pengenalpastian cadangan model Tingkatan Enam, kurikulum, kebolehpasaran, imej dan anjakan minda, pentadbiran, dan mod P&P. Fasa 2 ini juga dikenali sebagai fasa Transformasi Tingkatan Enam yang bermula pada tahun 2013 jika dirujuk dalam Pelan Strategik Perancangan dan Pelaksanaan Transformasi Tingkatan Enam (Kementerian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Malaysia, 2014). Tahun 2013 pula adalah fasa pelaksanaan – usaha pihak KPM melakukan pelaksanaan Model Tingkatan Enam yang dikenalpasti, pengenalan Sistem Semester (tiga semester setahun; cadangan Januari 2013), dan pengenalan pelaksanaan pakej modul baru.

Manakala pada Fasa 3 (2014-2016), KPM telah memperkukuhkan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam ini dengan melancarkan Pemerkasaan Pengurusan Tingkatan Enam yang bermula pada 2014. Ia bertujuan bagi memperluaskan lagi pelaksanaan transformasi pendidikan Tingkatan Enam. Fasa ini juga merupakan fasa perluasan – usaha pihak KPM merancang peluasan JC di setiap negeri, pengambilan kampus IPG, peluasan mata pelajaran 'applied', dan peluasan mengikut bidang kebitaraan (niche area) bagi setiap JC.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam usaha Pemerkasaan Pengurusan Tingkatan Enam, pihak KPM telah memperincikan peranan pengetua sekolah Pusat Tingkatan Enam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Usaha Pemerkasaan Pengurusan Tingkatan Enam pada fasa ini juga memfokuskan lima elemen utama, iaitu pengurusan dan pentadbiran, kurikulum, mod P&P, infra dan infostruktur, imej dan anjakan minda. Perubahan paling ketara dalam elemen utama sepanjang fasa ini antaranya pelaksanaan konsep sekolah Pusat Tingkatan yang mempunyai mod 1, 2 dan 3 bermula pada Januari 2014, penguatkuasaan etika pakaian pelajar Tingkatan Enam bermula pada 2015, pelantikan guru Tingkatan Enam berdasarkan kesesuaian opsyen pada Oktober 2016. Pada 28 September 2016, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam (Surat Siaran KPM Bil.11 Tahun 2016) menggantikan garis panduan pengurusan sebelum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4 Elemen Perubahan Dalam Penjenamaan Semula Tingkatan Enam

Sistem Terminal

Sistem terminal yang dimaksudkan dalam konteks sistem pendidikan Tingkatan Enam adalah satu sistem yang melibatkan sistem pengajian mengambil masa satu setengah tahun dengan sekali peperiksaan pada akhir tahun di Tingkatan Enam Atas (tahun berikutnya). Tempoh pengajian Tingkatan Enam adalah setahun setengah merangkumi Tingkatan Enam Bawah (bermula penggal kedua tempoh persekolahan tahun pertama) dan Tingkatan Enam Atas (bermula penggal pertama dan kedua tempoh persekolahan tahun kedua).

Ini bermakna beban bagi satu setengah tahun pengajian nasibnya ditentukan oleh sekali peperiksaan sahaja iaitu dengan mengambil STPM yang dijalankan secara berpusat. Sistem ini juga memerlukan guru menghabiskan semua sukatan pelajaran yang telah ditetapkan sepanjang tempoh pengajian. Peperiksaan ulangan hanya dibenarkan untuk tahun berikutnya. Secara tidak langsung, pengajaran dan pembelajaran lebih cenderung seperti apa yang dilaksanakan dalam persekitaran sekolah iaitu lebih berpusatkan guru dan berorientasikan peperiksaan.

Dari segi pengukuran dan penilaian pencapaian murid, ia dijalankan sepenuhnya melalui peperiksaan STPM secara konsep kumulatif iaitu pada antara bulan November dan Disember. Kaedah penilaian pencapaian pelajar dalam sistem terminal berpandukan kepada satu kandungan sukatan yang agak luas dan kurang berfokus yang diajar sepanjang tempoh pengajian. MPM mengendalikan STPM secara berpusat tanpa penglibatan guru dalam penilaian dan pentaksiran pencapaian pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dari segi pentadbiran di sekolah, kelas-kelas Tingkatan Enam diurus secara bersama dengan kelas-kelas tingkatan satu hingga lima dalam satu sekolah yang sama tanpa ada pengasingan pengurusan yang tersendiri.

Sistem Modular

Sistem modular merupakan Sistem Pentaksiran Baharu (STPM Baharu) yang dilaksanakan bermula tahun 2012. Sistem pengajian ini berasaskan sistem semester (tiga semester dalam tempoh satu setengah tahun). Dalam sistem pentaksiran baharu STPM, tempoh pengajian Tingkatan Enam adalah sama dengan tempoh persekolahan mengikut kalendar persekolahan yang dilaksanakan pada masa ini. Peruntukan waktu pengajaran juga adalah sama seperti jadual waktu persekolahan yang sedia ada bagi Tingkatan Enam, iaitu lapan waktu seminggu bagi setiap mata pelajaran (satu waktu pengajaran bersamaan 40 minit).

Oleh itu, sistem pentaksiran baharu STPM ini tidak mengganggu dan tidak mengubah sistem persekolahan sedia ada. Dari segi penawaran bilangan mata pelajaran juga tidak berubah, iaitu masih 23 mata pelajaran yang ditawarkan. Namun, terdapat beberapa perbezaaan sistem modular berbanding sistem terminal dalam aspek kandungan pengajian, peperiksaan, kaedah pentaksiran, aspek kemahiran insaniah, peluang memperbaiki keputusan, standard pengiktirafan dan kadar yuran (peperiksaan ulangan sahaja).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek kandungan pengajiannya, ia dibahagikan kepada tiga bahagian kurikulum berdasarkan kelompok tajuk atau mengikut kesesuaian bidang kajian disiplin berkenaan untuk mengisi tiga penggal, iaitu Penggal 1, Penggal 2, dan Penggal 3 dalam tempoh pengajian selama satu setengan tahun. Pentaksiran pencapaian pelajar akan dijalankan pada setiap penggal; keputusan peperiksaan juga akan dikeluarkan pada setiap penggal manakala keputusan keseluruhan peperiksaan STPM adalah berdasarkan gabungan keputusan terbaik bagi ketiga-tiga penggal.

Dalam aspek peperiksaan, peperiksaan akhir berpusat akan ditadbirkan pada hujung setiap penggal. Kertas peperiksaan akan disediakan dan dibekalkan oleh MPM dan pemeriksaan skrip jawapan akan dijalankan oleh pemeriksa yang dilantik oleh MPM seperti amalan sekarang. Dari aspek kaedah pentaksiran pula, PBS merupakan kerja kursus yang terdiri daripada kerja projek, kajian luar, dan kerja amali yang diperkenalkan kepada 19 mata pelajaran. Soalan/tugasan kerja kursus akan disediakan oleh MPM. Kerja kursus akan dilaksanakan sama ada pada setiap penggal atau pada penggal tertentu sahaja mengikut keperluan mata pelajaran. Pemeriksaan PBS akan dibuat oleh guru mata pelajaran sendiri bagi sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, manakala pemantauan dan penyelarasan PBS akan dikendalikan oleh MPM sama ada di peringkat zon atau peringkat pusat.

Keistimewaan sistem ini ialah aspek kemahiran insaniah (soft skills) diterapkan dan diberi penekanan dalam kurikulum. Antaranya kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kepemimpinan, pemikiran kritis, penyelesaian masalah, pengurusan maklumat, etika, dan lain-lain. Berlaku perubahan dalam aspek pentaksiran yang mana dua kaedah pentaksiran akan dijalankan iaitu PBS – dengan wajaran 20%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hingga 40%, dan peperiksaan akhir berpusat dengan wajaran 60% hingga 80% (peratusan wajaran berbeza mengikut mata pelajaran).

Sistem ini memberi peluang kepada murid Tingkatan Enam untuk memperbaiki keputusan yang mana pelajar dibenarkan untuk memperbaiki keputusan peperiksaan akhir Penggal 1 dan Penggal 2 dengan cara menduduki semula peperiksaan akhir bagi penggal berkenaan pada hujung Penggal 3 (hujung tahun). Murid yang tidak mencapai keputusan yang baik bagi Penggal 3 boleh juga menduduki semula peperiksaan akhir Penggal 3, iaitu selepas keputusan Penggal 3 dikeluarkan. Keputusan keseluruhan peperiksaan STPM ini adalah berdasarkan gabungan keputusan terbaik bagi ketiga-tiga penggal.

Dalam aspek standard dan pengiktirafan, pentaksiran baharu STPM adalah sama dengan STPM sedia ada. Pada umumnya, kandungan kurikulum tidak berubah. Wakil Cambridge Assessment (CA), United Kingdom akan turut serta dalam Jawatankuasa Penetapan Darjah STPM ini bagi penentuan keputusan STPM. Wakil CA ini akan memberikan pandangannya mengenai analisis keputusan peperiksaan STPM bagi setiap kertas, dan membuat keputusan bersama sebagai satu persetujuan dan pengiktirafan. Selain daripada itu, Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia juga telah maklum tentang pelaksanaan Sistem Pentaksiran Baharu STPM ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek kadar yuran, calon sekolah kerajaan dan calon sekolah bantuan kerajaan dikecualikan daripada membayar yuran ini. Walau bagaimanapun, calon yang ingin menduduki semula peperiksaan akhir sesuatu penggal akan dikenakan caj sebanyak RM50 per kertas.

Kelebihan sistem modular yang pertama ialah beban belajar kurang. Ini kerana pelajar mempelajari kandungan kursus bagi semester berkenaan saja sebelum peperiksaan. Ia memberi lebih besar peluang pelajar untuk memperoleh keputusan yang lebih baik kerana skop pengajian yang dinilai terhad pada setiap semester.

Kelebihan kedua, kurikulum menekankan pendidikan berasaskan hasil (Outcome-Based Education) iaitu lebih berpusatkan pelajar daripada berpusatkan kandungan kursus. Pentaksiran dibuat secara berterusan (berasaskan sekolah) melalui kerja kursus atau kerja amali membawa wajaran 20 hingga 30%. Usaha ini untuk memantapkan pentaksiran supaya lebih holistik dan persekolahan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Pengenalan kepada PBS dalam sistem ini adalah selari dengan hasrat KPM untuk membangunkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek serta memperluaskan peluang pendidikan kepada semua yang berpotensi.

Seterusnya, kelebihan ketiga pelajar mengalami sistem/suasana pengajian di IPT sebagai persediaan. Terdapat empat komponen iaitu penilaian berasaskan kurikulum dengan amalan peperiksaan, projek sekolah, kerja amali, dan ujian berasaskan sistem peperiksaan ‘open book’ (mata pelajaran tertentu sahaja) yang mampu menyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Kerangka Konsep Pendidikan Tingkatan Enam

Pihak KPM telah membina satu kerangka konsep baharu bagi pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia dengan menggariskan matlamat dan hala tuju yang jelas seperti **Rajah 2.4**. Ia selari dengan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam yang dilaksanakan sejak tahun 2012.

Kerangka Konseptual Tingkatan Enam merangkumi dua komponen utama iaitu kurikulum dan kokurikulum. Matlamat pendidikan Tingkatan Enam adalah bagi membentuk kepimpinan menuju ke arah membina negara bangsa yang meliputi aspek perpaduan, patriotisme, jati diri bagi mendokong aspirasi nasional. Selain itu, Ia berhasrat untuk mendidik murid secara menyeluruh berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan berupaya memikul tanggungjawab, prihatin, berinovatif, matang, berjiwa kendiri, berpandangan jauh, keteguhan jati diri dan berbudaya penyayang.


Tiga kemahiran utama yang diterapkan dalam pendidikan Tingkatan Enam ialah kemahiran kognitif, kemahiran manipulatif dan kemahiran insaniah (soft skills). Tempoh pengajian di Tingkatan Enam adalah selama satu setengah tahun yang merangkumi tiga penggal. Penggal 1 bermula dari bulan Mei hingga November, Penggal 2 bermula dari bulan Januari hingga Mei dan Penggal 3 bermula dari bulan Mei hingga November.

Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mendapat pengikhtirafan daripada Kerajaan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan Cambridge Assessment, England. Sijil STPM turut diterima oleh JPA untuk menjawat perjawatan dalam perkhidmatan kerajaan. Murid yang memperoleh keputusan cemerlang dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peperiksaan STPM dan kokurikulum layak memohon untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara.



Rajah 2.4. Kerangka Konsep Pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia. Sumber daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM, 2015.

Kegiatan kokurikulum Tingkatan Enam mesti dinilai berdasarkan format atau kaedah yang tetap dan diiktiraf agar keesahan dan kebolehpercayaan hasil penilaian itu tidak dipertikaikan, lebih-lebih lagi apabila markah kokurikulum dijadikan sebahagian daripada markah penilaian kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Penstrukturan dan penjenamaan semula Tingkatan Enam turut melibatkan perubahan pengoperasian kokurikulum. Oleh itu, pengurusannya boleh diadakan secara berasingan daripada kegiatan kokurikulum arus perdana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Rumusan

Tinjauan literatur yang telah dibuat dijadikan salah satu cara paling mudah untuk penyelidik mengenalpasti dan membina kerangka teoritikal dalam kajian ini (Merriam, 2001). Melaluinya penyelidik berjaya mengutip data tambahan dan membenarkan menjawab beberapa soalan kajian baru. Ini kerana ia merupakan proses yang sangat interaktif yang melibatkan proses rujuk dan merujuk semula antara literatur dengan permasalahan dan persoalan kajian (Othman Lebar, 2014). Selain itu, penyelidik mendapati bahawa kajian-kajian lepas tentang bidang pengurusan perubahan dan penjenamaan semula dalam konteks lain banyak membantu penyelidik mengembangkan kajian. Tambahan pula, bidang kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah sesuatu yang baharu dalam dunia pendidikan dan jarang didokumentasikan. Oleh itu, tinjauan literatur ini mampu menyokong penyelidik dalam meneroka skop kajian terhadap penjenamaan semula Tingkatan Enam dengan lebih berfokus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian membantu penyelidik menjelaskan tentang keseluruhan proses kajian. Ia menunjukkan cara sesuatu masalah yang dikaji, sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan bagi menghasilkan data yang dikehendaki, dan memperoleh bukti sahih yang boleh menyokong objektif sesuatu kajian. Bahagian ini menghuraikan perincian reka bentuk kajian yang merangkumi strategi kajian, pendekatan kajian, kaedah kajian, populasi dan sampel kajian dan persampelan, prosedur kajian, teknik pengumpulan data dan teknik menganalisis data. Seterusnya, penyelidik juga menjelaskan tentang instrumen kajian, kajian rintis serta etika dan kredibiliti kajian. Metodologi kajian ini dapat memberi gambaran kepada sesuatu bentuk rangka kerja dan aliran kerja bagi kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Penyelidik memutuskan untuk menggunakan pendekatan kualitatif secara sepenuhnya sebagai satu pendekatan yang dijalankan dalam latar semulajadi untuk meneroka sesuatu isu (Othman Lebar, 2007) setelah mempertimbangkan tentang (i) apa tuntutan ilmu (knowledge claims) yang sedang dijalankan oleh penyelidik (termasuk perspektif teori); (ii) apa strategi inkuiri yang boleh menerangkan prosedur, dan (iii) apa kaedah pengumpulan data dan analisis yang akan digunakan. Pendekatan kualitatif dapat membantu penyelidik menghuraikan dan menjelaskan secara terperinci dan mendalam (Marshall dan Rossman, 1989), malah mampu membongkar dan memberi pemahaman kepada apa yang berlaku di sebalik sebarang fenomena yang sebelum ini kurang diketahui (Strauss dan Corbin, 1990).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian kualitatif ini menggunakan strategi kajian kes yang mana penyelidik mengadaptasi kajian kes daripada Mohd Izham Mohd Hamzah dan Sufean Hussin (2009). Jenis kajian kes instrumental dipilih dengan tujuan mendapatkan lebih pemahaman tentang satu kes dengan mendalam untuk membantu penyelidik memahami perkara lain (Othman Lebar, 2014). Penyelidik mempunyai minat yang mendalam untuk mengkaji satu kes yang berlaku dalam dunia pendidikan di Malaysia iaitu usaha pihak KPM melaksanakan polisi penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam apabila sistem pendidikan Tingkatan Enam yang sedia iaitu sistem terminal digantikan dengan sistem modular. Perubahan besar ini berlaku di semua sekolah Tingkatan Enam di seluruh Malaysia. Kes utama yang ingin dikaji adalah bagaimana pihak pelaksana menguruskan perubahan di peringkat sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rentetan daripada itu, penyelidik perlu menjawab secara mendalam persoalan-persoalan yang timbul terhadap "perubahan" yang dimaksudkan itu iaitu dari segi (i) status pelaksanaan, penerimaan dan kesediaan, (ii) rintangan perubahan, (iii) strategi perubahan, (iv) faktor kejayaan perubahan, (v) keberkesanan perubahan, dan (vi) cadangan penambahbaikan. Oleh itu, penyelidik mendapati kaedah kajian kes dipilih sesuai untuk menjawab soalan "bagaimana" dan "mengapa" (Yin, 2003) yang dapat menjelaskan dengan lebih tepat bagi sifat soalan kajian ini.

3.3 Persampelan

Penyelidik memilih kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling). Ini kerana, penyelidik sengaja memilih sampel berdasarkan kehendak kajian agar mudah untuk memperoleh data dan maklumat yang ingin dicari, memenuhi kriteria, menggambarkan ciri dan yang paling penting ia bertepatan dengan objektif kajian ini.

3.4 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini memerlukan populasi dalam kalangan guru-guru tingkatan enam di Malaysia. Namun, penyelidik hanya memilih sampel yang terdiri daripada 9 orang guru Tingkatan Enam sahaja di sebuah sekolah Pusat Tingkatan Enam Mod 2 di daerah Kuala Kangsar. Ini kerana maklumat yang mendalam daripada jumlah sampel kecil boleh menjadikannya sangat berharga terutama jika kes tersebut adalah kaya dengan maklumat. Ini disokong lagi dengan kenyataan Patton (2014) yang mengatakan tiada ketetapan untuk saiz sampel dalam penyiasatan kualitatif (p. 311).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Lokasi Kajian

Penyelidik memilih Pusat Tingkatan Enam SMK Raja Muda Musa, Kuala Kangsar, Perak sebagai lokasi bagi menjalankan kajian ini. Sampel di lokasi ini didapati sangat sesuai bagi memenuhi keperluan kajian kerana ia begitu relevan dengan reka bentuk kajian kes ini. Pertama, keunikan lokasi kajian ini terletak kepada status SMK Raja Muda Musa Kuala Kangsar sebagai sekolah Pusat Tingkatan Enam mod 2. Sekolah ini merupakan salah satu daripada 13 buah sekolah Pusat Tingkatan Enam mod 2 yang terawal di Malaysia. Ciri-ciri pentadbiran mod 2 ialah (i) beroperasi di premis yang sama iaitu masih berkongsi dengan sekolah arus perdana, (ii) penggunaan blok dan pengurusannya adalah berasingan, (iii) tetapi masih di bawah pentadbiran pengetua sekolah sedia ada (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua, disebabkan SMK Raja Muda Musa mempunyai empat aliran persekolahan iaitu adanya prasekolah, sekolah arus perdana, pendidikan khas dan Pusat Tingkatan Enam di bawah satu sekolah. Pusat Tingkatan Enam yang beroperasi ini pula terdiri daripada gabungan tiga buah sekolah tingkatan enam yang telah dipusatkan sejak Mei 2014. Diversiti sebegini sudah tentu mewujudkan pelbagai cabaran dan kerumitan dalam kalangan guru-guru dan pihak pentadbir kesan daripada pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam di sekolah tersebut. Oleh itu, penyelidik yakin bahawa wujudnya satu kes yang unik dan dramatik di lokasi kajian yang sebenarnya memberi peluang terbaik kepada penyelidik untuk mengumpul dapatan kajian yang lebih bermakna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Instrumen Kajian

Penyelidik menggunakan beberapa instrumen kajian untuk memperolehi dan mengumpul data kajian. Instrumen tersebut ialah melalui temu bual, analisis dokumen, pemerhatian dan peranan penyelidik sendiri sebagai instrumen. Ia dipilih berasaskan kepada kesesuaian kajian yang akan dijalankan seperti yang dirumuskan dalam **Jadual 3.1** di bawah.

Jadual 3.1

Instrumen Kajian

Instrumen	**Bahagian/Aspek Yang Dikaji**
Temu bual	Status Pelaksanaan, Penerimaan Dan Kesediaan Rintangan Perubahan Strategi Menangani Perubahan Faktor Kejayaan Perubahan Keberkesanan Perubahan Cadangan Penambahbaikan
Analisis Dokumen	Status Pelaksanaan, Penerimaan Dan Kesediaan Rintangan Perubahan Strategi Menangani Perubahan Faktor Kejayaan Perubahan Keberkesanan Perubahan
Pemerhatian	Status Pelaksanaan, Penerimaan Dan Kesediaan Strategi Menangani Perubahan Faktor Kejayaan Perubahan Keberkesanan Perubahan
Penyelidik Sebagai Instrumen	Status Pelaksanaan, Penerimaan Dan Kesediaan Rintangan Perubahan Strategi Menangani Perubahan Faktor Kejayaan Perubahan Keberkesanan Perubahan Cadangan Penambahbaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Instrumen Temu Bual

Penyelidik memilih temu bual sebagai salah satu instrumen kerana maklumat yang diperoleh daripadanya mampu menyokong pemikiran dan pandangan baru tentang sesuatu perkara. Ia dilakukan sebagai salah satu alat pengumpul data yang disebut dengan triangulasi (Lexy, 2007). Temu bual perlu apabila penyelidik tidak boleh memerhati perlakuan, peraaan atau bagaimana manusia mentafsir dunia sekeliling mereka atau mengetahui peristiwa lalu yang sukar ditiru atau diulang semula (Othman Lebar, 2014).

Soalan-soalan temu bual disediakan dalam bentuk semi berstruktur. Penyelidik telah membina tujuh soalan utama terlebih dahulu, dan ditambah dengan beberapa sub soalan kemudiannya bagi menampung keperluan maklumat yang perlu diterokai berdasarkan keperluan dan kesesuaian situasi. Temu bual bersemuka secara individu dijalankan dengan guru-guru Tingkatan Enam memandangkan subjek kajian terdiri daripada guru yang datang daripada berlainan sekolah sebelum pemusatan sekolah-sekolah Tingkatan Enam daerah Kuala Kangsar di SMK Raja Muda Musa. Penyelidik menyediakan protokol temu bual yang mana soalan-soalan tersebut di susun selari dengan apa yang perlu dicapai dalam objektif kajian (rujuk **LAMPIRAN A**).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian A: Profil Peserta Kajian

Bahagian ini akan membantu penyelidik untuk menerangkan tentang latar belakang peserta kajian. Penyelidik memastikan semua peserta kajian yang dipilih adalah individu yang mempunyai latar belakang yang mempunyai perkaitan rapat dengan bidang yang dikaji.

Jadual 3.2

Instrumen Temu Bual Bahagian A: Profil Peserta Kajian

Bahagian	Aspek Yang Dikaji	Soalan Kajian	Sub Soalan
A Profil Peserta Kajian	Biodata (i) Umur (ii) Jawatan/Gred (iii) Opsyen (iv) Pengalaman Mengajar (v) Sekolah Asal Mengajar	Bagaimanakah latar belakang diri peserta kajian dalam dunia pendidikan?	Boleh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri cikgu dalam dunia pendidikan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian B: Status Pelaksanaan, Penerimaan dan Kesediaan

Bahagian ini membantu penyelidik mengumpul jawapan bagi Soalan Kajian 1 yang mana penyelidik dapat membuat analisis perbandingan antara polisi atau perancangan yang dirangka oleh pihak KPM dengan pelaksanaan sebenar di peringkat yang terlibat.

Jadual 3.3

Instrumen Temu Bual Bahagian B: Status Pelaksanaan, Penerimaan dan Kesediaan

Bahagian	Aspek Yang Dikaji	Soalan Kajian	Soalan Temu Bual
B Status Pelaksanaan, Penerimaan Dan Kesediaan	Status Fasa 2 (a) Penerimaan dan Kesediaan (b) Status Pelaksanaan	SK1 Sejauhmanakah elemen-elemen dan proses perubahan yang dirancang dalam penjenamaan semula Tingkatan Enam dapat dilaksanakan berdasarkan kepada tahap penerimaan dan kesediaan pihak sekolah?	
		(a) Penerimaan dan kesediaan melalui sokongan guru	Secara peribadi, adakah cikgu menyokong atau bersetuju dengan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam ini?
	(b) Perjalanan Pelaksanaan Sistem Modular Kandungan Pengajian Peperiksaan Kaedah Pentaksiran Aspek Kemahiran Insaniah Peluang Memperbaiki Keputusan Standard Pengiktirafan Kadar Yuran	Apakah pandangan cikgu terhadap perjalanan sistem pentaksiran baharu stpm (sistem modular) berbanding dengan sistem terminal sebelum ini?	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian C: Rintangan Perubahan

Bahagian ini membolehkan penyelidik mengumpul jawapan bagi Soalan Kajian 2 yang mana penyelidik dapat mengenal pasti beberapa masalah / cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan polisi berdasarkan pandangan pihak yang terlibat.

Jadual 3.4

Instrumen Temu Bual Bahagian C: Rintangan Perubahan

Bahagian	Aspek Yang Dikaji	Soalan Kajian	Soalan Temu Bual
C Rintangan Perubahan	Masalah/Cabaran Sepanjang Fasa 2	SK2 Apakah rintangan-rintangan yang dihadapi sepanjang penjenamaan semula Tingkatan Enam dilaksanakan di peringkat sekolah?	Boleh cikgu ceritakan, apakah masalah atau kekangan yang dihadapi sewaktu sistem modular mula dilaksanakan?

Bahagian D: Strategi Menangani Perubahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini akan membantu penyelidik mengumpul jawapan bagi Soalan Kajian 3 iaitu membolehkan penyelidik mendedahkan beberapa strategi yang telah dibuat dalam memastikan polisi yang dirancang terus dapat dilaksanakan di peringkat yang terlibat.

Jadual 3.5

Instrumen Temu Bual Bahagian D: Strategi Perubahan

Bahagian	Aspek Yang Dikaji	Soalan Kajian	Soalan Temu Bual
D Strategi Perubahan	Peranan Pihak Berkepentingan	SK3 Bagaimanakah pihak berkepentingan memainkan peranan dalam fungsi pengurusan masing-masing untuk memastikan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam terus berjaya dilaksanakan?	Bagaimanakah cara mengatasi kekangan yang telah dihadapi pada tempoh peralihan ini? (Inisiatif sendiri guru/sekolah)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian E: Faktor Kejayaan

Bahagian ini dapat membantu penyelidik mendapatkan jawapan kepada Soalan Kajian 4 yang mana ia memberi jawapan kepada penentu-penentu kepada kelangsungan polisi yang dirancang untuk terus berjaya dilaksanakan.

Jadual 3.6

Instrumen Temu Bual Bahagian E: Faktor Kejayaan Perubahan

Bahagian	Aspek Yang Dikaji	Soalan Kajian	Sub Soalan
E Faktor Kejayaan Perubahan	Penentu / Penggerak Perubahan	SK4 Apakah faktor-faktor kejayaan yang menyebabkan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam berjaya diteruskan walaupun mengahadapi rintangan perubahan?	Usaha penjenamaan semula tingkatan enam ini tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran. Pada pendapat cikgu, apakah faktor-faktor yang menentukan penjenamaan semula ini berjaya atau gagal diteruskan sehingga kini? Cikgu boleh beri contoh yang berlaku di sekolah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian F: Keberkesanan Perubahan

Bahagian ini akan membantu penyelidik menjawab Soalan Kajian 5 yang mana ia meninjau keberkesanan polisi yang dirancang dari perspektif pihak yang terlibat.

Jadual 3.7

Instrumen Temu Bual Bahagian F: Keberkesanan Perubahan

Bahagian	Aspek Yang Dikaji	Soalan Kajian	Sub Soalan
F Keberkesanan Perubahan	Hasil Akhir Pelaksanaan dan Kelebihan Sistem Modular	SK5 Bagaimanakah pandangan pihak berkepentingan terhadap keberkesanan usaha penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam oleh KPM?	

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7 (*Sambungan*)

Bahagian	Aspek Yang Dikaji	Soalan Kajian	Sub Soalan
		(a) Pencapaian Matlamat	Pada pandangan cikgu, adakah penjenamaan semula Tingkatan Enam ini mencapai matlamatnya?
		(b) Sistem Modular Berbanding Sistem Terminal	S14 : Pada pandangan cikgu, mana lebih baik antara sistem terminal dengan sistem modular

Bahagian G: Cadangan Penambahbaikan

Bahagian ini dapat membantu penyelidik menjawab Soalan 6 yang mana penyelidik boleh mengumpul idea-idea daripada perpsektif pihak yang terlibat bagi menambahbaik polisi yang telah dilaksanakan.

Jadual 3.8

Instrumen Temubual Bahagian G: Cadangan Penambahbaikan

Bahagian	Aspek Yang Dikaji	Soalan Kajian	Sub Soalan
G Cadangan Penambahbaikan	Idea penambahbaikan	SK6 Bagaimana dengan pandangan pihak pelaksana tentang cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pihak KPM yang untuk memastikan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam ini lebih berjaya?	Apa cadangan cikgu sebagai penambahbaikan kepada sistem sekarang?

3.6.2 Instrumen Analisis Dokumen

Instrumen analisis dokumen dibina bagi membantu penyelidik membuat analisis perbandingan berkaitan status pelaksanaan polisi yang dilancarkan oleh pihak KPM dalam usaha penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam. Analisis dokumen sangat membantu dalam memperoleh data secara objektif dan lebih konsisten kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ia tidak memerlukan kehadiran informan berikutan segala data adalah dalam bentuk tersurat. Ini dapat digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan kesahan sesuatu jawapan daripada analisis yang telah dibuat.

Penyelidik menggunakan jenis dokumen awam (sumber pihak berautoriti seperti polisi dan bahan edaran) dan juga dokumen yang dijana oleh penyelidik (sumber data online seperti jurnal). Penggunaan dokumen ini dapat memantapkan kajian ini kerana ia menambah dan menjelaskan data dan maklumat yang diperolehi dan dianalisis melalui pemerhatan dan temubual (Othman Lebar, 2014).

Jadual 3.9

Sumber Dokumen Utama

Dokumen	**Tahun**
Taklimat Jerayawara Jom STPM 2017, Majlis Peperiksaan Malaysia	2017
Laporan Tahunan Majlis Peperiksaan Malaysia	2011 hingga 2016
Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam 2016, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia	28 September 2016
Taklimat Jerayawara Jom STPM 2015, Majlis Peperiksaan Malaysia	2015
Kerangka Konsep Pendidikan Tingkatan Enam, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia	18 November 2015
Teks Ucapan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin Sempena Majlis Pelancaran Pusat Tingkatan Kementerian Pendidikan Malaysia Di SMK Desa Mahkota, Kuala Lumpur	17 Jun 2015
Modul Transformasi Tingkatan Enam; Pemantapan Pedagogi Pembelajaran & Pengajaran (PdP) Dalam Sistem Pentaksiran STPM Tingkatan Enam Berasaskan Pengetahuan, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia	2014
Taklimat Pengetua: Penjenamaan Semula Tingkatan Enam, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia	2014
Dialog Pengetua: STPM Baharu (Modular), Majlis Peperiksaan Malaysia	2014

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.9 (*Sambungan*)

Dokumen	Tahun
Pembentangan Peranan Guru Tingkatan Enam Dalam Menjayakan PPPM (2013-2025) Oleh Rusly Bin Musa	2014
Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2 Tahun 2014: Etika Pakaian Murid Tingkatan Enam	5 Disember 2014
Pemerkasaan Pengurusan Tingkatan Enam: Peranan Pengetua Sekolah Pusat Tingkatan Enam, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia	25 Mac 2014
Pelaksanaan Sistem Pentaksiran Baharu Untuk Menggantikan Sistem Peperiksaan Terminal Bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Majlis Peperiksaan Malaysia	2013
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia	2012
Taklimat Sukatan Pelajaran STPM Baharu Bagi Mata Pelajaran Sains Sosial, Majlis Peperiksaan Malaysia	2012
Taklimat Sistem Pentaksiran Baharu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2012 Peringkat Kebangsaan, Majlis Peperiksaan Malaysia	2012
Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia	2012
Pemberitahuan STPM MPM4(AM)2012: Perubahan Format Penyataan Keputusan Dan Penganugerahan Gred Bagi Peperiksaan STPM Kepada Penyataan Baru Yang Menggunakan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP)	26 Disember 2012
Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam 2009, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kememterian Pendidikan Malaysia	21 Mac 2012
Sistem Pentaksiran Baharu STPM, Majlis Pepepriksaan Malaysia	12 Mac 2012
Pengendalian Sistem Pentaksiran Baharu Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Mulai Sesi 2012/2013, Majlis Peperiksaan Malaysia	30 Januari 2012
Taklimat Pengurusan Dan Pentadbiran Prauniversiti, Jabatan Pendidikan Sabah	2011
Sistem Pentaksiran Modular 2011: Kurikulum Dan Pentaksiran Baharu Pendidikan Tingkatan Enam (STPM), Majlis Peperiksaan Malaysia	2011
Pelaksanaan & Pengurusan Tingkatan Enam: Isu, Cabaran & Kesan, Jabatan Pendidikan Pahang	2009
Pembentangan Seminar Tingkatan Enam Peringkat Kebangsaan 2009: Perkembangan Pengurusan, Pentadbiran Dan Kemenjadian Pelajar Program Persediaan Universiti SMK Seri Tanjong, Melaka oleh Shaleha bt. Abdol	2009
Taklimat Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam 2009, Jabatan Pendidikan Negeri Perak	2009

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3 Instrumen Pemerhatian

Penyelidik menjadikan pemerhatian sebagai instrumen kajian. Nota lapangan dan senarai semak digunakan ketika pemerhatian dilakukan ke atas pelaksanaan sistem modular dalam sistem pendidikan Tingkatan Enam di sekolah berkenaan. Ia digunakan oleh pengkaji untuk merekod perlakuan spesifik yang sedang berlaku, melihat sesuatu perkara atau peristiwa secara langsung atau perspektif yang baharu diperlukan atau apabila peserta kajian tidak dapat memberikan maklumat tentang sesuatu topik (Othman Lebar, 2014).

Bahagian B: Status Pelaksanaan, Penerimaan Dan Kesediaan

Bahagian ini membantu penyelidik membuat nota lapangan yang dapat menyokong jawapan yang diperoleh dalam instrumen temu bual (Bahagian B) yang bertujuan untuk membuat perbandingan antara polisi atau perancangan yang dirangka oleh pihak KPM dengan pelaksanaan sebenar di peringkat yang terlibat.

Jadual 3.10

Instrumen Pemerhatian Bahagian B: Status Pelaksanaan, Penerimaan dan Kesediaan

Nota Lapangan (Nl)	Bahagian	Panduan/Aspek Pemerhatian		Sumber Pemerhatian
		Elemen Perubahan	Proses Perubahan	
NL1	B : Status Pelaksanaan, Penerimaan Dan Kesediaan	(a) Kandungan Pengajian (b) Peperiksaan (c) Kaedah Pentaksiran (d) Aspek Kemahiran Insaniah (e) Peluang Memperbaiki Keputusan (f) Standard Pengiktirafan (g) Kadar Yuran	Sistem Modular (Sistem Pentaksiran Baharu STPM)	Sukatan Pelajaran Fail Penilaian Dan Pentaksiran Fail S/U Peperiksaan P&P Kelas Sijil STPM Portal MPM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian C: Rintangan Perubahan

Bahagian ini boleh menyokong jawapan yang diperoleh dalam instrumen temu bual (Bahagian C) iaitu untuk mengenalpasti beberapa masalah / cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan polisi berdasarkan pandangan pihak yang terlibat.

Jadual 3.11

Instrumen Pemerhatian Bahagian C: Rintangan Perubahan

Nota Lapangan (NL)	**Bahagian**	**Panduan/Aspek Pemerhatian**		**Sumber Pemerhatian**
		Cabaran/Masalah	**Punca**	
NL2	C : Rintangan Perubahan	Berdasarkan dapatan daripada temu bual	Faktor Dalaman Faktor Luaran	Aktiviti/Program Persekitaran Budaya Organisasi Fizikal Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian D: Strategi Menangani Perubahan

Bahagian ini akan dapat menyokong jawapan yang diperoleh dalam instrumen temu bual (Bahagian D) seperti dalam **Jadual 3.12** bagi mendedahkan beberapa strategi menangani perubahan yang telah dibuat dalam memastikan polisi yang dirancang terus dapat dilaksanakan di peringkat yang terlibat.

Jadual 3.12

Instrumen Pemerhatian Bahagian D: Strategi Menangani Perubahan

Nota Lapangan (Nl)	**Bahagian**	**Panduan/Aspek Pemerhatian**		**Sumber Pemerhatian**
		Strategi Perubahan	**Peranan**	
NL3	D : Strategi Menangani Perubahan	Berdasarkan dapatan daripada temu bual	KPM/MPM JPN/PPD GATE	Aktiviti/Program Persekitaran Budaya Organisasi Fizikal Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian E: Faktor Kejayaan

Bahagian ini dapat menyokong jawapan yang diperoleh dalam instrumen temu bual (Bahagian E) seperti dalam **Jadual 3.13** bagi mendapatkan jawapan kepada penentu-penentu kepada kelangsungan polisi yang dirancang untuk terus berjaya dilaksanakan.

Jadual 3.13

Instrumen Pemerhatian Bahagian E: Faktor Kejayaan

Nota Lapangan (Nl)	Bahagian	Panduan/Aspek Pemerhatian		Sumber Pemerhatian
		Faktor Kejayaan	Peranan	
NL4	E : faktor Kejayaan	Berdasarkan dapatan daripada temu bual	KPM/MPM JPN/PPD GATE/ Ibu Bapa/ Masyarakat	Pelaksanaan Aktiviti / Program Persekitaran Budaya Kerja Dan Fizikal Sekolah Sarana Ibu Bapa / Masyarakat / Badan Korporat / PIBG

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian F: Keberkesanan Perubahan

Bahagian ini akan dapat menyokong jawapan yang diperoleh dalam melalui instrumen temu bual (Bahagian F) seperti dalam **Jadual 3.14** untuk meninjau keberkesanan polisi yang dirancang dari perspektif pihak yang terlibat.

Jadual 3.14

Instrumen Pemerhatian Bahagian F: Keberkesanan Perubahan

Nota Lapangan (Nl)	Bahagian	Panduan/Aspek Pemerhatian		Sumber Pemerhatian
		Keberkesanan Perubahan	Matlamat Polisi	
NL5	C : Rintangan Perubahan	Berdasarkan dapatan daripada temu bual	Memperkasa pendidikan Tingkatan Enam: Penyediaan pelajar ke institusi pengajian tinggi dan menjadikan nya pilihan terbaik/ menarik minat lepasan SPM	Suasana Aktiviti / Program Ketrampilan/Kemenjadian Pelajar

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.14 (*Sambungan*)

Nota Lapangan (Nl)	Bahagian	Panduan/Aspek Pemerhatian		Sumber Pemerhatian
		Keberkesanan Perubahan	Matlamat Polisi	
			Mengubah persepsi masyarakat Membangun dan memupuk nilai kepimpinan yang tinggi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam	

3.6.4 Penyelidik Sebagai Instrumen

Penyelidik sendiri berperanan sebagai instrumen kajian. Ini kerana penyelidik akan mengendalikan segala aktiviti pengumpulan dan penganalisisan data. Latar belakang dan subjektiviti penyelidik sedikit sebanyak mampu mempengaruhi data yang dikumpul dan dapatan kajian. Merriam (2001) ada menjelaskan bahawa penyelidik sebagai instrumen kajian haruslah beupaya memproses data serta merta, mampu memperjelaskan dan merumuskan data serta peka dengan perubahan persekitaran. Oleh itu, penyelidik perlu mengambil beberapa langkah untuk memastikan penyelidik tidak dilihat seperti berat sebelah (bias) atau timbulnya isu-isu kredibiliti sepanjang proses pengumpulan data.

Penyelidik perlu adil dalam pemerhatian bagi mengelak daripada membuat sebarang andaian atau intreprestasi awal terhadap subjek kajian, lokasi kajian dan peristiwa yang berlaku ketika pemerhatian tetapi lebih kepada hanya mencatat peristiwa dengan sabar dan tafsiran tersebut dibuat kemudian. Selain itu, penyelidik perlu mahir menggunakan borang pemerhatian dan menggunakan senarai semak. Ini dapat mengelakkan daripada pembaziran masa untuk menentukan kategori atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlakuan yang perlu diperhatikan. Seterusnya, penyelidik tidak memilih subjek kajian yang mempunyai hubungan rapat bagi mengelak daripada mempengaruhi interpretasi penyelidik terhadap subjek.

Penyelidik perlu membuat persediaan rapi bagi memastikan kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi yang mana penyelidik harus memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam penyelidikan kualitatif serta memahami isu-isu etika sebagai seorang penyelidik. Penyelidik juga perlu membuat kajian rintis sebagai langkah berhati-hati bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan dapat memberi ketekalan kepada hasil kajian dengan meneliti protokol temu bual, senarai semak borang dan catatan pemerhatian telah pun disaring melalui kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan teknik pengumpulan data melalui pencarian sumber data primer dan data sekunder. Sumber data primer diperoleh menerusi teknik temu bual dan pemerhatian manakala sumber data sekunder diperoleh melalui teknik analisis dokumen. Penyelidik mengumpul data melalui teknik triangulasi iaitu (i) temu bual, (ii) analisis dokumen dan (iii) pemerhatian. Taylor dan Bogdan (1984) dalam Patton (1990) mengatakan data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data berikut iaitu (i) hasil pemerhatian – huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan; (i) hasil temu bual – kutipan langsung dari pernyataan orang-orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesempatan temu bual mendalam; dan (iii) bahan tertulis – petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah.

Kebanyakan kajian kualitatif dalam pendidikan menggunakan dapatan kajian menjadi lebih tepat dan meyakinkan, bukan sahaja boleh menyokong dan menambahkan bukti daripada pelbagai sumber lain, malah pemerolehannya daripada pelbagai sumber dapat disemak kesahannya (Razali, 1994; Yin, 2003; Nana, 2005; Sukardi, 2005).

3.7.1 Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual yang digunakan ialah jenis temu bual semi berstruktur. Penyelidik perlu melakukan temu bual untuk mendapatkan maklumat tertentu apabila penyelidik mahu mendapatkan apa yang ada dalam fikiran seseorang (Patton, 1990). Ianya perlu jika tidak dapat memerhatikan tingkah laku, perasaan, atau cara manusia menginterpretasi dunia di sekeliling mereka, dan juga diperlukan apabila penyelidik berminat terhadap suatu peristiwa yang telah berlalu (Merriam, 2001),

Proses Sebelum Temu Bual

Oleh kerana penyelidik menggunakan persampelan bertujuan, maka penyelidik akan bertemu dengan pengetua dan seterusnya berurusan dengan Penolong Kanan Tingkatan Enam di sekolah tersebut bagi tujuan perbincangan tidak formal untuk mendapatkan maklumat tentang guru-guru yang berpotensi tinggi dipilih sebagai peserta kajian. Penyelidik juga ada mewujudkan hubungan awal melalui konteks peribadi dengan peserta kajian. Mereka dipilih berdasarkan kemampuan mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meluahkan fikiran dan perasaan serta dapat menyumbangkan pemahaman yang luas dan mendalam tentang isu yang dikaji kepada penyelidik.

Setelah pengetua memberikan kebenaran (rujuk **LAMPIRAN B**), perkara pertama sekali ialah penyelidik perlu mewujudkan interaksi positif. Pertemuan dimulakan dengan memperkenalkan diri dan tujuan kajian agar peserta kajian jelas dengan penglibatan mereka. Penyelidik juga akan memastikan wujudnya keselesaan dengan peserta kajian iaitu memberi peluang untuk mereka menyatakan pandangan dan bertanyakan soalan terhadap kajian yang dijalankan. Apabila persetujuan sudah dicapai, satu temu janji dengan peserta kajian akan diatur dan dimasukkan dalam Jadual Temu Janji mengikut tarikh, masa dan tempat yang dipersetujui bersama. Memo temu janji akan diberikan kepada peserta kajian sebagai tanda temu janji sudah dipastikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses Semasa Temu Bual

Peserta kajian akan menandatangani satu Borang Persetujuan Menjadi Peserta Kajian yang disediakan oleh penyedidik (rujuk **LAMPIRAN C**). Apabila sesi temu bual bermula, penyelidik akan menggunakan Protokol Temubual (sila rujuk **LAMPIRAN A**) bagi memaklumkan tentang objektif sebenar kajian dan menjelaskan betapa pentingnya sumbangan peserta kajian maklumat kepada hasil kajian ini. Pengkaji juga menyatakan bahawa peserta kajian tidak akan menggunakan nama sebenar sebaliknya akan menggunakan nama samaran dalam penulisan kajian bagi melindungi kerahsiaan maklumat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik perlu mewujudkan situasi yang selesa terutamanya sentiasa menjaga emosi peserta kajian sepanjang sesi temu bual. Penyelidik terlebih dahulu akan memohon kebenaran untuk membuat rakaman suara dan mencatat nota. Dalam mengendalikan temu bual semi berstruktur, penyelidik akan menggunakan bahasa dan ayat yang mudah difahami. Penyelidik perlu mengekalkan interaksi positif dengan cuba berpendirian untuk tidak bias, bersikap berkecuali dan terbuka, tidak mendesak atau memaksa, tidak mempengaruhi pemikiran, tidak menunjukkan perasaaan negatif, menjaga mimik muka dan sentiasa peka terhadap keadaan peserta kajian.

Penyelidik menggunakan pita rakaman untuk merakam temu bual secara langsung (bersemuka) dan dalam masa yang sama akan membuat catatan nota ringkas sepanjang sesi temu bual berlangsung. Penyelidik akan bertanyakan soalan-soalan utama (berstruktur) terlebih dahulu dan diikuti soalan tambahan (tidak berstruktur) sekiranya perlu untuk menyokong jawapan kepada data yang diperlukan.

Proses Selepas Temu Bual

Penyelidik akan membuat refleksi (nota pasca temu bual) sebaik sahaja selesai sesi temu bual bagi membantu penyelidik membuat perkaitan antara makna-makna dalam kandungan temu bual tersebut dengan pemikiran penyelidik. Setelah itu, penyelidik akan menyimpan rakaman-rakaman tersebut dalam bentuk “softcopy” dan disusun sama konsepnya seperti log rakaman yang dicadangkan oleh Merriam (2001) dan disimpan dalam fail komputer. Langkah seterusnya, penyelidik akan membuat transkripsi rakaman temu bual (rujuk **LAMPIRAN D**) yang berperanan sebagai pangkalan data utama untuk memudahkan kerja-kerja menganalisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.2 Kaedah Pemerhatian

Selain itu, penyelidik menggunakan teknik pemerhatian. Melaluinya, penyelidik dapat mengkaji interaksi yang kompleks dalam latar sosial yang sebenar dan seterusnya boleh menyiasat pola-pola tingkah laku dan perhubungan yang timbul (Othman Lebar, 2014). Penyelidik akan merekod pemerhatian dalam bentuk nota lapangan iaitu merakam peristiwa, perlakuan dan bahan dalam bentuk visual yang boleh dijadikan sebagai eviden secara sistematik. Pengkaji menyediakan senarai semak pemerhatian mengikut kategori-kategori yang perlu disiasat tetapi ia hanyalah sekadar panduan sahaja. Ini kerana pengkaji ingin bebas mencari pola-pola perlakuan yang ingin diketahui dengan lebih lanjut dan mungkin ia di luar pemikiran penyelidik.

Terdapat dua kaedah pemerhatian yang digunakan oleh penyelidik iaitu pemerhatian langsung dan pemerhatian tidak langsung. Dalam pemerhatian langsung, penyelidik memilih jenis pemerhatian tidak ikut serta (pasif / naturalistic observation) yang mana pengkaji hanya mencatat dan cuba mengelak diri daripada terlibat dalam suasana yang dikaji. Dengan ini, penyelidik dapat menjelaskan tingkah laku seperti mana wujud secara semulajadi dan dapat memeriksa hubungan antara pemboleh ubah. (Rosmi Ismail, 2015). Manakala, pemerhatian tidak langsung digunakan untuk menyiasat bukti fizikal yang mempunyai perkaitan rapat dengan dapatan utama. Ia bersifat tidak reaktif yang mana pengkaji hanya merakam bukti fizikal dengan menggunakan kamera tanpa mengubah tingkah laku subjek semasa kajian dibuat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.3 Kaedah Analisis Dokumen

Pengkaji juga mengumpulkan data melalui analisis dokumen iaitu dengan cara merujuk kepada rekod awam, dokumen peribadi, bahan fizikal dan dokumen yang dijana sendiri oleh penyelidik. Pengumpulan data dan maklumat dibuat dengan membuat carian teks, pengurusan teks / data, menentukan keautentikan dan ketepatan dokumen, pengekodan dan pengketalogan dan menginterpretasi bahan dokumen. Antara yang dirujuk seperti jurnal pengkaji, buku akademik, data jabatan, surat-surat pekeliling, bahan pembentangan, buku garis panduan, kenyataan akhbar, penulisan blog dan laman sesawang.

Data yang terkumpul melalui analisis dokumen adalah bertujuan untuk memperlengkapkan dan memberi bukti kepada data yang didapati dari sumber lain seperti pemerhatian dan temu bual (Razali, 1994; Nana, 2005; Sukardi, 2005). Penggunaan teknik triangulasi seperti pungutan data-data yang diperoleh melalui sumber dokumen bukan sahaja boleh menyokong dan menambahkan bukti daripada pelbagai sumber lain, tetapi juga menolong mengesahkan maklumat yang didapati daripada temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Kaedah Menganalisis Data

Kajian kes ini menggunakan kaedah pengumpulan data berganda dan prosedur analisis. Ini bertujuan untuk menyediakan penyelidik dengan peluang untuk membanding dan membezakan tafsiran; menghuraikan perkaitan itu dengan membangunkan penemuan yang tidak dijangka dan tafsiran; dan meneroka penemuan yang ganjil atau "disconfirming" daripada hipotesis asal dan tanggapan (Peter Freebody, 2003). Ini kerana berdasarkan Margrit Schreir (2012) berkata "Data never speaks for itself, it does not have a specific meaning. Meaning is something that we, the recipients, attribute to the words that we hear or read, to the images that we see" (Margrit Schreir, 2012, pg. 2).

Maka, data kajian ini sesuai dianalisis menggunakan analisis tematik yang diadaptasi daripada Braun & Clarke (2006) iaitu digunakan untuk menganalisis data temu bual. Ia adalah kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak (tema) dalam sesuatu data yang mana ia dapat mengorganisasi dan menghuraikan data secara set lengkap (Boyatzis, 1998). Analisis tematik menerangkan proses berulang bagaimana daripada data yang tidak kemas kepada satu peta tema utama.

Penyelidik membentuk kod-kod kategori tersebut dengan bantuan perisian iaitu NVivo 11.0 (rujuk **LAMPIRAN E**). Ia membantu penyelidik menyimpan dan mengekod data, membentuk sistem klasifikasi, mencari perkaitan dan menghasilkan grafik. Namun, penyelidik perlu membuat analisis yang sebenar secara manual kerana perisian tersebut tidak mempunyai keupayaan menginterprestasi secara mendalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang perkara-perkara yang subjektif terutama dalam penerokaan dan pencarian makna.

Manakala analisis kandungan (content analysis) dan perbandingan konstan (constant comparative) diguna untuk menganalisis data atau teori yang diperoleh daripada sumber analisis dokumen dan pemerhatian. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menggambarkan secara sistematik pengertian bahan kualitatif. Ini membolehkan pengkaji dapat memahami realiti sosial dengan cara yang subjektif tetapi sebenarnya saintifik (Zhang dan Wildemuth, 2009). Ia dilakukan dengan mengklasifikasikan bahan sebagai contoh dari kategori kerangka pengekodan. Dengan bahasa mudah, penyelidik akan mengenal pasti kategori kajian yang muncul. Seterusnya akan memberi fokus kepada makna dalam sesuatu perkataan dan menjelaskannya dalam bahasa yang lebih ekspresif dan menarik. Kaedah ini digunakan apabila terdapat banyak data yang memerlukan intrepretasi, data verbal, data visual, data yang disampelkan daripada sumber lain (dokumen, internet) dan data yang dikumpul sendiri.

Pengekodan akan dibuat setelah transkripsi dibaca dengan teliti untuk membahagikan maklumat mengikut tema dan kategori. Tiada satu prosedur yang standard untuk meyusun transkripsi temu bual, nota lapangan, dokumen dan bahan visual (Othman Lebar, 2014). Kaedah perbandingan konstan pula dipraktikkan oleh pengkaji untuk menganalisis data dengan membandingkan sesuatu kategori, segmen, dan dimensi fenomena yang dikaji. Penyelidik akan membandingkan dapatan data antara peserta-peserta kajian untuk mengesan kategori-kategori baru yang akan muncul. Ini membolehkan penyelidik mengenal pasti wujudnya persamaan, perbezaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan keterangan terhadap kategori yang muncul. Proses ini akan dilakukan secara berterusan untuk transkripsi peserta kajian yang seterusnya.

Penyelidik melakukan analisis data secara analisis induktif iaitu kerja menganalisis terus dibuat selepas temubual dengan peserta kajian selesai. Apabila hasil dapatan didapati tidak mencukupi, maka temubual dengan peserta kajian seterusnya akan dijalankan bagi memperoleh dapatan yang diperlukan. Proses ini akan dijalankan sekali lagi dan diulang sehinggalah hasil dapatan dirasakan cukup atau mencapai keadaan tepu. Melaluinya, penyelidik boleh memperbaiki teknik menemu bual dengan peserta kajian bagi mendapatkan maklumat yang lebih berkualiti.

3.9 Prosedur Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya penyelidik melalui tiga fasa penting dalam proses melengkapkan kajian ini.

Fasa 1 : Persediaan Menjalankan Penyelidikan

(i) Menyediakan kertas cadangan penyelidikan

(ii) Pembentangan kertas cadangan (rujuk **LAMPIRAN K**)

(iii) Memohon kebenaran daripada BPPDP, KPM (rujuk **LAMPIRAN F**), Jabatan Pelajaran Negeri Perak (rujuk **LAMPIRAN G**), PPD Kuala Kangsar (rujuk **LAMPIRAN H**), pihak sekolah (rujuk **LAMPIRAN B**) dan peserta kajian

(iv) Membuat rujukan – analisis dokumen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(v) Memilih peserta kajian, membuat temu janji dan menentukan jadual pemerhatian di lapangan (rujuk **LAMPIRAN I**)

(vi) Menjalankan kajian rintis

Fasa 2: Pengumpulan Data dan Maklumat

(i) Menjalankan temu bual

(ii) Menyediakan transkrip jawapan temu bual (rujuk **LAMPIRAN D**)

(iii) Menjalankan pemerhatian

(iv) Menganalisis dokumen

Fasa 3: Pemprosesan Data dan Maklumat

(i) Mengumpul data yang diperoleh

(ii) Membahagikan data mengikut pola dan bahagian (rujuk **LAMPIRAN J**)

(iii) Membuat analisis data (rujuk **LAMPIRAN E**)

(iv) Membuat pengesahan data

Fasa 4: Melaporkan Dapatan Kajian

(i) Membuat rumusan

(ii) Penulisan akhir laporan penyelidikan

(iii) Pembentangan disertasi (viva)

(iv) Penyerahan disertasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini sangat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen yang dibina oleh penyalidik daripada terdedah kepada kecacatan. Ia juga boleh menggambarkan tahap ketekalan dan ketepatan bidang yang dikaji (Othman Lebar, 2014). Semakin tinggi tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang akan diperolehi bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti.

3.10.1 Kesahan

Miles dan Huberman (1994) mengatakan tidak ada peraturan tertentu dalam pembinaan keesahan dalam kajian kualitatif. Oleh itu, penyelidik menitik beratkan kesahan dalam kajian ini meliputi kesahan dalaman dan kesahan luaran. Kesahan dalam kajian kes ini melibatkan kseluruhan proses kajian bukan hanya tertumpu kepada hasil kajian semata-mata.

Kesahan Dalaman

Penyelidik menggunakan kolaborasi pelbagai sumber data dan teori bagi meningkatkan kesahan dalaman. Antaranya ialah dengan menggunakan teknik triangulasi. Triangulasi ini melibatkan penggunaan pelbagai sumber data dan kaedah untuk mengesahkan dapatan. Ini termasuklah dalam melakukan persampelan, kaedah pengumpulan data dan kaedah menganalisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam persampelan, penyelidik memilih sampel yang mempunyai latar belakang yang berbeza dan datang dari sekolah asal yang berlainan. Manakala dalam kaedah pengumpulan data, penyelidik membuat perbandingan antara data yang diperoleh daripada tiga teknik iaitu temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dalam kaedah menganalisis data pula, penyelidik mempraktikkan tiga cara iaitu analisis tematik, analisis kandungan dan perbandingan konstan.

Selain teknik triangulasi, penyelidik menggunakan pemeriksaan rakan (member checks) yang mana pengkaji akan meminta peserta kajian memeriksa ketepatan dan kesesuaian data berdasarkan pandangan mereka sendiri. Ia dilakukan secara berterusan sepanjang kajian dijalankan. Penyelidik juga melakukan pemeriksaan rakan sekerja / sebaya dari universiti yang sama dan rakan dari universiti lain untuk memberikan komen kepada dapatan yang diperoleh dari semasa ke semasa. Penyelidik juga perlu mengelakkan bias penyelidik berkaitan bagaimana penyelidik menginterprestasi dapatan, pandangan dan andaian secara terbuka dan jujur yang dibentuk daripada faktor latar belakang penyelidik itu sendiri.

Kesahan Luaran

Dalam memperkukuhkan kesahan luaran, penyelidik menggunakan deskripsi yang kaya dan terperinci yang mana penyelidik menyediakan diskripsi yang mencukupi bagi membantu kefahaman pembaca dan bersetuju dengan penerangan kajian. Pengkaji juga menginterprestaikan dapatan dan menghuraikan maklumat secara objekti tanpa dipengaruhi oleh emosi diri sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10.2 Kebolehpercayaan

Penyelidik meningkatkan tahap kebolehpercayaan dalam kajian ini dengan menetapkan pendirian melalui penerangan rasional dalam pemilihan peserta kajian dan kaedah pengumpulan data. Pengkaji juga menggunakan teknik triangulasi untuk meningkatkan nilai kebolehpercayaan melalui kaedah mengumpul dan menganalisis data.

Selain itu, jejak audit (audit trail) digunakan oleh pengkaji iaitu memberi penjelasan yang terperinci tentang proses pengumpulan data, menganalisis data, proses membentuk kategori dan pembuatan keputusan sepanjang kajian. Penyelidik juga menggunakan alat pencatat untuk memastikan nila kebolehpercayaan seperti protokol temu bual, perakam suara dan transkripsi temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11 Etika Dan Kredibiliti Dalam Kajian

Penyelidik bertanggungjawab untuk mematuhi semua etika penyelidikan sepanjang melaksanakan kajian ini terutamanya bagi mengelak daripada terjejasnya kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Penekanan terhadap etika penyelidikan oleh penyelidik dapat memelihara reputasi dunia penyelidikan sosial memandangkan ia melibatkan manusia sebagai subjek.

Pertama, penyelidik perlu memastikan penyertaan sukarela dalam kalangan peserta kajian tanpa ada unsur paksaan. Jika peserta tersebut masih tidak setuju, tindakan terakhir adalah merujuk senarai peserta kajian tambahan. Penyelidik perlu berterus-terang dengan memberitahu identiti penyelidik dan nama organisasi sebelum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meminta kebenaran mana-mana individu untuk mengambil bahagian bagi mengelakkan rasa keraguan tentang latar belakang penyelidik.

Kedua, penyelidik perlu menjaga kerahsiaan dan tidak boleh mendedahkan maklumat peribadi peserta kajian. Jaminan perlu diberikan bahawa maklumat yang diperoleh hanya pengetahuan penyelidik sahaja. Penyelesaian terbaik adalah penyelidik perlu melakukan konsep ketanpanamaan yang mana orang lain tidak dapat mengenali individu yang memberikan data kajian kepada penyelidik. Sehinggakan dalam kaedah temu bual, penyelidik perlu akur atas kehendak peserta kajian untuk tidak dirakamkan suara atau gambarnya. Penyelidik perlu buat perjanjian dengan jelas secara bertulis bagi menjamin rahsia sulit peserta kajian. Oleh itu penyelidik telah menyedikan borang kenyataan persetujuan peserta kajian yang mana kenyataan kerahsiaan ini sangat membantu. (Sila rujuk **LAMPIRAN C**)

Ketiga, penyelidik juga perlu memastikan penggunaan bahasa dalam setiap maklumat dan soalan adalah ringkas dan mudah difahami. Penyelidik perlu menerangkan dengan jelas dan teratur sesuai dengan tahap demografi peserta kajian seperti tahap pendidikan dan umur supaya tidak mendatangkan kerumitan. Selain itu, penyelidik perlu menjaga perasaan peserta kajian dengan menyusun tindakan sewajarnya agar tidak memberi tekanan mental atau fizikal kepada peserta kajian. Ruang masa yang cukup diberikan untuk menjawab soalan-soalan dan mengelak daripada bertanyakan soalan-soalan yang menimbulkan rasa malu, mengganggu emosi atau mewujudkan situasi yang tidak menyenangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, penyelidik juga perlu meneliti etika dalam semua peringkat kajian termasuklah etika pemilihan permasalahan kajian, penentuan kaedah penyelidikan, pengumpulan data, analisi data, interpretasi dan melaporkan kajian. Data yang tepat perlu didedahkan dan penyelidik harus mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pemilik instrumen kajian yang sedia ada sebelum menggunakannya dalam kajian sendiri.

3.12 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan untuk menguji soalan-soalan temu bual yang disediakan oleh penyelidik. Ini kerana ia membantu penyelidik untuk mengemaskan perancangan bagi mengumpul data, seperti menentukan jenis yang diperlukan, prosedur yang harus diikuti dalam proses pengumpulan data (Yin, 1989). Selain daripada penyelidik dapat menyemak kesahan instrumen yang digunakan, ia juga dapat membantu mengetahui kekangan-kekangan yang mungkin timbul dalam proses pengumpulan data.

Penyelidik telah melakukan kajian rintis dengan memilih sampel di SMK Clifford, Kuala Kangsar, Perak dan memilih seorang peserta kajian untuk ditemu bual. Peserta kajian merupakan seorang Penolong Kanan Tingkatan Enam di SMK Clifford, Kuala Kangsar, Perak. Temu janji telah diatur pada 13 Oktober 2015 (Selasa), pada jam 10:20 pagi di pejabat sekolah tersebut. Penyelidik menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur untuk mengumpul data. Temubual tersebut berlangsung selama 40 minit berpandukan kepada soalan-soalan yang telah dirancang oleh penyelidik dan ia ditambah dengan beberapa sub soalan bagi mendapatkan penjelasan lebih terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan Kajian Rintis

Dapatan daripada sesi temu bual tersebut membolehkan penyelidik membuat rumusan awal tentang kajian yang bakal dilaksanakan. Oleh itu, penyelidik telah menghasilkan satu rumusan tentang dapatan yang diperoleh daripada setiap soalan-soalan kajian yang diajukan kepada peserta kajian seperti dalam **Jadual 3.15** di bawah.

Jadual 3.15

Dapatan Kajian Rintis

Soalan Kajian	Dapatan
1. Apakah jenis komponen perubahan terancang yang berlaku dalam penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam daripada sistem terminal kepada sistem modular?	Berdasarkan analisis dokumen yang dibuat oleh penyelidik, terdapat 4 komponen perubahan telah dikenalpasti. Ia dijadikan sebagai kategori untuk kajian ini dan setiap daripadanya mempunyai beberapa aspek / sub kategori seperti berikut: (i) Pentadbiran dan Pengurusan - Perjawatan - Struktur Organisasi - Laluan Kerjaya - Peralatan Sekolah - Promosi (ii) Mod Pengajaran dan Pembelajaran - Sistem Semester - Waktu Pengajaran & Pembelajaran - Pendekatan Pengajaran & Pembelajaran (iii) Kurikulum - Mata Pelajaran - Pelaksanaan MUET - Penerapan Kemahiran Insaniah - Penggubalan Kurikulum (iv) Info dan Infrastruktur - Penyampaian maklumat - Sekolah Pusat Tingkatan Enam (iv) Imej dan Anjakan Minda - Penampilan Murid - Bantuan Murid - Keberhasilan Murid

(*Bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.15 (*Sambungan*)

Soalan Kajian	Dapatan
2. Apakah faktor-faktor kejayaan mengurus komponen perubahan sepanjang proses pelaksanaan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam.	(i) Peranan pihak pentadbir (ii) Penyediaan keperluan & kemudahan (iii) Skop tanggungjawab dan bidang kerja (iv) Kejelasan garis panduan dan penyampaian maklumat
3. Bagaimanakah pihak sekolah menangani halangan yang menyebabkan komponen perubahan terancang tidak dapat dijalankan, diubahsuai, dikurangkan atau dibuang terus?	(i) Kepimpinan (ii) Budaya Organisasi (iii) Kreativiti /Inovasi / Inisatif
4 Meneliti pandangan, penerimaan dan kesediaan pihak pentadbir sekolah dan guru-guru terhadap keberkesanan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam	(i) Penerimaan guru Tingkatan 6 dan guru-guru lain

Dapatan daripada kajian rintis ini telah banyak membantu penyelidik untuk mengenal pasti beberapa kelemahan dan seterusnya mencari jalan untuk melakukan penambahbaikan. Antaranya, ia sangat membantu penyelidik dalam membentuk satu instrumen temubual dengan penghasilan soalan-soalan temu bual yang lebih baik untuk memperoleh jawapan yang lebih tepat, telus dan mendalam. Penyelidik juga telah mendapat beberapa idea baru dalam membentuk beberapa aspek penting yang perlu ditanya dan mengeluarkan tema/kategori baru yang sebelum ini tidak ada dalam kerangka kajian. Ia sangat berguna untuk penyelidik mendapatkan kategori tentatif yang lebih berkualiti. Selain itu, ia membantu penyelidik memperbaiki dari segi persediaan awal sebelum menjalankan sesi temu bual untuk kajian sebenar nanti. Satu rumusan telah dihasilkan oleh penyelidik untuk tindakan penambahbaikan yang perlu dilakukan hasil daripada kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti dalam kajian rintis seperti dalam **Jadual 3.16** di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.16

Rumusan Kelemahan Yang Dikenalpasti dan Penambahbaikan

Perkara	Kelemahan	Penambahbaikan
Soalan Kajian 1	Soalan kajian terlalu luas skopnya kerana tidak dikhususkan dari segi aspek dimaksudkan dan tempoh masanya. Soalan yang diajukan menyukarkan peserta kajian menggambarkan situasi sebenar apa yang berlaku sepanjang tempoh pelaksanaan, dan ini menyebabkan jawapan yang diberikan oleh peserta kajian tidak mampu memenuhi objektif kajian	Penyelidik perlu mengubahsuai struktur soalan agar apa yang hendak ditanya itu lebih tersusun dan jelas skop dan matlamatnya. Oleh itu, Soalan Kajian 1 telah diubahsuai kandungan soalannya iaitu dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu (i) status pelaksanaan, (ii) penerimaan dan (iii) kesediaan. Setiap komponen pula dikhususkan tempoh masa tertentu iaitu Fasa Peralihan (2012-2013) sahaja.
	Soalan kajian didapati sukar difahami maksud kehendak soalan terutama istilah "komponen perubahan terancang". Peserta kajian tidak diberikan panduan dari aspek apakah yang perlu diulas	Penyelidik perlu menggunakan laras bahasa yang mudah difahami oleh peserta kajian. Penyelidik menukar strategi dengan bertanyakan tentang status pelaksanaan, penerimaan dan kesediaan, bukan lagi bertanya tentang komponen perubahan tersebut. Penyelidik perlu menyediakan komponen-komponen perubahan tersebut sebagai panduan asas untuk membantu peserta kajian menjawab soalan dengan lebih mudah dan terperinci.
Komponen Strategi Perubahan	Soalan kajian tidak bertanya secara khusus tentang komponen strategi perubahan sedangkan ia tidak sama dengan faktor kejayaan perubahan dri segi konsep	Penyelidik perlu menambah soalan kajian khusus untuk komponen strategi perubahan
Komponen Cadangan Penambahbaikan	Sesuatu yang sia-sia sekiranya penyelidik tidak mendapatkan pandangan daripada pihak guru secara telus tentang idea-idea bernas untuk tujuan penambaikan sistem. Suara pihak pelaksana di peringkat sekolah sewajarnya diketengahkan dalam kajian ini.	Penyelidik perlu menambah soalan kajian khus untuk komponen cadangan penambahbaikan
Gaya Komunikasi	Penyelidik tidak mampu menwujudkan keadaan yang selesa apabila menemubual peserta kajian. Ini menyukarkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat secara terperinci	Penyelidik perlu mengubah gaya komunikasi dengan peserta kajian agar lebih mesra dan tidak mewujudkan situasi yang agak serius sehinggakan peserta kajian tidak selesa dan kurang idea untuk meluahkan maklumat yang sepatutnya
Peralatan temu bual	Alat perakam suara yang digunakan oleh penyelik tidak mampu menghasilakn bunyi rakaman yang jelas	Penyelidik perlu mencari alat perakam suara yang bermutu tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.13 Rumusan

Dalam bab ini, penyelidik telah menjelaskan dan menghuraikan secara terperinci tentang metodologi kajian termasuklah kaedah kajian, reka bentuk kajian yang (merangkumi persampelan, cara pengumpulan data dan cara menganalisis data), instrumen kajian, dan prosedur kajian. Kajian rintis dijalankan bagi menilai semula instrumen yang telah dibina antaranya meneliti kesesuaian soalan berdasarkan keperluan kajian dan menguji kebolehpercayaan dan kesahan intrumen. Pemilihan metodologi kajian yang sesuai membolehkan penyelidik mengumpul data dan maklumat yang tepat untuk dilaporkan dalam bahagian dapatan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Bab ini melaporkan tentang dapatan kajian tentang pengurusan perubahan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia. Dapatan kajian ini adalah gabungan daripada triangulasi teknik temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Sampel dipilih dalam kalangan Guru Akademik Tingkatan Enam di Pusat Tingkatan Enam Mod 2 SMK Raja Muda Musa, Kuala Kangsar. Dapatan kajian ini dimulakan Bahagian A: Profil Peserta Kajian, diikuti dengan lima bahagian seterusnya iaitu (i) Bahagian B: Status Pelaksanaan, Penerimaan dan Kesediaan; (ii) Bahagian C: Rintangan Perubahan, (iii) Bahagian D: Strategi Menangani Perubahan, (iv) Bahagian E: Faktor Kejayaan Perubahan, (vi) Bahagian F: Keberkesanan Perubahan, dan (vii) Bahagian G: Cadangan Penambahbaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Profil Peserta Kajian

Penyelidik telah berjaya mendapatkan maklumat daripada sembilan orang peserta kajian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman. Mereka tergolong dalam kalangan guru Tingkatan Enam atau gelaran jawatan hakikinya Guru Akademik Tingkatan Enam. Mereka mempunyai kisah cerita yang berbeza memandangkan mereka datang daripada sekolah-sekolah Tingkatan Enam di sekitar daerah Kuala Kangsar.

Namun, semua peserta kajian kini berkhidmat di tempat yang sama iaitu dikumpulkan di Pusat Tingkatan Enam SMK Raja Muda Musa, Kuala Kangsar, Perak setelah berlakunya pemusatan sekolah-sekolah Tingkatan Enam dibuat pada 2014. Ini memberi kelebihan kepada penyelidik untuk mendapatkan dapatan yang sangat bermakna hasil daripada dimensi yang berbeza dan pelbagai. Penyelidik telah menemu bual peserta-peserta kajian ini dalam lingkungan masa antara 30 hingga 60 minit. Berikutan itu, penyelidik telah merumuskan profil semua peserta kajian seperti dalam **Jadual 4.1** di sebelah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Rumusan Profil Peserta Kajian

Peserta Kajian	**Umur**	**Jawatan/Gred**	**Opsyen**	**Pengalaman Mengajar**	**Sekolah Asal** (sebelum pemusatan)
GATE 1	53	Guru Akademik Tingkatan Enam DG54	Ekonomi	29	SMK Raja Perempuan Kelsom
GATE 2	54	Guru Akademik Tingkatan Enam DG54	Bahasa Melayu	30	SMK Bukit Merchu
GATE 3	53	Penolong Tingkatan Enam DG48 (Pentadbir)	Sejarah	29	SMK Bukit Merchu
GATE 4	57	Guru Akademik Tingkatan Enam DG48	Bahasa Melayu	28	SMK Bukit Merchu
GATE 5	51	Guru Akademik Tingkatan Enam DG52	Pengajian Am	25	Kolej Tingkatan Enam Seri Putera, Ipoh
GATE 6	53	Guru Akademik Tingkatan Enam DG48	MUET	27	SMK Raja Perempuan Kelsom
GATE 7	53	Guru Akademik Tingkatan Enam DG54 (Pentadbir)	Ekonomi	29	SMK Bukit Merchu
GATE 8	50	Guru Akademik Tingkatan Enam DG48	Sejarah	24	SMK Bukit Merchu
GATE 9	56	Guru Akademik Tingkatan Enam/DG52	KMK	30	SMK Bukit Merchu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Bahagian B : Status Pelaksanaan, Penerimaan Dan Kesediaan

Bahagian ini dapat menjawab Soalan Kajian 1: Sejauh manakah elemen-elemen dan proses perubahan yang dirancang dalam penjenamaan semula Tingkatan Enam dapat dilaksanakan berdasarkan kepada tahap penerimaan dan kesediaan pihak sekolah? Jawapan dikembangkan lagi dengan bantuan dua sub soalan untuk memudahkan penyelidik menyusun penceritaan di peringkat awal pelaksanaan.

Bahagian ini dapat menjelaskan status pelaksanaan sebenar sepanjang fasa peralihan (Fasa 2) dengan cara mendapatkan pandangan daripada pihak berkepentingan (guru Tingkatan Enam dan pihak pentadbir). Dengan ini, penyelidik dapat membuat perbandingan antara perancangan asal oleh KPM dengan realiti sebenar yang berlaku sendiri di peringkat sekolah berdasarkan kepada tahap penerimaan dan kesediaan pihak berkepentingan itu sendiri.

Secara umumnya, penyelidik mendapati status pelaksanaan, penerimaan dan kesediaan pihak guru dan pentadbir adalah berbeza mengikut sekolah. Perbezaan ini wujud disebabkan sewaktu Fasa 1 dan Fasa 2 berlangsung, sekolah-sekolah yang mempunyai kelas Tingkatan Enam ini belum lagi terlibat dengan program pemusatan sekolah-sekolah Tingkatan Enam (Pusat Tingkatan Enam). Ini bermakna tahap perkembangan tersebut dipengaruhi oleh apa yang berlaku di sekolah sekolah masing-masing. Tahap penerimaan dan kesediaan sudah tentu bergantung kepada gaya kepimpinan pihak pentadbir dan persekitaran budaya dan fizikal sekolah yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Adakah guru menyokong usaha KPM melaksanakan penjenamaan semula Tingkatan Enam menggantikan sistem terminal?

Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan guru Tingkatan Enam menyokong penuh dan bersetuju dengan usaha KPM memperkenalkan polisi penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Di pihak guru Tingkatan Enam, mereka sebenarnya menyambut baik usaha yang diperkenalkan oleh pihak KPM ini. Dapatan temu bual mendapati guru-guru Tingkatan Enam menyokong tranformasi Tingkatan Enam ini kerana ia matlamatnya banyak memberi kelebihan.

> Saya memang menyokong dan bersetujulah dengan penjenamaan semula memandangkan matlamatnya yang begitu baik.
> (GATE 1: SK1/Bf2/4.3.1)

> Sebenarnya, cikgu-cikgu menyambut baik transformasi Tingkatan Enam.
> (GATE 3: SK1/Bf2/4.3.1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik menemui antara sebab guru Tingkatan Enam ini menyatakan sokongan adalah kerana penjenamaan semula Tingkatan Enam dapat menaikkan imej, taraf dan kualiti pendidikan Tingkatan Enam itu sendiri seperti yang dikatakan oleh peserta kajian berikut.

> Ya. Saya menyokong untuk meningkatkan imej Tingkatan Enam
> (GATE 9: SK1/Bf2/4.3.1)

> Kalaulah kata ada penjenamaan semula yang dibuat, memang sangat setuju sebab mungkin sistem pendidikan dia perlu mengikut perkembangan semasa kan.
> (GATE 2: SK1/Bf2/4.3.1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mereka juga mengatakan Tingkatan Enam ini wajar diberikan taraf sama seperti yang diperoleh oleh pelajar prauniversiti yang lain (program persediaan ke peringkat ijazah sarjana muda) di institusi pengajian tinggi yang lain seperti matrikulasi, asasi dan diploma.

> Secara peribadi, saya menyokong sebab dengan penjenamaan semula yang baru ni, kita memberi satu prestasi pada tingkatan enam di mana sebelum ini saya rasa Tingkatan Enam diabaikan.
>
> (GATE 6: SK1/Bf2/4.3.1)

> Memang rasa seronoklah sebab dia berikan macam satu pengiktirafan Tingkatan Enam itu macam khas untuk Tingkatan Enam je.
>
> (GATE 8: SK1/Bf2/4.3.1)

Ia juga dilihat sebagai sesuatu yang relevan kerana usaha penjenamaan semula ini dapat memenuhi keperluan semasa. Ini kerana pendidikan Tingkatan Enam telah melalui tempoh sejarah yang panjang dan sistem pendidikan Tingkatan Enam yang konvensional dan tradisional sebelum ini sewajarnya diberikan nafas baharu.

> Pada saya sebenarnya saya sangat bersetuju tentang penjenamaan semula ini sebab daripada dah berpuluh-puluh tahun sejak saya belajar, sampailah saya mengajar 2007 itu, sistem Tingkatan Enam sama sahaja
>
> (GATE 2: SK1/Bf2/4.3.1)

> Secara peribadinya, saya memang menyokonglah dengan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Sebab apabila dah episodnya sudah menjangkau lebih daripada lima tahun kan.
>
> (GATE 5: SK1/Bf2/4.3.1)

> Ya, bersetuju. Terutama kalau sekarang ini kan.
>
> (GATE 7: SK1/Bf24.3.1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penjenamaan Tingkatan Enam ini juga dianggap sebagai berita gembira buat guru Tingkatan Enam yang mana ia adalah satu kelebihan dalam laluan perjawatan yang lebih baik. Ini kerana penjawatan Tingkatan Enam merupakan perjawatan naik pangkat dan ia adalah laluan yang berasingan daripada laluan kenaikan pangkat yang lain. Berdasarkan dapatan, kelebihan-kelebihan yang diperoleh oleh guru Tingkatan Enam apabila pihak KPM memperkenalkan penjenamaan semula Tingkatan Enam dikatakan mampu meningkatkan motivasi guru.

> Cikgu melihat kewujudan jawatan Tingkatan Enam ini sebagai satu kenaikan pangkat cikgu diwar-warkan oleh pihak kenaikan pangkat oleh JPN dan kementerian bahawa penjawatan Tingkatan Enam ialah penjawatan naik pangkat.. dan ini sebagai satu motivasi kepada guru-gurulah kerana pada ketika itu masih lagi tidak wujud pemisahan yang secara jelas.
>
> (GATE 3: SK1/Bf2/4.3.1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Bagaimana dengan perjalanan sistem pentaksiran baharu atau sistem modular pada fasa kedua yang menggantikan sistem terminal bermula pada tahun 2012?

Pengkaji telah mengembangkan sub soalan ini kepada empat bahagian untuk mendapatkan gambaran sebenar apa yang telah berlaku sepanjang fasa peralihan ini dengan meninjau perjalanan sistem modular pada mula-mula diperkenalkan, tahap penerimaan dan kesediaan, perubahan struktur pengajian dan implikasi perubahan.

Dari segi status pelaksanaan, secara umumnya sistem modular yang diperkenalkan pada fasa kedua ini berjalan dengan baik. Sepanjang tempoh ini, pihak berkepentingan yang terlibat tidak tidak lagi mengalami kejutan yang ketara seperti yang berlaku sewaktu fasa pertama sebelum itu. Mereka sudah maklum bahawa akan ada perubahan secara berperingkat yang dilakukan oleh pihak KPM. Namun ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beberapa perkara yang timbul apabila sistem modular dilaksanakan sepanjang proses peralihan berlaku.

Berdasarkan dapatan pemerhatian, penyelidik mendapati pihak pengurusan Tingkatan Enam dan guru-guru Tingkatan Enam memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan garis panduan yang telah ditetapkan termasuklah dari segi melakukan pendokumentasian yang terdiri daripada empat folio utama iaitu Folio Pengajaran dan Pemudahcaraan, Folio Penilaian dan Pentaksiran, Folio Kokurikulum, dan Folio Penyeldikan/Kerja Kursus. Dari segi bidang pengurusan, berlakunya pengasingan antara organisasi dan aktiviti Tingkatan Enam dengan sekolah arus perdana. Jadual waktu guru Tingkatan Enam juga didapati tidak sama dengan guru arus perdana kerana ia diuruskan secara berasingan. (Catatan Nota Lapangan 1, 4 Julai 2016) Rujuk **LAMPIRAN L (i)**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari segi tahap penerimaan guru, didapati guru-guru Tingkatan Enam menerima dengan positif sistem modular yang diperkenalkan pada fasa kedua. Berdasarkan dapatan, kebanyakan guru menerima baik kerana merasakan sistem baharu ini lebih baik dan menarik berbanding dengan sistem lama. Antara sebabnya adalah pelajar Tingkatan Enam mendapat banyak kelebihan untuk menambah baik keputusan peperiksaan. Sistem pentaksiran yang baru ini membolehkan murid menduduki peperiksan ulangan bagi setiap penggal (Peperiksaan Penggal 3 dimansuhkan bermula STPM 2016).

> Nampak banyak perubahan dan kebaikan kepada pelajar dan juga kepada gurulah.. kebaikannya pun adalah sebab pelajar boleh fokus kepada satu-satu penggal itu dan diberi peluang untuk mengulang bagi pelajar-pelajar yang kurang berjaya itu kan.
>
> (GATE 5: SK1/Bf2/i)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem modular ini juga diterima baik kerana kebanyakan guru Tingkatan Enam berpendapat ia memberi manfaat kepada murid Tingkatan Enam dan guru kerana mereka boleh memberikan tumpuan sepenuhnya kepada silibus bagi setiap penggal.

> Satu sistem yang baik dan menarik. Memerlukan pelajar belajar bersungguh-sungguh untuk tempoh masa yang sangat singkat dan mereka boleh memperbaiki keputusan.
> (GATE 9: SK1/Bf2/i)

Dari segi tahap kesediaan guru, dapatan kajian mendapati pada peringkat ini kebanyakan guru mengatakan mereka mengalami kesukaran dan kekeliruan untuk membezakan sistem pengajian antara dua kohort murid yang berlainan sistem pada tahun 2012 iaitu murid Tingkatan Enam Atas merupakan kohort terakhir sistem terminal manakala murid Tingkatan Enam Bawah merupakan kohort pertama bagi sistem modular. Situasi peralihan ini adalah bersifat sementara sahaja dan tidaklah menimbulkan masalah kritikal dan berpanjangan.

> Pada mulanya timbul juga kekeliruan.. sedikit kekeliruan sebab ada kerja kursus.. kerana ada pelajar Tingkatan Enam Atas terutamanya pada tahun 2012 yang masih amalkan sistem terminal manakala pelajar Tingkatan Enam Rendah 2012 pula sudah kita laksanakan sistem modular. Jadi sebagai guru yang mengajar kedua-dua enam atas dan enam rendah, pada mulanya saya akui memang timbul kesukaran untuk membanding.
> (GATE 1: SK1/Bf2/ii)

Kenyataan peserta kajian tersebut adalah benar apabila penyelidik merujuk dapatan melalui analisis dokumen yang dijumpai dalam Pemberitahuan MPM/1(AM)/2012 – STPM Baharu yang mana pada tahun 2012, guru terpaksa berhadapan dengan murid yang mengambil dua mod peperiksaan yang berbeza formatnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Pada tahun 2012, sistem peperiksaan STPM akan dijalankan dalam dua mod. Mod pertama ialah sistem peperiksaan STPM sedia ada bagi pelajar yang sedang mengikuti Tingkatan Enam Atas pada tahun 2012. Pelajar ini merupakan kohort terakhir yang akan menamatkan sistem peperiksaan STPM sedia ada. Mod kedua ialah bagi pelajar Tingkatan Enam Bawah pada tahun 2012, mereka merupakan kohort pertama sistem pentaksiran baharu STPM yang akan menduduki peperiksaan penggal 1 persekolahan Tingkatan Enam pada November 2012 dan juga buat pertama kalinya Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) diperkenalkan kepada 19 mata pelajaran Tingkatan Enam.
>
> (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012)

Situasi ini menyebabkan prestasi pencapaian murid merosot dalam beberapa siri ujian dan peperiksaan dalaman peringkat sekolah kerana murid mengalami kejutan dan kurang persediaan di peringkat awal ia diperkenalkan. Namun, ia adalah situasi bersifat sederhana apabila guru-guru cuba mengatasi masalah tersebut.

> Mungkin sebab itu kita lihat waktu pertama kali sistem modular keputusan jauh merudum sebab mungkin satu kejutan kepada pelajar- pelajar itu mereka dah biasa tengok senior-yang rileks je kan.. tiba-tiba mereka dalam tempoh lima bulan terus periksa jadi memang satu kejutan kepada pelajar dan mereka tak bersedia untuk periksa jadi keputusan itu tidak baik. Tapi, sekarang ini nampak ada sedikit perubahan mereka boleh aplikasikan dan sesuaikan jadi nampak ada lebih baiklah.
>
> (GATE 5: SK1/Bf2/ii)

Dari segi penerimaan dan kesediaan dalam kalangan murid, dapatan daripada temu bual mendedahkan bahawa murid mengalami kejutan pada peringkat awalnya, terutama bagi murid kohort pertama (Tingkatan Enam Bawah 2012). Ia disebabkan oleh perubahan sistem yang ketara iaitu struktur pengajian yang mengalami perubahan dari segi sukatan pelajaran, sistem penggal, kerja kursus dan peperiksaan.

> Sistem ini mendapat sambutan yang baik daripada guru dan pelajar .. pelajar begitu teruja lah sebab kita dah jelaskan kepada pelajar bahawa sistem ini sukatan pun dikecilkan, dan pembelajaran dikecilkan, peperiksaan pun dikecilkan sebab pelajar dibahagikan kepada 3 penggal dan kemudian pelajar juga dibantu oleh kerja kursus. Jadi penerimaan pelajar juga bagus, dan penerimaan guru-guru Tingkatan Enam pun okey dan cikgu didedahkan.
>
> (GATE 3: SK1/Bf2/iii)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan, antara perkara yang paling ketara dialami oleh murid Tingkatan Enam dan guru ialah sukatan pelajaran yang dikecilkan mengikut penggal tetapi topik dan kemahirannya begitu meluas. Selain itu, kerja kursus yang diperkenalkan juga merupakan sesuatu yang baharu dalam pengajian Tingkatan Enam.

Merujuk kepada dapatan analisis dokumen, apa yang dialami oleh murid pada fasa peralihan tersebut adalah sesuatu yang memang berlaku seperti dalam perancangan pihak KPM . Terdapat tujuh elemen baru yang terkandung dalam sistem modular iaitu (i) kandungan pengajian, (ii) peperiksaan, (iii) kaedah pentaksiran, (iv) aspek kemahiran insaniah, (v) peluang memperbaiki keputusan, (vi) standard pengiktirafan, dan (vii) kadar yuran (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Namun, ia adalah situasi bersifat sementara sahaja apabila guru-guru telah mempunyai pengalaman untuk mengendalikan sikap murid dalam pembelajaran mereka. Secara keseluruhannya, murid Tingkatan Enam pada masa itu menyambut baik dan teruja dengan pengenalan sistem modular yang mempunyai persamaan dengan sistem di peringkat universiti.

> Bila dah dua kali dijalankan, baru kita nampak secara praktiknya secara jelasnya sistem baru ini ia banyak manfaat daripada pelajar.
>
> (GATE 4: SK1/Bf2/iii)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Bahagian C: Rintangan Perubahan

Bahagian ini pula membantu penyelidik untuk menjawab Soalan Kajian 2: Apakah rintangan-rintangan yang dihadapi sepanjang penjenamaan semula Tingkatan Enam dilaksanakan di peringkat sekolah? Lantaran itu, penyelidik telah menemui tema jawapan yang hampir sama yang dikenalpasti pada ketiga-tiga fasa pelaksanaan tetapi mempunyai tahap keutamaan yang berbeza. Penyelidik juga menemui tema jawapan yang berbeza (tema khas) yang hanya dijumpai dalam fasa-fasa tertentu sahaja.

4.4.1 Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi sewaktu sistem modular mula dilaksanakan pada fasa kedua?

Pada fasa ini menyaksikan penyelidik menemui tema-tema jawapan yang hampir sama dengan apa yang ditemui pada Fasa 1 iaitu (i) isu pelantikan dan perjawatan, (ii) prasarana, (iii) konflik pihak pentadbir, (iv) konflik guru arus perdana, dan (iv) bebanan bidang tugas. Penyelidik juga berjaya menemui dua tema jawapan baharu yang berbeza dengan sebelum ini iaitu (vi) kandungan pengajian dan (vii) kesediaan dan sikap pelajar. Ini kerana pada Fasa 2 pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam lebih berfokus kepada pelaksanaan sistem pentaksiran baharu bagi STPM (sistem modular) berbanding dengan Fasa 1 yang menumpukan kepada pensturukturan pengurusan Tingkatan Enam.

Masalah dan cabaran yang paling ketara pada fasa ini ialah bebanan bidang tugas. Dapatan temu bual menunjukkan situasi dan isu yang sama berlaku seperti sewatu Fasa 1. Pihak sekolah masih melibatkan guru Tingkatan Enam dalam tugas mengajar dan memegang jawatan-jawatan penting di arus perdana dengan alasan bahawa guru Tingkatan Enam mempunyai banyak masa terluang yang mana bilangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

waktu mengajar sekurang-kurangnya 16 waktu hingga maksimum 24 waktu sahaja berbanding guru arus perdana yang terlalu banyak bilangan waktu mengajar. Sedangkan pihak sekolah tidak memahami yang guru Tingkatan Enam ini terpaksa menjalankan tugasnya hakikinya yang lebih kurang sama berat di Tingkatan Enam.

> Ada di antara pentadbir yang masih lagi mengambil guru-guru untuk mengajar arus perdana.. kalau cikgu Tingkatan Enam mengajar juga arus perdana maka jadual itu terlalu padat dan ada pentadbir yang bagi juga cikgu mengajar Tingkatan Enam mengajar arus perdana.
>
> (GATE 2: SK2/Cf2/b)

Guru Tingkatan Enam terpaksa menggalas dua tanggungjawab serentak iaitu mengajar di Tingkatan Enam dan juga arus perdana. Kebanyakan guru Tingkatan Enam merasakan tidak mampu untuk memikul tugas berganda kerana jadual waktu menjadi padat. Guru Tingkatan Enam mempunyai masa rehat yang singkat kerana terpaksa berkejar kerana jadual waktu mengajar tidak sama dengan arus perdana.

> Macam saya kata kita tahu aliran perdana pun memang banyak sebenarnya kerja dia dengan membuat SAPS lah apa macam-macam kan kita tahu. Lepas itu yang Tingkatan Enam Pun ada tugas kita, kita ada kerja kursus. Jadi bayangkan kita kena macam di dua tempat yang berbeza.
>
> (GATE 8: SK2/Cf2/b)

Berdasarkan dapatan analisis dokumen, bidang tugas guru Tingkatan Enam sebenarmya dibahagikan kepada dua iaitu interaksi dengan murid dan tanpa interaksi dengan murid (Garis Penduan Pengurusan Tingkatan Enam, 2009), tetapi ia tidak cuba difahami oleh pihak pentadbir.

> Dari segi jadual waktu, tanggungjawab jadi terpaksa dua la. Masa tu pun KBSM baru dilaksanakan iaitu Tingkatan Satu selibus baru. Mereka pun ada kerja kursus mereka, dan kita pun ada kerja kursus kita jadi kelam kabut la.
> (GATE 4: SK2/Cf2/b)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik juga berjaya menemui situasi yang sama berdasarkan dapatan analisis dokumen yang berlaku di tempat lain. Dapatan menunjukkan guru dibebani dengan tugas di arus perdana dengan alasan jumlah waktu mengajar guru dalam jadual waktu guru Tingkatan Enam dikatakan sedikit. Salah faham pihak pentadbir menyebabkan guru Tingkatan Enam terpaksa menanggung beban yang tidak difahami langsung oleh guru arus perdana.

> Realitinya, terdapat guru tingkatan enam mengajar di arus perdana. Realitinya.. semua guru dan pelajar Tingkatan Enam dilibatkan dengan aktiviti arus perdana yang padat. Kesuntukan masa – menghabiskan sukatan dan menyiapkan kerja kursus.. Realitinya.. peperiksaan awam bertembung dengan aktiviti sekolah. Suasana bising semasa peperiksaan. Realitinya beban kerja kursus yang banyak.. kekangan masa guru – proses pentaksiran tidak dapat dijalankan mengikut jadual.. kekangan masa pelajar – gagal menyiapkan kerja kursus dengan sempurna.
>
> (Bahan Pembentangan Jabatan Pendidikan Perlis, 2015)

Masalah bebanan bidang tugas ini menjadi satu cabaran apabila mereka terpaksa melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di arus perdana. Penglibatan ini telah mengganggu fokus mereka kepada tanggungjawab sebenar di Tingkatan Enam. Kesannya kepada pelajar Tingkatan Enam itu sendiri kerap terabai. Keadaan menjadi kelam kabut apabila guru terpaksa menjalankan tugas untuk kerja kursus Tingkatan Enam dan dalam masa yang sama mengendalikan kerja kursus murid arus perdana.

> Jadi, ini mengganggu fokus guru-guru Tingkatan Enam untuk membantu pelajar-pelajar menghadapi peperiksaan, sebab dulu Mei hingga Jun sukan, jadi pelajar ketika itu sepatutnya bersiap untuk peperiksaan namun terpaksa fokus kepada kokurikulum.. ini mengganggu pelajar pada ketika ini kerana melibatkan guru-guru Tingkatan Enam dan menghilangkan fokus, ini menjadi halangan atau cabaran lah pada cikgu-cikgu Tingkatan Enam..”
>
> (GATE 3: SK2/Cf2/b)

> Jadi kadang-kadang saya rasa macam seolah-olah saya abaikan pelajar saya sendiri sedangkan pelajar saya sendiri.. kerana nak bagi tumpuan kepada pelajar aliran perdana yang akan mengambil peperiksaan.
>
> (GATE 7: SK2/Cf2/b)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah dan cabaran yang kedua sepanjang fasa ini ialah perubahan kandungan pengajian. Berdasarkan dapatan, kebanyakan guru Tingkatan Enam mengalami kesukaran pada peringkat awal pelaksanaan sistem modular kerana terpaksa mengajar murid kohort sistem yang berbeza. Ini kerana Fasa 2 ini merupakan tempoh peralihan sistem terminal ditukarkan kepada sistem modular. Tahun 2012 adalah tahun terakhir bagi kohort murid di bawah sistem terminal dan dalam masa yang sama merupakan tahun pertama buat kohort murid Tingkatan Enam dalam sistem modular. Guru perlu mengambil masa untuk menyesuaikan diri apabila berlakunya pertembungan kedua-dua sistem ini yang menimbulkan kekeliruan. Namun, ia dikatakan hanyalah situasi yang bersifat sementara.

> Pada mulanya saya akui memang timbul kesukaran untuk membanding untuk.. apa membezakan ya.. terdapat sedikit kesukaran lah pada guru.. penggal pertama itu yang ada menghadapi masalah. Pertembungan dua-dua itu. Tapi bila dah mula 2013, 2014 semua itu dah tak ada apa-apa masalah lagi lah.
> (GATE 1: SK2/Cf2/c)

Kandungan pengajian dalam sistem modular menjadikan sukatan pelajaran begitu luas. Walaupun, tempoh pengajian di pecahkan kepada tiga penggal, tetapi topik-topik dalam sukatan pelajaran setiap penggal dikatakan semakin mendalam dan kemahiran yang diajar di tahap yang tinggi. Walaupun ia dapat meningkatkan taraf STPM, namun ia dikatakan tidak sesuai dengan tahap pemikiran murid lepasan SPM yang kebanyakannya mempunyai tahap kelulusan sederhana dan lemah. Pilihan pakej mata pelajaran yang ditawarkan agak luas dan tidak menjurus kepada pengkhususan menyebabkan pihak pengurusan Tingkatan Enam sukar untuk menyusun pakej kelas. Pihak sekolah terpaksa mengehadkan pilihan murid itu sendiri kerana kekangan sumber tenaga guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Dari segi pakej itu luas. Pakej tu luas jadi bila pakej itu luas maknanya pelajar macam seolah-olah boleh memilih apa yang mereka kehendaki tetapi sebenarnya tidak, tidak kerana kita juga pihak sekolah ataupun pihak tingkatan enam mula menetapkan kelas-kelas tertentu untuk pelajar tertentu secara terhad.
>
> (GATE 2: SK2/Cf2/c)

Sistem modular juga menyebabkan guru Tingkatan Enam berhadapan dengan masalah tempoh penggal yang singkat untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Ia menjadi semakin kritikal apabila tidak wujud pengasingan pengurusan Tingkatan Enam dengan arus perdana di sekolah. Kepadatan aktiviti di sekolah telah menggangu masa guru Tingkatan Enam untuk menghabiskan sukatan pelajaran seperti dalam perancangan. Pada peringkat awal pelaksanaan juga, guru-guru menghadapi masalah dengan bentuk soalan dan skema pemarkahan bagi sukatan baharu yang diperkenalkan. Guru tidak mendapat pendedahan tentang bentuk soalan dan skema pemarkahan mengikut kehendak MPM menyebabkan murid tidak mampu mencapai tahap yang diharapkan.

> Masalah yang pertama adalah pada guru sendiri. Pada guru, sebab kita terpaksa menghabiskan sukatan, menghabiskan sukatan sebab kita menganggap pelajar akan ambil peperiksaan.. Maknanya dalam tempoh beberapa bulan saja kita kena habiskan sukatan. Sedangkan sukatan kalau daripada peringkat ini sukatan dia agak meluas.
>
> (GATE 7: SK2/Cf2/c)

Malah, sukatan dalam sistem baharu ini dikatakan agak luas skopnya sehinggakan tidak mencapai tahap kemampuan murid. Ini kerana walaupun sistem modular telah membahagiakan pengajian kepada tiga penggal/semester, skop bagi setiap topik dalam sukatan itu diperincikan walaupun sukatan sudah dikecilkan dalam satu-satu penggal itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Sukatannya agak meluaslah. Terlalu meluas. Sampai mungkin setengah itu mungkin tak tercapailah tahap.
>
> (GATE 8: SK2/Cf2/c)

Jika ditelili secara analisis dokumen, sistem modular dikatakan dapat mengurangkan beban bagi murid untuk belajar kerana mereka hanya perlu mempelajari kandungan mata pelajaran bagi penggal berkenaan sahaja untuk dinilai pencapaian mereka bagi penggal itu. Ini kerana kandungan pengajian Tingkatan Enam dibahagikan kepada tiga bahagian kurikulum berdasarkan kelompok tajuk atau mengikut kesesuaian bidang kajian disiplin berkenaan untuk mengisi tiga penggal (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012). Namun, apa yang terjadi adalah sukatan bagi setiap penggal telah diperincikan lagi kepada topik-topik yang lebih luas.

Masalah ini boleh disokong lagi melalui dapatan analisis dokumen yang ditemui oleh penyelidik dalam bahan pembentangan oleh Rusly Bin Musa (2014) di Pahang yang mengatakan tekanan peperiksaan semakin besar berikutan pengajian sistem semester yang melibatkan tiga kali peperiksaan STPM. Guru terpaksa mengejar sukatan yang teralu luas sedangkan kapasiti dan kebolehupayaan pelajar adalah rendah. Skop sukatan terlalu luas, masa terhad dan soalan yang dikeluarkan pada aras tinggi sahaja.

Masalah dan cabaran yang ketiga dikenalpasti ialah kesediaan dan sikap pelajar. Penyelidik mendapati tahap kualiti yang disasarkan dalam sistem modular tidak selari dengan kemampuan murid Tingkatan Enam yang latar belakang pendidikannya pada tahap sederhana dan lemah. Murid Tingkatan Enam didapati sudah terbiasa dengan gaya pembelajaran pada peringkat SPM dahulu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyebabkan mereka menghadapi kejutan dengan sistem baharu yang agak singkat tempoh pengajiannya.

> Kadang-kadang pelajar kita tu pun daripada keputusan SPM yang tak baik. Jadi pemikiran masa itu tak sampailah pada tahap itu sampai kita boleh temui budak-budak yang walaupun kita kena jawab soalan esei, yang tulis dua halaman.. tiga halaman.. untuk soalan. Tapi mereka masih lagi macam SPM.
>
> (GATE 8: SK2/Cf2/g)

Selain itu, didapati kebanyakan murid Tingkatan Enam tidak menunjukkan minat untuk belajar di Tingkatan Enam. Ini menyebabkan matlamat dalam sistem modular sukar untuk dicapai. Kebanyakan murid beranggapan Tingkatan Enam ini tidak mempunyai prospek yang cerah dan menjadikannya pilihan terakhir setelah gagal mendapatkan tawaran ke peringkat diploma. Ia secara tidak langsung mempengaruhi sikap dan budaya belajar mereka sepanjang berada di Tingkatan Enam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Saya rasa pada masa tu tak ada kepuasan mengajar sebab kita masuk kelas yang seolah-olah pelajar tak nak masuk tingkatan enam. Suka tak suka kita terpaksa mengajar apa yang ada. So, saya rasa masa yang saya ada mengajar tu not appreciated tapi tulah, kita terpaksa juga mengajar.
>
> (GATE 6: SK2/Cf2/g)

Murid Tingkatan Enam dilihat kurang matang tidak seperti pelajar seusia mereka yang berada di institusi pengajian tinggi yang lain. Mereka masih terbawa-bawa dengan budaya kerja dan cara pembelajaran sebelum masuk ke Tingkatan Enam kerana persekitaran pengajian masih seperti di sekolah.

> Jadi pelajar masa ini, dia belum matang maknanya belum ada persediaan untuk dia menghadapi peperiksaan.
> (GATE 7: SK2/Cf2/g)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Pelajar-pelajar ini dia tak tahu yang dia terbawa-bawa dengan keadaan SPM. Mungkin waktu SPM dia rasa jawab lima baris dah dapat 10 per 10. Jadi dia tak tahu lagi nak menyesuaikan diri.
>
> (GATE 8: SK2/Cf2/g)

Masalah dan cabaran yang keempat ialah penjenamaan semula Tingkatan Enam ini terpaksa berhadapan dengan konflik guru arus perdana. Fasa 2 pelaksanaan menyaksikan penjenamaan semula Tingkatan Enam diteruskan dengan pengenalan kepada sistem modular secara rasminya. Ini bermakna pihak sekolah tiada pilihan untuk menolak perubahan. Perubahan ini sebenarnya memberi kesan tidak langsung kepada guru-guru arus perdana.

Dapatan menunjukkan masih ada guru-guru arus perdana yang tidak boleh menerima hakikat penjenamaan semula Tingkatan Enam akan tetap dilaksanakan di sekolah. Walaupun bidang dan senarai tugas guru Tingkatan Enam mengalami perubahan, mereka tetap merasakan bahawa guru Tingkatan Enam perlu menjalankan tanggungjawab sama seperti mereka.

> Mereka berpandangan guru-guru Tingkatan Enam ini masih samalah macam mereka, sedangkan kita macam saya katakan tadi kekangan, jadual padat, jadi kemudian peperiksaan pun dua tahun sekali.. Kita perlu berikan tumpuan kepada pelajar-pelajar kita. Tetapi masalahnya tidak difahami oleh guru-guru arus perdana.. ada berlaku pengagihan tugas yang berbeza, maka guru-guru yang lain berasa tidak puas hati.
>
> (GATE 2: SK2/Cf2/e)

Penyelidik mendapati wujudnya persepsi negatif dalam kalangan guru arus perdana yang mana mereka tidak boleh menerima kelebihan-kelebihan yang diperoleh oleh guru Tingkatan Enam. Salah faham berlaku apabila mereka tidak cuba untuk memahami garis panduan pengurusan yang telah dikeluarkan oleh pihak KPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Guru aliran perdana tak faham kerja-kerja guru tingkatan enam macam mana. Mereka tahu guru Tingkatan Enam mesti sama seperti mereka.
>
> (GATE 9: SK2/Cf2/e)

Dapatan juga mendapati, persepsi negatif guru arus perdana wujud disebabkan kerana faktor peribadi. Wujud sikap tidak puas hati dan perasaan cemburu terhadap guru Tingkatan Enam yang memperoleh banyak kelebihan daripada pelaksanaan sistem modular ini.

> Guru aliran perdana beranggapan tentang peningkatan gred dan peningkatan gaji. So, itu perasaan dengki, iri hati.. mungkin itu yang saya rasa adalah salah faham antara guru aliran perdana dan guru tingkatan enam.. dan apa yang mereka nampak guru tingkatan enam kebanyakan yang duduk berdepan dengan komputer. Perasaan dengki tu memang ketara antara guru-guru aliran perdana dan guru-guru tingkatan enam, dan ada juga dipersoalkan kenapa guru tingkatan enam tidak boleh mengajar aliran perdana, tidak boleh relief. Biasalah sampai sekarang pun masih ada lagi.
>
> (GATE 2: SK2/Cf2/e)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Masalah dan cabaran yang kelima ialah isu pelantikan dan perjawatan yang masih berlarutan sejak Fasa 1 lagi. Berdasarkan dapatan temu bual, isu perjawatan "fast track" yang dijanjikan sebelum ini telah mengecewakan guru-guru yang terbabit. Ini kerana sehingga ke fasa ini, hanya segelintir sahaja yang berjaya menikmati kelebihan "fast track" ini dan ia diperoleh oleh guru-guru muda yang mengajar di Tingkatan Enam. Ia menjadi persoalan apabila masih ramai yang belum mendapat pelantikan sedangkan berlakunya kekurangan guru di Tingkatan Enam.

> Form Six ni dikatakan fast track tapi pada realitinya bukan fast track. Fast track mungkin untuk segelintir sahaja.. Sekarang apa yang masih dijadikan satu isu ialah guru tingkatan enam ini masih tidak dilantik mengajar tingkatan enam.. So bila tidak dilantik mengajar tingkatan enam, pentadbir menggunakan guru-guru ni untuk mengajar aliran perdana atas dasar mereka belum dilantik.
>
> (GATE 6: SK2/Cf2/f)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Guru Tingkatan Enam ini terutamanya kepada guru muda lebih cepat untuk naik pangkat tapi bagi guru yang lama macam kami ni KUP ini kira biasa sahaja la.
>
> (GATE 4: SK2/Cf2/f)

Merujuk kepada dapatan analisis dokumen, penyelidik mendapati, pihak KPM telah mengeluarkan satu kenyataan terhadap isu ini. Guru-guru yang terlibat ini didapati telah memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan seperti kenyataan berikut.

> Pengisian jawatan kenaikan pangkat hakiki Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dari Gred DG44 ke Gred DG48 di sekolah yang mempunyai Tingkatan Enam perlu melalui urusan pemangkuan dengan memohon melalui iklan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM. Calon perlu memenuhi syarat umum dan khusus yang ditetapkan di dalam iklan berkenaan dan seterusnya mereka perlu diluluskan pemangkuan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran. Dimaklumkan bahawa pengisian jawatan kenaikan pangkat Tingkatan Enam dilaksanakan bukan saja tertakluk kepada kekosongan jawatan tetapi juga kekosongan pakej mata pelajaran Tingkatan Enam yang ditawarkan di sekolah Tingkatan Enam.
>
> (Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Berita Harian, 2 Ogos 2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertikaian juga timbul dengan status guru-guru sedia ada yang telah lama mengajar di Tingkatan Enam yang juga belum dilantik. Kebanyakan mereka hanya menikmati kenaikan pangkat melalui “time based” sahaja. Ini adalah punca mengapa pihak pentadbir mengambil kesempatan untuk mengerah khidmat guru Tingkatan Enam untuk mengajar di arus perdana kerana guru-guru ini tidak mendapat lantikan rasmi yang mampu mengekang daripada berlakunya tindakan tersebut.

> Yang lain tu mungkin still time based. Dari segi tu again, I personally I am not happy sebab tidak ada peluang untuk guru-guru Tingkatan Enam untuk menikmati fast track yang dijanjikan.
>
> (GATE 6: SK2/Cf2/f)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan analisis dokumen, penyelidik berjaya mendapatkan jawapan kepada persoalan isu "fast track" ini. Sepanjang proses penjenamaan semula Tingkatan Enam, berlaku sebanyak dua kali urusan pelantikan jawatan Guru Akademik Tingkatan Enam yang menyebabkan isu ini timbul sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2009 dan tahun 2015. Pihak Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) telah menjadi perantara untuk mencari jalan penyelesaian dan mendapatkan respon sebenar daripada pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KPM.

Pada tahun Julai 2009, isu yang timbul ialah guru yang mengajar Tingkatan Enam masih tidak ditawarkan surat pemangkuan gred naik pangkat pada Fasa 1 urusan pertama. Mesyuarat bersama pihak BPSM dibuat sebanyak 2 kali mengenai isu pemangkuan gred naik pangkat Tingkatan Enam. Respon KPM ialah guru-guru Tingkatan Enam yang memenuhi syarat, KPM akan menawarkan pemangkuan kepada guru berkenaan. Tetapi jika guru-guru tersebut tidak memenuhi syarat, mereka perlu menunggu Fasa 1 urusan kedua dan Fasa 2.

> Pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran Malaysia telah dan sedang menyemak data calon-calon yang layak dan tidak layak. Sekiranya terdapat guru-guru yang memenuhi syarat, pemangkuan akan ditawarkan kepada guru berkenaan. Sekiranya tidak memenuhi syarat perlu menunggu Fasa 1 urusan kedua dan Fasa 2. Antara sebab-sebab calon tidak layak fasa 1 urusan pertama adalah, (1) Tidak mengajar Tingkatan 6 pada tahun 2007, (2) Masih belum lulus Penilaian Tahap Kecekapan pada tahun 2007/2008 dan sedang menunggu keputusan Penilaian Tahap Kecekapan, (3) Keperluan opsyen subjek tertentu di sekolah berkenaan sudah berlebihan, (4) Bilangan calon yang layak di sesebuah sekolah terlalu ramai dan terpaksa memberi keutamaan kepada calon yang lebih senior dan memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan, (5) Mengajar Tingkatan 6 sekurang-kurangnya 5 tahun, (6) Markah prestasi yang tidak memuaskan, (7) Tidak diperakui oleh Pengetua, dan (8) Salah tafsir bahawa Ketua Bidang/Penolong Kanan tidak boleh memohon.
>
> (Berita 1/9/2009 – Portal Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, 2009)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, pada bulan Jun dan Julai 2015, KPPK telah menerima banyak aduan mengenai urusan kenaikan pangkat secara "Fast Track". Persoalan dari Guru Tingkatan Enam ialah mengapa mereka tidak dipilih atau ditawarkan peluang naik pangkat manakala guru Tingkatan Enam yang lebih junior menerima surat tawaran pemangkuan. BPSM memberi respon seperti berikut. Pihak BPSM telah memberikan dua jawapan respon iaitu (i) guru Tingkatan Enam ditawarkan urusan kenaikan pangkat berdasarkan kuota sekolah, dan (ii) urusan kenaikan pangkat dibuat setiap tiga tahun dan tidak konsisten.

> Urusan Kenaikan Pangkat Tingkatan 6 mengikut kuota sekolah: (1) guru Tingkatan Enam ditawarkan urusan kenaikan pangkat berdasarkan kuota sekolah – kaedah ini menyebabkan guru senior tidak dapat naik pangkat selagi sekolah berkenaan tiada kekosongan manakala sekolah yang wujud kekosongan guru dinaikkan pangkat dalam tempoh masa rendah. Respon BPSM – sistem kuota sekolah telah dibatalkan dan diubah ke sistem kouta ikut PPD dan Negeri; (2) Urusan kenaikan pangkat setiap 3 tahun dan tidak konsisten – urusan tidak dijalankan seperti yang dijanjikan iaitu setiap 3 tahun, guru Tingkatan Enam diberi kenaikkan pangkat secara hakiki. Contoh : ada guru naik pangkat DG48 tahun 1.1.2008 kena tunggu 6 tahun baru naik pangkat secara KUP time-based ke DG52 pada 1.1.2014 (sepatutnya ditawarkan naik pangkat secara hakiki pada 1.1.2011) ada guru pula lantikan DG48 pada tahun 2010 dan 2011 dinaikkan pangkat secara pemangkuan baru-baru ini iaitu 1.4.2015. Maknanya ada guru senior DG48 terpaksa tunggu 6 tahun baru dapat KUP DG52 hakiki dalam masa lebih cepat. Respon BPSM – KPM menyatakan masalah waran dan kekosongan jawatan
>
> (Berita 31/07/2015 – Portal Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, 2015)

Selain itu, timbul isu yang mana Penolong Kanan Tingkatan Enam juga sebenarnya dikatakan tidak diberikan elaun khas seperti mana penolong-penolong kanan di arus perdana sedangkan bidang tugasnya lebih besar dalam menguruskan pengurusan Tingkatan Enam.

> Dari segi guru pun kadang-kadang ada yang tak cukup kan.. tak ramai lagi.. dari segi.. perjawatan pun.. sebab PK Tingkatan Enam di mod 2 tak ada elaun pun kan..
>
> (GATE 5: SK2/Cf2/f)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik juga berjaya mendapatkan jawapan melalui dapatan analisis dokumen yang mana pihak KPPK telah membuat penjelasan mengenai kelayakan elaun tanggungjawab bagi guru Penolong Kanan Tingkatan. Pihak BPSM telah memberi maklum balas dalam surat bertarikh 22 Februari 2011 bahawa kelayakan mendapat Elaun Tanggungjawab (ETJ) tertakluk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bil,3 Tahun 2012 tetapi akan dipanjangkan permohonan ke pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan.

> Berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bil.3 Tahun 2012, Elaun Tanggungjawab (ETJ) alayak dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang menyandang jawatan Guru Kanan Pentadbiran, Guru Kanan Hal Ehwal Murid, Guru Kanan Kokurikulum, dan Penyelia Petang di sekolah menengah Gred A dan Gred B serta Guru Kanan Mata Pelajaran bagi sekolah menengah Gred A sahaja.. bagi meningkatkan kebajikan kepad guru-guru, pihak Kementerian melalui surat bil. KP(PP) 0137/39 Jilid 8 (101) bertarikh 7 Oktober 2007 telah mengemukakan permohonan untuk pemanjangan ETJ kepada semua PPP yang memegang jawatan Penolong Kanan dan Guru Kanan Mata Pelajaran di semua sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia kepada JPA selaras dengan pewujudan jawatan baru melalui Anggaran Belanja Mengurus (Perjawata) Tahun 2008.
>
> (Berita 03/03/2011– Portal Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, 2011)

Masalah dan cabaran yang ke enam ialah prasarana yang masih sama seperti pada fasa sebelumnya. Dapatan temu bual menunjukkan prasarana merupakan salah satu isu yang kritikal menjelang Fasa 2 ini. Pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam memerlukan sokongan prasarana dalam menjayakan matlamat. Sistem modular memerlukan pelajar menyiapkan kerja kursus dan ke arah kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Prasarana seperti talian internet, bilik perbincangan, dewan seminar, bilik komputer dan kemudahan LCD diperlukan untuk memenuhi keperluan melaksanakan kerja kursus. Prasarana yang ada di sekolah tersebut dikatakan tidak sesuai dengan keperluan pengajian Tingkatan Enam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kita tengok prasarana sekolah kita, prasarana sekolah kita amat tidak sesuai untuk Tingkatan Enam kan.. contohnya kita tidak ada kemudahan LCD, kemudian tempat perbincangan, sekurang-kurangnya tingkatan enam ini ada dewan seminar, dewan seminar untuk diadakan aktiviti-aktiviti Tingkatan Enam.
>
> (GATE 2: SK2/Cf2/d)

> Kekangan kami dari segi prasarana lah bila ada kerja kursus, pelajar perlu membuat pembentangan, perlu mencari maklumat… jadi kelas-kelas Tingkatan Enam itu perlu dibekalkan dengan talian internet pada masa itu belum ada lagi..
>
> (GATE 1: SK2/Cf2/d)

Berdasarkan dapatan pemerhatian, apa yang dikatakan oleh peserta-peserta kajian ada kebenarannya. Penyelidik mendapati blok bangunan Tingkatan Enam di sini tidak begitu kondusif untuk Tingkatan Enam. Kelas-kelas sekadar cukup-cukup sahaja dan tidak mampu menerima murid yang lebih ramai lagi pada masa akan datang. Tiada bilik-bilik kosong yang lain untuk tujuan aktiviti-aktiviti khas Tingkatan Enam. Walaupun sekolah ini mendapat status Pusat Tingkatan Enam Mod 2, tetapi masih bangunan masih berkongsi dengan arus perdana walaupun, ciri-ciri Mod 2 itu mememerlukan pengasingan blok akademik (Catatan Nota Lapangan 2, 7 Julai 2016) Rujuk **LAMPIRAN L (ii)**.

Masalah dan cabaran yang terakhir sepanjang fasa ini ialah konflik pihak pentadbir. Dapatan temu bual menunjukkan pihak pentadbir masih tidak memahami perjalanan sistem modular. Pengetua yang bertukar ke SMK Bukit Merchu ketika itu (sebelum pemusatan sekolah-sekolah Tingkatan Enam) cuba merombak semula aturan yang telah dibuat manakala guru Tingkatan Enam diminta menjalankan tanggungjawab seperti guru arus perdana seperti sedia kala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Isunya macam ni, apabila sistem modular dilaksanakan, pihak pengurusan sekolah dan guru-guru bukan Tingkatan Enam masih lagi belum faham. Pada tahun 2013, Januari, dia cuba rombak balik dan cikgu-cikgu Tingkatan Enam diminta mengajar kelas arus perdana dan sebagainya. Tapi saya ingat, itu adalah cabaran paling besar mana-mana sekolah untuk Tingkatan Enam untuk diri sendiri tu.
>
> (GATE 3: SK2/Cf2/a)

Isu semakin serius apabila berlakunya perselisihan faham antara pihak pentadbir iaitu antara penolong-penolong kanan arus perdana dengan Penolong Kanan Tingkatan Enam. Perselisihan ini melibatkan bidang tugas Penolong Kanan Tingkatan Enam yang sudah berubah dan perubahan tanggungjawab tersebut tidak boleh diterima oleh penolong-penolong kanan yang lain. Menerusi dapatan, dikatakan mereka masing-masing mempertahankan pendirian. Keegoan dan rasa tercabar dalam kalangan mereka menyebabkan banyak perkara sukar untuk dilaksanakan kerana tiada kata sepakat dicapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Cuma halangan itu berlaku diantara pelapis di antara penolong-penolong kanan masih lagi tidak boleh menerima.. Sebab benda tu baru, keadaan sebelum ini mereka yang control semua. Jadi apabila wujud satu unit baru, Mereka tidak lagi sepatutnya campur tangan. Ini mengakibatkan mereka berasa satu cabaran lah.. kita juga terpaksa melayan aktiviti-aktiviti arus perdana yang kadang-kadang tidak relevan dengan pelajar-pelajar Tingkatan Enam. Pengetua okay tapi clash dengan penolong-penolong kanan yang tidak sependapat.
>
> (GATE 3: SK2/Cf2/a)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Bahagian D: Strategi Menangani Perubahan

Bahagian ini dapat menjelaskan jawapan kepada Soalan Kajian 3: Bagaimanakah pihak berkepentingan memainkan peranan dalam fungsi pengurusan masing-masing untuk memastikan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam terus berjaya dilaksanakan? Penyelidik telah menemui enam pihak berkepentingan yang terlibat dalam memainkan peranan secara proaktif sepanjang usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Pihak berkepentingan tersebut ialah (i) Kementerian Pendidikan Malaysia/Majlis Peperiksaan Malaysia (KPM/MPM), (ii) Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah (JPN/PPD), (iii) pihak pentadbir (Pengetua dan Penolong Kanan Tingkatan Enam), (iv) guru Tingkatan Enam, dan (v) pihak luar.

Pertama, peranan Kementerian Pendidikan Malaysia/Majlis Peperiksaan Malaysia. KPM sendiri sebagai penggubal dan pembuat dasar memainkan peranan yang proaktif dalam memastikan proses penjenamaan semula ini berjaya dilaksanakan. Pihak KPM dan MPM cuba menyelesaikan masalah sistem penyampaian yang berlaku di peringkat sekolah dengan mengadakan beberapa siri program penyampaian maklumat seperti taklimat, seminar, kempen, penjelajahan dan kursus bagi memastikan info dan pendedahan diberikan sebaiknya. Pihak KPM dan MPM didapati memastikan semua peringkat pihak berkepentingan mendapat maklumat tentang usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam ini secara bekesan.

Berdasarkan dapatan analisis dokumen, penyelidik berjaya menemui beberapa perancangan pihak KPM dan MPM yang dibuat sebagai strategi untuk menggerakkan pelaksanaan Sistem Pentaksiran Baharu STPM (Sistem Modular) yang baharu dipelkenalkan pada tahun 2012 yang lalu seperti **Jadual 4.2** berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Perancangan Sistem Pentaksiran Baharu STPM (Sistem Modular) Sesi 2012/2013

Tarikh	Perkara
29.01.2012-30.01.2012	Taklimat pengenalan tentang pentaksiran baharu STPM kepada semua Pengarah JPN, KSPA JPN, KSPP JPN, KSPS JPN, Pengarah BPSH, Pengarah BPG, dan Pengarah BPK, KPM serta Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Bahagian Pengurusan Kemasukan pelajar, KPTM
02.02.2012	Muat naik pemberitahuan MPM/1(AM)/2012: Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Baharu
02.02.2012	Muat naik Sukatan Pelajaran bagi semua mata pelajaran dalam Sistem Pentaksiran Baharu STPM
10.02.2012	Muat naik Peraturan dan Skema Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2012/2013
11.02.2012-29.02.2012	Rakaman penerangan tentang sukatan pelajaran STPM di Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP)
29.02.2012	Muat naik Garis Panduan PBS Umum STPM
16.03.2012-18.03.2012	Taklimat sukatan pelajaran STPM dan latihan PBS kepada Jurulatih Utama (JU) Negeri peringkat Kebangsaan (Kumpulan 1 dan 2)
23.03.2012 25.03.2012	Taklimat sukatan pelajaran STPM dan latihan PBS kepada JU Negeri peringkat Kebangsaan (Kumpulan 3 dan 4)
28.03.2012	Muat naik Manual Guru dan Pelajar PBS STPM 2012/2013
01.04.2012-06.05.2012	Taklimat sukatan pelajaran STPM dan latihan PBS oleh JU Negeri kepada semua guru Tingkatan Enam peringkat negeri
02.05.2012	Muat naik Arahan dan Panduan Pendaftaran Calon STPM 2012/2013
08.05.2012-10.05.2012	Mesyuarat antara MPM dan JPN ke-58. Taklimat pengurusan peperiksaan dan pendaftaran calon STPM kepada JPN (peringkat pusat) oleh MPM
21.05.2012	Taklimat pendaftaran calon STPM peringkat negeri oleh JPN
11.06.2012	Kemasukan pelajar Tingkatan Enam Bawah bagi sesi pengambilan 2012/2013. Pendaftaran dibuka kepada semua jenis calon (Penggal 1, Penggal 2, dan Penggal 3)
30.07.2012	Pendaftaran ditutup kepada semua jenis calon (Penggal 1, Penggal 2, dan Penggal 3)
18.10.2012	Taklimat pengurusan peperiksaan bertulis peringkat negeri
05.11.2012-08.11.2012	Peperiksaan STPM bagi Penggal 1
19.11.2012-13.12.2012	Peperiksaan STPM sedia ada Tahun 2012
04.02.2013-07.02.2013	Mesyuarat Penetapan Standard STPM Penggal 1dan STPM sedia ada Tahun 2012
07.03.2013	Mesyuarat Majlis dan pengumuman keputusan peperiksaan STPM Penggal 1 dan STPM sedia ada Tahun 2012
07.03.2013	Pengumuman keputusan dan muat naik slip keputusan STPM Penggal 1 dan STPM sedia ada Tahun 2012 ke portal MPM
07. 3.2013	Rayuan semakan semula keputusan peperiksaan STPM Penggal 1 dan STPM sedia ada Tahun 2012 dibuka
22.03.2013	Tarikh tutup rayuan semakan semula keputusan STPM Penggal 1 dan STPM sedia ada Tahun 2012
12.04.2013	Keputusan rayuan semakan semula STPM Penggal 1 dan STPM sedia ada Tahun 2012

(Sumber daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM, 2012)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks ini juga, pihak KPM dan MPM ada memanggil semua pengetua sekolah-sekolah Tingkatan Enam mengikut taklimat berkaitan sistem modular mengikut zon-zon tertentu. Antara program yang diadakan seperti Taklimat Pengetua: Penjenamaan Semula Tingkatan Enam (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014), Dialog Pengetua: STPM Baharu (Modular) (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2014), dan Pemerkasaan Pengurusan Tingkatan Enam: Peranan Pengetua Sekolah Pusat Tingkatan Enam (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Ini kerana pengetua perlu peka terhadap perubahan ini dan dapat membantu KPM untuk merealisasikan hasrat ini.

> Pihak kementerian terpaksa memanggil pengetua-pengetua daripada sekolah Tingkatan Enam. Buat beberapa zon, zon tengah, utara, selatan, dan Sabah Sarawak untuk menjelaskan kepada pihak pengetua tentang transformasi Tingkatan Enam yang diusahakan oleh pihak kerajaan.
> (GATE 3: SK3/D/a)

Selain itu, guru-guru Tingkatan Enam juga diberikan maklumat melalui taklimat, kursus dan seminar secara berperingkat mengikut kumpulan-kumpulan tertentu. Pihak MPM sendiri ada melancarkan program "Jerayawara Jom STPM" bermula pada tahun 2016 melalui pendekatan menjelajah ke setiap sekolah Tingkatan Enam terpilih di seluruh negara bagi memberi penerangan kepada pihak sekolah dan masyarakat tentang kelebihan Tingkatan Enam. Pihak KPM juga ada merancang menubuhkan sekolah Pusat Tingkatan Enam melalui pemusatan sekolah-sekolah Tingkatan Enam yang bermula pada 2014 bagi mewujudkan kondisi dan persekitaran yang sesuai dengan tahap pengajian tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kebetulan kami merupakan kumpulan pertama yang dilantik sebagai guru tingkatan enam.. kami dapat maklumat yang jelaslah sebab kami juga ada diberi taklimat.. diberi taklimat tentang pelaksanaan Tingkatan Enam Oleh Pihak JPN iaitu Taklimat di Sekolah Sultan Yusuf, Batu Gajah. Jadi, pada masa itu, guru-guru dipanggil diberi taklimat.
>
> (GATE 1: SK1/Bf1/1/a/i)

> KPM yang melancarkan kempen "Jom STPM". Maknanya beri penerangan kepada ibu bapa, beri penerangan kepada pelajar tentang kekuatan, kelebihan yang ada di tingkatan enam.. sebab ibu bapa pun dah mula melihat bahawa sistem Tingkatan Enam ni ada kekuatan terutamanya peranan yang dimainkan oleh MPM.
>
> (GATE 3: SK3/D(a))

> Kalau kita lihat kementerian cuba membina kolej, memberi taraf kolej dan itu satu yang sangat positif, cuma buat masa ini kolej yang mod satu ini agak terhad.
>
> (GATE 4: SK3/D/a)

Namun, pada pihak guru Tingkatan Enam usaha-usaha tersebut perlu dilipat gandakan lagi bagi memastikan kelancaran proses penjenamaan semula Tingkatan Enam. Dapatan temu bual menunjukkan guru-guru dikatakan tidak mendapat pendedahan dan info yang jelas. Pihak KPM/MPM perlu kerap turun padang untuk memantau pelaksanaan dan membantu pihak guru mengatasi kekurangan atau kelemahan yang berlaku. Ini mungkin disebabkan faktor bilangan sekolah Tingkatan Enam yang begitu banyak iaitu sebanyak 812 buah ketika itu, menyebabkan pihak KPM/MPM sukar untuk memberikan perhatian kepada semua sekolah terlibat.

> Tapi tak ada la datang kecuali MPMlah.. MPM ada la pernah datang, pernah datang sekali. Jadi, macam seolah-olah kita ni terabai je.. terabai.. tak ada. Jadi mungkin lepas ini diorang ada.. akan buatlah.. tapi kita setakat ini lah pada pandangan saya macam dibiarkan lah tak ada tunjuk macam kesungguhan untuk memastikan mod tu berjalan dengan baik, tak ada.
>
> (GATE 8: SK3/D/a)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tidak dinafikan, pihak KPM/MPM mempunyai perancangan yang strategik, namun kejayaan sistem penyampaian boleh mencapai kejayaan sekiranya ia disokong dengan kerja-kerja pemantauan di peringkat pelaksana di sekolah yang dibuat secara berterusan.

> Saya rasa jarang-jarang lah. Kadang-kadang kita rasa macam kita ni terbiar je. Yelah, macam kita kat sini pun saya rasa macam dari mula.. ya, diorang datang waktu nak cerita tukar mod sekolah Tingkatan Enam.
>
> (GATE 8: SK3/D/a)

Kedua, peranan Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah. Berdasarkan dapatan analisis dokumen, didapati peranan JPN lebih kepada memastikan maklumat disampaikan kepada setiap guru di negeri masing-masing dengan antaranya mengadakan Taklimat Jurulatih Utama Negeri kepada guru-guru Tingkatan Enam. JPN di bawah Sektor Pengurusan Akademik perlu membuat perancangan bagi negeri masing-masing yang akan dibantu oleh Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Menurut dapatan temu bual pula, pihak JPN dan PPD digambarkan peranan tidak begitu jelas dalam membantu pihak sekolah menjayakan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Pihak JPN dan PPD dilihat memainkan peranan yang minima iaitu hanya berperanan apabila melibatkan mendapatkan laporan, mengumpul data pelajar, dan menjadi perantara atau pemudahcara untuk perkara-perkara yang melibatkan pihak KPM dan MPM sahaja. Contohnya dalam usaha pemusatan sekolah-sekolah Tingkatan Enam dan menguruskan pendaftaran pelajar baharu setiap kali adanya pendaftaran murid baharu Tingkatan Enam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Saya tidak berapa jelaslah sebenarnya kalau pihak kementerian.. kerana jika dilihat pihak JPN pun setahun sekali je panggil PK Tingkatan Enam untuk bermesyuarat, itu pun berkaitan dengan kemasukan pelajar baru.. pihak PPD telah menggerakkan usaha ini awal 2014, Beberapa mesyuarat telah dibuat antara tiga pengetua dan PPD untuk memindahkan pelajar daripada SMK Bukit Merchu dan SMK Raja Perempuan Kelsom ke sini.
>
> (GATE 3: SK3/D/b)

> Rasanya dari segi pemantauan tu takde, tak seberapa kerap mana pun. Maksudnya biasalah. Kalau ikut pada pengetua. Maksudnya takde lah dia datang kerap mana pantau. takde.
>
> (GATE 5: SK3/D/b)

> Cuma.. apa nak kata tak ada itu orang kata bukan tak ada. Cuma sama ada cepat atau lambat lah, bergantung kepada keperluan itu.. Jadi kalau rasa keperluan itu mendesak mungkin rasanya tak ada masalah lah untuk pihak PPD ambil prihatin tindakan begitu juga dengan pihak JPN lah kan terhadap bagi kita katakan memperkasakan lagi.
>
> (GATE 7: SK3/D/b)

Pihak sekolah sebenarnya mengharapkan pihak JPN/PPD dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membantu pihak sekolah memenuhi beberapa keperluan penting dan mendesak. Namun, pihak JPN/PPD dikatakan juga tidak begitu arif untuk menjadi rujukan kepada pihak sekolah bagi perkara-perkara yang melibatkan pengurusan Tingkatan Enam. Tiada pegawai khas dan unit khas pengurusan Tingkatan Enam diwujudkan di JPN mahupun PPD bagi memberi fokus kepada melancarkan urusan Tingkatan Enam di bahagian masing-masing.

> Jika kita tengok di pihak JPN pun hanya ada beberapa pegawai je, dan begitu juga dari segi PPD, dia lebih kepada urusan pelajar.
>
> (GATE 3: SK3/D/b)

Ketiga, peranan pihak pentadbir iaitu pengetua dan Penolong Kanan Tingkatan Enam (PKT6). Dapatan menunjukkan peranan pentadbir terutamanya pengetua adalah sangat penting kerana ia dapat mempengaruhi segala keputusan dalam pelaksanaan semula Tingkatan Enam di sekolah. Dalam konteks pengetua di sekolah Pusat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tingkatan Enam SMK Raja Muda Musa, didapati bahawa usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam mendapat kerjasama dan sokongan yang baik.

> Setakat ini kalau pihak pengetua, pengetua setakat ini kalau kita kata pengetua sekolah kita kan.. dah dua orang itu semua memberi sokongan kuat kepada Tingkatan Enam kan.. Apa-apa masalah daripada Tingkatan Enam cuba diselesaikan bersama-sama dengan dia kan.. Jadi itu apa yang saya nampak.
>
> (GATE 2: SK3/D/c/i)

Kebanyakan guru Tingkatan Enam mengatakan pengetua mempunyai tahap kefahaman yang jelas dan akan menyelesaikan masalah yang berlaku secara bersama. Pengetua didapati memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada Penolong Tingkatan Enam dalam menjaga hal ehwal Tingkatan Enam di sekolah. Dalam situasi tertentu, pengetua terpaksa bersikap adil terhadap kedua-dua pihak iaitu antara sekolah arus perdana dengan Tingkatan Enam. Pengetua juga didapati ada memberikan bantuan seperti sumbangan peribadi untuk tujuan-tujuan tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

> Sebenarnya pihak pentadbir tahu kekangan-kekangan yang kami hadapi terutama dari segi prasarana.. sebab itu pihak pentadbir sentiasa memberi semangat dan menyokong apa juga tindakan yang dibuat oleh guru akademik Tingkatan Enam.
>
> (GATE 1: SK3/D/c/i)

Pihak pentadbir yang seterusnya ialah Penolong Kanan Tingkatan Enam (PKT6). Proses penjenamaan semula Tingkatan Enam di sekolah digerakkan oleh PKT6 yang menjadi tulang belakang kepada kelangsungan apa yang telah dirancang. Dapatan menunjukkan PKT6 memberikan komitmen seratus peratus kepada usaha menjayakan penjenamaan semula Tingkatan Enam. Beliau juga merupakan pihak yang banyak menerima tekanan dan cabaran daripada pihak dalaman dan luaran dalam membawa agenda perubahan bersama-sama guru Tingkatan Enam di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Pihak Penolong Kanan Tingkatan Enam pun ya, begitu memberi semangat ya kepada kami yang baru berpindah masa itu.
>
> (GATE 1: SK3/D/c/iii)

> Setakat ni pengetua lebih memahami dan saya cuba bertahanlah.. Sebab kalau kita tak bertahan sampai bila transformasi tu takkan berjaya. Jadi itu cabaran kepada penolong-penolong Tingkatan Enam dan guru-guru Tingkatan Enam.
>
> (GATE 3: SK3/D/c/i)

Dapatan mendedahkan bahawa PKT6 adalah seorang yang mempunyai pendirian sebagai seorang yang dipertanggungjawabkan oleh pihak KPM untuk terus sedaya upaya mematuhi segala arahan dan pekeliling yang dikeluarkan. Beliau akan memastikan semua warga sekolah mendapat maklumat yang jelas tentang penjenamaan semula Tingkatan Enam ini.

> Penolong Kanan tetap dengan pendirian maknanya guru-guru Tingkatan Enam tidak boleh mengajar mata pelajaran di kelas arus perdana. Sedangkan pengetua nak sebab dia kata dia sebagai ketua walaupun kes ini kita rujuk kepada JPN. Dia kata dia nak sebab dia sebagai ketua dia ada hak kan.
>
> (GATE 7: SK3/D/c/ii)

> Kita cuba dengan guru-guru Tingkatan Enam, cuba memahamkan dan saya setiap kali dalam mesyuarat selalu menjelaskan tentang kandungan panduan pengurusan Tingkatan Enam, supaya kumpulan pentadbir, guru-guru kanan, Penolong kanan, supaya jelas tentang transformasi ini dan cikgu-cikgu pun faham.
>
> (GATE 3: SK3/D/c/ii)

Berdasarkan dapatan temu bual bersama PKT6, penyelidik mendapati PKT6 juga adalah seorang yang berpandangan jauh dan berstrategi. Ini kerana guru-guru Tingkatan Enam yang dipindahkan ke sekolah ini datang daripada latar belakang, pengalaman dan budaya kerja yang berbeza di sekolah sebelumnya. Oleh itu, PKT6 mengambil langkah awal dengan membina budaya dan watak Tingkatan Enam yang unggul dan berbeza di sekolah dengan menyusun organisasi, menyatukan semua guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tingkatan Enam. Ini bertujuan untuk menjadikan Tingkatan Enam ini hebat di mata masyarakat.

> Yang pertama saya cuba membina satu budaya Tingkatan Enam yang unggul, yang terpisah. Maknanya kita nak bina satu unit Tingkatan Enam yang menjadi satu unit yang hebat, yang akhirnya orang memandang sebagai satu unit yang berjaya, dan kejayaan itu sebenarnya mencerminkan kejayaan transformasi Tingkatan Enam dan akhirnya kejayaan yang kita cipta itu yang menyebabkan pihak lain tidak boleh nak mempertikaikan bahawa kita dah berjaya mewujudkan satu budaya.
>
> (GATE 3: SK3/D/c/iii)

Selain itu, PKT6 ini didapati bertindak secara professional dan sentiasa berfikiran positif dengan apa sahaja masalah dan cabaran yang berlaku. Beliau lebih suka menyelesaikan sesuatu masalah dengan cara berdiplomasi dan sentiasa merujuk kepada garis panduan yang telah ditetapkan tanpa perlu mewujudkan pertengkaran dengan pihak arus perdana. PKT6 juga berperanan sebagai pihak yang boleh memberikan tekanan kepada pihak pentadbir untuk merealisasikan sesuatu yang dirancang. Beliau banyak membantu mempermudahkan urusan guru-guru Tingkatan Enam di sekolah terutamanya melibatkan halangan daripada pihak arus perdana.

> Kita tak perlu nak bertengkar, kita buat berasaskan pekeliling, kita bina jati diri sebagai Institusi Tingkatan Enam yang cemerlang, yang akhirnya mereka pun akan tengok kita berjaya. Kalau kita tak berjaya, mereka akan pandang teruklah.. Saya berpegang pada prinsip pekeliling dan dasar-dasar yang dibuat oleh kementerian. Saya cuba sedaya upaya untuk memastikan dasar yang direncanakan dan dibuat oleh kementerian terlaksana.
>
> (GATE 3: SK3/D/c/iii)

Beliau juga seorang yang infomatif iaitu mempunyai pengetahuan tentang semua yang berkaitan dengan Tingkatan Enam. Beliau sentiasa peka dengan info-info terkini berkatian dengan Tingkatan Enam dan selalu segera bertindak untuk menyampaikan maklumat kepada guru-guru Tingkatan Enam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Dia (PKT6) banyak dapat maklumat. Apa-apa saya tengok kalau ada je maklumat dari negeri lain ke apa, dia kongsi. Dia akan kongsi maklumat itu. Contoh, macam kita nak buat fail. Bayangkan kita dia suruh buat fail tapi tak diberitahu apa-apa. Tak ada yang jelasnya. Dia bagi tahulah folio ini kan. Tapi apa dia punya dalam tu, kandungan apa tak ada. Tapi waktu tu, PK kami masa itu dia usahakan.
>
> (GATE 8: SK3/D/c/iii)

Seterusnya, keempat ialah peranan Guru Akademik Tingkatan Enam (GATE). Selain daripada PKT6, GATE juga merupakan tulang belakang kepada kelangsungan penjenamaan semula Tingkatan Enam. Berdasarkan dapatan temu bual, GATE didapati memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan perubahan. Kebanyakan mereka adalah kumpulan guru senior yang mempunyai banyak pengalaman kerja. Oleh itu, mereka lebih positif dengan kehendak perubahan dan pihak yang boleh bersikap matang dan rasional apabila menghadapi masalah dan cabaran di sekolah seperti sentiasa menjaga hubungan baik dengan guru-guru arus perdana walaupun berhadapan masalah dan cabaran dengan pihak mereka.

> Jadi kami bina.. bina balik semangat, keyakinan untuk memajukan Pusat Tingkatan Enam di sekolah yang baru ini walaupun serba kekurangan kami mengambil beberapa inisiatif lah berusaha sendiri ya.. semua guru Tingkatan Enam di sekolah ini begitu bekerjasama, bersatu hati, seia sekata untuk menjayakan dan demi kejayaan pelajar lah.
>
> (GATE 1: SK3/D/d)

> Tapi saya rasa dari segi PdP, tak jadi masalah sebab guru-guru Tingkatan Enam ialah guru-guru yang mahir, guru yang berpengalaman, dan guru-guru yang berdedikasi dan ini adalah khusus kepada Pusat Tingkatan Enam Raja Muda Musa.
>
> (GATE 6: SK3/D/d)

> Ada setengah guru dia menganggap kekangan itu sebagai peluang untuk dia meningkatkan lagi prestasi kerjanya. Dia rasa mungkin itu satu bebanan.. atau sesetengah guru itu satu bebanan. Tapi ada setengah guru ia bukan satu bebanan. (GATE 7: SK3/D/d)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru Tingkatan Enam dilihat dapat menerima seadanya keadaaan sekolah pusat Tingkatan Enam tersebut. Dapatan mendedahkan mereka adalah kumpulan guru yang berinisiatif tinggi. Mereka selalu mengambil inisiatif sendiri untuk mengatasi kekurangan yang ada terutama untuk tujuan melancarkan pengajaran dan pembelajaran. Contohnya mereka membeli peralatan "LCD projector" dengan menggunakan wang sendiri atau mengumpul dana apabila sekolah tidak mampu mneyediakan kemudahan tersebut untuk setiap kelas.

> Mereka menggunakan apa yang sedia ada, untuk maksimum, optimumkan penggunaan dan inisiatif tu banyak dari segi guru, all of sacrifices by the teachers and kadangkala dalam keadaan begini memang kekangan terikat sebab we don't have space so walaupun cikgu-cikgu kat sini buat banyak untuk dilakukan tetapi tetap terikat dengan kekangan sebab tak ada ruang.
>
> (GATE 1: SK3/D/d)

> Jadi kita.. itulah kita redha lah dengan keadaan itu dan kita keluar lah sendiri duit kita. Apa.. kalau kita nak bandingkan apalah sangat kita nak beli satu LCD itu untuk penggunaan kita dalam kelas sebab benda itu lebih memudahkan kita.
>
> (GATE 8: SK3/D/d)

Selain itu, guru-guru ini mempunyai semangat kerjasama yang tinggi dalam menjayakan sesuatu di sekolah. Mereka akan berpakat untuk menyelesaikan sesuatu masalah itu secara bersama-sama. Contohnya mereka akan menyediakan keperluan yang mendesak di sekolah dengan mengumpul sumbangan dan mencari penaja. Mereka sering bantu membantu antara satu sama lain dan sentiasa berkongsi sesuatu yang diperoleh untuk kebaikan bersama.

> Memanglah timbul perkara kekangan kan. Tapi kekangan ini, maknanya kita boleh selesaikan sama-sama dengan rakan sekerja ya.. dalam mesyuarat, dalam perbincangan tak formal kan.
>
> (GATE 2: SK3/D/d)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kita sama-sama buat. Apa-apa semuanya jadi ringan. Kemudian tambah lagi kalau apa-apa perkara dalam tingkatan enam ini, apa sahaja program dibuat tak pernah timbul masalah. Sebab semua cikgu dah berpengalaman. Tak ada masalah dah. Macam saya kalau saya pun kalau bagi bahagian jawatankuasa apa-apa pun tak ada masalah.
>
> (GATE 8: SK3/D/d)

Keenam ialah peranan pihak luar yang melibatkan badan-badan kerajaan organisasi bukan kerajaan, organisasi perniagaan, badan-badan komuniti, PIBG dan individu persendirian. Mereka tidak kurang pentingnya dalam menyumbangkan sesuatu untuk kepentingan Tingkatan Enam. Berdasarkan dapatan temubual, pihak Tingkatan Enam sering menghantar kertas kerja kepada pihak luar untuk mendapatkan penajaan dan kebanyakan permohonan selalunya berjaya diperoleh.

> Kami mohon juga sumbangan dari pihak-pihak NGO, pihak luar.. cuba memperbaiki prasarana yang ada di sekolah ini demi kemajuan pelajar-pelajar.. kami pernah juga melalui Persatuan Tingkatan Enam, mengadakan jualan dan dapat wang ya.. keuntungan daripada.. apa perniagaan tadi, kita gunakan sebahagiannya untuk membeli LCD.. kita juga ada memohon sumbangan dari ADUN, dari parlimen, biro tatanegara… setakat ini memang bila kita menyediakan kertas kerja, pelaksanaan setiap program itu kita dapatlah sumbangan-sumbangan dari pihak-pihak yang saya sebutkan tadi. Alhamdulillah.
>
> (GATE 1: SK3/D/d/)

Berdasarkan dapatan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, penyelidik berjaya mengumpulkan beberapa inisiatif yang diusahakan sendiri oleh guru-guru Tingkatan Enam dan juga daripada sumbangan daripada pihak luar melalui badan-badan korporat, organisasi perniagaan dan juga individu persendirian. Pihak pengurusan didapati tidak terlalu bergantung kepada peruntukan daripada pihak sekolah yang terhad. Kebanyakan program/aktiviti yang dijalankan di sini dibiaya daripada sumbangan pihak luar seperti Tenaga Nasional Berhad, Biro Tatanegara, persatuan alumni dan ahli politik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Inisiatif-Inisiatif Yang Dilakukan Oleh Guru Akademik Tingkatan Enam dan Sumbangan Pihak Luar

Bil	Prasarana	Sumbangan
1	Papan tanda Pusat Tingkatan Enam	ADUN Manong
2	Parkir motosikal pelajar	PIBG
3	Langsir Dewan Bitara	PIBG
4	Pentas Dewan Bitara	Tabung GATE dan PIBG
5	Kerusi plastik Dewan Bitara	Tabung GATE dan individu persendirian
6	Pentas dan tiang bendera dataran perhimpunan	Tabung GATE
7	LCD Projektor (3 unit)	Yayasan Perak
8	Peralatan Siar Raya	Tabung GATE
9	Baik pulih Bilik Operasi GATE	Tabung GATE
10	Penambahan kipas Dewan Bitara	Individu persendirian dan PIBG
11	Penghawa dingin Bilik Operasai GATE	Tabung GATE
12	Rak surat khabar/majalah ruangan membaca	Tabung GATE
13	Rak buku	Individu persendirian
14	Mesin penapis air	Individu persendirian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Bahagian E: Faktor Kejayaan Perubahan

Bahagian ini membolehkan penyelidik mendapatkan jawapan bagi Soalan Kajian 4: Apakah faktor-faktor kejayaan yang menyebabkan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam berjaya diteruskan walaupun mengahadapi rintangan perubahan? Penyelidik cuba menghuraikan jawapan secara keseluruhan dengan menggabungkan dapatan daripada ketiga-tiga fasa pelaksanaan.

Penyelidik telah menemui tujuh faktor kejayaan perubahan sepanjang usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam dilaksanakan. Faktor-faktor tersebut ialah (i) peranan Kementerian Pendidikan Malaysia, (ii) peranan Jabatan Pendidikan Negeri/Jabatan Pendidikan Daerah, (iii) peranan pihak pentadbir, (iv) peranan guru Tingkatan Enam, (v) faktor prasarana, (vi) faktor pelajar dan (vii) peranan pihak luar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan penelitian penyelidik, faktor pertama dan menjadi penentu kepada kejayaan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini ialah peranan Kementerian Pendidikan Malaysia itu sendiri. Berdasarkan dapatan temu bual, pihak KPM didapati berperanan besar dalam memastikan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini dikuatkuasa sepenuhnya di seluruh sekolah Tingkatan Enam. Pihak KPM perlu serius dalam setiap perancangannya bukan sekadar hanya menggubal dan membuat dasar baharu tetapi perlu melakukan pengawalan secara berterusan. Guru Tingkatan Enam berharap agar pihak KPM mengambil berat tentang proses penjenamaan semula Tingkatan Enam di peringkat sekolah dengan kerap turun padang melihat situasi realiti yang berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kumpulan yang paling penting ialah penyokong di peringkat Kementerian, Jabatan dan PPD sebab mereka inilah yang berperanan mengeluarkan dasar dan sebagainya. Kalau mereka boleh memberi penerangan jelas kepada pihak akar umbi di peringkat sekolah, maka benda ini akan menjadi lebih mudah.
>
> (GATE 3: SK4/E/a)

> Dalam kes-kes tertentu pihak pentadbir tidak dapat membantu sebab kekangan kewangan dan saya rasa disini pihak yang lebih tinggi iaitu KPM harus melakukan sesuatu.
>
> (GATE 6: SK4/E/a)

> Faktor penentu dia ialah penguatkuasaan apa yang dia nak itu. Apa yang ditulis dalam penjenamaan semula itu patutnya KPM ini ambil tahu lah. Adakah benda tidak dilaksanakan atau pun tidak. Ambil tahu.. apa-apa perkara.
>
> (GATE 8: SK4/E/a)
>
> Yang pertama sekali dari segi kementerian sendiri untuk menjana semula sejauh mana kementerian serius.. dengan ada sokongan daripada KPM kita boleh mencapai dari segi keberkesanannya.
>
> (GATE 4: SK4/E/a)

Faktor kejayaan perubahan yang kedua ialah peranan Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Pendidikan Daerah. Pihak JPN dan PPD ini merupakan pihak pengurusan pertengahan dalam hierarki organisasi KPM. Dapatan temu bual menunjukkan guru Tingkatan Enam berpendapat sekolah-sekolah Pusat Tingkatan Enam sangat memerlukan sokongan padu pihak JPN dan PPD. Pihak JPN dan PPD perlu memberikan komitmen selari dengan komitmen di peringkat sekolah. Guru-guru Tingkatan Enam berharap supaya pihak JPN dan PPD kerap mengadakan kerjasama dan mengambil berat tentang keperluan Tingkatan Enam dalam memastikan kelancaran penjenamaan semula Tingkatan Enam ini.

> Kalau nak penjenamaan ini berjaya, pihak PPD dan JPN tu kenalah ambil berat pasal Tingkatan Enam. Jangan abaikan keperluan Tingkatan Enam.
>
> (GATE 9: SK4/E/b)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, faktor kejayaan perubahan yang ketiga ialah faktor pihak pentadbir. Dapatan menunjukkan pentadbir sangat berperanan dalam kepimpinannya terutama dalam pembuatan keputusan. Pihak pentadbir perlu mempunyai tahap kefahaman dan penerimaan yang baik supaya pihak di peringkat bawahan turut memahami dan jelas dengan perubahan yang dibawa dan ini mempercepatkan lagi proses penjenamaan semula Tingkatan Enam. Pengetua merupakan pentadbir yang paling penting menentukan penjenamaan semula ini kerana setiap tindakan pengetua dapat mempengaruhi pihak bawahan yang lain. Mereka perlu berfikiran terbuka dengan perubahan yang diperkenalkan dan akur dengan setiap arahan yang dikeluarkan oleh pihak KPM.

> Tapi peranan pentadbir juga cukup penting sebab dia adalah yang membuat keputusan, kalau kita desak macam mana pun, kalau dia masih lagi tak mahu berubah. Maka benda tu sukar untuk berlaku.. Jadi, bagi saya yang paling penting selain cikgu Tingkatan Enam, yang penting adalah pengetua, kalau pengetua tu lebih maklum, lebih memahami tentang transformasi Tingkatan Enam. Maka lebih mudah proses itu berjalan dan hasrat kementerian pun lebih cepat daripada yang kita jangka sekarang ini.
>
> (GATE 3: SK4/E/c)

> Kita perlukan pentadbir itu faham betul-betul tentang situasi yang kita harapkan tentang penjenamaan Tingkatan Enam itu.. Kalau dia pun sebagai pentadbir dia pun tidak faham, tak aktif sangat, dia mesti tak bersungguh-sungguh nak laksanakan itulah kekangan rasanya.
>
> (GATE 5: SK4/E/c)

Faktor kejayaan perubahan yang keempat ialah faktor guru Tingkatan Enam. Berdasarkan dapatan, guru Tingkatan Enam harus menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Mereka adalah kumpulan pelaksana paling penting yang menjadi agen memastikan kejayaan pelan perubahan yang diperkenalkan oleh pihak KPM ini. Mereka perlu menambah nilai pengetahuan dan kemahiran sedia ada kepada yang lebih dinamik dan mampu selari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan perkembangan semasa. Guru Tingkatan Enam perlu bekerja keras dan sanggup berkorban serta kuat semangat melalui setiap masalah dan cabaran yang dilalui sepanjang menjayakan usaha ini. Selain itu, guru Tingkatan Enam perlu berfikiran positif dengan segala cabaran dan perubahan yang diberlaku dalam dunia pendidikan.

> Semua cikgu mesti wajib mengikuti perkembangan yang sedia ada walaupun cikgu itu cikgu lama.. Tapi bila dah menjadi guru pada masa kini maka wajiblah mengikuti perkembangan walaupun kita kata ada yang sedikit tertinggal.. supaya mengikut arus yang ditetapkan oleh kementerian sepadan dengan pelajar yang ada pada hari ini.
>
> (GATE 2: SK4/E/d)

> Kesediaan guru untuk berperanan melaksanakan transformasi ini. Guru harus bekerja kuat untuk memastikan transformasi ini berjaya dari segi akademik dan sebagainya .
>
> (GATE 3: SK4/E/d)

> Kita akan ada banyak cabaran yang dihadapi dan cabaran-cabaran dan kekangan ini mesti diambil sebagai iktibar untuk dijadikan atau mengatasi untuk menjadikan form 6 sebagai satu IPTA yang disegani dan dihormati oleh general people.. Dari segi penjenamaan mesti diteruskan! Having hiccup is normal. Mungkin ia mengambil masa yang lama tetapi kita tidak harus berputus asa.
>
> (GATE 5: SK4/E/d)

Manakala faktor kejayaan perubahan yang kelima ialah faktor prasarana. Isu yang melibatkan prasarana merupakan masalah dan cabaran yang berlaku sepanjang ketiga-tiga fasa pelaksanaan. Ini jelas menunjukkan bahawa faktor prasarana memberikan impak yang besar dalam menentukan kejayaan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Dapatan menunjukkan bahawa penjenamaan semula Tingkatan Enam boleh berjaya sekiranya pihak KPM dapat menyediakan prasarana yang baik dan sesuai dengan keperluan Tingkatan Enam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kerajaan perlu memperuntukkan kos perbelanjaan untuk menaik taraf kemudahan untuk sekolah Tingkatan Enam itu sendiri seperti mengadakan bangunan sendiri untuk Tingkatan Enam dengan dilengkapi kemudahan prasarana yang baik.
>
> (GATE 9 : SK4/E/e)

Prasarana juga dapat mempengaruhi persepsi masyarakat untuk menaruh kepercayaan kepada kemampuan pengajian Tingkatan Enam menyediakan pendidikan yang berkualiti. Ia juga mempengaruhi motivasi guru untuk lebih bersemangat dan dapat mempamerkan prestasi baik dalam menjalankan tanggungjawab. Prasarana juga dapat mempenagruhi persepsi dan motivasi murid untuk meneruskan pengajian Tingkatan Enam dan membantu mempertingkatkan pencapaian mereka dalam pelbagai bidang. Kebanyakan guru Tingkatan Enam melihat usaha pemusatan sekolah-sekolah Tingkatan Enam ke arah menjadi status mod 1 (Kolej Tingkatan Enam) menjadi penyelesaian terbaik dalam menagatasi masalah dan cabaran berkaitan dengan prasarana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Walaupun mungkin sekolah yang sekarang ni kurang lagi tapi mungkin bila ada persepsi daripada media daripada apa semua ni orang akan lebih tertarik untuk apa percaya dengan Tingkatan Enam ni dan seterusnya rasa Tingkatan Enam ni baik untuk mereka dapatkan ilmulah.
>
> (GATE 9 : SK4/E/e)

Seterusnya, faktor kejayaan perubahan yang kelima ialah faktor pelajar. Dapatan temu bual mendapati, latar belakang pencapaian pelajar adalah penting dalam menentukan sejauh mana pelajar boleh mencapai tahap keberhasilan dan kemenjadian pelajar yang dihasratkan dalam sistem pendidikan Tingkatan Enam. Kebanyakan guru Tingkatan Enam mengatakan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini akan lebih berjaya apabila pihak KPM menekankan kepada aspek pemilihan murid yang mempunyai syarat kelayakan yang bersesuaian tahap pengajian. Tingkatan Enam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlu dijadikan sebagai pilihan utama dalam kalangan murid lepasan SPM yang berprestasi tinggi dan ini mampu meningkatkan keyakinan masyarakat.

> Untuk menarik pelajar lepasan SPM masuk ke Tingkatan Enam. Pelajar tersebut perlulah pelajar yang bukan pelajar yang tak dapat masuk IPT.. Maknanya markah ataupun kelulusan SPM yang mereka ada itu pelajar itu memang pelajar yang mampu untuk target masuk universiti selepas STPM.
>
> (GATE 2: SK4/E/f)

> Faktor yang seterusnya kumpulan terakhir ialah pelajar.. pelajar yang masuk Tingkatan Enam ni masuk bukan sebagai pilihan terakhir.
>
> (GATE 3: SK4/E/f)

> Tingkatan Enam merupakan the last choice bila tidak ada tempat yang mereka dapat pergi. Mereka datang ke Tingkatan Enam, the last choice. Something has to be done to change this attitude. Tingkatan Enam patut dijadikan first priority, dan ramai pelajar datang ke Tingkatan Enam sebagai untuk fill up their time sementara tunggu second intake, third intake to other instituition.
>
> (GATE 6: SK4/E/f)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, faktor kejayaan perubahan yang terakhir ialah faktor pihak luar. Pihak berkepentingan yang terlibat dengan penjenamaan semula Tingkatan Enam perlu menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak luar demi menjaga kepentingan tingkatan enam. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa masyarakat umum perlu diberikan pendedahan yang jelas bagi menghapuskan persepsi negatif terhadap Tingkatan Enam selama ini. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dilihat boleh menjadi medium yang dapat menyebar luas maklumat yang tepat kepada ibu bapa dan masyarakat luar tentang kelebihan Tingkatan Enam. Pihak luar yang lain juga didapati dapat membantu Tingkatan Enam dalam aspek sokongan kewangan dan dapat membantu menyelesaikan masalah kekangan prasarana sedia ada dan pembiayaan aktiviti dalaman pengurusan Tingkatan Enam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Bahagian F: Keberkesanan Perubahan

Bahagian ini akan membantu penyelidik menjawab Soalan Kajian 5: Bagaimanakah pandangan pihak pelaksana terhadap keberkesanan usaha penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam oleh KPM? Penyelidik membahagikan kepada dua sub soalan iaitu untuk mengetahui pandangan guru tentang kelebihan sistem modular berbanding sistem terminal dan tentang pencapaian mencapai matlamat.

4.7.1 Adakah sistem modular lebih baik berbanding sistem terminal?

Berdasarkan dapatan temu bual, penyelidik telah berjaya mengumpul lima kelebihan dari sudut pandang guru-guru Tingkatan Enam iaitu (i) berjaya membina kemenjadian pelajar, (ii) selari dengan keperluan dan perubahan masa, (iii) struktur kandungan pengajian, (iv) mengurangkan beban murid (v) memberi kelebihan dari segi perjawatan guru. Kelebihan-kelebihan yang ditemui ini merupakan sesuatu yang begitu signifikan dirasai oleh guru-guru Tingkatan Enam sebagai pihak pelaksana di sekolah.

Kelebihan yang paling ketara dilihat oleh guru Tingkatan Enam ialah sistem modular didapati berjaya membina kemenjadian pelajar dengan adanya kerja kursus. Penyediaan kerja kursus memerlukan pelajar mencari maklumat dan membuat pembentangan hasil kerja kursus. Pengalaman dan kemahiran yang diperoleh daripada proses menyiapkan kerja kursus menjadikan murid Tingkatan Enam lebih mantap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Maknanya sejauh mana keupayaan mereka boleh mereka persembahkan untuk folio yang terbaik. Maka di situ cikgu boleh memberi markah untuk persembahan yang pelajar buat. Baik persembahan, baiklah. Makna cikgu yang nak markah baik maka dia akan minta pelajar itu buat berkali-kali. Jadi maknanya ada peluang pelajar untuk meningkatkan kemahiran dan markah mereka dalam peperiksaan.
>
> (GATE 2: SK5/F/1/a)

Penyelidik mendapati ianya selari dengan dapatan yang diperoleh daripada analisis dokumen yang mana ianya bertepatan dengan hasrat KPM seperti berikut.

> Pengenalan kepada PBS (Kerja Kursus) ini adalah selari dengan hasrat KPM untuk membangunkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek serta memperluaskan peluang pendidikan kepada semua yang berpotensi. Bertepatan juga dengan hasrat KPM untuk memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian agar lebih holistik dengan menitikberatkan pendidikan berasaskan hasil (outcome-based education) yang lebih berfokuskan pelajar dan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan.
>
> (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012)

Selain itu, sistem modular dikatakan lebih baik daripada sistem terminal kerana kandungan pengajian sistem baharu yang diperkenalkan ini selari dengan keperluan dan perubahan masa. Sistem modular memperkenalkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang hampir sama dengan yang dipraktikkan di universiti. Ini sacara tak langsung dapat melatih murid membiasakan diri dengan cara di universiti.

> Memang sistem modular ni baiklah sebab boleh tengok dia sesuai dengan generasi sekarang.. kalau terminal dia kan belajar banyak sekali lepas itu baru nak diuji dalam masa tiga jam baru nak diuji untuk setahun setengah punya kan.
>
> (GATE 5: SK5/F/1/b)

> Jadi memang baik sangatlah kita cuba terapkan benda yang sama dengan universiti. Dah nama pun pra U, kan. Jadi kalau di universiti, sistem semester di pra U pun sistem semester. Memang baru nampak link dia antara dua keadaan itu .."
>
> (GATE 8: SK5/F/1/b)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik mendapati ia mempunyai persamaan seperti mana dalam rasional pelaksanaan Sistem Pentaksiran Baharu (Sistem Modular) ini diperkenalkan oleh pihak KPM seperti berikut.

> Sistem ini dapat menyediakan pelajar untuk menempuh alam dan sistem pengajian di IPT baik di dalam mahupun di luar negara.
>
> (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012)

Sistem modular juga dikatakan lebih baik daripada sistem terminal kerana sistem modular ini memberi peluang murid Tingkatan Enam memperbaiki keputusan peperiksaan iaitu dapat kelebihan dari segi aspek pemarkahan yang mana Peperiksaan STPM Ulangan boleh diambil pada penggal 1 dan penggal 2. Keputusan yang dapat diperbaiki akan memberi peluang yang baik kepada murid untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Jadi ini kelebihan. Macam masa sistem terminal, kalau satu tahun itu kalau dia gagal, gagal lah kan. Jadi dia tak berpeluang untuk mengulang memperbaiki keputusan. Jadi kalau dia dapat macam ekonomi F, F lah. Kalau macam ini kalau penggal satu dapat F, penggal ini dia boleh perbaiki keputusan.
>
> (GATE 7: SK5/F/1/c)

Ia juga mempunyai persamaan dalam dapatan analisis dokumen, iaitu sistem modular ini memberi peluang kepada murid untuk memperbaiki keputusan yang lebih baik.

> Pelajar diberi peluang untuk memperbaiki keputusan peperiksaan (mengulang). Pelajar boleh memperbaiki keputusan akhir Penggal 1 dan atau Penggal 2 dengan menduduki semula peperiksaan pada hujung Penggal 3. Pelajar yang tidak mencapai keputusan yang baik bagi Penggal 3 boleh juga menduduki semula peperiksaan akhir Penggal 3. Keputusan peperiksaan yang terbaik akan diambil kira antara peperiksaan pertama dengan peperiksaan ulangan.
>
> (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dapatan membuktikan bahawa guru-guru Tingkatan Enam mengatakan sistem modular ini mempunyai struktur kandungan pengajian yang lebih baik. Selain itu, guru menyambut baik sistem ini kerana struktur kandungannya membolehkan guru lebih fokus kepada murid kerana berlakunya pengkhususan dalam mengajar opsyen.

> So, pelajar tidak akan terkejut berbanding dengan sistem yang lama di mana selepas 2 tahun baru mereka akan mengambil peperiksaan dan silibus tu terlampau luas. So now, dia lebih fokus mengikut semester-semester.
> (GATE 6: SK5/F/1/d)

> Kalau awal-awal dulu memang orang tak nak mengajar Tingkatan Enam tu kan sebab tingkatan enam dengan arus perdana sama ja Tapi apabila ada penjenamaan semula ini, guru-guru ramai yang berminat untuk mengajar tingkatan enam dan nampak lebih berkesanlah sebab cikgu-cikgu pun boleh fokus dengan pelajar-pelajar Tingkatan Enam sahaja.
>
> (GATE 3: SK5/F/1/d)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelebihan yang seterusnya ialah sistem modular dapat mengurangkan beban pelajar bagi mempelajari sukatan mata pelajaran pada setiap semester (penggal). Sukatan pelajaran STPM baharu mempunyai kandungan yang dibahagikan kepada tiga bahagian kurikulum mengikut kelompok atau mengikut kesesuaian bidang kajian disiplin untuk mengisi tiga penggal, iaitu Penggal 1, 2, dan 3 dalam tempoh pengajian selama satu setengah tahun.

> Dari segi sukatan pun kalau dulu kita terpaksa menghabiskan satu selibus, bab yang banyak dan kemudian periksa. Sekarang ini ia dibahagi-bahagikan kepada tiga penggal jadi agak ringan la kepada guru dan pelajar cuma ada assignment itu yang agak berat tapi Insya Allah setelah kita jalankan beberapa tahun ini InsyaaAllah telah menjadi ringan la.
>
> (GATE 4: SK5/F/1/f)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan temu bual tersebut sebenarnya telah menepati hasrat pihak KPM memperkenalkan sistem pentaksiran baharu ini.

> Beban bagi pelajar untuk belajar dalam sistem pentaksiran baharu adalah kurang kerana mereka hanya perlu mempelajari kandungan mata pelajaran bagi penggal berkenaan sahaja untuk dinilai pencapaian mereka bagi penggal itu. Pelajar mempunyai peluang yang lebih besar untuk memperoleh pencapaian yang lebih baik bagi setiap penggal kerana skop pengajian yang dinilai pada setiap penggal adalah terhad.
>
> (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012)

Sistem modular juga dikatakan lebih baik daripada sistem terminal kerana sistem baharu ini memberi kelebihan dari segi perjawatan. Guru yang mengajar Tingkatan Enam dikatakan dapat menikmati kenaikan pangkat melalui "fast track" yang menyingkatkan masa.

> Sistem modular ini dari segi perjawatan itu, ia ada kelebihannya iaitu guru Tingkatan Enam ini terutamanya kepada guru muda lebih cepat untuk naik pangkat tapi bagi guru yang lama macam kami ni KUP ini kira biasa sahaja la.
>
> (GATE 7: SK5/F/1/e)

Berdasarkan analisis dokumen, kelebihan tersebut ada dinyatakan oleh pihak Cawangan Naik Pangkat, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM dalam taklimatnya kepada pengetua-pengetua sekolah Pusat Tingkatan Enam.

> Jawatan Tingkatan 6 adalah jawatan kenaikan pangkat dan ianya adalah sama taraf dengan jawatan-jawatan kenaikan pangkat hakiki lain seperti Penolong Kanan, Pengetua, Ketua Jabatan ataupun jawatan kenaikan pangkat Cemerlang seperti Guru Cemerlang, Pengetua Cemerlang, Pegawai Cemerlang. Pengisian jawatan adalah berdasarkan kekosongan jawatan dan pakej mata pelajaran Tingkatan 6 yang diluluskan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH). Jawatan tingkatan 6 tidak boleh dilantik dengan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41.
>
> (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.2 Adakah usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam ini mencapai matlamatnya?

Berdasarkan analisis dokumen, penyelidik mendapati pandangan guru-guru Tingkatan Enam dalam dapatan temu bual mempunyai persamaan dengan apa yang dihasratkan oleh pihak KPM dalam melaksanakan penjenamaaan semula Tingkatan Enam ini seperti berikut.

> Penjenamaan semula Tingkatan Enam dilaksanakan dengan hasrat untuk memperkasa pendidikan Tingkatan Enam melalui peningkatan imej, sistem, dan kualiti pendidikan setaraf dengan pendidikan lepasan menengah yang lain selepas SPM seperti Matrikulasi atau pusat asasi sains, kerana ianya dilihat sebagai salah satu laluan utama murid-murid untuk melanjutkan pelajaran ke universiti; mengubah persepsi masyarakat terhadap pendidikan Tingkatan Enam; membangun dan memupuk nilai kepimpinan yang tinggi dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam
>
> (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan temu bual, didapati bahawa usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam ini dikatakan mencapai matlamatnya iaitu (i) menyediakan pelajar ke institusi pengajian tinggi, (ii) menjadikan Tingkatan Enam pilihan terbaik, dan (iii) mengubah persepsi masyarakat.

Pertama, kebanyakan guru Tingkatan Enam mengatakan mereka bersetuju sistem modular ini dapat mencapai matlamat dari segi menyediakan murid Tingkatan Enam ke institusi pengajian tinggi. Dapatan mendedahkan bahawa guru-guru Tingkatan Enam mengatakan sistem modular telah berjaya membentuk kemenjadian murid Tingkatan Enam itu sendiri. Sistem modular telah menyediakan pelajar dengan asas pembelajaran mengikut cara di universiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Setakat inilah secara peribadi, ya saya rasa dari segi penyediaan pelajar ke institusi pengajian tinggi, memang berjaya lah sebab kita berjaya membina kemenjadian murid Tingkatan Enam.
>
> (GATE 1: SK5/F/2/a)

> Berjaya! Sebab kita tengok trend pendidikan tu dah hampir sama. Kalau kita tengok MPM pun menyediakan asas pembelajaran Tingkatan Enam tu sesuai dengan universiti.
>
> (GATE 3: SK5/F/2/a)

Sistem modular juga membuka ruang kepada pelajar Tingkatan Enam yang sebelum ini kurang cemerlang untuk mengubah diri dan meningkatkan potensi diri ke arah lebih cemerlang dan berdaya saing.

> Kita dapati ramai daripada pelajar kita antaranya ada yang tidaklah cemerlang dalam PMR, SPM tetapi dalam STPM mereka cemerlang dari segi akademik, sahsiah dan juga kepimpinan. Jadi InshaaAllah matlamat itu penjenamaan.. pelajar ke institusi pengajian tinggi secara positifnya.
>
> (GATE 4: SK5/F/2/a)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, dikatakan matlamat tersebut tidak dicapai sepenuhnya buat masa sekarang untuk melahirkan semua pelajar berjaya mendapatkan tempat menyambung pengajian di universiti awam.

> Nak dikatakan penyediaan pelajar ke institusi pengajian tinggi ini seratus peratus pada saya tidak.. Sebab kalau tiap-tiap tahun kita tengok yang masuk universiti tak sampai 50 peratus. kan. boleh kita perhatikan dalam lima ke enam tahun kebelakangan ini adakah pelajar yang masuk universiti itu 50 peratus sedangkan cikgu yang mengajar dah berpengalaman.
>
> (GATE 2: SK5/F/2/a)

Kedua, dapatan menunjukkan guru juga bersetuju bahawa pelaksanaan sistem modular mencapai matlamatnya menjadikan Tingkatan Enam pilihan terbaik. Sejak penjenamaan semula Tingkatan Enam ini dilaksanakan, ramai lepasan SPM mula meyakini pengajian Tingkatan Enam sebagai program prauniversiti yang paling sesuai untuk menyambung pelajaran ke peringkat ijazah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Saya rasa yang ini pun berjaya sebab pada hari ini ada pelajar-pelajar saya yang mendapat tawaran ke UPU, ke matrikulasi.. mereka memilih, mereka tidak pergi UPU, tidak pergi matrikulasi tapi mereka dengan yakin mengatakan mereka nak tunggu, nak teruskan pengajian di pusat tingkatan enam dan masuk universiti selepas itu.
>
> (GATE 1: SK5/F/2/b)

Data menunjukkan berlaku pertambahan bilangan murid yang belajar dan kekal di Tingkatan Enam berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah sesuatu yang memberangsangkan dan memberi petanda yang positif menunjukkan usaha KPM mendatangkan hasil.

> Kita tengok data ni yang berlaku penambahbaikan, maknanya tambah pelajar atau pengekalan pelajar yang ramai meningkat dari tahun ke tahun dan situasi ni pun berlaku di tempat lain.
>
> (GATE 3: SK5/F/2/b)

> Kita lihat ada antara pelajar kita ada yang pergi ke tempat lain, ada tawaran uitm, matrikulasi pun ada yang patah balik ke Tingkatan Enam ini apabila mereka melihat Tingkatan Enam ini lebih menjamin untuk masuk ke universiti.
>
> (GATE 4: SK5/F/2/b)

Dapatan juga menemui bahawa pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini mencapai matlamatnya untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap pengajian Tingkatan Enam sebelum ini. Masyarakat terutamanya ibu bapa telah mula mempercayai peluang yang lebih baik mampu diperoleh jika menghantar anak mereka ke Tingkatan Enam. Penjenamaan semula ini telah mengubah persepsi masyarakat sebelum ini.

> Kalau kita tengok, akhir-akhir ni dah mula nampak hasil. Ibu bapa dah mula memandang Tingkatan Enam apabila transformasi dibuat. Kita tengok dulu, kalau pelajar Tingkatan Enam tu datang, dia datang je tapi sekarang ibu bapa dah mula hantar dan sebagainya. Jadi dah berlaku transformasi itu dari segi minda, penerimaan ibu bapa.
>
> (GATE 3: SK5/F/2/c)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengenalan kepada konsep sekolah Pusat Tingkatan Enam mengikut mod-mod tertentu telah lagi menarik minat lepasan SPM untuk belajar di Tingkatan Enam kerana konsepnya tidak lagi menyamai konsep sekolah biasa seperti sebelum ini. Keyakinan masyarakat bertambah baik dengan adanya satu institusi yang dikhaskan untuk pengajian Tingkatan Enam itu seperti mana adanya Pusat Asasi dan Kolej Matrikulasi.

> Bila ada penjenamaan semula terutama kalau macam mod 2.. Mod 1 lagi lah, persepsi masyarakat lagi tinggi sebab seolah-olah Tingkatan Enam ini terutama bila Menteri Pendidikan sendiri mengumumkan tentang pengubahan nama sekolah kepada nama kolej. Jadi, Pusat Tingkatan Enam itu berubah terutama mod 1 jadi kolej.
>
> (GATE 7: SK5/F/2/c)

Persepsi masyarakat mula berubah terhadap pengajian Tingkatan Enam apabila mereka merasakan sesuatu yang membanggakan jika anak-anak mereka mendapat tawaran belajar di Tingkatan Enam yang sudah mengalami proses penjenamaan semula dan mengetahui sijil STPM mempunyai pengiktirafan. Keyakinan masyarakat diperkukuhkan lagi apabila kebanyakan lepasan Tingkatan Enam yang dulunya datang dengan pencapaian SPM yang sederhana tetapi berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam STPM setelah memilih belajar di Tingkatan Enam. Selain itu, Peranan sekolah Pusat Tingkatan Enam itu sendiri dalam mengkomunikasikan perubahan ini kepada masyarakat mampu membantu mengubah persepsi mereka sebelum ini.

> Dia dah rasa macam hebat sebab kita dengar kalau nak masuk Tingkatan Enam, nak masuk Pusat Tingkatan Enam RMM sebab dia tahu itu dah jadi pusat dan pusat dia rasa bagus, dan alhamdulillah di sini pun memang keputusan pelajar dia bagus. Jadi masyarakat memang memandang tinggilah. Tambahan lagi bila sekolah ini dah kita adakan signboard. Orang-orang kat luar pun dah reti tentang Pusat Tingkatan Enam.
>
> (GATE 8: SK5/F/2/c)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8 Bahagian G: Cadangan Penambahbaikan

Bahagian ini dapat mengumpul jawapan dapatan bagi Soalan Kajian 6: Bagaimana dengan pandangan pihak pelaksana tentang cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pihak KPM yang untuk memastikan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam ini lebih berjaya?

Antara cadangan penambahbaikan yang diperoleh oleh penyelidik daripada dapatan temu bual dalam kalangan guru Tingkatan Enam ialah (i) membuka lebih banyak Kolej Tingkatan Enam, (ii) memperkasakan Guru Akademik Tingkatan Enam, (iii) mempertingkatkan prasarana, (iv) memperbaiki kandungan pengajian, (v) meneliti pengambilan murid Tingkatan Enam, (vi) mempertingkatkan promosi, dan (vii) mewujudkan unit khas pengurusan Tingkatan Enam di peringkat PPD dan JPN.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan penambahbaikan yang paling banyak dikemukakan oleh guru-guru Tingkatan Enam ialah membuka lebih banyak Kolej Tingkatan Enam sekurangnya satu kolej di sebuah daerah. Ini kerana dengan kewujudan Kolej Tingkatan Enam, segala pelaksanaan boleh dilakukan dengan lebih berkesan, banyak perubahan dapat direalisasikan dengan cepat kerana tidak timbul lagi isu-isu yang menjadi rintangan kesan daripada berkongsi presmis sekolah yang sama dengan sekolah arus perdana.

> Terbaiknya mod 1 itulah yang kita laksanakan sepenuhnya sebab memang rasanya lebih kalau nak penjenamaan pun memang lebih berkesan kalau kita ada mod 1 sahaja lah.. Mod 1 ni rasanya banyak perubahan yang boleh dibuat dan kita rasanya lebih mudahlah lebih untuk mengajar Tingkatan Enam tiada masalah lagi dah.
>
> (GATE: SK6/G/1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru-guru mencadangkan, konsep sekolah Pusat Tingkatan Enam mengikut mod 1, mod 2 dan mod 3 dihapuskan dengan segera dan menggantikan semua sekolah Pusat Tingkatan Enam kepada mod 1 sahaja iaitu dinaik taraf menjadi Kolej Tingkatan Enam. Pertukaran status ini membolehkan pengurusan Tingkatan Enam mendapat autonomi tersendiri dari segi pentadbiran dan bebas daripada terikat dengan sekolah arus perdana.

> Sesuatu harus dilakukan untuk mengubah perbezaan mod 1, mod 2 and mod 3. Something has to be done. When comes to form 6, dia adalah one mode. Not untuk dibeza-bezakan. Sekarang Mod 1 telah dinaiktaraf kolej. What about mode 2 and 3?.. kalau boleh di satu daerah tu biarlah ada satu atau dua kolej.. So bila ada kolej, dia ada asrama dia sendiri, fasiliti dia sendiri, tenaga pengajar dia sendiri, pentadbir dia sendiri. So it as at the level of college, diluar IPTA dan kolej-kolej yang lain because secara tidak langsung, orang ramai dan juga pelajar akan berbeza. Dia akan pandang tinggi terhadap Kolej Tingkatan Enam.
>
> (GATE 6: SK6/G/1)

> KPM perlu buat sekolah-sekolah Tingkatan Enam biar jadi kolej sepenuhnya.. tak perlu ada mod 2 dan mod 3 lagi sebab banyak masalah yang timbul.. bila ada Kolej Tingkatan Enam, penjenamaan tu mudah untuk dilaksanakan dan boleh capai matlamat..baru la Tingkatan Enam ni dipandang tinggi.
>
> (GATE 9: SK6/G/1)

Dengan terasingnya Pusat Tingkatan Enam sepenuhnya daripada sekolah arus perdana, maka pihak pengurusan Tingkatan Enam bebas melaksanakan aktiviti-aktiviti yang sepatutnya dan sesuai untuk peringkat pelajar prauniversiti. Pelajar Tingkatan Enam dapat membentuk persekitaran budaya sendiri jauh daripada suasana di sekolah arus perdana. Mereka juga lebih cepat berkembang dari segi sosialisasi dan lebih berdikari seperti pelajar di institut pengajian tinggi yang lain kerana tidak lagi terikat dengan peraturan sekolah yang terlalu rigid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Mereka perlu diberi peluang untuk manage diri mereka sendiri. Mereka perlu diberi peluang untuk membuat keputusan sendiri dan mereka perlu diberi peluang untuk mengurus peperiksaan. Tetapi bila guru-guru masih juga ingin anggap mereka sebagai pelajar sekolah, semua perlu diberitahu, dimarah. Jadi saya rasa itu adalah satu situasi yang tak patut.
>
> (GATE 6: SK6/G/4)

Cadangan penambaikan yang kedua ialah kebanyakan guru mencadangkan supaya pihak KPM mengadakan usaha untuk memperkasakan memperkasakan Guru Akademik Tingkatan Enam. Cadangan bukan sahaja kepada pihak KPM tetapi juga kepada guru-guru Tingkatan Enam itu sendiri. Guru perlu mempersiapkan diri agar lebih bersedia menghadapi sebarang perubahan dalam dunia pendidikan yang bersifat dinamik. Guru perlu memahirkan diri dalam penguasaan terhadap penggunaan teknologi-teknologi terkini agar tidak ketinggalan. Malah, corak kepimpinan juga perlu berubah selari dengan tuntutan perubahan zaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Guru pun kena bersedia, berubahlah sebab kebanyakan guru tingkatan enam adalah guru yang senior.. dari segi kesediaan untuk menggunakan teknologi-teknologi terbaru sebab kalau kita tidak berubah, maka kita akan ketinggalan dan pelajar pun akan memandang cikgu sebagai tidak relevan dengan perubahan semasa.. Tapi lebih kepada rundingan, berdialog dengan pelajar dan sama-sama dengan pelajar dalam membuat keputusan supaya keputusan yang diambil nanti, keputusan yang mesra pelajar dan juga memberikan situasi yang benar-benar kepada organisasi tingkatan enam.. kemudian kepimpinan juga kena berubah. Kepimpinan di Tingkatan Enam dia lebih bersikap terbuka, bukan lagi bersifat arahan semata-mata.
>
> (GATE 3: SK6/G/3)

Ada juga cadangan untuk menambahbaik kualiti guru dari segi kelulusan iaitu guru-guru Tingkatan Enam sewajarnya mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi iaitu sekurang-kurangnya memiliki kelulusan peringkat sarjana (master). Ia juga perlu disokong memberi beberapa keistimewaan dari segi pangkat kepada guru-guru Tingkatan Enam sama seperti pensyarah di universiti sesuai dengan peringkat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajian prauniversiti. Ini akan meningkatkan lagi imej profesion keguruan guru-guru Tingkatan Enam di negara ini.

> Guru-guru dia ada master lah. Nak baik mesti tahap akademik itu lebih baik kan saya rasa.. kalau boleh ada dia punya sistem kenaikan pangkat yang special sikit ke…baru lah nampak betul-betulkan kita percayalah kalau setakat sama sahaja mesti orang kata sama sahaja lebih baik ajar arus perdana.
>
> (GATE 5: SK6/G/3)

> Guru-guru Tingkatan Enam ini dinaiktaraf mungkin menjadi pensyarah. Sebab saya rasa guru Tingkatan Enam patut dipanggil pensyarah kerana mereka mengajar IPTA dan Tingkatan Enam ini sekarang dianggap IPTA.. Dan saya rasa kita di Tingkatan Enam mesti diwujudkan jawatan guru cemerlang. Sebab saya rasa guru-guru yang ada di Tingkatan Enam memang semuanya hebat-hebat, berpengalaman, dan expert. So kenapa tidak ada jawatan guru cemerlang di aliran Tingkatan Enam?
>
> (GATE 6: SK6/G/3)

Cadangan penambahbaikan yang ketiga ialah mempertingkatkan prasarana. Kebanyakan guru mencadangkan supaya pihak KPM menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada sekolah-sekolah Pusat Tingkatan Enam. Sekolah Pusat Tingkatan Enam yang masih berstatus mod 2 dan mod 3 sebaiknya bangunannya diasingkan daripada berkongsi dengan sekolah arus perdana. Ini dapat menghilangkan suasana sekolah di Pusat Tingkatan Enam yang melaksanakan pembelajaran ala prauniversiti.

> Kemudian diberi bangunan yang berasingan dari sekolah dengan infrastruktur yang lengkap.
>
> (GATE 1: SK6/G/2)

> Buat masa sekarang ni, kenalah naik taraf kemudahan yang ada terutamanya bagi sekolah mod 2 dan mod 3..sebelum ada Kolej Tingkatan Enam nanti.. itu pun entah bila ada kolejnya.
>
> (GATE 9: SK6/G/2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, bangunan Tingkatan Enam perlu dilengkapkan dengan kemudahan yang berfungsi dengan baik dan sesuai dengan keperluan pengajian. Ini kerana Tingkatan Enam di bawah sistem modular memerlukan memerlukan kemudahan-kemudahan tertentu untuk melancarkan aktiviti-aktiviti pembelajaran.

> Dari segi facilities, that has to be something has to be done sebab saya rasa kita dalam sekolah atau Pusat Tingkatan Enam ini yang saya berada, kita ada banyak kekangan. Pelajar tidak ada tempat untuk mereka discuss. Kalau cikgu-cikgu nak adakan secara personal tak ada ruang, and another thing is that there is no library at all, di mana students can go and do references. Banyak terserah kepada students sendiri.
>
> (GATE 6: SK6/G/2)

Cadangan penambahbaikan yang keempat ialah memperbaiki kandungan pengajian. Kebanyakan guru Tingkatan Enam masih merasakan pakej yang ditawarkan terlalu luas dan umum. Pihak KPM dicadangkan untuk mengkaji dan meneliti kembali kandungan sukatan pelajaran sedia ada agar pelajar boleh belajar mengikut pengkhususan bermula dari Tingkatan Enam sebelum ke peringkat ijazah.

> Apa kata kalau sekiranya sistem modular ini tidak diluaskan sangat pakejnya.. Maknanya pihak kementerian boleh menetapkan ataupun mengecilkan pakej yang ada supaya pihak sekolah dapat melatih pelajar, membentuk pelajar mengikut pakej yang sedia ada dan pakej itu pastikan pakej yang boleh digunakan untuk kursus di universiti dan terbuka kepada pasaran sekarang.
>
> (GATE 2: SK6/G/5)

Selain itu, guru-guru Tingkatan Enam mencadangkan supaya sukatan baharu yang digubal lebih mesra calon iaitu topik-topik yang dipelajari tidak terlalu tinggi tahap pengujiannya melebihi tahap sebenar murid sehingga tidak mencapai matlamatnya. Ini kerana antara faktor ramai murid tidak mahu menyambung pengajian di Tingkatan Enam kerana STPM ini yang dikatakan terlalu sukar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Adakan sukatan baru yang lebih mesra calon. Saya ingat ini akan membantu untuk meningkatkan bilangan pelajar untuk kekal di Tingkatan Enam ni.
>
> (GATE 2: SK6/G/5)

Cadangan penambahbaikan kelima ialah meneliti pengambilan pelajar Tingkatan Enam. Guru-guru Tingkatan Enam mencadangkan supaya syarat kelayakan masuk ke Tingkatan Enam disemak semula bagi menjamin kualiti murid Tingkatan Enam itu sendiri agar selari dengan tahap pendidikan prauniversiti yang tinggi. Syarat kemasukan ke Tingkatan Enam perlu diperketatkan lagi dan menyediakan kouta tertentu. Dengan kelayakan yang baik, diharapkan peluang murid Tingkatan Enam untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di universiti adalah tinggi.

> Mungkin dari segi kuota pengambilan pelajar ke UPU, apa kata pelajar Tingkatan Enam ini dia punya kuota yang lebih tinggi.. maksud saya, peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti itu dibuka dengan lebih luas lagi untuk pelajar-pelajar lepasan Tingkatan Enam supaya mereka lebih gembira belajar di Tingkatan Enam.
>
> (GATE 1: SK6/G/4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem pengambilan murid Tingkatan Enam juga dicadangkan untuk dinaik taraf kepada kaedah seperti sistem UPU yang dibuat bagi pengambilan pelajar diploma dan ijazah, dan diurus oleh satu badan khas yang mewakili Tingkatan Enam.

> Kalau kita lihat universiti ada sistem UPU tapi Tingkatan Enam ini kita lihat lebihan-lebihan itu yang ditawarkan, kita lihat pelajar-pelajar dah masuk matrik selepas itu baru ditawarkan kepada para pelajar ini untuk Tingkatan Enam.
>
> (GATE 4: SK6/G/4)

Cadangan penambahbaikan yang keenam ialah menggiatkan promosi Tingkatan Enam. Kebanyakan guru Tingkatan Enam berpendapat capaian maklumat tentang pendidikan Tingkatan Enam masih berada di tahap yang masih sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat perlu mengetahui tentang maklumat Tingkatan Enam yang benar dan tepat.

> Kita kena banyak dedahkan kepada pelajar SPM lah. Bagi ceramah, bagi taklimat, bagi seminar kepada budak SPM kan. Maknanya kena fahamkan masyarakat bahawa Tingkatan Enam ini sepatutnya menjadi pilihan terbaik.
>
> (GATE 2: SK6/G/6)

Masyarakat perlu mendapat maklumat yang tepat dan jelas mengenai kelebihan Tingkatan Enam. Pihak KPM perlu melakukan sesuatu bagi tujuan mengetengahkan kelebihan-kelebihan Tingkatan Enam dengan mendedahkan beberapa kejayaan yang dicapai kepada masyarakat.

> I think so something has to be done so the image of Tingkatan Enam is updated so people akan ingat tingkatan enam is very prestigious, and in demands. Sekarang ramai yang tidak faham bahawa pelajar-pelajar tingkatan enam sebenarnya menjadi keutamaan, consideration bila nak masuk universiti, So that should be highlighted.
>
> (GATE 6: SK6/G/6)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan penambahbaikan yang ketujuh ialah mewujudkan unit khas untuk pengurusan Tingkatan Enam Di PPD dan JPN. Tingkatan Enam tidak ada unit yang khas atau tersendiri dalam mengurus hal ehwal Tingkatan Enam. Pada masa ini, pengurusan Tingkatan Enam diselia oleh BPSH di bawah KPM yang bersekali dengan pengurusan sekolah-sekolah arus perdana yang lain. Penubuhan unit khas dapat membantu pengurusan Tingkatan Enam di peringkat kementerian diurus dengan lebih cekap dan berkesan.

> Apa yang mungkin boleh dicadangkan oleh pihak atasan supaya diwujudkan satu unit khas yang berasingan di PPD tu yang menguruskan Tingkatan Enam. Maknanya dia ada Unit Pengurusan, Unit Kokurikulum sendiri, dia ada Unit HEM dia sendiri, Unit Kurikulum dan Unit Naik Pangkat. Dari segi jabatan dan di peringkat PPD pun sama. Maknanya ini yang bertanggungjawab mengurus dan memikirkan berkaitan Tingkatan Enam. Sebab kalau kita tengok situasi yang ada sekarang ni, Di jabatan ada seorang je Pegawai, Penolong Pengarah Tingkatan Enam.
>
> (GATE 3: SK6/G/3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9 Rumusan

Enam soalan kajian yang telah dijawab melalui hasil triangulasi dapatan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Analisis telah dibuat berdasarkan dapatan dapat memberi gambaran secara keseluruhan tentang apa yang sebenarnya berlaku sepanjang proses penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam. Hasil dapatan ini membantu penyelidik untuk membuat perbincangan lanjut, rumusan dan cadangan pada bab yang seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangakan tentang keseluruhan dapatan penyelidik tentang pengururusan peruabahan penjenamaan semula Tingkatan Enam yang diperoleh daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Penyelidik membincangan dapatan berdasarkan kepada susunan penceritaan dalam kerangka konseptual yang juga mengikut susunan objektif atau soalan kajian. Bahagian pertama meliputi perbincangan tentang rangsangan perubahan, status pelaksanaan, penerimaan dan kesedian (elemen perubahan dan proses perubahan), rintangan perubahan, strategi menangani perubahan, faktor kejayaan peruabahan perubahan, keberkesanan perubahan dan cadangan penambahbaikan. Bahagian kedua melibatkan kesimpulan hasil daripada perbincangan dan bahagian ketiga akan mengemukan tentang implikasi dan cadangan penyelidik hasil daripada kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Perbincangan

5.2.1 Rangsangan Perubahan

Berdasarkan Model Tiga Tahap Perubahan Lewin, komponen rangsangan perubahan ini berlaku pada Fasa Pencairan (unfreezing) iaitu sewaktu sistem modular masih dijalankan dengan peperiksaan STPM lama. Secara umumnya terdapat dua faktor pendesak keperluan untuk perubahan iaitu tekanan luaran dan tekanan dalaman (Nahavandi 2015; Phillips dan Gully, 2014; Griffin, 2014; Nelson dan Quick, 2013). Dapatan kajian ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Cummings dan Worley (2015: p.530-533) yang mana antara ciri-ciri perubahan transformasi ialah perubahan tercetus oleh gangguan persekitaran luaran dan dalaman. Kesedaran terhadap trend semasa dan pemacu-pemacu perubahan akan membantu organisasi untuk menjangkakan apa perubahan yang diperlukan (Phillips & Gully (2014). Ini sama seperti penjenamaan semula Tingkatan Enam, berlaku disebabkan kerana wujudnya rangsangan-rangsangan perubahan yang mendesak.

Kajian ini selari dengan Model Lewin yang diadaptasi dalam kajian – rangsangan perubahan yang mencetuskan idea penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam ini datangnya daripada faktor tekanan dalaman (internal forces) dan tekanan luaran (external forces). Berdasarkan Model Analisis Tekanan Lapangan Kurt Lewin (Force Field Analysis), dalam konteks kajian ini tekanan dalaman ialah faktor dasar dan sistem pendidikan, manakala tekanan luaran adalah disebabkan oleh faktor permintaan dan persepsi masyarakat, dan perkembangan globalisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Griffin (2014) mengatakan bahawa tekanan dalaman boleh berlaku disebabkan oleh persekitaran tugas, manakala tekanan luaran disebabkan oleh persekitaran umum. Dalam konteks ini, tekanan dalaman merujuk kepada persekitaran tugas dalam sistem pendidikan Tingkatan Enam itu sendiri. Pihak berkepentingan paling utama dalam persekitaran tugas ini ialah KPM itu sendiri yang mempengaruhi secara langsung. Manakala, tekanan luaran pula merujuk kepada persekitaran umum yang berlaku di luar organisasi KPM yang secara tidak langsung mempengaruhi tindakan untuk memperkenalkan dasar baharu.

Tekanan dalaman yang dimaksudkan ialah faktor dasar dan sistem pendidikan yang sebenarnya datang daripada hal dalaman organisasi KPM itu sendiri. Dasar yang digubal dan sistem yang diguna dalam pendidikan Tingkatan Enam dilihat terlalu tradisional dan tidak begitu dinamik. Ini kerana sistem terminal STPM telah berjalan selama lebih 30 tahun tanpa mengalami perubahan yang memenuhi tuntutan semasa. Selain itu, program persediaan Tingkatan Enam sebelum ini tidak diurus dengan sistematik seperti mana program persediaan yang lain (program Matrikulasi dan Asasi). Oleh itu, KPM merasakan adanya keperluan untuk mewujudkan pengurusan yang tersendiri dan terurus bagi pendidikan Tingkatan Enam. Ini sesuai dengan kenyataan Phillips dan Gully (2014) iaitu perubahan dalam strategi, teknologi dan struktur organisasi, semua pencetus keperluan untuk perubahan melibatkan sikap para pekerja, gelagat, nilai dan kemahiran

Manakala, tekanan luar pula berkaitan dengan (i) faktor permintaan dan persepsi masyarakat, dan (ii) faktor perkembangan globalisasi. Penjenamaan semula Tingkatan Enam terjadi kerana mengambil kira tentang permintaan dan persepsi masyarakat terhadap Tingkatan Enam. Pengajian Tingkatan Enam kurang mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sambutan yang menggalakkan kerana murid lepasan SPM kurang berminat meneruskan pengajian ke Tingkatan Enam dengan beranggapan pengajian Tingkatan Enam ini tidak glamor dan merupakan pilihan terakhir; tempat untuk yang tidak layak ke IPT selepas SPM serta dipengaruhi dengan satu stigma bahawa peperiksaan STPM adalah terlalu sukar menyebabkan peluang tips untuk masuk ke universiti (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2017). Tambahan pula, pendidikan Tingkatan Enam bukanlah menjadi pilihan ibu bapa untuk anak-anak mereka melanjutkan pelajaran. Ini menyebabkan terdapat desakan-desakan masyarakat yang menuntut pendidikan Tingkatan Enam ini diberikan nafas baharu selari dengan perkembangan semasa.

Selain itu, pertimbangan terhadap faktor perkembangan globalisasi juga merupakan salah satu sebab utama KPM melakukan perubahan terhadap pendidikan Tingkatan Enam. Pengajian Tingkatan Enam dilihat tidak mengikut perkembangan semasa dan tidak berdaya saing menyebabkan ia kurang mendapat sambutan yang menggalakkan. Kandungan pengajian juga tidak selari dengan perkembangan semasa boleh memberi kesan kepada kebolehpasaran lepasan STPM dalam mendapatkan tempat di universiti-universiti dan juga dalam dunia pekerjaaan. Ini menyebabkan masyarakat mempunyai persepsi negatif mengatakan sijil STPM tidak boleh diguanakan untuk memohon pekerjaan kerana STPM tidak berkualiti dan bertaraf rendah serta tidak diiktiraf oleh universiti di luar negara (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2017).

Oleh itu, pihak KPM berhasrat untuk mengubah sistem terminal STPM yang terlalu berorientasikan peperiksaaan berpusat kepada sistem pentaksiran baharu yang mempunyai ciri-ciri penilaian berterusan, berasaskan sekolah, “district-based”, dan berpusat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Status Pelaksanaan, Penerimaan dan Kesediaan

Elemen Perubahan

Penjenamaan semula Tingkatan Enam sepanjang Fasa 2 menyaksikan pihak KPM memperkenalkan sistem pentaksiran baharu STPM yang dikenali sebagai sistem modular. Proses pertukaran elemen-elemen dalam sistem modular menggantikan elemen-elemen sedia ada dalam sistem terminal inilah yang dikatakan Fasa 2 (2012-2013) ini merupakan satu fasa peralihan yang kritikal.

Elemen perubahan yang membezakan sistem modular STPM dangan sistem terminal STPM ini ialah dalam aspek kandungan pengajian, peperiksaan, kaedah pentaksiran, aspek kemahiran insaniah, peluang memperbaiki keputusan, standard dan pengiktirafan dan kadar yuran. Sistem STPM baharu ini dimulakan pada pengambilan pelajar Tingkatan Enam sesi 2012/2013 (Tingkatan Enam Bawah tahun 2012). Sistem Terminal STPM lama masih dijalankan pada tahun tersebut dan pelajar Tingkatan Enam sesi 2011/2012 (Tingkatan Enam Atas tahun 2012) merupakan kohort yang terakhir bagi sistem lama ini.

Proses Perubahan

Secara keseluruhannya, proses perubahan yang berlaku dalam penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam ini melibatkan komponen peperiksaan STPM dan pengurusan Tingkatan Enam. Kedua-dua komponen inilah yang dijenamakan semula menjadikan proses perubahan yang dilakukan oleh KPM ini bersifat holistik. Perubahan besar-besaran ini melibatkan pelbagai pihak yang terlibat secara langsung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan tak langsung yang mempengaruhi kelangsungan pendidikan Tingkatan Enam di pada masa akan datang.

Secara teoritikalnya, Fasa 2 (fasa peralihan) ini mempunyai persamaan dengan apa yang berlaku dalam Model Tiga Tahap Perubahan Lewin iaitu berada pada Fasa Perubahan (changing). Pada tahap ini, organisasi telah mempunyai kesedaran, maklumat yang cukup dan kemampuan untuk melakukan perubahan daripada keadaan lama kepada keadaan yang baharu. Dalam konteks ini, pihak KPM telah bertindak untuk melakukan perubahan ke atas sistem terminal STPM sedia ada atas tekanan atau rangsangan perubahan yang berlaku di Fasa Pencairan (unfreezing).

Cummings dan Worley (2015: p.530-533) mengatakan bahawa antara ciri-ciri perubahan transformasi ialah perubahan dimulakan oleh pihak eksekutif kanan dan pengurus lini, dan seterusnya perubahan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Didapati bahagian/agensi yang terlibat secara langsung dalam pembinaan konsep dan pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam ialah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Bahagian yang mewakili KPM ialah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) serta Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Manakala, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan agensi yang bertanggungjawab mengendalikan peperiksaan STPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam menjayakan proses perubahan ini pelbagai pihak terlibat dalam siri "engagement" dalam pembinaan konsep dan pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam (2012 dan 2013). Pihak yang terlibat ialah Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Bahagian KPM, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), SPT (Politeknik, Kolej Komuniti dan JPT Swasta), Unit Pusat Universiti (UPU), Malaysian Qualification Agency (MQA), Unit Perancangan Ekonomi (UPE), persatuan majikan dan industri, persatuan professional, Kesatuan Guru, guru, murid, pengurusan sekolah, pensyarah universiti, Majlis Dekan, dan Majlis Profesor Negara.

Selepas pelbagai "engagement" dari pelbagai pihak berkepentingan, penjenamaan semula Tingkatan Enam diputuskan secara kolektif ini akan melibatkan lima elemen utama, iaitu pengurusan dan pentadbiran, kurikulum, mod pengajaran & pembelajaran, infra dan infostruktur, imej dan anjakan minda. Konsep dan cadangan pelaksanaan bagi setiap elemen akan diteliti dengan baik dan cadangan pelaksanaan akan dilaksanakan secara berperingkat bergantung kesesuaian dan kelulusan yang diperolehi. KPM kini meneliti pelbagai perkara berkaitan cadangan pelaksanaan ini untuk memastikan pelaksanaannya dapat berjalan dengan teratur. Ini serlasi dengan Cummings dan Worley (2015: p.530-533) yang mengatakan antara ciri perubahan transfomasi ialah perubahan adalah sistematik dan berevolusi, dan perubahan melibatkan pembelajaran signifikan dan suatu perubahan paradigma.

Walau bagaimanapun, bahagian paling penting dalam proses perubahan bagi penjenamaan semula Tingkatan Enam ini adalah pihak pelaksana di peringkat sekolah. Mereka (guru dan pentadbir) adalah pemacu kepada proses perubahan ini yang akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melaksanakan semua perancangan yang telah dibuat bagi menentukan hasil akhir sama ada mencapai matlamat atau tidak.

Dari segi status pelaksanaan, sistem modular ini telah berjaya dilaksanakan oleh KPM pada tahun 2012 dengan berpandukan kepada perancangan strategik yang dirangka sebelumnya. Elemen-elemen perubahan dilakukan secara berperingkat. Semua pihak berkepentingan telah menjalankan tangjungjawab masing-masing berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam yang dikeluarkan oleh KPM. walaupun berhadapan dengan beberapa kekangan pada tahun pertama dilancarkan. Mereka tidak lagi mengalami kejutan yang ketara seperti mana yang pernah berlaku sewaktu fasa pertama fasa ini berlaku secara berperingkat agar tidak menjadi satu kejutan yang besar terutamanya kepada pihak pelaksana di peringkat sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada fasa ini juga berlakunya pengasingan (sekolah Pusat Tingkatan Enam Mod 2) dari segi pengurusan, bangunan akademik dan aktiviti Tingkatan Enam yang dipisahkan dengan pengurusan sekolah arus perdana. Walau bagaimana pun, pentadbiran kedua-dua pengurusan ini masih di bawah seorang pengetua yang sama. Ini memberi autonomi atau kelebihan kepada pengurusan Tingkatan Enam menjalankan aktiviti sendiri yang sesuai dengan peringkat pelajar prauniversiti dan dapat memenuhi Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam yang dikuatkuasakan.

Dari segi penerimaan, guru-guru Tingkatan Enam tidak mempunyai masalah untuk melaksanakannya. Malah, mereka berfikiran menyokong penuh dan bersetuju dengan polisi penjenamaan semula tingkatan enam ini. Pelaksanaanya disambut baik memandangkan matlamat penjenamaan semula Tingkatan Enam ini memberi banyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelebihan berbanding keburukan. Guru-guru Tingkatan Enam melihat usaha ini adalah sesuatu yang wajar kerana dapat menaikkan imej, taraf dan kualiti pendidikan Tingkatan Enam itu sendiri dan sampai masanya pendidikan Tingkatan Enam ini diberikan taraf sama seperti yang diperoleh oleh program persediaan/prauniversiti yang lain.

Sistem baharu juga memberi kelebihan kepada pelajar kerana dengan kandungan pengajian yang baharu, mereka boleh memberi tumpuan yang baik kepada sukatan pelajaran pada setiap penggal, malah pelajar berpeluang menambah baik keputusan peperiksaan dengan mengambil peperiksaan ulangan. Guru-guru Tingkatan enam juga berpendapat ianya relevan dilaksanakan supaya pendidikan Tingkatan Enam ini mampu memenuhi keperluan semasa yang sentiasa dinamik dan sewajarnya diberikan nafas baharu untuk menarik minat murid lepasan SPM menjadikan pengajian di Tingkatan Enam sebagai pilihan terbaik dan seterusnya mendapatkan kepercayaan daripada masyarakat suapaya dapat mengubah persepsi negatif sebelum ini.

Manakala, dari segi kesediaan, kebanyakan guru Tingkatan Enam dikatakan mengalami sedikit kesukaran dan kekeliruan. Situasi ini terjadi kerana pada tahun 2012 sistem modular dijalankan serantak dengan sistem terminal. Tempoh peralihan ini menjadi satu kecelaruan kepada bidang kerja guru. Kerap berlakunya kekeliruan untuk membezakan dua sistem ini dengan dua kohort pelajar yang berlainan dalam satu tahun yang sama. Namun, situasi fasa peralihan ini adalah bersifat sementara sahaja dan tidaklah menimbulkan masalah kritikal dan berpanjangan kerana ianya tidak akan berlaku lagi pada tahun seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di pihak pelajar pula, ia bukanlah sesuatu yang begitu serius. Murid Tingkatan Enam Bawah ketika itu menyambut baik dan teruja dengan pengenalan sistem modular yang mempunyai persamaan dengan sistem di peringkat universiti. Cuma di peringkat awal, mereka mengalami kejutan apabila berhadapan dengan kandungan pengajian yang dikatakan begitu luas sukatannya, walaupun sistem modular dikatakan telah mengurangkan kepadatan kandungan pengajiannya kepada tiga penggal. Namun, setiap penggal mengandungi skop topik dan kemahiran yang lebih mendalam. Selain itu, mereka juga perlu berhadapan dengan menyediakan kerja kursus yang belum mantap dari segi kaedah penilaiannya. Walau bagaimanapun, ia adalah sesuatu yang bersifat sementara apabila guru-guru Tingkatan Enam mampu mengendalikan situasi ini dengan baik kerana kebanyakan mereka mempunyai banyak pengalaman dalam bidang pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Rintangan Perubahan

Setiap fasa pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini tidak lari daripada berhadapan dengan pelbagai rintangan. Berpandukan kepada Model Tiga Tahap Perubahan Lewin, rintangan perubahan yang dihadapi sepanjang Fasa 2 ini berlaku dalam Tahap Perubahan (changing). Tempoh ini menyaksikan organisasi telah bersedia untuk berubah daripada keadaan asal kepada keadaan baru. Maka, sepanjang perubahan itu berlaku, akan timbul beberapa masalah dan cabaran yang tidak diduga. Menurut Nahavandi (2015, p.475), terdapat empat rintangan perubahan yang menghalang pelaksanaan sesuatu perubahan dengan jayanya – (i) halangan kognitif, (ii) halangan sumber, (iii) halangan motivasi, dan (iv) halangan politik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rintangan-rintangan perubahan ini berlaku sepanjang proses perubahan iaitu sewaktu fasa perlaihan sistem terminal beralih kepada sistem modular iaitu tempoh kritikalnya antara 2012 hingga 2013. Rintangan yang dihadapi dalam setiap fasa pelaksanaan adalah hampir sama dan ada juga yang berbeza. Ini kerana pelaksanaan pada Fasa 2 (2012-2013) lebih berfokus kepada pelaksanaan Sistem Pentaksiran STPM Baharu (sistem modular) dalam peperiksaan STPM berbanding dengan fasa 1 (2008-2011) yang lebih kepada pensturukturan organisasi pengurusan Tingkatan Enam.

Kajian telah menemui dua tema baharu yang membezakan jenis rintangan pada Fasa 2 dengan Fasa 1 dan juga Fasa 3. Tema rintangan perubahan tersebut ialah kandungan pengajian dan kesediaan dan sikap pelajar. Manakala, bebanan bidang tugas, perubahan kandungan pengajian, konflik guru arus perdana, isu pelantikan dan perjawatan, prasarana dan konflik pihak pentadbir adalah tema rintangan perubahan yang masih berlaku pada Fasa 2 ini.

Masalah/cabaran yang paling ketara sepanjang Fasa 2 ini ialah bebanan bidang tugas. Konflik terjadi berikutan pihak pentadbir masih melibatkan guru Tingkatan Enam dalam tugas mengajar dan ditambah lagi dengan memegang jawatan-jawaatan penting di arus perdana. Tindakan pihak pentadbir ini dengan alasan yang tidak munasabah yang beranggapan guru Tingkatan Enam mempunyai banyak masa terluang sedangkan guru perlu mematuhi apa yang dikuatkuasakan dalam Garis panduan Tingkatan Enam yang dikeluarkan oleh pihak KPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi pada masa ini menjadi kelam kabut apabila guru terpaksa menjalankan tugas yang berganda untuk kerja kursus tingkatan Enam dan dalam masa yang sama mengendalikan kerja PBS murid di arus perdana. Ini menyebabkan guru Tingkatan Enam tidak mampu untuk memikul tugas berganda kerana jadual waktu menjadi padat bukan kerana berkira dengan tanggungjawab yang diberi oleh pihak sekolah. Guru mempunyai masa rehat yang sangat singkat di sekolah kerana terpaksa melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti di arus perdana. Ini telah mengganggu fokus mereka kepada tanggungjawab sebenar di Tingkatan Enam terpaksa menggalas dua tanggungjawab serentak sehingga terpaksa mengabaikan murid Tingkatan Enam sendiri.

Masalah/cabaran kedua yang menjadi rintangan ialah perubahan kandungan pengajian. Kesukaran dialami pada peringkat awal pelaksanaan sistem modular kerana guru terpaksa mengajar murid daripada dua kohort sistem yang berbeza. Tempoh ini merupakan fasa peralihan yang kritikal yang mana sistem terminal ditukarkan kepada sistem modular. Ini memerlukan guru Tingkatan Enam mengambil masa untuk menyesuaikan diri kerana ia menimbulkan kekeliruan. Namun, ia hanyalah situasi yang bersifat sementara dan hanya berlaku sekali sahaja. Selain itu, sukatan pelajaran dalam sistem baharu ini dikatakan begitu luas walaupun telah melaksanakan sistem penggal. Sukatan yang telah dibahagikan kepada tiga bahagian/penggal tetapi skop dan topik-topik dalam sukatan pelajaran pada setiap penggal semakin mendalam dan kemahiran yang diajar di tahap yang tinggi dengan harapan dapat meningkatkan taraf STPM. Sebaliknya, ia didapati tidak sesuai kebanyakan lepasa SPM mempunyai kelulusan akademik yang sederhana dan lemah. Maka, ia tidak mampu untuk mencapai tahap yang disasarkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pilihan pakej mata pelajaran yang ditawarkan agak luas dan tidak mempunyai pengkhususan bidang menyebabkan pengurusan Tingkatan Enam terpaksa mengehadkan pilihan murid itu sendiri disebabkan kekangan sumber tenaga guru. Selain itu, guru dan pelajar terpaksan berhadapan dengan masalah tempoh penggal yang singkat untuk menghabiskan sukatan pelajaran kerana sistem modular menjalankan tiga kali peperiksaan STPM sepanjang tempoh pengajian. Kepadatan aktiviti di sekolah telah menjejaslam masa guru untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan memberi tumpuan kepada pelajar. Guru Tingkatan Enam juga menghadapi masalah dengan bentuk soalan dan skema pemarkahan bagi sukatan yang serba baharu. Pada peringkat awal, guru tidak mendapat pendedahan tentang bentuk soalan dan skema pemarkahan mengikut kehendak MPM.

Masalah/cabaran yang ketiga ialah kesediaan dan sikap pelajar. Latar belakang pendidikan kebanyakan murid Tingkatan Enam berada pada tahap sederhana dan lemah menyebabkan standard kualiti yang disasarkan dalam sistem modular tidak selari dengan kemampuan murid seperti ini. Dari segi sikap, murid didapati tidak menunjukkan minat dan inisiatif yang tinggi sepanjang belajar di Tingkatan Enam. Mereka tidak begitu optimis merebut peluang dengan sebaiknya untuk berjaya dalam STPM. Mereka sudah terbiasa dengan gaya pembelajaran sewaktu di peringkat SPM. Ini menyebabkan mereka menghadapi kejutan dengan sistem baharu yang agak singkat tempoh pengajiannya kerana masih kurang matang dan terbawa-bawa dengan disipilin diri dan cara pembelajaran sebelum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah/cabaran yang keempat ialah konflik guru arus perdana. Konflik berlaku secara berterusan sejak Fasa 1 lagi. Tambahan pula, pada Fasa 2 sistem modular dilaksanakan secara serius oleh KPM dan pihak sekolah tiada pilihan untuk menolak perubahan ini. Ia bepunca daripada sikap peribadi guru arus perdana itu sendiri. Terdapat guru-guru arus perdana yang masih tidak boleh menerima hakikat penjenamaan semula Tingkatan Enam akan tetap dilaksanakan di sekolah. Mereka tetap merasakan bahawa guru Tingkatan Enam perlu menjalankan tanggungjawab sama seperti mereka sedangkan sifat kerja dan bidang tugas masing-masih sudah berbeza.

Wujudnya sikap tidak puas hati dan perasaan cemburu melihat kelebihan yang diperoleh oleh guru-guru Tingkatan Enam. Ini berpunca kerana mereka tidak cuba untuk memahami atau tidak mendapat maklumat yang tepat seperti yang ditetapkan Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam yang telah dikeluarkan oleh pihak KPM. Ini menyebabkan wujudnya pelbagai persepsi negatif dalam kalangan guru arus perdana terhadap guru Tingkatan Enam. Salah faham berlaku sehingga ada dalam kalangan mereka yang cuba menghalang beberapa usaha untuk melakukan pengasingan berikutan untuk memenuhi ciri-ciri sekolah Pusat Tingkatan Enam Mod 2 yang perlu diasingkan dari segi pengurusan dan aktiviti antara Tingkatan Enam dengan arus perdana.

Masalah/cabaran yang kelima ialah isu pelantikan dan perjawatan. Ia masih berlarutan sejak Fasa 1 lagi kerana isu pelantikan secara “fast track” yang dijanjikan sebelum ini telah mengecewakan guru-guru. Hanya segelintir sahaja yang berjaya mendapatkan pelantikan dan menambahkan lagi rasa tidak adil apabila guru-guru muda guru-guru muda atau junior lebih awal daripada mereka. Masih ramai yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belum mendapat pelantikan sedangkan berlakunya kekurangan guru di Tingkatan Enam. Guru-guru sedia ada yang telah lama mengajar Tingkatan Enam juga belum mendapat lantikan jawatan hakiki. Ini merupakan punca pihak pentadbir mengambil kesempatan mengerah khidmat guru Tingkatan Enam untuk mengajar di arus perdana. Selain itu, timbul isu Penolong Kanan Tingkatan Enam yang tidak diberikan elaun khas seperti mana penolong-penolong kanan di arus perdana sedangkan bidang tugasnya lebih besar dalam pengurusan Tingkatan Enam. Isu-isu seperti ini boleh menurunkan motivasi kerja dan semangat dalam kalangan guru-guru yang terlibat.

Masalah/cabaran yang keenam ialah prasarana – menjadi isu sejak Fasa 1 lagi dan lebih kritikal apabila menjelang Fasa 2. Usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam sebenarnya memerlukan sokongan prasarana yang baik dan mencukupi. Semua permasalahan tentang prasarana sebenarnya dikatakan ada kaitan dengan faktor kos iaitu melibatkan peruntukan kewangan daripada kerajaan. Secara terang-terangan pihak KPM memaklumkan bahawa pelaksanaan penjenamaan Tingkatan Enam ini tetap diteruskan dengan "zero cost". Oleh sebab itu, KPM mencari inisatif lain untuk mengatasi masalah kewangan ini dengan menempatkan kebanyakan sekolah Pusat Tingkatan Enam di sekolah-sekolah sedia ada dijadikan sebagai Pusat Tingkatan Enam dengan penarafan mengikut mod 1, 2 dan 3.

Bagi memastikan pemilihan sekolah yang dijadikan sekolah Pusat Tingkatan Enam sama ada mod 2 atau mod 3 adalah sangat penting. Terdapat Pusat Tingkatan Enam mod 2 dan mod 3 yang beroperasi di premis sekolah yang serba kekurangan dan dalam keadaan daif. Kemudahan fizikal yang mengalami kerosakan seperti perabot, kerusi dan meja, kekurangan bilik khas, ketiadaan dewan dan kemudahan teknologi maklumat dan bangunan yang sudah using dan tidak diselenggara dengan baik. Faktor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemilihan ini mengambil kira sekolah yang menjadi bukan pilihan ibu bapa atau masyarakat untuk anak mereka bersekolah; dan itulah yang dijadikan sebagai Pusat Tingkatan Enam kerana ingin memenangi hati masyarakat.

Selain itu, status premis sekolah yang berprestasi rendah atau mempunyai rekod kurang baik dipilih oleh pihak PPD atau JPN dengan alasan untuk meningkatkan kembali imej sekolah tersebut dengan adanya Tingkatan Enam. Ini sebenarnya tidak patut berlaku dan ia bukan soal tentang mengikut kehendak masyarakat semata-mata tetapi soal untuk mendapatkan kemudahan yang dapat memenuhi keperluan pengajian Tingkatan Enam itu sendiri. Inilah yang boleh menyebabkan sistem modular sukar dilaksanakan secara menyeluruh dalam penjenaman semula Tingkatan Enam ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah/cabaran yang ketujuh ialah konflik pihak pentadbir. Ia juga menjadi isu yang berterusan sejak Fasa 1 lagi. Pihak pentadbir (pengetua/penolong kanan arus perdana) masih tidak memahami perjalanan sistem modular dan seolah-olah tidak mahu memahami langsung tentang polisi KPM ini. Pada peringkat awal, pengetua dilihat seperti tidak memberikan perhatian yang seimbang antara Tingkatan Enam dan arus perdana. Kepentingan Tingkatan Enam sering diabaikan kerana dirasakan Penolong Kanan Tingkatan Enam berkemampuan menguruskan sendiri. Sedangkan pada fasa ini, peranan dan kepimpinan pengetua adalah sangat penting sebagai pengantara, pendamai, dan pemudahcara untuk menyelesaikan masalah yang timbul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, konflik ini menjadi lebih kritikal apabila berlakunya perselisihan faham antara pihak pentadbir iaitu antara penolong-penolong kanan arus perdana dengan Penolong Kanan Tingkatan Enam. Hal ini terjadi kerana ada penolong-penolong kanan arus perdana ini yang tidak boleh menerima hakikat bahawa semua pengurusan Tingkatan Enam tidak boleh dicampuri lagi oleh mereka. Ini disebabkan sikap ego dan mereka rasa tercabar dan masing-masing mempertahankan pendirian menunjukkan kehebatan diri.

5.2.4 Strategi Menangani Perubahan

Berdasarkan kepada Model Tiga Tahap Perubahan Lewin, komponen strategi menangani perubahan ini berlaku pada Fasa Perubahan (changing) iaitu sewaktu fasa peralihan sistem terminal digantikan dengan sistem modular iaitu tempoh kritikalnya antara tahun 2012 hingga 2013. Komponen strategi menangani perubahan ini timbul berikutan daripada munculnya rintangan-rintangan perubahan sepanjang sistem modular berlangsung.

Pihak KPM dan MPM dilihat sebagai “pemain utama” dalam memastikan kelangsungan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam mencapai matlamat akhir. Dua organisasi kerajaan ini saling melengkapi yang mana KPM sebagai kementerian yang bertanggungjawab sebagai penggubal dan pembuat dasar, manakala MPM yang bernaung di bawah KPM merupakan sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab dalam reka bentuk dan pembangunan kurikulum serta pengurusan peperiksaan STPM (Laporan Tahunan Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks penjenamaan semula ini, pihak KPM berperanan dalam menyusun pelan strategik penjenamaan semula Tingkatan Enam dan penyelarasan pentadbiran dan pengurusan Tingkatan Enam di sekolah-sekolah Pusat Tingkatan Enam di seluruh negara. Ini dilakukan melalui bahagian-bahagian di bawahnya iaitu Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Manakala, pihak MPM pula bekerjasama dengan KPM untuk memastikan kualiti kandungan pengajian STPM baharu dan mencapai standard pengiktirafan yang ditetapkan dalam penjenamaan semula Tingkatan Enam.

Kedua-dua badan ini dilihat memainkan peranan yang proaktif apabila terdapatnya insiatif-insiatif yang dilakukan secara terancang. Ini dapat dilihat dalam pelan strategiknya yang diterjemahkan dalam jadual kerja mengikut tempoh masa. Dari segi menggerakkan sistem penyampaian, KPM didapati mengadakan beberapa siri program penyampaian maklumat seperti taklimat, kursus, kolokium dan kempen penjelajahan. Ini bagi memastikan semua peringkat pihak berkepentingan mendapat maklumat terutama pihak-pihak penting di peringkat sekolah seperti mengadakan program Taklimat Pengetua dan Dialog Pengetua. Semua pengetua dan Penolong Kanan Tingkatan Enam sekolah-sekolah tingkatan enam dipanggil mengikut taklimat berkaitan sistem modular mengikut zon-zon tertentu.

Guru-guru Tingkatan Enam juga diberikan maklumat dan pendedahan melalui beberapa siri program berbentuk taklimat, bengkel dan kursus secara berperingkat dengan melantik jurulatih-jurulatih utama (JU) bagi setiap negeri untuk disampaikan mengikut zon. Antaranya Kursus Pemantapan Pedagogi Pengajaran dan Pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(PdP) dalam Sistem Pentaksiran STPM Guru Tingkatan Enam, Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru Tingkatan Enam, dan Majlis Kolokium Guru Tingkatan Enam Peringkat Kebangsaan.

Sebaliknya, guru-guru dikatakan tidak mendapat pendedahan dan info yang jelas di peringkat awal pelaksanaan. Berikutan itu, KPM cuba mendengar pandangan dan suara guru-guru Tingkatan Enam dengan mengadakan Kolokium Guru Pendidikan Tingkatan Enam bermula pada tahun 2015. KPM juga ada menjalankan program penjelajahan (road show) iaitu program "Jerayawara Jom STPM" yang bermula pada tahun 2015 untuk memberi penerangan kepada pihak murid lepasa SPM, ibu bapa dan masyarakat tentang kelebihan Tingkatan Enam.

Namun, pada pihak guru Tingkatan Enam usaha-usaha tersebut perlu dilipat gandakan lagi bagi memastikan kelancaran proses penjenamaan semula Tingkatan Enam. Tidak semua sekolah Pusat Tingkatan Enam mendapat perhatian yang sewajarnya menyebabkan ada yang tidak melaksanakan sepenuhnya penjenamaan semula Tingkatan Enam dari segi pengurusannya di sekolah berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam yang dikuatkuasakan oleh KPM. Ini mungkin disebabkan faktor bilangan sekolah Tingkatan Enam yang begitu banyak iaitu sebanyak 812 buah ketika itu, menyebabkan pihak KPM/MPM sukar untuk memberikan perhatian kepada semua sekolah terlibat.

Selain itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sebenarnya boleh memainkan peranan besar dalam strategi menangani perubahan yang berlaku dalam penjenamaan semula Tingkatan Enam. Tidak dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dinafikan, pihak JPN terutamanya ada memainkan peranannya sendiri kerana terlibat secara langsung dengan polisi KPM ini. Pihak JPN lebih berperanan sebagai penyampai maklumat kepada sekolah-sekolah Pusat Tingkatan Enam di negeri masing-masing melalui taklimat Jurulatih Utama Negeri kepada guru-guru Tingkatan Enam. JPN di bawah Sektor Pengurusan Akademik perlu membuat perancangan bagi negeri masing-masing yang akan dibantu oleh Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Namun, peranan JPN dan PPP terutamanya dilihat tidak begitu jelas dalam membantu pihak sekolah. Pihak ini memainkan peranan yang minima iaitu hanya muncul apabila ingin mendapatkan laporan dan pengumpulan data pelajardaripada pihak sekolah, dan menjadi perantara bagi perkara-perkara yang melibatkan kerjasama dengan pihak KPM dan MPM sahaja. Selain itu, di JPN dan PPD didapati tidak mempunyai unit dan pegawai yang khusus untuk menjaga pengurusan Tingkatan Enam. Pegawai yang ada pun di bawah unit lain yang bercampur dan mereka dikatakan tidak begitu arif tentang hal ehwal Tingkatan Enam. Ini kerana ada dalam kalangan mereka yang dilantik tidak mempunyai latar belakang pendidikan Tingkatan Enam dan tidak pernah menjadi guru Tingkatan Enam. Ini menjadi penghalang untuk menjadi rujukan kepada pihak sekolah bagi perkara-perkara yang melibatkan pengurusan Tingkatan Enam.

Seterusnya, strategi menangani perubahan ini juga dimainkan oleh pihak pentadbir iaitu melibatkan pengetua dan Penolong Kanan Tingkatan Enam (PKT6). Pengetua sebenarnya menjadi tonggak dalam menggerakkan strategi perubahan di peringkat sekolah dan dapat mempengaruhi segala keputusan dalam pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semula Tingkatan Enam di sekolah. Dalam konteks pengetua di lokasi kajian, walaupun di peringkat awal, timbul konflik dengan pihak pentadbir. Namun setelah beberapa tahun sistem modular ini dilaksanakan, pengetua didapati memberi kerjasama dan sokongan yang baik, mempunyai tahap kefahaman yang jelas dan terlibat dalam pembuatan keputusan secara bersama.

Walau bagaimanapun, PKT6 didapati lebih berperanan dalam menangani semua konfliks yang berlaku berbanding dengan pengetua yang memegang kuasa pembuat keputusan. Pengetua memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada PKT6 dalam menjaga hal ehwal Tingkatan Enam di sekolah malah memberi menurunkan beberapa kuasa (empowerment) kepada PKT6. Tidak dapat dinafikan pengetua terpaksa melalui situasi yang kritikal dan tersepit antara tenggungjawabnya terhadap arus perdana dan tanggungjawabnya terhadap Pusat Tingkatan Enam. Beliau terpaksa bersikap adil terhadap kedua-dua pihak iaitu antara sekolah arus perdana dengan Tingkatan Enam.

PKT6 merupakan pihak pentadbir yang banyak menerima tekanan dan cabaran daripada pihak dalaman dan luaran dalam membawa agenda perubahan bersama-sama guru Tingkatan Enam di sekolah. Kajian ini mendapati PKT6 memberikan komitmen seratus peratus yang menjadi penggerak utama kepada kelangsungan proses penjenamaan semula Tingkatan Enam di sekolah. PKT6 . Ini selari dengan Cummings dan Worley (2015), yang mengatakan aktiviti yang menyumbang kepada keberkesanan pengurusan perubahan sesebuah organisasi ialah dengan adanya usaha (i) memotivasikan perubahan, (ii) membentuk visi, (iii) membangunkan sokongan politik, (iv) mengurus transisi, (v) mengekalkan momentum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian juga mendapati PKT6 adalah berpendirian dan bertindak berdasarkan kepada arahan dan pekeliling. Beliau juga mempunyai sistem penyampaian yang baik memastikan semua warga sekolah didedahkan dengan maklumat yang jelas dan tepat. Antara ciri-ciri pihak pentadbir yang baik untuk menangani rintangan perubahan adalah beliau berpandangan jauh dan mempunyai strategi jangka panjang. Dari segi perancangan, PKT6 didapati telah membina budaya dan watak Tingkatan Enam yang unggul dan berbeza dengan dengan melakukan pengorganisasian yang berkesan dan usaha membina pasukan kerja yang mengamalkan budaya kerja cemerlang dalam kalangan semua guru Tingkatan Enam. Ini adalah untuk menjadikan Tingkatan Enam ini hebat di mata masyarakat.

PKT6 juga merupakan seorang yang bertindak secara professional dan sentiasa berfikiran positif dengan masalah dan cabaran. Beliau menyelesaikan sesuatu masalah secara berdiplomasi dan sentiasa merujuk kepada garis panduan dan pekeliling dan cuba mengelak daripada wujudnya tindakan beremosi dan mewujudkan konflik dengan arus perdana di sekolah. PKT6 berperanan sebagai pihak yang boleh memberikan tekanan kepada pihak pentadbir dalam membela hak dan kebajikan serta mempermudahkan urusan guru-guru Tingkatan Enam. PKT6 juga seorang yang informatif dan peka dengan perkembangan terkini yang berkatian dengan Tingkatan Enam dan selalu bertindak dengan segera. Malah, PKT6 telah mewujudkan jaringan dan hubungan strategik dengan pihak-pihak luar sebagai sokongan kepada sistem yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, guru Tingkatan Enam merupakan pihak pelaksana paling dekat dengan kumpulan sasaran polisi ini. Mereka adalah penentu kepada keberkesanan pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam di peringkat sekolah iaitu bagaimanakah output yang dihasilkan nanti dapat mencapat matlamat sebenar. Berikutan itu, kualiti guru itu sendiri sangat penting. Guru Akademik Tingkatan Enam (GATE) adalah kumpualan pelaksana yang memberikan komitmen yang sangat tinggi dalam melaksanakan perubahan. Kebanyakan mereka adalah kumpulan guru senior yang kaya dengan pengalaman. Oleh sebab itulah mereka lebih positif dengan kehendak perubahan dan bersikap lebih matang dan rasional apabila berdepan dengan apa jua masalah.

Menyedari akan hakikat perlu berkongsi di bawah satu pentadbiran yang sama, guru-guru Tingkatan ini sentiasa menjaga hubungan baik dan berhati-hati dengan segala tindakan sehabis baik demi mengelakkan berlakunya konflik dengan guru-guru arus perdana. Malah, mereka terpaksa bersikap sentiasa mengalah apabila timbulnya isu tentang penggunaan kemudahan sekolah yang mendesak walaupun terpaksa mengorbankan kepentingan Pusat Tingkatan Enam itu sendiri. Guru-guru senior Tingkatan Enam sentiasa memberikan contoh yang terbaik kepada guru-guru junior Tingkatan Enam dalam menyelesaikan sesuatu masalah atau konflik yang melibatkan Tingkatan Enam. Guru-guru junior dididik dengan budaya kerja yang cemerlang dengan persekitaran yang positif dan sentiasa mengekalkan pembawaan diri yang sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, guru-guru Tingkatan Enam ini bersikap menerima seadanya keadaan sekolah yang tidak memuaskan. Malah, keadaan itu bukanlah satu penghalang buat mereka untuk meneruskan objektif sebenar penjenaman semula Tingkatan Enam ini. Sikap berinisiatif tinggi banyak membantu guru-guru ini terus membangunkan Pusat Tingkatan Enam dengan penuh semangat yang tinggi. Mereka mempunyai semnagat kerjasama dan kesepakatan yang tinggi dalam melakukan apa saja untuk kebaikan bersama. Misalnya, Tabung Pusat Tingkatan Enam digerakkan pada setiap minggu untuk tujuan kebajikan warga Tingkatan Enam.

Yang terakhir ialah peranan pihak luar. Pengurusan Tingakatan Enam memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak termasuklah peranan yang dimainkan oleh pihak luar. Ia melibatkan sumbangan berbentuk kewangan atau bukan kewangan daripada badan-badan kerajaan, organisasi bukan kerajaan, organisasi perniagaan, pertubuhan komuniti, PIBG, alumni dan individu persendirian. Pihak pengurusan Tingkatan Enam didapati mempunyai hubungan yang baik dengan pihak luar dan sering mendapat sumbangan melalui inisiatif guru-guru Tingkatan Enam menghantar kertas kerja kepada pihak luar untuk mendapatkan penajaan. Kebanyakan program telah dibiaya daripada sumbangan pihak luar . Ini kerana pihak pengurusan Tingkatan Enam tidak terlalu bergantung kepada peruntukan daripada pihak sekolah semata-mata dan pihak sekolah sendiri tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi.

Selain itu, wujud kerjasama yang baik antara Pusat Tingkatan Enam dengan pihak universiti dalam penganjuran program kerjasama. Kumpulan bekas pelajar (alumni) juga turut melibatkan diri dalam membantu program-program anjuran Pusat Tingkatan Enam ini. Malah, individu persendirian yang sudi mengumbangkan bantuan kewangan seperti bantuan zakat dan tajaan berbentuk barang fizikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.5 Faktor Kejayaan Perubahan

Merujuk kepada Model Tiga Tahap Perubahan Lewin, elemen faktor kejayaan perubahan ini berlaku pada Fasa Pembekuan (refreezing) iaitu selepas Fasa Perubahan (changing) berlalu. Ia muncul selepas komponen rintangan perubahan dan strategi menangani perubahan telah selesai.

Berdasarkan pungutan pendapat guru-guru Tingkatan Enam, ada beberapa faktor penting yang membolehkan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam mencapai kejayaan. Yang pertama faktor peranan Kementerian Pendidikan Malaysia. KPM perlu serius dalam setiap perancangannya bukan sekadar hanya menggubal dan membuat dasar baharu, tetapi KPM perlu melakukan pengawalan secara berterusan dan menyeluruh. Warga pendidik Tingkatan Enam juga mengharapkan agar pihak KPM sentiasa memberi perhatian tentang proses penjenamaan semula Tingkatan Enam di peringkat sekolah dengan kerap turun padang melihat situasi realiti yang berlaku seperti mana apa diperkatakan oleh Cummings dan Worley (2015) perlu memainkan peranan membayangkan masa depan (envisioning), menggerakkan tenaga (energizing), membolehkan sesuatu (enabling) dan melibatkan diri (engaging).

Faktor kedua ialah peranan Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Tidak dapat dinafikan JPN memainkan peranan secara langsung dalam pembinaan konsep dan pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam. Pihak JPN berperanan mempermudahkan urusan antara KPM dengan sekolah-sekolah di setiap negeri. Namun, kebanyakan guru Tingkatan Enam berpendapat, peranan JPN perlu digandakan lagi terutama memantau perkembangan di setiap sekolah. Selain itu, PPD dilihat boleh berperanan menjayakan polisi ini walaupun peranannya tidak sebesar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pihak JPN. Walaupun peranan pihak PPD tidak disenaraikan secara langsung dalam polisi ini dan hanya menjadi salah satu "engagement", pihak PPD sebenarnya boleh berperanan secara berkesan berikutan PPD lebih dekat dengan pihak sekolah. Ini kerana guru-guru Tingkatan Enam mengatakan peranan JPN dan PPD sangat diperlukan dalam menjadi medium menjaga kepentingan dan kebajikan di setiap sekolah yang terlibat.

Ketiga ialah faktor peranan pihak pentadbir. Guru-guru Tingkatan Enam berpandangan bahawa tahap kefahaman dan penerimaan yang tinggi sangat penting apabila menjadi pihak pentadbir dalam melaksanakan perubahan. Pihak pentadbir terutama pengetua perlu menggunakan kebijaksanaan dalam setiap tindakan kerana ia dapat mempengaruhi pihak bawahan. Pihak pentadbir harus berfikiran terbuka dengan perubahan yang diperkenalkan dan akur dengan setiap arahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor kejayaan yang keempat ialah yang keempat ialah faktor peranan guru Tingkatan Enam harus. Kejayaan pejenamaan semula Tingkatan Enam ini memerlukan komitmen semangat pengorbanan yang tinggi dalam kalangan guru sebagai pelaksana polisi di peringkat sekolah. Guru Tingkatan Enam merupakan agen perubahan bagi memastikan pelaksanaan perubahan mencapai matlamatnya. Oleh itu, guru Tingkatan Enam disarankan untuk sentiasa berusaha membuat memperbaiki dan menambahkan nilai pengetahuan dan kemahiran sedia ada agar dapat selari dengan keperluan dan perkembangan semasa. dan mampu selari dengan perkembangan semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelima ialah faktor peranan prasarana. Penyediaan prasarana yang baik dan sesuai dengan keperluan Tingkatan Enam memberikan impak yang besar dalam menentukan kejayaan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Prasarana dapat mempengaruhi persepsi masyarakat untuk menaruh kepercayaan kepada kemampuan pengajian Tingkatan Enam menyediakan pendidikan yang berkualiti. Selain itu, ia juga mempengaruhi persepsi dan motivasi murid untuk meneruskan pengajian Tingkatan Enam serta motivasi guru untuk melaksanakan tanggungjawab menjayakan polisi ini. Tidak dapat dinafikan, prasarana memainkan peranan penting membantu mempertingkatkan pencapaian mereka. Berikutan itu, cadangan memperbanyakkan lagi pembinaan sekolah Pusat Tingkatan Enam Mod 1 (Kolej Tingkatan Enam) menjadi penyelesaian terbaik dalam mengatasi masalah dan cabaran ini.

Faktor kejayaan keenam ialah peranan pelajar. Ia berkaitan dengan latar belakang pencapaian murid yang layak memasuki Tingkatan Enam. Faktor pelajar ini adalah penting dalam menentukan sejauh mana murid boleh mencapai standard sebenar STPM. Sistem Pentaksiran STPM Baharu menuntut pelajar untuk lebih kreatif dan kritis kerana sukatan pelajarannya telah menerapkan disiplin dan kemahiran bertahap tinggi.

Faktor kejayaan ketujuh ialah faktor peranan pihak luar. Hubungan baik dengan pihak luar adalah penting dalam membantu pengurusan Tingkatan Enam melicinkan proses penjenamaan semula Tingkatan Enam. Ia menyokong pelaksanaan aktititi Tingkatan Enam yang memerlukan sokongan dari aspek kewangan dan bukan kewangan. Sokongan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga dilihat boleh menjadi medium yang dapat menyebar luas maklumat yang tepat kepada ibu bapa dan masyarakat luar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.6 Keberkesanan Perubahan

Berdasarkan Model Tiga Tahap Perubahan Lewin, komponen keberkesanan perubahan ini berlaku pada Fasa Pembekuan (refreezing) iaitu setelah selesainya Fasa Pencairan (unfreezing) dan Fasa Perubahan (changing). Pada fasa ini, sistem modular telah mula kukuh untuk diteruskan dan semua pihak yang terlibat sudah mula menyesuaikan diri dengan sistem yang baharu.

Kelebihan Sistem Modular Berbanding Sistem Terminal

Secara umumnya terdapat tujuh perkara yang membezakan antara sistem modular dengan sistem terminal seperti yang digariskan oleh pihak KPM. Namun, kajian menemui lima kelebihan yang paling ketara dari sudut pandang guru-guru Tingkatan Enam iaitu (i) berjaya membina kemenjadian pelajar, (ii) selari dengan keperluan dan perubahan masa, (iii) struktur kandungan pengajian, (iv) mengurangkan beban pelajar (v) memberi kelebihan dari segi perjawatan guru.

Sistem modular bagi STPM Baharu ini dilihat berjaya membentuk kemenjadian murid melalui elemen kerja kursus yang diperkenalkan sebagai salah satu bentuk penilaian. Murid memperoleh pengalaman dan kemahiran daripada proses menyiapkan kerja kursus yang menjadikan mereka lebih mantap dari segi kemahiran interpersonal.

Selain itu, guru-guru Tingkatan Enam berpandangan bahawa sistem modular ini selari dengan keperluan dan perubahan masa. Ini kerana murid Tingkatan Enam didedahkan dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang hampir sama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan ciri-ciri di universiti. Sistem modular memberi pendedahan awal kepada murid dari segi persediaan sebelum ke peringkat ijazah di universiti.

Guru-guru Tingkatan Enam juga mengatakan bahawa sistem modular yang diperkenalkan ini mempunyai kelebihan dari aspek pemarkahan iaitu memberi peluang kepada pelajar seluas-luasnya untuk memperbaiki keputusan peperiksaan. Murid boleh menduduki peperiksaan ulangan bagi menambah baik gred mata pelajaran sedia ada dan ini memberi peluang yang tinggi untuk melayakkan mereka untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dengan berbekalkan keputusan peperiksaan yang baik.

Kelebihan sistem modular yang seterusnya ialah mempunyai struktur kandungan pengajian yang lebih baik berbanding dengan sistem terminal. Guru-guru Tingkatan Enam mengatakan bahawa mereka dapat memberi lebih fokus kepada murid kerana berlakunya pengkhususan dalam mengajar opsyen. Sistem modular mewajibkan guru Tingkatan Enam mengajar mengikut opsyen dan ini membolehkan guru memperkembangkan lagi kepakaran mereka dengan optimum dalam bidang masing-masing.

Dari segi kebaikan kepada murid, sistem modular dilihat dapat mengurangkan beban murid. Ia merujuk kepada pengurangan beban pelajar dalam mempelajari mata pelajaran yang banyak silibus terkumpul sepanjang pengajian seperti mana dalam sistem terminal. Dalam sistem modular, murid hanya akan belajar berdasarkan sukatan yang dibahagikan kepada tiga bahagian kurikulum dalam tiga semester/penggal berbeza. Sistem semester ini mempunyai persamaan seperti di universiti yang mana murid tidak lagi belajar sukatan yang sama pada semester seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelebihan sistem modular yang terakhir dari sudut pandang guru-guru Tingkatan Enam ialah memberi kelebihan dari segi perjawatan. Penjenamaan semua Tingkatan Enam telah mengubah keseluruhan struktur pengurusan termasuklan dalam aspek pelantikan dan perjawatan. Pada peringkat awal pelaksanaan, guru-guru Tingkatan Enam ditawarkan dengan pelantikan jawatan sebagai Guru Akademik Tingkatan Enam dengan jawatan naik pangkat. Melaluinya, mereka dapat menikmati kenaikan pangkat secara "fast track". Ini menguntungkan guru-guru tersebut dari segi masa dan tangga gaji yang diperoleh lebih awal daripada guru biasa.

Pencapaian Matlamat Penjenamaan Semula Tingkatan Enam

Kajian mendapati pandangan guru-guru Tingkatan Enam berkaitan dengan pencapaian matlamat mempunyai persamaan dengan apa yang dihasratkan oleh pihak KPM dalam perancangan sebenar. KPM melaksanakan penjenamaan semula Tingkatan Enam dengan matlamatnya iaitu (i) menyediakan pelajar ke institusi pengajian tinggi, (ii) menjadikan Tingkatan Enam pilihan terbaik, dan (iii) mengubah persepsi masyarakat.

Guru-guru Tingkatan Enam juga berpendapat penjenamaan semula ini mencapai matlamat dari segi menyediakan pelajar ke institusi pengajian tinggi. Ini adalah hasil daripada sistem modular yang dilihat telah berjaya membentuk kemenjadian pelajar Tingkatan Enam itu sendiri melalui asas pembelajaran yang mengikut cara di universiti. Ia juga telah membuka ruang kepada murid Tingkatan Enam yang sebelum ini kurang cemerlang untuk menebus semula impian untuk mengejar cita-cita malanjutkan pelajaran ke universiti dengan menjadikan Tingkatan Enam sebagai tempat untuk melakukan perubahan dan memperkembangkan potensi agar setanding dengan pelajar-pelajar cemerlang yang lain. Namun, ada guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tingkatan Enam mengatakan matlamat tersebut tidak dicapai sepenuhnya buat masa sekarang kerana tidak semua murid Tingkatan Enam berjaya menyambung pelajaran ke universiti.

Kedua, guru-guru Tingkatan Enam juga bersetuju bahawa pelaksanaan sistem modular mencapai matlamatnya menjadikan Tingkatan Enam pilihan terbaik. Ini dapat dibuktikan dengan berasaskan data yang mana ramai lepasan SPM mula meyakini pengajian Tingkatan Enam kerana merasakan pengajian Tingkatan Enam merupakan program prauniversiti yang paling sesuai untuk menyambung pelajaran ke peringkat ijazah selain program Matrikulasi dan Asasi. Berlakunya pertambahan bilangan pelajar meneruskan pengajian di Tingkatan Enam berbanding tahun sebelumnya.

Ketiga, guru-guru Tingkatan Enam berpandangan bahawa penjenamaan semula Tingkatan Enam ini telah mencapai matlamatnya iaitu mengubah persepsi masyarakat terhadap pengajian Tingkatan Enam sebelum ini. Masyarakat terutamanya ibu bapa mula rasa bangga dengan anak-anak mereka yang mendapat tawaran belajar di Tingkatan Enam berikutan Tingkatan Enam kini melaksanakan sistem baharu seperti di universiti dan medapat pengiktirafan antarabangsa. Mereka mula percaya bahawa Tingkatan Enam dapat memberi peluang dan saluran yang lebih baik kepada anak-anak mereka. Usaha pemusatan sekolah-sekolah Tingkatan Enam (Mod 1, 2 dan 3) juga telah menarik minat ramai lepasan SPM untuk kekal di Tingkatan Enam kerana konsepnya yang sudah berbeza dengan di sekolah arus perdana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.7 Cadangan Penambahbaikan

Kajian ini membolehkan guru-guru Tingkatan Enam mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk tujuan penambahbaikan dalam polisi penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Suara guru Tingkatan Enam perlu didengari oleh pihak KPM kerana mereka adalah pelaksana paling dekat dengan sasaran dan lebih mengetahui apa yang berlaku sebenarnya sepanjang proses pelaksanaan.

Cadangan penambahbaikan yang pertama iaitu Kolej Tingkatan Enam (sekolah Pusat Tingkatan Enam mod 1) perlu dibuka dengan lebih banyak lagi. Pihak KPM diharapkan dapat menyegerakan pembinaan Kolej Tingkatan Enam ini sekurangnya sebuah kolej di satu daerah. Pembinaan Kolej Tingkatan Enam memberi impak yang positif kepada perkembangan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam. Ini kerana isu-isu (rintangan perubahan) yang timbul akibat Tingkatan Enam berkongsi premis sekolah yang sama dapat diselesaikan dengan segera.

Guru-guru Tingkatan Enam juga mencadangkan agar pihak KPM menghapuskan konsep sekolah Pusat Tingkatan Enam mengikut kategori mod 1, mod 2 dan mod 3 dan menggantikan semua sekolah Pusat Tingkatan Enam kepada mod 1 sahaja. Mereka menjangkakan banyak perubahan dapat direalisasikan terutamanya pihak pengurusan Tingkatan Enam dapat menjalankan aktiviti seperti yang dikuatkuasakan dalam Garis Panduan Tingkatan Enam sebelum ini. Pihak pengurusan juga bebas melaksanakan aktiviti-aktiviti yang sepatutnya dan sesuai untuk peringkat pelajar prauniversiti. Murid Tingkatan Enam juga mendapat kebebasan sewajarnya kerana tidak lagi terikat dengan peraturan sekolah yang terlalu rigid. Sosialisasi mereka akan lebih cepat berkembang kerana lebih berdikari kerana dapat membentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran budaya yang tersendiri jauh daripada suasana di sekolah arus perdana yang banyak dengan peraturan yang tidak sesuai dengan peringkat umur mereka sekarang.

Guru-guru Tingkatan Enam juga mencadangkan agar pihak KPM berusaha menambahbaik kualiti guru dari segi kelulusan akademik iaitu sekurang-kurangnya tahap akademik minima sekurangnya memiliki kelulusan peringkat sarjana (master). Ini adalah untuk meningkatkan lagi imej profesion keguruan guru-guru Tingkatan Enam yang sepatutnya diangkat tinggi. Pihak KPM juga boleh memberi beberapa keistimewaan sewajarnya misalnya dari segi pangkat atau insentif-insentif tertentu kepada guru-guru Tingkatan Enam sama seperti pensyarah di universiti.

Cadangan sterusnya ialah diharapkan pihak KPM dapat mempertingkatkan prasarana iaitu menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada sekolah Pusat Tingkatan Enam dengan melengkapkan bangunan Tingkatan Enam dengan kemudahan yang berfungsi dengan baik dan sesuai dengan keperluan pengajian. Sewajarnya bangunannya Tingkatan Enam bagi sekolah Pusat Tingkatan Enam mod 2 dan 3 diasingkan sepenuhnya daripada berkongsi dengan sekolah arus perdana agar aktiviti-aktiviti Tingkatan Enam tidak lagi sering diganggu serta dapat menghilangkan suasana “sekolah” dari persekitaran prauniversiti.

Guru-guru Tingkatan Enam juga mencadangkan agar pihak MPM khususnya dapat memperbaiki kandungan pengajian. Pakej yang ditawarkan dikatakan terlalu luas dan umum. Oleh itu, pihak MPM perlu mengkaji dan meneliti kembali kandungan sukatan pelajaran sedia ada agar murid boleh belajar mengikut pengkhususan. Sukatan baharu yang digubal perlu lebih mesra calon iaitu topik-topik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dipelajari tidaklah terlalu tinggi tahap pengujiannya melebihi tahap sebenar kebolehan murid. Ini kerana antara faktor ramai murid tidak mahu menyambung pengajian di Tingkatan Enam kerana STPM ini yang dikatakan terlalu sukar.

Cadangan penambahbaikan yang seterusnya iaitu pihak KPM dicadangkan untuk meneliti pengambilan murid Tingkatan Enam. Ia merujuk keperluan untuk menyemak semula syarat kelayakan masuk ke pengajian Tingkatan Enam bagi menjamin kualiti murid Tingkatan Enam itu sendiri. Syarat minimum perlu diperketatkan lagi dan menyediakan kouta tertentu bagi murid yang layak. Usaha ini amat baik bagi memastikan murid mampu mengikuti pengajian yang selari dengan standard kandungan pengajian yang ditetapkan oleh MPM. Selain itu, guru Tingkatan Enam juga mencadangkan supaya diadakan satu badan khas yang menguruskan pengambilan murid Tingkatan Enam seperti seperti yang dibuat sistem UPU.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan penambahbaikan sterusnya iaitu pihak KPM perlu menggiatkan lagi aktiviti pemasaran Tingkatan Enam. Promosi tentang Tingkatan Enam masih belum mencapai tahap yang memuaskan walaupun telah ada beberapa usaha pihak KPM melakukannya terutamanya dalam media sosial. Walau bagaimana pun, capaian maklumat tentang pendidikan Tingkatan Enam masih berada di tahap yang masih sederhana dan masyarakat perlu mendapat maklumat yang tepat dan jelas mengenai kelebihan Tingkatan Enam. Oleh itu, KPM perlu melakukan sesuatu bagi tujuan mengetengahkan kelebihan-kelebihan dengan mendedahkan beberapa pencapaian kejayaan pengajian Tingkatan Enam kepada masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan penambahbaikan yang terakhir ialah guru-guru Tingkatan Enam mencadangkan supaya pihak KPM dapat mewujudkan satu bahagian/sektor/unit khas untuk pengurusan Tingkatan Enam di peringkat Kementerian, JPN dan PPD yang berasingan dan tersendiri. Ini kerana tidak ada unit yang khas atau tersendiri dalam mengurus hal ehwal Tingkatan Enam. Pengurusan Tingkatan Enam di peringkat Kementerian kini diselia oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) di bawah KPM yang bersekali dengan pengurusan sekolah-sekolah arus perdana yang lain. Sama juga berlaku di peringkat JPN dan PPD. Kewujudannya dapat membantu pengurusan Tingkatan Enam diurus dengan lebih cekap dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Implikasi Kajian dan Cadangan

5.3.1 Implikasi Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini telah mendedahkan bahawa peranan KPM bukan sahaja sekadar pembuat dasar iaitu membentuk konsep dan perancangan untuk pendidikan Tingkatan Enam semata-mata, tetapi usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam ini perlu dipantau dengan baik secara berterusan. Oleh itu, kajian mengemukan idea iaitu keperluan untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas yang bebas daripada pengaruh politik di mana ia berperanan sebagai pasukan pemantau yang menjaga kalawan kualiti khusus untuk polisi penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Penubuhan jawatankuasa ini bukan hanya diperlukan untuk polisi ini sahaja, tetapi ia diperlukan oleh pembuat dasar untuk mana-mana polisi yang bakal diperkenalkan pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga telah berjaya membuktikan tentang kepentingan pengkhususan dalam perjalanan sesebuah organisasi. Ini dibuktikan dengan apa yang berlaku sepanjang penjenamaan semula Tingkatan Enam sebelum ini yang mana percampuran entiti pengurusan Tingkatan Enam dan pengurusan sekolah arus perdana menimbulkan konflik kritikal dan pengurusan Tingkatan Enam yang di bawah satu bahagian/sektor/unit yang bersekali dengan yang lain menyebabkan pengurusan tidak cekap dan berkesan. Oleh itu, kajian ini memberi petunjuk jelas kepada pihak KPM untuk menubuhkan satu bahagian/sektor/unit khas yang menjaga urusan Tingkatan Enam secara berasingan di peringkat Kementerian, JPN dan PPD. Ini dapat menjamin pengurusan Tingkatan Enam yang lebih sistematik dan mempercepatkan perkembangan dan pembangunan pendidikan Tingkatan Enam di negara ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga mendedahkan tentang betapa pentingnya peranan prasarana dalam menjayakan pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam. Pihak KPM perlu menyedari, permasalahan yang timbul akibat daripada faktor prasarana menyebabkan usaha ini boleh terbantu kerana prasarana yang baik dapat melicinkan semua perancangan. Gara-gara masalah prasarana, konflik manusia boleh terjadi kerana timbulnya rasa ketidakpuasan hati dan ketidakadilan bagi pihak yang tidak mendapat hak yang sepatutnya. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pihak KPM memberi perhatian kepada pembangunan prasarana di sekolah-sekolah Pusat Tingkatan Enam di seluruh Malaysia terutamanya bagi sekolah Pusat Tingkatan Enam yang sangat mendesak. Salah satu jalan penyelesaian terbaik adalah mempercepatkan pembinaan Kolej Tingkatan Enam di seluruh negara bagi setiap daerah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Implikasi Kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah

Kajian ini telah mendedahkan bahawa pihak pelaksana di peringkat sekolah Pusat Tingkatan Enam sangat dahagakan peranan proaktif sama ada daripada pihak JPN mahu pun pihak PPD. Ini kerana JPN dan PPD dilihat sebagai pihak yang paling dekat dengan sekolah untuk meninjau dan mendengar suara guru-guru Tingkatan Enam. Kajian ini membolehkan pihak JPN dan PPD mengetahui boleh situasi sebenar yang berlaku di peringkat sekolah.

Oleh itu, kajian ini mendapati peranan JPN dan PPD perlu disemak dan diteliti. Pihak KPM perlu membangunkan satu bentuk mekanisme kerjasama yang baru untuk membantu pihak JPN dan PPD memainkan peranan lebih berkesan dalam membantu sekolah. Ini selaras dengan apa yang terkandung dalam Pelan Pembangunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan dan peranan JPN dan PPD memberi tumpuan kepada menyokong dan menguruskan prestasi sekolah (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Pihak KPM perlu mempercepatkan usaha menurunkan "empowerment" yang membolehkan pihak JPN dan PPD lebih berfungsi.

5.3.3 Implikasi Kepada Pembangunan Kualiti Guru Tingkatan Enam

Kajian ini telah membuktikan bahawa guru Tingkatan Enam memainkan peranan yang besar sebagai pelaksana polisi penjenamaan semula Tingkatan Enam ini. Sebelum ini, syarat kelayakan asas bagi menjadi Guru Akademik Tingkatan Enam sekurang-kurangnya gred DG44 ke atas dan dipersetujui oleh pengetua. Oleh itu ciri-ciri guru Tingkatan Enam yang ideal itu perlu dibangunkan melalui program pembangunan kualiti guru Tingkatan Enam dengan cara (i) meningkatkan tahap pendidikan, (ii) penekanan terhadap sikap dan budaya kerja, dan (iii) mengambil kira soal latar belakang kecemerlangan.

Dari aspek meningkatkan tahap pendidikan, guru Tingkatan Enam sewajarnya memiliki kelulusan akademik yang tinggi sekurang-kurangnya di peringkat sarjana (master) dan menggalakkan mereka untuk memiliki kelulusan Doktor Falsafah (PhD). Dari segi penekanan terhadap sikap dan budaya kerja, perlu ada mekanisme untuk menilai calon-calon guru Tingkatan Enam berdasarkan rekod sebelumnya. Manakala dari segi mengambil kira soal latar belakang kecemerlangan, calon-calon guru Tingkatan Enam perlu dinilai berdasarkan rekod pencapaian dalam kerjaya dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sumbangan lain. Elemen-elemen ini penting dijadikan kriteia untuk melayakkan seseorang guru dilantik sebagai Guru Akademik Tingkatan Enam. Ini kerana kajian membuktikan, antara faktor kejayaan pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam ini bukan terletak kepada gred jawatan tetapi lebih kepada ciri-ciri, nilai dan kualiti yang ada dalam diri seseorang guru Tingkatan Enam itu sendiri.

5.3.4 Implikasi Kepada Dunia Pendidikan Tingkatan Enam

Kajian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pendokumentasian dalam konteks pengkisahan sejarah proses penjenamaan Tingkatan Enam di Malaysia. Ini kerana tidak banyak kajian berkaitan dengan pendidikan Tingkatan Enam dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain terutamanya tentang bidang pengurusan perubahan. Tidak dapat dinafikan terdapat juga kajian-kajian yang melibatkan pendidikan Tingkatan Enam dibuat sebelum ini tetapi ia lebih menjurus kepada bidang seperti pengajaran dan pembelajaran guru.

Kerja-kerja analisis dokumen yang dibuat oleh penyelidik secara tidak langsung sedikit sebanyak telah mengumpulkan data dan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai dokumen rasmi yang pernah dikeluarkan oleh pihak yang terlibat. Berikutan itu, penyelidik telah berjaya menghasilkan satu diagram yang menceritakan tentang kronologi bagaimana proses penjenamaan Tingkatan Enam ini bermula sehinggalah ia dilaksanakan secara berperingkat. Data dan maklumat dikumpulkan, disusun secara teliti bukan sahaja memudahkan penyelidik melihat proses itu secara keseluruhan berdasarkan jangka masa tetapi menyumbang kepada kegunaan pihak lain yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Kesimpulan

Penjenamaan semula Tingkatan Enam yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008 ini telah melalui perjalanan yang kompleks. Tercetusnya penjenamaan semula Tingkatan Enam adalah disebabkan oleh tekanan dalaman dan tekanan luaran yang mewujudkan satu rangsangan perubahan. Tekanan dalaman lebih kepada ciri-ciri sistem STPM lama sebelum ini yang tidak kompetatif manakala tekanan luaran lebih kepada perkembangan pendidikan global dan pasaran pekerjaan semasa yang mendesak pihak KPM untuk melalukan perubahan.

Walau bagaimana pun, perubahan yang dirancang perlu berhadapan dengan pelbagai rintangan perubahan sepanjang proses perubahan diusahakan. Di peringkat guru sebagai pelaksana di sekolah, cabarannya sangat besar yang mana pelbagai masalah datang bertimpa-timpa. Usaha bukan sahaja dilakukan untuk mencapai matlmat penjenamaan semata-mata, tetapi dalam masa yang sama perlu berusaha untuk meningkatkat imej sekolah Pusat Tingkatan Enam itu sendiri yang sebelum ini tiada tempat di hati masyarakat. Ini ditambah lagi dengan permasalahan dalaman yang berlaku kesan daripada pentadbiran organisasi Tingkatan Enam yang bercampur dengan sekolah arus perdana.

Namun, rintangan-rintangan seperti itu boleh ditangani dengan beberapa strategi menangani perubahan yang dimainkan oleh pihak KPM, JPN, PPD, pihak pentadbir sekolah, guru-guru Tingkatan Enam dan juga pihak luar. Peranan paling utama dalam menjayakan penjenmaan semula Tingkatan Enam ini ialah pihak KPM itu sendiri. Jika dilihat dari segi strategi perubahan mengikut peranan fungsi pengurusan dalam hiererki peringkat pengurusan, pihak KPM di peringkat pengurusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atasan dilihat telah memainkan peranannya lebih kepada perancangan dan pengorganisasian.

Walaupun ramai sarjana berpendapat pemimpin/pengurus menjadi tonggak kepada sesuatu perubahan dalam organisasi. Tidak dinafikan peranan pengurus/pemimpin mahupun pengetua itu sangat penting dalam mengemudi organisasi. Namun, mereka hanya mampu memainkan peranan secara optimum hanya setakat dalam bidang kuasa mereka dalam organisasi tersebut sahaja kerana mereka juga terikat dengan pihak berautoriti. Tindakan emosional pengetua boleh diatasi dengan arahan pihak berautoriti. Jadi, dalam meneruskan usaha ini, apapun ia bergantung kepada pembuat polisi yang mempunyai autoriti tertinggi untuk membentuk malah mengubah. Keberkesanan sesuatu polisi yang dilancarkan oleh pihak autoriti sebenarnya bergantung kepada bagaimana pihak berkepentingan menguruskan perjalanan polisi.

Berdasarkan kepada keseluruhan kajian, penyelidik dapat merumuskan bahawa penjenamaan semula Tingkatan Enam adalah salah satu perancangan atau polisi KPM yang mencapai kejayaan dalam sejarah pendidikan di Malaysia walaupun menghadapai pelbagai cabaran sepanjang pelaksanaannya. Cerita suka duka penjenamaan semula Tingkatan Enam ini memberi satu pengajaran atau pedoman bahawa setiap perubahan yang dilakukan oleh mana-mana organisasi mestilah diurus dengan kebijaksanaan dan usaha untuk perubahan bukanlah tentang perancangan semata-mata tetapi ia adalah tentang bagaimana organisasi memastikan kelangsungannya melalui kebijaksanaan dalam melakukan pengorganisasian, mengendalikan kepimpinan dan memastikan pengawalan dilakukan secara berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Ab.Aziz Yusof (2007). Perubahan Dan Kepimpinan. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia

Abdul Shukor Abdullah. (1991). Pengurusan Organisasi: Perspektif Pemikiran dan Teori. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Andrew J. Dubrin. (2012). Essentials of management. (9 edition). United Stated: South-Western, Cengage Learning

Angelo Kinicki & Brian K.Williams (2013). Management: A Practikal Introduction Sixth Edition. New York: McGraw-Hill/Irwin

Ayob, J. (2005). Pengetua Sekolah Yang Efektif. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd

Azman, A. (1998). Keberkesanan Pengurusan Perubahan Di Sekolah. Sintok: Universiti Utara Malaysia

Bernard Burnes (2009). Managing Change (Fifth Edition). London: Pearson Education Limited

Blog Perkhidmatan Pelajaran (2012). Label Tingkatan Enam 2009-2012. Dipetik daripada http://perkhidmatanpelajaran.blogspot.com/search/label/Tingkatan%206

Boyatzis & Richard E. (1998) Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development. Thousand oaks, CA: Sage

Burnes, B. (2004). Kurt Lewin And Complexity Theories: Back To The Future. Journal of Change Management, Vol, 4, No. 4, 309-325, December

Busher. H. (2006). Understanding Educational Leadership: People, Power And Culture. Open University Press. England: McGraw-Hill House

Business Dictionary.Com (2015). Definition of Change. WebFinance, Inc. Dipetik daripada http://www.businessdictionary.com/definition/changes.html

Che Mohd Zulkifli Che Omar (2013). Rebranding of University in Malaysia. Tanjung Malim: UPSI. International Journal of Business and Behavioral Sciences Vol. 3, No.9; September 2013

Conner, D. (2013). Executing Change: Achieving Lasting Business Results. Unpublished paper presented at Conference Board Change Management Conference, New York, NY

Creasey, T., & Hiatt, J. (2012). Best Practises in Change Management. Loveland, CO: Prosci

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Creswell, John W. (2003). Research Design: Qualitative, Quantitative And Mixed Methods Apporoaches. Second Edition. Thousand Oaks: Sage Publications

Crotty, M. (1998). The Foundations Of Social Reasearch: Meaning And Perspective In The Reseacrh Process. London: Sage

Deborah Smith (2003). Five Principles For Research Ethics: Cover Your Bases With These Ethical Strategies. January 2003, Vol 34, No. 1Print version: page 56. Washington: American Psychological Association. Dipetik dalam http://www.apa.org/monitor/jan03/principles.aspx

Debra L. Nelson & James Campbell Quick (2013). Organizational Behavior: Science, The Real World, And You. (Eighth Edition). United States: South-Western, Cangage Learning

Don Hellriegel (2008). Management Third Southern African Edition. Oxford University Press Southern African (Pty) Ltd. Cape Town

Fullan, M. (2001). Leading In A Cultural Of Change. San Francisco: Jossey- Bass A Wiley Imprint

Fullan, M. (2007). The New Meaning of Educational Change. New York:Teacher College Press

Gareth R.Jones & Jennifer M.George (2013). Essentials of Contemporary Management Fifth Edition. New York. McGraw-Hill/Irwin

Gray et al. 2003. Branding universities in Asian markets. The Journal of Product and Brand Management, vol. 12, (2/3), hal. 108-12

Harrington, H. J., Conner, D. R. & Horney, N. L. (2000). Project Change Management: Applying Change Management To Improvenebt Projects. Mc Graw-Hill

Hatch, T. (2009). Managing To Change: How Schools Can Survive (And Sometimes Thrive In Turbulent Times). Columbia University, New York : Teachers College

Herr, P. (2001). Higher Education Institutional Brand Value in Transition: Measurement and. Management Issues. United States: University of Colorado

Holman, P., Devane, T.,& Cady, S. (Eds.). (2007). The Change Handbook: The definitive resource on today's best methods for engaging whole systems. Second Edition. San Francisco, CA: Berrett-Koehler

Hussein Hj. Ahmad (2013). Chapter 1, Transformation Of Malaysian Education: Strategic Approaches And Development. Editors; Muhammad Faizal A.Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Mojgan Afshari & Alina Ranee. Education Management In Malaysia. Kuala Lumpur: University Of Malay Press

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jabatan Pendidikan Perlis (2015). Pengendalian Kurikulum Tingkatan Enam: Hala Tuju dan Cabaran. Perlis. JPN Perlis

Jean M.Phillips & Stanley M.Gully (2014). Organizational Behavior. Second Edition. United Satats: South-Western, Cengege Learning

John Stewart And Kieron Walsh (1992). Change In The Management Of Public Services. Public Administration Vol, 70 Winter 1992 (499-518)

Joy Coulbeck (2006). Change Management. Editrd by Iris Keating & Ray Moorcroft. London. NCL/Paul Chapman Publising

Kementerian Pendidikan Malaysia (2009). Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan. Putrajaya: Unit Komunikasi Korporat, KPM

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (2010). Portal NUTP: Berita Terkini - Isu dan Cabaran Tingkatan 6 . diakses dalam http://www.nutp.org/new/node/698

Khalidah Khalid (2008). Business Management: A Malaysian Perspective. Oxford University Press. Selangor

Kotler, P. dan G. Armstrong. 2004. Principles of Marketing. New Jersey: Prentice Hall.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Laporan Tahunan 2014: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

Lesley Partridge (2007). Managing Change: Learning Made Simple. United States: Elsevier Ltd

Lewin, K. (1951). Field Theory in Social Science. New York, NY: Harper & Row

Louis E.Boone & David L. Kurtz (2011). Contemporary Business, Fourteenth Edition: International Student Version. John Wiley & Sons. United State

Majlis Peperiksaan Malaysia (2012). Taklimat Pengetua Penjenamaan Semula Tingkatan Enam. Serdang: MPM

Majlis Peperiksaan Malaysia (2012). Taklimat Sistem Pentaksiran Baharu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2012 Peringkat Kebangsaan. Serdang: MPM

Manie Bosman (2009). The Historical Evolution of Management Theory from 1900 to Present: The Changing Role of Leaders in Organizations. Sinoville Pretoria: Strategic Leadership Institute

Mohd Izham Mohd Hamzah & Noriah Mohd Ishak. (2004). "Implementasi Perubahan Terancang dalam Pendidikan: Cabaran Kelas Pendidikan Khas di Sekolah Bestari. dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas, 1, ms.219-235.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oliver, A. (1977). Curiculum Improvement. (2nd Ed.). New York: Harper & Row Publishers

Othman Lebar (2014). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metode. Tanjung Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris

Patrick Dawson & Constantine Andriopoulos (2014). Managing Change, Creativity And Innovation. London: Sage Publications Ltd

Patton, M. Q. (1990). Qualitative Evaluation and Research Methods. (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage

Patton, M. Q. (2015). Qualitative Research & Evaluation Methods. (4th ed.). Los Angelas. Sage Publications

Penang Free School (1996) Sejarah Sekolah Edisi 1996. Pulau Pinang: Penang Free School Historical Society

Peter Freebody (2003). Qualitative Research In Education: Interacion And Practice. London. Sage Publications

Prosci (2015). The Background Of Our Change Management Definition. Fort Collins: Prosci Inc. Dipetik daripada https://www.prosci.com/change-management/thought-leadership-library/change-management-definition
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Punch, Keith F. (2005). Introduction To Social Research: Quantitative and Qualitative Approaches. Second edition. London. Sage Publication

Pusat Tingkatan Enam Mod 1 SMK Taman Mahsuri (2015). Transformasi Pengurusan Tingkatan Enam Kulim. Kulim: SMK Taman Mahsuri.

Puvenesvary, M , Radziah Abdul Rahim, Sivabala Naidu, R, Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan & Noor Hashima Abd Aziz. Qualitative Research: Data Collection and Data Analysis Techniques. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia

Richard Newton (2007). Managing Change Step By Step: All You Need To Build A Plan And Make It Happen. Harlow: Pearson Education Limited. United State

Robbert Heller (1998). Managing Change. London: Dorling Kindersley Limited

Robert A. Paton & James Mc Calman (2000). Change Management: A Guide To Effective Implementation, Second Edition. London: Sage Publications Ltd

Robert E. Stake (2010). Qualitative Research: Studying How Things Work. New York: The Guilford Press

Rosmi Ismail (2015). Metodologi Penyelidikan: Teori Dan Praktis. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rusly Musa (2014), dalam Taklimat Peranan Guru Tingkatan Enam Dalam Menjayakan PPPM (2013-2025). Pahang: Jabatan Pelajaran Negeri Pahang

Scott, W.R. (1965). Field Methods in the Study of Organization: Handbook of Organization. March J.G. (Editor) Chicago: Rand McNally Corp

Stake, R. (1985). "Case Study" in Nisbet, J & S (ed.) World Year Book of Education - Research, Policy and Practice. London : Kogan Pade

Sufean Hussin. (2004). Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka

Supian Abdul Kadir (2009). Taklimat Pelaksanaan & Pengurusan Tingkatan Enam: Isu, Cabaran & Kesan. Sektor Pengurusan Sekolah, JPN Pahang

Surat Pekeliling KPM: KP(BPSH-SPSM) 303/01/(4). (20 Mei 2009). Bidang Tugas Guru Akademik, Guru Kokurikulum & Guru Amali Tingkatan 6.

Surat Pekeliling KPM: KP(BS-MEN) 303/01/03(2). (10 April 2009). Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam.

Thomas S. Bateman & Scott A. Snell (2013). Management: Leading & Collaborating in A Competitive World. McGraw-Hill/Irwin. New York

Utusan Malaysia (1999) Tingkatan Enam pendekatan baru wajar dilaksanakan. Dipetik daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1999&dt=0416&pub=Utusan_Malaysia&sec=Gaya_Hidup&pg=ls_01.htm pada16 April 1999

Virginia Braun & Victoria Clarke (2006). Using Thematic Analysis in Psychology, Qualitative Research in Psychology. Auckland: Edward Arnold (Publishers) Ltd. Dipetik dalam https://www.researchgate.net/publication/283600359

Wendy Bolhuis, Menno D.T. de Jong & Annette L.M. van den Bosch (2015). Corporate rebranding: effects of corporate visual identity changes on employees and consumers. Dipetik dalam ISSN: 1352-7266 (Print) 1466-4445 (Online) Journal homepage: http://www.tandfonline.com/loi/rjmc20

William M. Pride, Robert J.Hughes & Jack R.Kapoor (2013). Foundations of Business Thirth Edition. OH. South-Western, Cengage Learning

Yin, R.K (2003). Case Study Research, Design and Methods. Third Edition. London: Sage Publications

Zhang, Y. & Wildemuth, B. M. (2009). Qualitative Analysis of Content: Social Research Methods to Question in Information and Library Science, 308-319.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

PROTOKOL TEMU BUAL

Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat untuk tajuk kajian iaitu **Pengurusan Perubahan Dalam Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia Daripada Sistem Terminal Kepada Sistem Modular: Satu Kajian Kes Di Perak**. Penyelidik menggunakan kaedah temu bual bagi mengumpul pandangan pihak pelaksana iaitu pihak pengurusan Tingkatan Enam dan Guru Akademik Tingkatan Enam bagi memahami amalan pengurusan perubahan dalam pelaksanaan penjenamaan semula Tingkatan Enam. Penyelidik lebih menumpukan kepada elemen-elemen dan proses perubahan, strategi perubahan dan faktor-faktor kejayaan melalui amalan prinsip penjenamaan semula, serta keberkesanannya. Kajian ini dibuat sebagai memenuhi sebahagian daripada Program Sarjana Pendidikan Pengurusan Perniagaan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

Sila jawab soalan-soalan berikut dengan jujur. Segala maklumat yang anda berikan dianggap SULIT. Kerjasama anda amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

MOHAMAD HASMUNI BIN MOHAMAD NOOR
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PROTOKOL TEMU BUAL SEMI BERSTRUKTUR
PESERTA KAJIAN: PENOLONG KANAN TINGKATAN ENAM

Tajuk:
Pengurusan Perubahan Dalam Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia Daripada Sistem Terminal Kepada Sistem Modular: Satu Kajian Kes Di Perak

Tujuan Temu Bual:
1. Meninjau status pelaksanaan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam daripada sistem terminal kepada sistem modular berdasarkan perbandingan antara elemen-elemen perubahan yang telah dirancang dengan proses perubahan yang sebenarnya berlaku.
2. Mengenal pasti rintangan-rintangan perubahan yang dihadapi sepanjang proses penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam daripada sistem terminal kepada sistem modular.
3. Mengenal pasti strategi perubahan yang dilakukan oleh pihak berkepentingan mengikut fungsi pengurusan dalam mengatasi rintangan perubahan yang berlaku sepanjang proses penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam.
4. Mendedahkan faktor-faktor kejayaan amalan prinsip penjenamaan semula dalam mengurus proses perubahan sepanjang penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam
5. Meneliti keberkesanan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam berdasarkan pandangan, penerimaan dan kesediaan pihak pelaksana.

Pendahuluan:

Terima kasih atas kesudian cikgu untuk ditemu ramah. Soalan-soalan saya adalah dalam lingkungan sistem pendidikan Tingkatan Enam. Saya ingin merekod temu ramah ini berdasarkan kebenaran yang diberikan oleh pihak cikgu. Sebelum saya meneruskan temubual, saya ingin meminta cikgu menandatangani borang kebenaran. Ini ialah borang kebenarannya, diminta untuk cikgu membaca dan menelitinya. Cikgu ada soalan tentang borang kebenaran ini. Jika tiada, cikgu boleh terus menandatanganinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN	PERKARA	SOALAN	CATATAN
A: Profil Subjek Kajian		S1: Boleh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri cikgu dalam dunia pendidikan?	
B: Status Pelaksanaan Dan Rintangan Perubahan	Fasa 1 (2008-2011) Penstrukturan Pengurusan Tingkatan Enam	S2: Secara peribadi, adakah cikgu jelas dengan pelaksanaan pada peringkat awal penjenamaan semula tingkatan 6 yang dirancang oleh KPM sejak tahun 2008 lagi?	
		S3 : Adakah cikgu diberikan info dan pendedahan yang secukupnya sewaktu pengenalan kepada penjenamaan semula tingkatan enam dibuat?	
		S4 : Secara peribadi, adakah cikgu menyokong atau bersetuju dengan usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam ini?	
		S5 : Berdasarkan pemerhatian cikgu pada masa itu, bagaimana sambutan pihak sekolah terhadap pengenalan kepada penjenamaan semula tingkatan enam?	
		S6: Boleh cikgu ceritakan, apakah masalah atau kekangan yang dihadapi sewaktu mula-mula penjenamaan semula tingkatan enam diperkenalkan di sekolah?	
		S7: Adakah pihak sekolah pada masa itu melaksanakan sepenuhnya apa yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam yang dikeluarkan pada tahun 2009?	
	Fasa 2 Sistem Modular (Sistem Pentaksiran Baharu STPM)	S8: Apakah pandangan cikgu tentang perjalanan sistem pentaksiran baharu stpm (sistem modular) berbanding dengan sistem terminal sebelum ini?	
		S9: Boleh cikgu ceritakan, apakah masalah atau kekangan yang dihadapi sewaktu sistem modular mula dilaksanakan?	
	Fasa 3 (2013-2015) Pemerkasaan Pengurusan Tingkatan 6	S10: Boleh cikgu ceritakan apakah masalah atau kekangan yang dihadapi pada masa kini?	
C: Strategi Perubahan	Fasa 1 Fasa 2 Fasa 3	S11: Bagaimanakah cara mengatasi kekangan yang telah dihadapi pada tempoh peralihan ini?(inisiatif sendiri guru/sekolah)	
D: Faktor Kejayaan	Fasa 1 Fasa 2 Fasa 3	S12: Usaha penjenamaan semula tingkatan enam ini tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran. Pada pendapat cikgu, apakah faktor-faktor yang menentukan penjenamaan semula ini berjaya atau gagal diteruskan sehingga kini? - boleh beri contoh yang berlaku di sekolah ini	
E: Keberkesanan		S13: Pada pandangan cikgu, adakah penjenamaan semula Tingkatan Enam ini mencapai matlamatnya? S14 : Pada pandangan cikgu, mana lebih baik antara sistem terminal dengan sistem modular	
F: Cadangan Penambahbaikan		S15 : Apa cadangan cikgu sebagai penambahbaikan kepada sistem sekarang?	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN B

SURAT KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH DARIPADA PIHAK SEKOLAH

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAJA MUDA MUSA
JALAN SULTAN ISKANDAR SHAH
33000 KUALA KANGSAR

Tel.Pejabat : 05-7733112
No. Faks : 05-7733111

"SMKRMM EXCELLENT " PERAK EXCELLENT"

Ruj. Kami : SMK.RMM.KK.F/P A32165 (25)
Tarikh : 03 JUN 2016

MOHAMAD HASMUNI BIN MOHAMAD NOOR,
Lot 344, Kampung Salak Stesen,
Salak Utara,
31050 Kuala Kangsar,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI PUSAT TINGKATAN ENAM SMK RAJA MUDA MUSA, KUALA KANGSAR, PERAK

Sukacitanya saya merujuk surat tuan bertarikh 02 Jun 2016, surat dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Rujukan : KPMCSP.600-3/2/3 Jld18(28) bertarikh 04 Mei 2016, surat dari Jabatan Pendidikan Perak, Rujukan : J.Pel.Pk(AM)5114/4 Jld.22(29) bertarikh 30 Mei 2016 dan surat dari Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Kangsar, Rujukan : PPD.KK 01/29/004 JLD.3 (41) bertarikh 02 Jun 2016 berkaitan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa SMK Raja Muda Musa **tiada halangan** untuk membenarkan pihak tuan untuk menjalankan kajian **"Pengurusan Perubahan Dan Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia: Proses Peralihan Sistem Terminal Kepada Sistem Modular"** seperti dinyatakan dalam surat tuan.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama dan perhatian tuan untuk mematuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan. Surat Jabatan Pendidikan Perak Rujukan : J.Pel.Pk(AM)5114/4 Jld.22(29) bertarikh 30 Mei 2016 adalah dirujuk. Segala kerjasama dan perhatian yang pihak tuan berikan berhubung perkara di atas amat saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....
(HAJI MOHD ZABIDI BIN MOHD ZAIN)
Pengetua ,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN C

PERSETUJUAN MENJADI PESERTA KAJIAN

Nama Pengkaji : Mohamad Hasmuni Bin Mohamad Noor
Kursus : Sarjana Pendidikan Pengurusan Perniagaan
Universiti : Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim
Telefon : 019-5720982

PERSETUJUAN MENJADI PESERTA KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk memahami Pengurusan Perubahan Dalam Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam Di Malaysia Daripada Sistem Terminal Kepada Sistem Modular: Satu Kajian Kes Di Perak. Maklumat yang dipungut dalam kajian ini adalah digunakan sebagai:

1. Mendapatkan maklum balas secara telus daripada pihak pengurusan dan Guru Akademik Tingkatan Enam di peringkat pelaksana dalam meninjau status usaha penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia daripada sistem terminal kepada sistem modular.
2. Membantu pihak berkepentingan ini untuk mengetahui situasi sebenar yang berlaku dalam pengurusan Tingkatan 6 di peringkat sekolah bagi mencari langkah terbaik untuk melakukan penambahbaikan, pemantapan ataupun penyelarasan terhadap apa-apa sahaja yang berkaitan.
3. Mengetahui faktor-faktor kejayaan dan keberkesanan penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam berdasarkan pandangan, penerimaan dan kesediaan pihak pentadbir sekolah dan guru-guru dalam mengurus proses perubahan sepanjang penjenamaan semula pendidikan Tingkatan Enam
4. Dalam kajian ini, tuan/puan dikehendaki untuk menjawab soalan-soalan dalam sesi temu bual tentang dengan ikhlas dan jujur.
5. Penyertaan anda dalam kajian ini tidak akan mendatangkan sebarang kecederaan, kurag selesa, menyakitkan hati dn tidak menghadapi risiko yang berbahaya.
6. Maklumat yang diperolehi dalam kajian ini akan digunakan untuk menyediakan laoran kajian. Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan dianggap sulit, dan hanya digunakan oleh pengkaji untuk tujuan penyelidikan sahaja. Jika hasil kajian diumumkan kepada orang ramai, nama tuan/puan akan dirahsiakan iaitu nama tuan/puan tidak akan wujud dalam sebarang bentuk data dalam laporan kajian.
7. Penyertaan tuan/puan dalam kajian ini adalah sukarela. Jika anda membuat keputusan untuk mengambil bahagian dalam kajian, anda adalah bebas untuk berhenti atau menarik diri daripadanya bila-bila masa.
8. Penyelidik akan menjawab secara ikhlas dan jujur sebarang pertanyaan tentang kajian ini.

Tuan/puan bebas untuk membuat keputusan sama ada ingin mengambil bahagian dalam kajian ini atau tidak. Tandatangan tuan/puan di bawah pernyataan ini menunjukkan anda bersetuju untuk mengambil bahagian dalam kajian ini secara sukarela setelah membaca dan memahami semua maklumat yang dicatatkan di atas.

……	……
Tandatangan Peserta Kajian	Tandatangan Penyelidik
Nama:	Nama:
Tarikh:	Tarikh:

* Tuan/puan akan diberi satu Salinan persetujuan ini untuk disimpan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN D

CONTOH TRANSKRIP TEMU BUAL

TRANSKRIP TEMU BUAL

Peserta Kajian : GATE 3
Gred Jawatan : Guru Akademik Tingkatan Enam DG48
Tarikh : 28/6/2016
Masa : 10:30 pagi
Lokasi : Bilik Operasi GATE, SMK Raja Muda Musa, Kuala Kangsar

Coding		Memo
	Penyelidik: Boleh cikgu ceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri cikgu dalam dunia pendidikan. **Peserta Kajian:** Ok. Saya pendidikan rendah di Kelantan. Menengah di Kelantan, di Pasir Mas. Kemudian ke UKM dalam bidang sejarah. Dan selepas habis UKM, saya menyambung KPLI di MPKB, Maktab Perguruan Kota Bharu dan selepas itu posting pertama di Raja Perempuan Kelsom pada tahun 1992 hinggalah tahun 2007. Januari 2008 saya berpindah ke SMBM, dan pada 1 Mei 2014 saya berpindah ke SMK Raja Muda Musa sempena dengan transformasi Tingkatan Enam sebab penutupan kelas kelas tingkatan enam di Bukit Merchu dan RPK dan pemusatan di Raja Muda Musa. **Penyelidik:** Jadi cikgu bermula mengajar tingkatan enam ni sejak bila? **Peserta Kajian:** Saya masuk di RPK tahun 92, peringkat awal saya mengajar form 3, sejarah form 3 sehingga tahun 1995, selepas itu, tahun 1995 saya baru mengajar sejarah tingkatan 6 sehinggalah saya berpindah ke Bukit Merchu pada tahun 2008. **Penyelidik:** Bermakna tahun 2006 dah mengajar tingkatan enam? **Peserta Kajian:** Tidak, sejak 1995. **Penyelidik:** Secara peribadinya, adakah cikgu jelas dengan pelaksanaan semula peringkat awal tingkatan enam yang dirancang oleh KPM sejak tahun 2008? **Peserta Kajian:** Saya banyak didedahkan dengan transformasi tingkatan enam,pertama saya sebagai guru kanan tingkatan enam. Yang keduanya, saya sebagai JU Sejarah yang terlibat secara langsung dengan Majlis Peperiksaan Malaysia. Sebenarnya di awal tahun 2006, kita dah dengar maklumat tentang transformasi tingkatan enam dan pada ketika itu, pihak Majlis Peperiksaan Malaysia secara tidak langsung pernah bercakap berkaitan dengan satu transformasi akan dilaksanakan dalam arus Pendidikan Tingkatan Enam di mana MPM diberi tanggungjawab untuk merangka pelan pelaksanaan terutamanya yang melibatkan peperiksaan, iaitu memperkenalkan sistem modular bagi menggantikan sistem terminal yang telah lama dipraktikkan di Malaysia dan transformasi ini adalah berkait dengan satu usul untuk menarik kembali minat belajar terhadap pendidikan Tingkatan Enam dan pada ketika itu, saya pun berada pada satu kursus pada 2006, pernah bercakap dengan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia, Tuan Haji Omar, dia pernah bercakap dengan usul-usul yang dilakukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia untuk melaksanakan satu transformasi dengan memperkenalkan sistem modular, tetapi pada ketika itu dia hanya menyatakan di peringkat rancangan Majlis Peperiksaan dan belum dibawa ke pihak kabinet untuk mendapat kelulusan.	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Penyelidik: Maksudnya usul penjenamaan semula ini dirancang lebih awal sebelum tahun 2008 lagi lah ya? **Peserta Kajian:** Ya, kemudian jika kita lihat perlaksanaan tu berlaku di peringkatnya ada dua, kita tengok ya, satu di peringkat MPM dari segi pengisian pembelajaran, kemudian di peringkat bahagian sekolah harian dari segi perlantikan guru. Kita tengok 2008 tu dah mula dilantik guru-guru tingkatan 6 dengan diberi warran yang berasingan dan diberi gelaran yang terpisah sebagai guru akademik yang berbeza daripada guru aliran perdana. Ramai yang dilantik dan perlantikan itu bersifat *school based* dan berjalanlah di peringkat sekolah, tetapi pada ketika itu masih lagi dalam kesamaran, tak berapa jelas terutamanya kefahaman pengurusan di peringkat sekolah tu dari segi transformasi tu agak kurang jelas di peringkat pentadbir sekolah yang menyebabkan walaupun wujud perjawatan tingkatan 6, tetapi perlaksanaan secara lebih jelas dan tersusun tidak berlaku sepertimana yang diharapkan oleh pihak kementerian sehinggakan selepas itu pihak Kementerian terpaksa memanggil pengetua-pengetua Sekolah daripada Tingkatan 6, buat beberapa zon. Zon tengah, Utara, Selatan, dan Sabah Sarawak untuk menjelaskan kepada pihak Pengetua tentang transformasi tingkatan 6 yang diusahakan oleh pihak kerajaan. Jadi kita tengok disitu dari segi pengurusan Guru dilantik kearah itu dan kemudian dari segi pengajaran pun diusahakan oleh pihak MPM, Jadi ada dualah, ada dua unit bahagian Sekolah Harian yang menguruskan tingkatan 6 dan MPM..Majlis Peperiksaan Malaysia yang menguruskan dari segi sukatan dan isi pengajaran. **Penyelidik:** Jadi pada peringkat awal dalam tahun 2008, ada perlantikan guru kan? Jadi adakah pada masa itu cikgu menyambut baik atau cikgu menyokong dalam usaha penjenamaan semula Tingkatan Enam ni? **Peserta Kajian:** Sebenarnya, cikgu-cikgu menyambut baik transformasi tingkatan 6, sebab yang pertama dari segi guru, cikgu melihat kewujudan jawatan tingkatan 6 ini sebagai satu kenaikan pangkat cikgu di uar-uarkan oleh pihak kenaikan pangkat oleh JPN dan Kementerian bahawa penjawatan tingkatan 6 ialah penjawatan naik pangkat,dan dia adalah laluan yang berasingan daripada laluan kenaikan pangkat yang lain,Dan ini sebagai satu motivasi kepada Guru-guru lah kerana pada ketika itu masih lagi tidak wujud pemisahan yang secara jelas walaupun ada dilantik Penolong Kanan Tingkatan Enam,penyelaras tetapi macam saya kata tadi lah,Dari segi Urus tadbir tu masih lagi belum jelas maknanya perjalanan tu masih seperti biasa, Makna Cikgu Tingakatan Enam ni memegang jawatan seperti biasa,sebab? Tak jelas..sebab tu saya tengok dia mengambil masa daripada 2008 nanti berubah berubah berubah sampai kita tengok tahun 2013...sampai kita tgok dia perkenalkan MOD 1,2,3 tu dia lebih jelas, barulah transformasi tu lebih jelas dan lebih nyata kepada kefahaman guru-guru dan juga masyarakat. **Penyelidik:** Pada tahun 2009, KPM ada keluarkan satu garis panduan pengurusan Tingkatan Enam bersama surat pekeliling? **Peserta Kajian:** Dia dipanggil kalau tak silap saya bulan Mei. Bulan Mei yang ditandatangani oleh bekas Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia iaitu Tan Sri Alimuddin Mohd Dom. Dia lebih kepada garis panduan pengurusan tingkatan enam. Jadi dia dah pisahkan masa tu tingkatan enam tu diasingkan sebagai satu unit yang terasing tetapi aktiviti masih lagi bersama. Maknanya dia menjelaskan disitu tingkatan enam terpisah daripada Arus Perdana dan diurus tadbir oleh Penolong Kanan Tingkatan Enam yang terus bertanggungjawab kepada para penuntut, tetapi masa itu pun masih tidak berlaku visi perlaksanaan disebabkan kefahaman pihak sekolah yang enggan dan menyatakan bahawa garis panduan itu bukanlah pekeliling,Jadi mereka tidak perlu patuh,Jadi ada sekolah yang tidak mematuhi langsung,Jadi itu yang menyebabkan lambat proses transformasi kearah perlaksanaan pada ketika itu. **Penyelidik:** Jadi, di peringkat sekolah waktu cikgu mengajar, pada tahun 2008 hingga 2011 tu, bagaimana dengan pihak pentadbir?	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta Kajian:
Dia seperti saya kata tadi masa saya berada di Bukit Mercu pada bulan Jun 2009, dia masih lagi perlaksanaannya macam dululah, sebelum transformasi itulah diperkenalkan.Kemudian 2010. Saya dilantik sebagai Guru Penolong Kanan Tingkatan Enam di SMBM, dan saya cuba menyusun mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh KPM. Dan pada masa itu saya cuba asingkan dan Pengetua pada ketika itu, Puan Hajah Norani dia cuba akur, dan memang saya ambil tingkatan enam tu tadi, pisahkan, keluar, cikgu tingkatan enam pun kita keluarkan, bilik guru juga dipisahkan, dan jadual waktu pun kita uruskan, dan guru tingkatan 6 tidak lagi mengajar arus perdana kecuali beberapa orang tertentu bagi menampung kekurangan guru di arus perdana. Tetapi lepas itu, apabila berlaku perubahan pengetua, pengetua yang baru tidak boleh menerima dan keadaan itu mungkin kerana ketidakfahaman dalam transformasi tingkatan enam,dan menyebabkan dicampur balik cikgu tingkatan 6 kena mengajar arus perdana dan sebagainya dan pada ketika itu, agak tekanan lah juga pada cikgu-cikgu tingkatan 6 sebab terpaksa mengajar sehingga 24 waktu. Sehinggalah dipindahkan ke sini, barulah lebih bebas.

Penyelidik:
Jadi pada pandangan cikgu lah kan, kejayaan penjenamaan semula tingkatan enam ini banyak dipengaruhi oleh peranan pihak pengetua ke atau guru-guru tu sendiri?

Peserta Kajian:
Dia ada 2 situasi disini ya. Yang pertama dua-dua harus memainkan peranan.Dah lama saya di Bukit Merchu, kita cuba dengan Guru-guru Tingkatan 6, cuba memahamkan dan saya setiap kali dalam mesyuarat selalu menjelaskan tentang kandungan panduan pengurusan tingkatan enam, supaya kumpulan pentadbir, guru-guru kanan, penolong kanan,supaya jelas tentang transformasi ini dan cikgu-cikgu pun faham, Cikgu-cikgu main peranan sebab selalu dalam mesyuarat pengurusan kita bawa tentang ini,Tapi peranan pentadbir juga cukup penting sebab dia adalah yang membuat keputusan, kalau kita desak macam mana pun,kalau dia masih lagi tak mahu berubah, Maka benda tu sukar untuk berlaku. Jadi,bagi saya yang paling penting selain cikgu tingkatan enam ,yang penting adalah pengetua, kalau pengetua tu lebih maklum, lebih memahami tentang transformasi tingkatan enam,Maka lebih mudah prose itu berjalan dan hasrat kementerian pun lebih cepat daripada yang kita jangka sekarang ini. Sebab kita tengok mula-mula perlaksanaan tu 2008, perancangan mungkin lebih awal lagi pada 2006/2005 dah mula tapi kita tengok perlaksanaannya pada 2016 masih lagi timbul isu-isunya kecuali yang diumumkan Mod 1. Dan yang paling ketara apabila kita mendapat maklumat daripada Sekolah-Sekolah Tingkatan Enam khususnya Mod 3, masih lagi bercelaru dengan isu mengajar arus perdana dan sebagainya sehingga cikgu tidak boleh mengajar fokus kepada pihak tingkatan enam.

Penyelidik:
Okay, ini daripada analisis saya sebagai pengkaji, tentang perubahan yang dirancang oleh KPM pada fasa 2008 hingga 2011. Jadi saya nak tau status pada tahun 2008 hingga 2011, adakah ia dilaksanakan sepenuhnya ataupun ada kekangan?


Peserta Kajian:
Ini dia bergantung pada sekolah. Saya ingat 2008 hingga 2011 ni dia tak berapa, 2010 pun, 2011 barulah ke arah tu, dan sebenarnya peranan Penolong Kanan Tingkatan Enam dan guru tingkatan enam itu dalam memberi tekanan kepada pihak sekolah kearah transformasi tu.Kalau tak ada tekanan tu, kalau redha dengan apa yang ada maka tak berlaku,sebab sesetengah Pengetua mungkin dia punya level ,seorang Pengetua tu dia nak ada latarbelakang tingkatan enam,dia tak pernah masuk tingkatan enam pun,dan dia berada di sekolah yang tiada tingkatan 6 dan kemudian dia menjadi pengetua di sekolah yang ada tingkatan 6, maka itu lebih sukar untuk melaksanakannya.Tapi dari segi fasa pertama ni saya tengok dari segi perlaksanaannya belum secara betul, tapi sebab halangan-halangan tadi, ketidakfahaman pihak pengurusan di sekolah. Saya tidak tahu nak katakan ketidakfahaman atau keenganan pihak pengetua atau pengurusan sekolah untuk melaksanakan transformasi ini. Samaada dia ada dua,mungkin dia faham tapi dia tak nak. Atau dia tak faham dan tak mahu melaksanakan.Ha itu situasinya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN E

CONTOH OUTPUT ANALISIS DATA MENGGUNAKAN PERISIAN NVIVO



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN F

SURAT KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH DARIPADA BPPDP, KPM

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
EDUCATIONAL PLANNING AND RESEARCH DIVISION
ARAS 1-4, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Telefon : 03-8884 6591
Faks : 03-8884 6579

Ruj. Kami : KPMSP.600-3/2/3 Jld i (د ع)
Tarikh : 04 Mei 2016

Mohamad Hasmuni bin Mohamad Noor
K.P.: 820922086423

Lot 344, Kampung Salak Stesen
Salak Utara
31050 Kuala Kangsar
Perak

Tuan,

KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH, INSTITUT PENDIDIKAN GURU, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI DAN BAHAGIAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkara di atas adalah di rujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan.

" Pengurusan Perubahan dan Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia: Proses Peralihan Sistem Terminal kepada Sistem Modular "

3. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada Bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **04 Mei 2016 hingga 31 Disember 2016.**

5. Tuan juga mesti menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat Pdf di dalam CD kepada Bahagian ini. Tuan diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR MAIMUNAH BINTI MUDA)
Ketua Unit
Sektor Penyelidikan dan Penilaian
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN G

KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH DARIPADA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.
Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273
portal : http://jpnperak.moe.gov.my

"1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : J. Pel. Pk (AM)5114/4 Jld.22 (29)
Tarikh : 30 Mei 2016

MOHAMAD HASMUNI BIN MOHAMAD NOOR,
Lot 344, Kampung Salak Stesen,
Salak Utara,
31050 Kuala Kangsar,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH - SEKOLAH DI NEGERI PERAK DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Sukacitanya perkara di atas di rujuk dan surat tuan 19 Mei 2016 serta surat dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Rujukan : KPMSP.600-3/2/3 Jld.8 (28), bertarikh 4 Mei 2016 adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Perak **tiada halangan** untuk membenarkan pihak tuan menjalankan kajian **"Pengurusan Perubahan dan Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia : Proses Peralihan Sistem Terminal kepada Sistem Modular"** seperti dinyatakan dalam surat tuan dengan syarat-syarat berikut :-

2.1 Pihak tuan perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua sekolah untuk menggunakan sampel kajian;

2.2 Kajian yang dijalankan hendaklah tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah;

2.3 Pihak tuan bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini;

2.4 Pihak tuan hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos kajian;

2.5 Guru-guru/ murid tidak boleh dipaksa terlibat dengan kajian ini;

"CINTAILAH BAHASA KITA"
(Sila catatkan rujukan pejabat ini apabila berhubung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN H

KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH DARIPADA PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KUALA KANGSAR,
PETI SURAT 84,
33007 KUALA KANGSAR,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-7761184
Faks : 05-7761188
E-mail : ppdkuala@yahoo.com.my

'1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN'
PERAK EXCELLENT, KUALA KANGSAR EXCELLENT

Ruj. Kami: PPD.KK 01/29/004 JLD.3 (47)
Tarikh : 26 Sya'aban 1437
2 Jun 2016

MOHAMAD HASMUNI BIN MOHAMAD NOOR,
Lot 344, Kampung Salak Stesen,
Salak Utara,
31050 Kuala Kangsar,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH DI KUALA KANGSAR DI BAWAH PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KUALA KANGSAR

Sukacitanya saya merujuk surat tuan bertarikh 01 Jun 2016, surat dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Rujukan : KPMSP.600-3/2/3 Jld18(28) bertarikh 04 Mei 2016 dan surat dari Jabatan Pendidikan Perak, Rujukan : J.Pel.Pk(AM)5114/4 Jld.22 (29) bertarikh 30 Mei 2016 berkaitan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Kangsar **tiada halangan** untuk membenarkan pihak tuan untuk menjalankan kajian **"Pengurusan Perubahan dan Penjenamaan Semula Pendidikan Tingkatan Enam di Malaysia : Proses Peralihan Sistem Terminal kepada Sistem Modular"** seperti dinyatakan dalam surat tuan.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama dan perhatian tuan untuk mematuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan. Surat Jabatan Pendidikan Perak Rujukan : .Pel.Pk(AM)5114/4 Jld.22 (29) bertarikh 30 Mei 2016 adalah dirujuk. Segala kerjasama dan perhatian yang pihak tuan berikan berhubung perkara di atas amat saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI SYED MAHIZAN B. SYED HASHIM, PPT.)
Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Kangsar

SJ/PPPDP02JUN2016

PPPM 2013-2025 : 5 Aspirasi Sistem, 6 Aspirasi Murid, 11 Anjakan, 3 Gelombang

"Cintailah Bahasa Kebangsaan"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN I

JADUAL SESI TEMU JANJI DAN PEMERHATIAN

(A) Jadual Temu Janji: Sesi Temu Bual Peserta Kajian

Bil	Peserta Kajian	Tarikh	Masa	Lokasi
1	Pengetua	13/6/2016	10:30 am	Pejabat SMKRMM
2	PKT6	13/6/2016	12:00 pm	Bilik Guru Kanan SMKRMM
3	GATE 5	15/6/2016	12:00 pm	Bilik Operasi PTERMM
4	GATE 9	16/6/2016	10:30 am	Bilik Guru SMKRMM
5	GATE 6	17/6/2016	07:45 am	Bilik Guru SMKRMM
6	GATE 1	20/6/2016	11:30 am	Bilik Operasi GATE, SMKRMM
7	GATE 2	21/6/2016	10:30 am	Bilik Guru SMKRMM
8	GATE 7	21/6/2016	01:30 pm	Bilik Operasi GATE, SMKRMM
9	GATE 8	23/6/2016	10:00 am	Bilik Operasi GATE, SMKRMM
10	GATE 4	27/6/2016	10:30 am	Bilik Operasi GATE, SMKRMM
11	GATE 3	28/6/2016	10:30 am	Bilik Operasi GATE, SMKRMM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(B) Jadual Pemerhatian: Catatan Nota Lapangan

Bil	Sesi	Tarikh	Masa	Lokasi
1	Pemerhatian 1	04/7/2016	7:30 pg-2:50 ptg	Blok Tingkatan Enam, SMKRMM
2	Pemerhatian 2	7/7/2016	7:30 pg-3:30 ptg	Blok Tingkatan Enam, SMKRMM
3	Pemerhatian 3	13/7/2016	7:30 pg-3:30 ptg	Blok Tingkatan Enam, SMKRMM
4	Pemerhatian 4	15/7/2016	7:30 pg-12:15 tgh	Blok Tingkatan Enam, SMKRMM
5	Pemerhatian 5	26/7/2016	7:30 pg-2:50 ptg	Blok Tingkatan Enam, SMKRMM
6	Pemerhatian 6	27/7/2016	7:30 pg-3:30 ptg	Blok Tingkatan Enam, SMKRMM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN J

POLA JAWAPAN PESERTA KAJIAN (SOALAN KAJIAN 1)

SOALAN 4.3	ASPEK	PIHAK	TEMA	SUBTEMA	Jum
4.3.1 Status Pelaksanaan Fasa 1	4.3.1.Kejelasan	a. GATE	i. Jelas **SK1/Bf1/1(a)(i)**	- kebetulan kumpulan pertama yang dilantik, ada diberi taklimat(GATE1) - sebagai GKT6 dan JU Sejarah terlibat secara langsung (GATE3) - ada diedarkan maklumat (GATE8)	3
			ii. Kurang Jelas **SK1/Bf1/1(a)(ii)**	- tidak pergi, tak banyak mengetahui (GATE2) - Perbagai spekulasi (GATE4) - sebab tiada lagi konsep sekolah pusat tingkatan enam (GATE5) - hanya keluar surat siaran, tak tahu apa-apa (GATE6) - hanya tahu tentang perjawatan sebab diminta isi borang pelantikan (GATE7) - pengetua sendiri tak jelas untu beri penerangan (GATE9)	6
		b. Pihak Pentadbir	i. Jelas **SK1/Bf1/1(b)(i)**		-
			ii. Kurang Jelas **SK1/Bf1/1(b)(ii)**	- tak dapat maklumat jelas (GATE3) - tak dapat menjelaskan dengan jelas (GATE7) - kurang memahami (GATE9)	3
		c. Guru Arus Perdana	i. Jelas **SK1/Bf1/1(c)(i)**		-
			ii. Kurang Jelas **SK1/Bf1/1(c)(ii)**	- tak dapat maklumat sepenuhnya (GATE1) - tak jelas (GATE4) - tak faham (GATE4) - tak nak ambil tahu (GATE8) - tak berapa jelas (GATE9)	5
	4.3.2 Info Dan Pendedahan	a. GATE	i. Diberi Secukupnya **SK1/Bf1/2(a)(i)**	- dapat maklumat yang cukup (GATE1) - dah dengar, kursus (GATE3) - diberi pendedahan (GATE6) - telah diberi info dan pendedahan (GATE7) - guru peka (GATE8) - ikut seminar (GATE9)	6
			ii. Kurang Diberi **SK1/Bf1/2(a)(ii)**	- tak ada pendedahan lengkap, tidak buat LADAP - diberi tapi sehala, tak dapat gambaran nyata (GATE4) - diberi tapi tak berapa yakin (GATE5)	3
		b. Pihak Pentadbir	i. Diberi Secukupnya **SK1/Bf1/2(b)(i)**		0
			ii. Kurang Diberi **SK1/Bf1/2(b)(ii)**	- tidak dapat maklumat jelas (GATE2) - tidak faham, dipanggil taklimat oleh KPM (GATE3) - tak berapa jelas, masih kelam kabut (GATE4)	6

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

				- masih kabur (GATE5) - menerangkan sepintas lalu (GATE9)	
		c. Guru Arus Perdana	i. Diberi Secukupnya **SK1/Bf1/2(c)(i)**		0
			ii. Kurang Diberi **SK1/Bf1/2(c)(ii)**		5
	4.3.3 Sokongan GATE		i. Sokong **SK1/Bf1/3(i)**		8
			ii. Tidak Sokong **SK1/Bf1/3(ii)**		1
	4.3.4 Penerimaan Pihak Sekolah	a. Pihak Pentadbir	i. Menerima Baik **SK1/Bf1/4(a)(i)**		7
			ii. Kurang Menerima **SK1/Bf1/4(a)(ii)**		5
		b. Guru Arus Perdana	i. Menerima Baik **SK1/Bf1/4(b)(i)**		1
			ii. Kurang Menerima **SK1/Bf1/4(b)(ii)**		8
	4.3.5 Kesediaan Pihak Sekolah	a. GATE	i. Bersedia **SK1/Bf1/5(a)(i)**		4
			ii. Kurang Bersedia **SK1/Bf1/5(a)(ii)**		3
		b. Pihak Pentadbir	i. Bersedia **SK1/Bf1/5(b)(i)**		0
			ii. Kurang Bersedia **SK1/Bf1/5(b)(ii)**		5
	4.3.6 Pelaksanaan Di Sekolah	a. Pihak sekolah	i. Laksana sepenuhnya **SK1/Bf1(i)**		3
			ii. Tak laksana sepenuhnya **SK1/Bf1(ii)**		8
4.3.7 Status Pelaksanaan Fasa 2	Pandangan Guru Terhadap Sistem Modular	a. Pihak Sekolah	i. Perjalanan Sistem Modular **SK1/Bf2(i)**		1
			ii. Tahap Penerimaan Dan Kesediaan **SK1/Bf2(ii)**		5
			iii. Perubahan Sistem **SK1/Bf2(ii)**		5
4.3.8 Status Pelaksanaan Fasa 3	Pandangan Guru Terhadap Pemusatan Sekolah Tingkatan Enam		i. Perjalanan Pasca Sistem Modular **SK1/Bf3(i)**		1
			ii. Tahap Penerimaan Dan Kesediaan **SK1/Bf3(ii)**		3
			iii. Usaha Pemusatan Sekolah Tingkatan Enam **SK1/Bf3(iii)**		2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

POLA JAWAPAN PESERTA KAJIAN (SOALAN KAJIAN 2)

SOALAN 4.4	ASPEK	TEMA	SUBTEMA	Jum
4.4.1 Rintangan Perubahan Fasa 1	Masalah/ Cabaran	a. Konflik Pihak Pentadbir **SK2/Cf1/a**	- pentadbir kurang arif (GATE2) - kesamaran, tak berapa jelas, tak faham (GATE3) - tidak memberi sokongan (GATE 9)	3
		b. Konflik Guru Arus Perdana **SK2/Cf1/b**	- cuba menyamakan bidang tugas (GATE2) - Perasaan dengki (GATE6) - Cuba mempersoalkan bidang tugas (GATE6)	2
		c. Bebanan Bidang Tugas **SK2/Cf1/c**	- masih memegang beberapa jawatan lain yang membebankan (GATE1) - terpaksa jadi guru kelas arus perdana (GATE5) - mengajar arus perdana lebih banyak daripada tingkatan enam tu sendiri (GATE 5) - dianggap sebagai cikgu biasa, masih mengajar aliran perdana (GATE6) - Dilantik jawatan penting di arus perdana (GATE7) - Dipinjamkan kerana kekurangan guru aliran perdana (GATE 7) - Kesukaran mengajar tahap pelajar yang berbeza, keliru (GATE7)	4
		d. Prasarana **SK2/Cf1/d**	- rasa tidak ada buku yang mencukupi (GATE6) - tidak ada bilik diskusi (GATE6) - terpaksa menumpang bilik belajar di asrama dan makmal dijadikan kelas (GATE6) - pihak pentadbir tidak begitu member perhatian (GATE6)	2
		e. Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam Tidak Jelas **SK2/Cf1/e**	- tak ada secara bertulis, panduan hitam putih, tak ada tidak ada secara bertulis formal /tiada pekeliling (GATE2) - pengetua tidak keluarkan dan pihak tingkatan enam pun tak dapat (GATE2) - sesama guru pun kurang arif (GATE2) - penerangan KPM tidak jelas (GATE9)	2
		f. Isu Pelantikan Dan Perjawatan **SK2/Cf1/f**	- ada yang dapat da nada tidak dapat (GATE6) - masih lagi ada tidak diberi jawatan hakiki guru akademik tingkatan enam walaupun mereka masih mengajar tingkatan enam (GATE7) - guru lama berkhidmat dalam tingkatan enam teraniaya (GATE9) - guru baru cepat dilantik menyekat peluang guru lama (GATE9)	3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Rintangan Fasa 2	Masalah/ Cabaran	a. Konflik Pihak Pentadbir **SK2/Cf2/a**	- masih lagi belum faham (GATE3) - pengetua cuba rombak balik (GATE3) - masih sukar diterima kerana guru tingkatan enam dianggap aset sekolah (GATE3) - penolong-penolong kanan arus perdana tidak sehaluan dan sering tidak sefahaman (GATE9)	2
		b. Bebanan Bidang Tugas **SK2/Cf2/b**	- Masih ambil guru mengajar arus perdana (GATE2) - Jadual jadi padat kerana perlu beri perhatian 2 kali peperiksaan setahun (GATE2) - mengganggu fokus guru dan pelajar untuk membantu pelajar-pelajar menghadapi peperiksaan kerana bantu aktiviti arus perdana (GATE3) - tanggjungjawab berganda, jadi kelam kabut (GATE4) - terkejar-kejar kerana terpaksa mengajar arus perdana (GATE5) - pelajar sendiri terabai kerana terpaksa beri tumpuan kepada pelajar arus perdana (GATE7) - arus perdana dan tingkatan enam masing-masing banyak kerja (GATE8) - tumpuan lari kepada arus perdana (GATE8) - guru seperti ditangkap muat dalam agiahan jadual waktu (GATE8) - kesukaran mengajar tahap pelajar berbeza (GATE8)	6
		c. Perubahan Kandungan Pengajian **SK2/Cf2/c**	- Kesukaran membezakan, pertembungan sistem modular dengan terminal (GATE1) - pakej itu luas, sukar menyusun pelajar (GATE2) - pertembungan sistem modular dengan sistem terminal (GATE4) - perubahan sukatan pelajaran (GATE4) - tidak pasti bentuk soalan dan skema pemarkahan (GATE7) - sukatan luas, pelajar tak sampai ke tahap sepatutnta (GATE8)	5
		d. Prasarana **SK2/Cf2/d**	- Pelajar sukar cari maklumat untuk kerja kursus dan pembentangan, tiada internet (GATE1) - Prasarana tidak sesuai, tiada internet, bilik komputer, dewan seminar (GATE2)	2
		e. Konflik Guru Aliran Perdana **SK2/Cf2/e**	- Sentimen orang luar (GATE1) - Persepsi bidang tugas sama, tidak faham (GATE2) - Tak puas hati dengan agihan tugas (GATE2) - Peraaan dengki, iri hati (GATE6)	4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

			- Tak paham bidang kerja guru tingkatan enam (GATE9)	
		f. Isu Pelantikan/ Perjawatan g. **SK2/Cf2/f**	- Segelintir sahaja dapat fast track (GATE6) - Masih tidak dilantik, alasan untuk pentadbir (GATE6) - Kelebihan kepada guru muda tapi guru yang lama biasa sahaja (GATE4) - Guru tak cukup, PKT6 tiada elaun (GATE5)	3
		h. Kesediaan Dan Sikap Pelajar **SK2/Cf2/g**	- Pelajar tiada semangat belajar (GATE6) - Pelajar masih tidak matang (GATE7) - Pelajar tidak berubah sikap lama (GATE8) - Pelajar tidak tahu dan faham tentang penjenamaan semula (GATE9)	4
4.4.3 Rintangan Fasa 3	Masalah/ Cabaran	a. Prasarana **SK2/Cf3/a**	- Masalah masalah menyesuaikan diri dengan prasarana sekolah yang kurang baik (GATE1) - Tiada bilik guru, bilik kerja guru dan alat bantu mengajar (GATE3) - transformasi tingkatan enam ini zero cost oleh KPM (GATE3) - tiada dewan kuliah dan pusat sumber (GATE4) - bangunan lama, kemudahan serba kekurangan (GATE5) - tidak mencukupi, tiada bilik khusus, pusat sumber, LCD dan bilik mesyuarat sendiri (GATE6) - kelas tak sempurna, tidak cukup kerusi meja, tiada LCD (GATE7) - zero cost untuk biaya program (GATE9) - tiada bangunan sendiri, bilik guru tidak kondusif, tiada pusat sumber, dewan kuliah dan LCD (GATE9) - tidak cukup guru (GATE9)	7
		b. Bebanan Bidang Tugas **SK2/Cf3/b**	- Masih isu mengajar arus perdana, guru tak boleh fokus kepada tingkatan enam (GATE3) - Agak penat kerana banyak tugas lain di sekolah mod 3 (GATE5)	2
		c. Konflik Pihak Pentadbir **SK2/Cf3/c**	- Penolong-penolong kanan arus perdana masih tidak boleh menerima, tidak sependapat, rasa tercabar (GATE3) - Terpasa terlibat dengan aktiviti arus perdana yang tak relevan (GATE3) - Ada lagi menggunakan blok tingkatan enam (GATE3) - Penegtua sendiri pun tak faham, tiada pengalaman sekolah tingkatan enam (GATE5) - PKT6 dianggap sebagai penentang kerana mempertahankan hak tingkatan	3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

			enam (GATE9)	
		d. Konflik Guru Arus Perdana **SK2/Cf3/d**	- Masih tak faham, tidak berminat kerana tak relevan dengan mereka (GATE3) - Masih ada perasaan dengki (GATE6) - Ada prasangka, pandangan terhadap guru tingkatan enam (GATE8) - Masih ada konflik, tidak puas hati kerana seperti diberi keistimewan (GATE9)	4
		e. Sikap Pihak Pengurusan Atasan **SK2/Cf3/e**	- Pemilihan sekolah yang tidak sesuai dijadikan pusat (GATE2) - Tujuan memulihkan nama sekolah (GATE3) - Tiada pegawai khas untuk tingkatan enam (GATE3) - tak tahu apa perancangan sebenarnya PPD (GATE3) - Pemilihan sekolah yang tidak tepat dijadikan pusat (GATE3)	2
		f. Kewujudan mod berbeza sekolah pusat tingkatan enam **SK2/Cf3/f**	- Ketidakadilan bagi sekolah mod 2 dan 3, situasi tak sama (GATE3) - Karenah sekolah-sekolah primier (GATE3) - Perlu ada pemisah, Mod 1 lebih baik dilaksanakan (GATE4) - Menyebabkan pelajar dan guru masih terikat dengan peraturan sekolah, diperlakukan seperti murid sekolah (GATE6) - Wujud perbezaan ketara antara mod, libatkan presepsi masyarakat (GATE6)	3
		g. Kesediaan Dan Sikap Pelajar **SK2/Cf3/g**	- Masalah ponteng memberi kesan kepada kerja kursus (GATE4) - Pelajar masih tidak matang (GATE6) - Penampilan tidak seperti pelajar tingkatan enam (GATE7) - Kesungguhan dan komitmen (GATE8) - Tak serius belajar, tunggu tawaran (GATE9)	4
		h. Isu Pelantikan Dan Perjawatan **SK2/Cf3/h**		2

POLA JAWAPAN PESERTA KAJIAN (SOALAN KAJIAN 3)

SOALAN 4.5	ASPEK	TEMA	SUBTEMA	Jum
4.5 Strategi Perubahan	Peranan Pihak Berkepentingan	4.5.1 Peranan KPM/MPM **SK3/D/a**	- Panggil pengetua,mengikut zon beri penjelasan (GATE3) - Kempen Jom STPM (GATE3) - Cuba bina kolej, naik taraf (GATE4) - Jarang turun padang kecuali MPM (GATE8) - Terabai, terbiar, tiada keseungguhan (GATE8)	3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		4.5.2 Peranan JPN/PPD **SK3/D/b**	- Tiada pegawai khas untuk pengurusan tingkatan enam (GATE3) - Kurang panggil PKT6 bermesyuarat (GATE3) - Beberapa mesyuarat telah dibuat semasa pemusatan sekolah tingkatan enam (GATE3) - Kurang pemantauan (GATE5) - Banyak bergantung kepada keputusan PKT6 (GATE5) -	2
		4.5.3 Peranan Pihak Pentadbir Sekolah (Pengetua) **SK3/D/c/i**	- Mengetahui masalah yang dihadapi, menyokong, meluluskan program, beri sumbangan peribadi (GATE1) - Beri sokongan kuat, cuba selesaikan masalah bersama (GATE2) - Memahami tindakan PKT6 (GATE3) - Penolong kanan arus perdana tetap dengan pendirian bertentangan dengan garis panduan, gunakan kuasa (GATE7) -	5
		4.5.5 Peranan Pihak Pentadbir Sekolah (Penolong Kanan Tingkatan Enam) **SK3/D/c/ii**	- Beri semangat (GATE1) - Cuba memahamkan dan menjelaskan (GATE3) - Cuba bina budaya dan watak tersendiri sebagai unit yang hebat, tidak boleh dipertikaikan lagi (GATE3) - Pendirian; tak perlu bertengkar, buat berasaskan pekeliling, kita bina jati diri sebagai Institusi Tingkatan Enam yang cemerlang (GATE3) - Memikirkan, mewujudkan unit pengurusan yang berassingan (GATE3) - Bertanggungjawab bawa perubahan yang dihasratkan (GATE3) - Mempertahankan hak guru tingktan enam, berunding dengan pengetua (GATE8) - Tahu banyak perkara, cuba berkongsi dan usahakan (GATE8)	3
		4.5.6 Peranan Guru Akademik Tingkatan Enam **SK3/D/d/iv**	- Sikap bekerjasama, berinisiatif, bina semula semangat, keyakinan dan berusaha sendiri (GATE1) - Sentiasa bincang dan selesaikan bersama, berbincang (GATE2) - Guna peralatan yang dibawa sendiri (GATE2) - Ikuti kursus (GATE2) - Berpengalaman (GATE3) - Memiliki dan beli sendiri peralatan (GATE8) - Mahir, berpengalaman dan berdedikasi (GATE6)	6

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

			- Guna secara optimum, berkorban (GATE6) - Beli sendiri alat bantu mengajar, tidak terlalu mengharapkan pihak sekolah, mewujudkan sendiri suasana persekitaran kondusif (GATE7) - Berfikiran positif terhadap kekangan (GATE7) - Sentiasa berkongsi, bahagikan tugas, lakukan sama-sama, saling memahami,cuba selesaikan sendiri masalah, berpengalaman (GATE8) - Guna apa yang ada, cuba sesuaikan diri, tiada dewan, bilik kuliah dan alatan (GATE8) - Pelihara hubungan (GATE8) - perbelanjaan sendiri (GATE9)	
		4.5.7 Peranan Pihak Luar **SK3/D/e**	- Sumbangan NGO, ADUN, biro tatanegara (GATE1)	1

POLA JAWAPAN PESERTA KAJIAN (SOALAN KAJIAN 4)

SOALAN 4.6	ASPEK	TEMA	SUB TEMA	Jum
4.6.1 Faktor Kejayaan Perubahan		4.6.1 Faktor KPM/MPM **SK4/E/a**	- Peringkat paling penting berperanan keluarkan dasar (GATE3) - Tunjukkan tahap serius (GATE4) - Perlu lakukan sesuatu kerana ada kes tertentu pihak sekolah tak mampu (GATE6) - Penguatkuasaan, patut ambil tahu, perlu wujudkan, perlu akur (GATE 8) - Perlu beri tumpuan yang lebih (GATE9)	4
		4.6.2 Faktor JPN/PPD **SK4/E/b**	- bergantung pada sokongan pihak atasan (GATE1) - Antara paling penting, boleh beri penjelasan kepada akar umbi (GATE3) - Perlu ambil berat, tidak abaikan (GATE9)	3
		4.6.3 Faktor Pihak Pentadbir **SK4/E/c**	- bergantung pada sokongan pihak atasan (GATE1) - peranan cukup penting, perlu lebih maklum dan memahami, berfikiran terbuka, keputusan menentukan (GATE3) - perlu betul-betul faham, tidak akan timbul masalah jika info tepat (GATE5)	3
		4.6.4 Guru Akademik Tingkatan Enam **SK4/E/d**	- wajib ikut perkembangan semasa (GATE2) - kesediaan, bekerja kuat (GATE3) - akur dengan perubahan (GATE5) - sahut cabaran, tidak putus asa (GATE6)	4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		4.6.5 Prasarana **SK4/E/f**	- perlu ada prasarana yang sesuai (GATE2) - sediakan prasarana canggih (GATE5) - sediakan peruntukan, naik taraf kemudahan (GATE9) - Beri bantuan kewangan kepada pelajar (GATE9)	3
		4.6.6 Faktor Pelajar **SK4/E/g**	- Pelajar berkelayakan sesuai (GATE2) - Masuk bukan pilihan terakhir (GATE3) - Pilihan pertama (GATE6)	3
		4.6.7 Peranan Pihak Luar **SK4/E/e**	- ibu bapa, masyarakat, PIBG (GATE3)	1

POLA JAWAPAN PESERTA KAJIAN (SOALAN KAJIAN 5)

SOALAN 4.7	ASPEK	TEMA	SUB TEMA	Jum
4.7.1 Keberkesanan	Sistem Modular vs Sistem Terminal **SK5/F/1**	Kemenjadian murid **SK5/F/1/a**	- Bentuk keyakinan diri melalui kerja kursus (GATE1) - meningkatkan keupayaan menulis folio, kemahiran dan markah (GATE2) - lebih berdisiplin (GATE8)	3
		Selari dengan perubahan/keperluan semasa **SK5/F/1/b**	- Perlukan pelajar kuasai kemahiran/teknologi terkini (GATE2) - Ada kesinambungan, persediaan alam universiti (GATE3) - Lebih sesuai dengan generasi sekarang (GATE5) - Pendedahan alam universiti (GATE6) - Penerapan sistem oembekajaran di universiti melalui kerja kursus (GATE8)	5
		Peluang memperbaiki keputusan **SK5/F/1/c**	- Peluang menambahbaik kelulusan melalui mengulang (GATE2) - Boleh baiki keputusan dengan bimbingan guru (GATE4) - Peluang baiki keputusan (GATE7)	3
		Struktur pengajian lebih baik **SK5/F/1/d**	- Ramai guru berminat mengajar tingkatan enam, boleh focus (GATE5) - Lebih praktikal kepada pelajar (GATE5) - Lebih fokus ikut semester (GATE6) - Pelajar pakai smart casual (GATE7) - Pelajar terpaksa serius sejak 6 rendah lagi (GATE7)	4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		Perjawatan **SK5/F/1/e**	- Guru muda cepat naik pangakat (GATE4) - Kelebihan kepada guru muda (GATE9)	2
		Mengurangkan beban pelajar **SK5/F/1/f**	- Sistem penggal ringankan beban pelajar (GATE4)	
	Pencapaian Matlamat **SK5/F/2**	**SK5/F/2/a** Penyediaan pelajar ke institusi pengajian tinggi	- Berjaya, membina kemenjadian murid (GATE1) - Asas pembelajaran selari dengan universiti, lepasan sistem modular lebih hebat (GATE3) - Pelajar boleh cemerlang secara menyeluruh (GATE4) - Lepasan lebih berkualiti (GATE6) - Lebih ramai masuk universiti kerana dapat perbaiki keputusan (GATE7) - Tingkatan enam menyediakan pelajar untuk ke universiti (GATE8) - pelajar sistem modular lebih mantap (GATE9) - Tak 100% berjaya dari segi bilangan masuk, hanya pelajar yang ada latarbelakang SPM yang baik mampu berjaya ke universiti (GATE2)	7
		SK5/F/2/b Menjadikan tingkatan enam pilihan terbaik/menarik minat lepasan SPM	- pelajar pilih tingkatan enam (GATE1) - Bilangan pelajar masuk dan kekal meningkat (GATE3) - Dianggap sebagai batu lonjatan ke universiti (GATE4) - Pelajar tertarik pakaian smart casual, pilihan terbaik pelajar yang tak dapat matrikulasi (GATE7) - Pelajar percaya tingkatan enam ada masa depan (GATE5) - 70% tercapai, bilangan pelajar semakin meningkat (GATE6)	6
			- pelajar SPM banyak pilihan lain (GATE2) - Kurang berjaya, banyak lagi yang perlu dilakukan (GATE8) - Pelajar SPM akan tertarik jika ada sekolah mod 1 (GATE9)	3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		SK5/F/2/c Mengubah persepsi masyarakat	- Ibubapa mula pandang positif (GATE1) - Ibubapa mula pandang tingkatan enam (GATE3) - Persepsi pilihan terakhir - Ada perubahan persepsi masyarakat (GATE3)	3
			- (GATE2) - Belum nampak kelebihan, pelajar banyak pilihan - Masyarakat masih tak nampak kelebihan tingkatan enam (GATE4) - bilangan pelajar semakin meningkat, pelajar mula rasa bangga, ramai tak faham lagi (GATE6) - Persepsi masayarakat akan lebih tinggi bila ada kolej tingkatan enam/mod1(GATE7) - Masyarakat pandang tinggi bila jadi pusat tingkatan enam (GATE8) - Persepsi masyarakat akan tinggi jika laksanakan sepenuhnya, ada kolej tingkatan enam (GATE9)	6

POLA JAWAPAN PESERTA KAJIAN (SOALAN KAJIAN 6)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SUB SOALAN 4.8	ASPEK	TEMA	SUBTEMA	Jum/%
4.8.1 Cadangan penambahbaikan	**Pandangan Guru**	**SK6/G/1** Kolej Tingkatan Enam/ Mod 1	-	7
		SK6/G/7 Memperkasakan Guru Akademik Tingkatan Enam	-	5
		SK6/G/2 Mempertingkatkan kemudahan	-	5
		SK6/G/5 Memperbaiki Kandungan Pengajian	-	3
		SK6/G/4 Pengambilan dan pembentukan pelajar	-	3
		SK6/G/6 Promosi Tingkatan Enam	-	2
		SK6/G/3 Unit khas pengurusan tingkatan enam di PPD dan JPN	-	1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN K

SURAT PANGGILAN KE MESYUARAT PEMBENTANGAN PROPOSAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan, Malaysia.
Tel : 05 - 450 6000
Fax : 05 - 459 5488
www.upsi.edu.my E-mail : admin@upsi.edu.my

CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT NO: AR 6251

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/FPE/PS/606
Tarikh : 29 Januari 2016
18 Rabiulakhir 1437 H

Mohamad Hasmuni Bin Mohamad Noor
(No Matrik : M20121000293)
Lot 344, Kg. Salak Stesen
31050 KUALA KANGSAR
Perak
60195720982

Tuan/Puan,

MESYUARAT PEMBENTANGAN PROPOSAL PERINGKAT SARJANA (PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

Perkara di atas adalah dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa sesi pembentangan proposal tuan/puan adalah seperti di butiran berikut:

Tarikh	:	03 Februari 2016
Masa	:	09:30 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 1 Blok 10, FPE

3. Sehubungan itu, tuan/puan dikehendaki hadir pada tarikh, masa dan tempat seperti yang telah ditetapkan di atas untuk membentangkan proposal puan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"

Yang benar,

(PROFESOR MADYA DR. ROHAILA BINTI YUSOF)
Dekan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

sk: Dekan Institut Pengajian Siswazah
Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Penyelia Pelajar
Fail Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN L (i)

LAPORAN PEMERHATIAN (NOTA LAPANGAN 1)
Bahagian B : Status Pelaksanaan, Penerimaan Dan Kesediaan

Tarikh : 04/7/2016
Masa : 7:30 pg- 2:50 ptg
Tempat : Blok Tingkatan 6 SMKRMM

ASPEK YANG DIPERHATIKAN	CATATAN
Status Mod 2 (Pengasingan)	*Setiap guru mematuhi garis panduan pengurusan iaitu menyediakan 4 folio utama Guru Akademik Tingkatan Enam iaitu Folio Pengajaran dan Pemudahcaraan, Folio Penilaian dan Pentaksiran, Folio Kokurikulum, dan Folio Penyelidikan/ Kerja Kursus. Berdasarkan pemerhatian terhadap carta organisasi, memang belaku pengasingan yang jelas antara tingkatan enam dengan arus perdana. Penolong-penolong kanan arus perdana tidak berperanan lagi dalam pengurusan Tingkatan Enam. Dari segi pengasingan bangunan, ianya berlaku tetapi tidak sepenuhnya kerana bangunan tersebut masih menempatkan makmal sains arus perdana di aras 1 yang mempunyai kesukaran untuk dipindahkan. Tingkatan Enam menduduki aras bawah dan aras 3. Pengurusan arus perdana masih menggunakan kemudahan di blok Tingkatan Enam dari segi penggunaaan dewan. Manakala, dari segi aktiviti, berlakunya pengasingan seperti Majlis Perhimpunan, Mesyuarat Guru, Sukan Sekolah, Majlis Anugerah, Majlis Bacaan Yasin dan Hari Guru. Tingkatan Enam tidak dilibatkan dalam aktiviti arus perdana melainkan dalam aktiviti secara bersama yang dianjurkan oleh jawatankuasa Kelab Guru dan Kakitangan dan juga PIBG sekolah. Dari segi jadual waktu, ia diurus sendiri oleh guru jadual waktu dalam kalangan guru Tingkatan Enam memandangkan peruntukan masa yang berbeza dengan arus perdana.*
Kandungan Pengajian	*Guru-guru melaksanakan apa yang disarankan iaitu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Guru-guru mengajar berdasarkan sukatan sistem modular. Wujudnya rekod dalam fail Folio Pengajaran Dan Pemudahcaraan setiap guru yang mematuhi format yang ditetapkan oleh pihak KPM yang mana menunjukkan guru mengajar mengikut tiga bahagian semester (penggal).*
Kaedah Pentaksiran	*Berlakunya pelaksanaan dua kaedah pentaksiran secara PBS (kerja kursus) dan juga peperiksaan berpusat berdasarkan kepada rekod Fail Setiausaha Peperiksaan dan juga fail Folio Penilaian Dan Pentaksiran setiap guru. Adanya satu Jawatankuasa Kerja Kursus di peringkat sekolah dan fail Kerja Kursus.*
Aspek Kemahiran Insaniah	*Guru-guru menerapkan aspek kemahiran insaniah kepada para pelajar dalam proses P&P berdasarkan sukatan mata pelajaran. Penyelidik mendapati kaedah pengajaran guru di dalam kelas lebih berpusatkan pelajar.*
Peluang Memperbaiki Keputusan	*Terdapat rekod lepas dalam fail Setiausaha Peperiksaan yang mana ada pelajar yang mendaftar peperiksaan ulangan. Berdasarkan rekod, ada pelajar yang berjaya memperbaiki keputusan*
Standard Pengiktirafan	*Pengiktirafan dapat diperhatikan di belakang sijil STPM yang tertera pengiktirafan daripada Cambridge Assessment (CA), England*
Kadar Yuran	*Berdasarkan rekod Fail Setiausaha Peperiksaan, pelajar hanya membayar yuran bagi Peperiksaan STPM Ulangan Penggal 1 dan Penggal 2 sahaja. Peperiksaan STPM Penggal 1, Penggal 2 dan Penggal 3 tiada bayaran dikenakan oleh pihak MPM.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN L (ii)

LAPORAN PEMERHATIAN (NOTA LAPANGAN 2)
Bahagian C: Rintangan Perubahan

Tarikh : 07/7/2016
Masa : 7:30 pg- 3:30 ptg
Tempat : Blok Tingkatan Enam, SMKRMM

ASPEK YANG DIPERHATIKAN	CATATAN
Prasarana	*Blok bangunan Tingkatan Enam begitu daif, tidak kondusif untuk P&P Tingkatan Enam. Kelas-kelas tidak dilengkapi dengan kemudahan LCD projector. Pihak sekolah tidak memperuntukkan kemudahan LCD projector untuk kegunaan Tingkatan Enam dan jika ada pun ia untuk kegunaan guru-guru arus perdana sahaja. Keadaan kelas-kelas sendiri banyak kerosakan. Ada kipas-kipas yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan suhu dalam kelas agak panas ntuk pelajar menjalankan P&P di dalamnya. Kerusi dan meja pelajar banyak yang rosak dan saiznya tidak sesuai untuk pelajar berumur 18 hingga 19 tahun. Sekolah ini tidak mempunyai dewan khas. Kelas-kelas tingkatan enam terpaksa dibuka untuk dijadikan dewan apabila diperlukan untuk program arus perdana. Ini mengganggu aktiviti P&P Tingkatan Enam itu sendiri.* *Tingkatan Enam juga tidak mempunyai bilik-bilik khas bagi tujuan seperti bilik penyimpanan eviden kerja kurus, bilik kesihatan dan bilik perbincangan. Malah, guru-guru Tingkatan Enam ini terpaksa berkongsi bilik guru dengan guru arus perdana. Pihak pengurusan Tingkatan Enam terpaksa mengambil alih ruang-ruang di bawah tangga di blok tingkatan enam ini untuk dijadikan stor siar raya dan peralatan sukan, stor perabut dan stor perkakasan seni. Manakala, guru tingkatan enam terpaksa memperjuangkan sebuah bilik stor yang digunakan oleh makmak sains arus perdana untuk dijadikan bilik operasi guru tingkatan enam. Selain itu, kemudahan tandas pelajar dan guru yang banyak kerosakan dan tidak diselenggara dengan baik. Penyelidik berpendapat sekolah ini tidak sesuai dijadikan sebagai Pusat Tingkatan Enam memandangkan kemudahannya yang tidak sesuai. Bukan hanya di blok Tingkatan Enam, tetapi secara keseluruhannya sekolah ini tidak mempunyai kemudahan yang baik untuk para pelajar seperti pusat sumber yang tiada langsung rujukan yang sesuai untuk Tingkatan Enam dan tiada dewan besar untuk program-program besar. Sepatutnya pihak PPD mencari sekolah lain yang lebih baik bukan memilih sekolah ini semata-mata untuk tujuan menaikkan kembali imejnya.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN L (iii)

LAPORAN PEMERHATIAN (NOTA LAPANGAN 3)
Bahagian D: Strategi Perubahan

Tarikh : 13/7/2016
Masa : 7:30 pg- 3:30 ptg
Tempat : Blok Tingkatan Enam, SMKRMM

ASPEK YANG DIPERHATIKAN	CATATAN
Peranan GATE dan Pihak Luar	*Penyelidik mendapati guru-guru Tingkatan Enam telah cuba meningkatkan tahap keselesaan dan dalam masa yang sama cuba meningkatkan prestasi pelajarnya dengan mengambil beberapa inisatif. Ini adalah untuk memastikan bangunan blok Tingkatan Enam berada dalam keadaan kondusif dan memastikan pihak Tingkatan Enam dapat menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang dengan lancar dan mencapai matlamat. Penyelidik telah melihat sendiri beberapa kemudahan yang disediakan sendiri oleh GATE yang telah bertungkus-lumus berusaha mengumpulkan dana bagi menampung kosnya.* *Antara yang sempat diperhatikan ialah:* *1. Papan tanda Pusat Tingkatan Enam* *2. Parkir motosikal pelajar* *3. Langsir Dewan Bitara* *4. Pentas Dewan Bitara* *5. Kerusi plastik Dewan Bitara* *6. Pentas dan tiang bendera dataran perhimpunan* *7. LCD Projektor (3 unit)* *8. Peralatan Siar Raya* *9. Baik pulih Bilik Operasi GATE* *10. Penambahan kipas Dewan Bitara* *11. Penghawa dingin Bilik Operasai GATE* *12. Rak surat khabar/majalah ruangan membaca* *13. Rak buku* *14. Mesin Water Cooler* *Penyelidik berasa kagum dengan semangat GATE dalam memajukan Tingkatan Enam di sini. Walaupun blok Tingkatan Enam serba kekurangan, ia bukanlah sesuatu yang menjadi penghalang kepada mereka untuk meneruskan matlamat penididkan demi kecemerlangan para pelajar.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi